



e-Prosiding



SPeDIP 2018

**SEMINAR PENYELIDIKAN DAN
INOVASI DALAM PENDIDIKAN 2018**

**PENYELIDIKAN DAN INOVASI
PEMBELAJARAN ABAD KE-21**



IPG KAMPUS SARAWAK

18-20 JULAI 2018

e-Prosiding
Seminar Penyelidikan dan Inovasi
Dalam Pendidikan 2018
(SPeDIP 2018)

"Penyelidikan dan Inovasi PAK 21"

18 – 20 Julai 2018
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Miri, Sarawak

Anjuran :
Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP), IPGKS

Kerjasama:
Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan (JPIPK)
& Program Sokongan Pensarjanaan Pensyarah (PROSPEN), IPGKS

Sokongan :
KEMASAINS

Hak Cipta Terpelihara © 2018 oleh IPG Kampus Sarawak, Miri, Sarawak
Copyright © 2018 by IPG Kampus Sarawak, Miri, Sarawak

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan jurnal ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau apa sahaja cara sebelum mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pengarah, IPG Kampus Sarawak, Miri.

Partial reproduction of article/s, illustrations and contents in any form and means, be it electronically, photocopying, mechanically, recordings or any other means is prohibited before written permission is requested from the Director, Institute of Teacher Education Sarawak Campus, Miri.

e-ISBN 978-967-0162-61-4

Editor:

Dr Hu Laey Nee
Dr Norsarihan Ahmad
Dr Narawi Bin Abu Bakar
Dr Huang Chwei Ing
Dr Magdeline Nor
Dr Hamden Gani
Dr NelsonTandang anak Edwin Unting
Khoo Kin Peng

Diterbitkan oleh
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam,
98009 Miri,
Sarawak.
Tel: 085-421201/410202
Website : www.ipgks.edu.my

PENAFIAN (DISCLAIMER)

e-Prosidings ini disediakan sebagai koleksi artikel yang dibentangkan di dalam Seminar Penyelidikan dan Inovasi Dalam Pendidikan (SPeDIP 2018) yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP), Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak (IPGKS) dengan kerjasama Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan dan Program Sokongan Pensarjanaannya Pensyarah (PROSPEN), IPGKS tidak bertanggungjawab terhadap ketepatan dan kesempurnaan artikel dalam prosiding. Penulis mengekalkan hak cipta terpelihara masing-masing. Hasil dan interpretasi yang dinyatakan adalah tanggungjawab pengarang dan tidak semestinya menyatakan atau mencerminkan IPGKS.

This e-proceeding was prepared as a collection of papers presented at the Seminar Penyelidikan dan Inovasi Dalam Pendidikan (SPeDIP 2018) organized by Students Representative (JPP), Institute of Teacher Education Sarawak Campus (IPGKS) in collaboration with Research and Innovation Teacher Professionalisme Department and Lecturer Education Support Program (PROSPEN). IPGKS do not hold any responsibility for the inaccuracy and incomplete articles in the proceeding. Authors retain the copyright of their individual contributions. The results and interpretations expressed are those of the authors and do not necessarily state or reflect those of IPGKS.

KANDUNGAN

Tajuk dan Pengarang	Halaman
Amalan Kepemimpinan Transformasi Sekolah Dan Efikasi Kendiri Guru Besar Meningkatkan Komitmen Guru Ke Arah Merealisasikam Pendidikan Abad Ke 21 Adi Marhain Haji Ibrahim	1
Keberkesanan Permulaan Pelaksanaan Dan Penggunaan Modul Linus Bc Di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Sibul Ling Song Kai, PhD	8
Kemahiran 4C Dalam PDPc Matematik Tan Yoong Ming, Amelynda Yong Ren Yie, Kong Lee Wen, Hu Laey Nee, PhD	20
Teknik “Why And How”. Satu Kaedah Untuk Menjana Idea Pelajar Menulis Huraian Bahagian B Soalan Esei Pendidikan Moral Bagi Tingkatan 4 Dahlia Moreeca Anggo, Josephine Justin, Dahlan Suliman	32
Kaedah Multisensori Mampu Menyelesaikan Masalah Disgrafia Dalam Kalangan Murid Pemulihan Yang Bercirikan Disleksia Syevester Dundang Juan, Sapatomah @ Sabtuyah Morshidi	42
Jaku Bebuah <i>(Bahasa Berbunga)</i> Padang Luna	51
Implementasi Reka Bentuk Ba’ Kaum Kenyah Dalam Bidang Membentuk Dan Membuat Binaan Tahun 4 Sherah Mutang, Bell Su’ut	64
Pelajar Industri 4.0 Nelson Tandang Edwin Unting, PhD	69
Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Membaca Perkataan Kv+Kvk Murid Pemulihan Tahap 1 Melalui Permainan Mencari Perkataan Tersembunyi Syevester Dundang Juan, Selvaraj Grapragasem	82
The Effect Of Big Book Towards Improving Reading Comprehension of Low Proficiency Pupils Amelia Jelani, Sarah Freda Wilfred Peerok	92
Penanggung Nembiak Ngelangkar Isi Dikena Nengkebang Karang Kreatif (Masalah Murid Merangka Isi Untuk Menulis Karangan Kreatif) Angelareena Gendat Ugun, Magdeline Nor, PhD	100
Aplikasi Aksesori Perhiasan Kepala (Pata) Lun Bawang Dalam Bidang Membentuk Dan Membuat Binaan Tahun 5 Tang Siew Houg, Bell Su’ut	109

Penggunaan Warna Alam Dalam Penghasilan Teknik Ikatan Dan Celupan Bagi Bidang Membuat Corak Dan Rekaan	117
Allan Ronga Ellias, Arni Afiza Abdul Aziz, Elizza Ann Paul Tampung, Bell Su'ut	
Merekabentuk Model Perhiasan Kepala (<i>Sepiah, Reung</i>) Kaum Wanita Bidayuh Dalam Menerapkan Budaya Bidayuh Tahun 5	122
Richeal Endu Raymond, Meges Laoi	
Teknik 'SAPEDI2K' Kena Mutarka Penanggul Nulis Ayat Mudah Tusun Selama Nemiak Primari 2 (Teknik 'SAPEDI2K' Membantu Mengatasi Masalah Menulis Ayat Mudah Susunan Biasa Tahun 2)	127
Ainnieda Lataq Impak, Ling Snelus Angking	
The Effect Of Using Dialogue Journal To Improve Young ESL Learners' Writing Fluency	132
Nurul Anissma Nasuha Irham, Hairani Bujang	
Kit 012 Dalam Pengajaran Penulisan Bahasa Melayu Sekolah Rendah	138
Andrew Thomas Ujil	
Pengintegrasian Aplikasi Tsst Dalam Meningkatkan Kemahiran Prabacaan Dalam Kalangan Murid Pemulihan Tahap 1	147
Syelvester Joe Boniface Abun, Huang Chwei Ing, PhD	
Penggunaan Teknik Nyanyian dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Suku Kata Diftong bagi Murid Pemulihan Tahun Tiga	155
Muhammad Husaini Zakari, Selina Ahmad	
Meningkatkan Keupayaan Pelajar Tingkatan 4 Bakawali Untuk Menguasai Proses Mitosis Melalui Kaedah Main Peranan	164
Norzita Wahab, Nor Hidayah Azman	
Penggunaan Teknik Jigsaw Untuk Meningkatkan Kemahiran Kolaborasi Dan Penguasaan Matematik	179
Chai Xin Ni, Evonne Law Xi Chii, Roger Wong Soon Yang, Ernie Kho Siaw Nee	
The Use Of Gap-Filling Story Map To Improve Pupils' Reading Comprehension	183
Amirah Afiqah Muslim, Maria Alfred Kanyi	
运用思维导图策略帮助四年级学生写华文作文 (Penggunaan Strategi Peta Minda Dalam Membantu Murid Tahun Empat Menulis Karangan Bahasa Cina)	190
Chieng Siew Hong, Khoo Kin Peng	
Teknik Tipak Mutarka Penanggul Nulis Konsonan Turu Ch Ungkup Nemiak Primari 3 (Teknik Tipak Menyelesaikan Masalah Menulis Konsonan Turu Ch Bagi Murid Tahun 3)	196
Loretta Buking, Sigie Badang, Ngalai Belawing	

Memartabatkan Pembangunan Profesional Guru Abad Ke-21 Lim Lee Ching, Yahya Don, PhD	200
以直映认字理解字义 (Penggunaan Ilustrasi Piktograf Untuk Memahami Makna Perkataan) Koay Chian Wen, Khor Yu Rou, Wong Min Yi, Lim Lee Ching	209
Penggabungjalinan Diorama Dengan Arca Mobail Muhammad Nur Azwan, Stanley Umpang, Valient Nyala, Bell Su'ut	214
Elemen Neresa Kurikulum: Pengawa Ngenanka Kampung Nambahka Penatai Pemisi Raban Bansa Di Menoa Pesisir (Forest Conservation Enhance The Economic Development Of Rural Communities) Rusea Go, PhD	220
The Use Of Action Songs In Improving Level Two Pupils' Interest In Speaking Skill Benardine Holt Demai Jang, Lany Bala Aching	227
Penanggul Nulis Ayat Ngena Jaku Adjektif Maya (Hari) Jaku Iban Nemiak Primari 3 (Masalah Membina Ayat Menggunakan Kata Adjektif Waktu (Hari) Pelajar Tahun 4) Effie Gaik, Nelson Tandang Edwin Unting, PhD	236
浅析绘本教学在第二语言口语教学中的作用 (Analisis Fungsi Buku Bergambar Dalam Pdpc Lisan Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua) Eveyn Khor Ling Ci , Ow Chai Ying, Lily Lam Ying Ying, Lee Tiew Siong, Chua Geok Kwee	245
Penggunaan Kaedah Token Ekonomi Dalam Mengubah Tingkah Laku Bermasalah Murid Olickson Jack, Anty Jack, Patricia Lut, Siti Nor Roshasidah Deraman	251
Ukur Pemanah Dalam Daya Idup Raban Bansa Iban Di Menua Sarawak (Nilai Moral Dalam Kebudayaan Masyarakat Iban Di Sarawak) Chemaline Osup, PhD	257
Leka Main Dalam Kurikulum Pelajar Jaku Iban Di Sekula (Puisi Dalam Kurikulum Pendidikan Bahasa Iban Di Sekolah) Chemaline Osup, PhD	269
Guna Sempama Dalam Raban Bansa Iban (Kegunaan Peribahasa Dalam Masyarakat Iban) Marennny Radin, Nelson Tandang Edwin Unting, PhD	298
Pengaplikasian Kaedah Latih Tubi 'D.E.S' Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Perkataan KV+KV Murid Pemulihan Pauline Esther Philip, Tan Lay Yen	303

Jurai Aktiviti Belajar Enggau Ngajar Ngena Strategi Komuniti Belajar Profesional (Huraian Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran Menggunakan Strategi Komuniti Pembelajaran Profesional) Dzullydia Dorlyn Tida, Nelson Tandang Edwin Unting, PhD	312
Transformasi Pendidikan Abad Ke-21 Meningkatkan Kreativiti Pengembangan Pengajaran Matematik Irene Sebi Jaraw, Nur Afeeqah Makrof, Narawi Abu Bakar, PhD	316
Keterampilan Abad Ke-21: Keterampilan Yang Diajarkan Melalui Pembelajaran Terhadap Guru Pelatih Narawi Abu Bakar, PhD	320
Lesson Study Membantu Guru Meningkatkan Kualiti Pembelajaran Murid Pendidikan Pemulihan Christoperson Keruka, Victoria Rosa Malie, Nurhasfarani Sezen, Sapatomah@Sabtuyah Morshidi	326
美里华小教师职业满意度调查研究 (Kajian Kepuasan Kerja Guru Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Miri) Huong Wen Ni, Khoo Kin Peng	330
美里华小学生网络使用现状调查研究 (Kajian Penggunaan Internet Dalam Kalangan Murid-Murid Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)) Sia Li Hoon, Khoo Kin Peng	338
长文短教阅读教学法之准实验研究 (Penyelidikan Kuasi-Eksperimen Atas Keberkesanan Kaedah Pengajaran Pendek Dalam Petikan Panjang) Chau Yong Ying, Khoo Kin Peng	344
Turai Jaku Iban – Budaya Dalam Bilik Darjah PdPc Bahasa Iban Abad Ke-21 Ling Ching Rou, Adib Farhan Sopian	351
美里华小学生作业负担调查 (Kajian Beban Latihan Murid-Murid Di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)) Cheong Xuan Qiu, Khoo Kin Peng	359
Persepsi Guru-Guru Matematik Terhadap Pak21 Mohammad Zulfadli Seddek	365
Aplikasi Teknik Penulisan Karangan Menggunakan Rajah Ulat Pintar Untuk Memantapkan Penguasaan Mengarang Yang Berkualiti Norly Emilia Ramly	366
Mullock Kit 2.0 Abdul Mutalib Mahyan, Mohd Hafiz Ramli, Nor Syazwani Abdul Hadi, Wong Zze Chieng, Syukri Milieng	367

Aplikasi Teknik Rumus 1m1sa Dalam Pengesanan Isi Tersurat Petikan Yang Dibaca Dan Penulisan Sebuah Sajak Yang Berfokus Dalam Kalangan Murid Menengah Atas Juni Haji Nor	368
Research Writing: Juggling With Reality And Fantasy Norsarihan Ahmad, PhD	369
Ngepan Dalam Pengdidup Iban <i>(Pakaian Tradisional Dalam Kehidupan Masyarakat Iban)</i> Edmond Rintai, Tajem Sinok	370

AMALAN KEPEMIMPINAN TRANSFORMASI SEKOLAH DAN EFIKASI KENDIRI GURU BESAR MENINGKATKAN KOMITMEN GURU KE ARAH MEREALISASIKAN PENDIDIKAN ABAD KE 21

Adi Marhain Haji Ibrahim

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak
adimarsana@yahoo.com

Abstrak

Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluaskan pelaksanaan Pendidikan abad ke 21 ke seluruh Negara pada tahun 2015 setelah menjalankannya secara rintis pada tahun 2014. Pembelajaran abad ke 21 merupakan proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis dan kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Bagi merealisasikan semua elemen yang terdapat di dalam Pendidikan abad ke 21 ini berjaya dilaksanakan maka sudah pastilah efikasi sendiri guru besar selaku pentadbir sekolah diperlukan. Kertas konsep ini bertujuan untuk membincangkan amalan kepemimpinan transformasi sekolah dan efikasi sendiri guru besar untuk meningkatkan komitmen guru dalam menjadikan Pendidikan Abad ke 21 yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan. Komitmen guru sangat diperlukan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan mengikut elemen-elemen yang terdapat dalam pendidikan abad ke 21.

Kata Kunci: Kepemimpinan Transformasi, Efikasi Kendiri, Komitmen Guru, Pendidikan Abad ke 21

Abstract

The 21st Century Education was first pioneered in 2014 across the nation. By 2015, it was fully implemented nationwide by the Malaysian Ministry of Education. The 21st Century Education is a student centred learning process which encompasses elements such as communication, collaboration, creative and critical thinking skills including the application of positive values and ethics. In order to put all these elements in place the headmaster's self efficacy as the school administrator is much needed to increase teachers' commitment. This concept paper aims to discuss the practices of transformational school leaderships and self efficacy of headmasters to increase the commitment amongst teachers in ensuring that the 21st Century Education is effectively implemented. Teachers' commitment is essential for instruction to be effectively conducted.

Key words: transformational leadership, self efficacy, teacher's commitment, 21st Century education

PENGENALAN

Proses pengajaran dan pembelajaran telah berubah mengikut perkembangan teknologi yang telah membawa perubahan dalam pendidikan. Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pembelajaran dan pengajaran kini digunakan bagi membangunkan modal insan berteraskan kemahiran abad ke-21 (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012). Kemahiran abad ke-21 diperlukan bagi menjadi sebahagian masyarakat dan tenaga kerja abad ke-21. Bagi memenuhi keperluan ini, suatu set kemahiran digelar kemahiran abad ke-21 dibina. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan inisiatif pembelajaran abad ke-21 secara rintis pada tahun 2014 dan meluaskan pelaksanaan ke seluruh negara mulai tahun 2015. Pelaksanaan pengajaran berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah

(KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menjadi penanda aras keberkesanan pendidikan abad ke-21.

LATAR BELAKANG

Guru besar merupakan individu yang dipertanggungjawabkan untuk menjadi pengurus kepada sesebuah sekolah. Seseorang guru besar bertanggung jawab memberikan kepimpinan kepada seluruh ahli masyarakat sekolah iaitu guru, pelajar dan kakitangan sokongan. Dalam pelaksanaan sekolah berkesan, sekolah cemerlang maupun sekolah bestari, kepimpinan guru besar seharusnya bersandarkan kepada kefahaman dan penghayatannya secara menyeluruh seperti yang dijelmakan dalam Falsafah pendidikan Kebangsaan. Dalam hubungan ini peranan guru besar amat luas yang merangkumi seluruh tugas pengurusan kemasyarakatan. Secara ringkas, peranan ini dapat dilihat melalui tiga dimensi iaitu mencapai matlamat sekolah, memelihara organisasi sekolah dan sebagai agen perubahan pendidikan.

Guru besar mahu pun pengetua juga adalah pemimpin utama di sesebuah sekolah dan memikul tanggungjawab yang amat penting dalam sistem ekologi persekolahan khususnya dalam keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Jatuh bangunnya sesebuah sekolah adalah bergantung kepada kepimpinan guru besar. Sekolah kurang maju adalah berpunca daripada kelemahan kepimpinan yang kurang menyumbang kepada pencapaian matlamat sekolah (Juhana Zailah, 2007). Peranan guru besar atau pengetua semakin hari semakin mencabar kerana sebagai seorang pemimpin sekolah, para guru besar perlu mempertingkatkan tahap kepimpinan mereka agar segala tindakan yang dilakukan dapat mempengaruhi kepuasan kerja dan komitmen para guru yang berada di bawah kepimpinannya.

Komitmen para pendidik selaku tonggak utama di sekolah bergantung kepada cara bagaimana guru besar melaksanakan dan mencapai tahap kepimpinan pengajaran yang mampu menjadi pemangkin bagi memastikan para guru di bawah penyeliaannya dapat menunjukkan perkembangan yang cemerlang dalam bidang profesionalismenya. Sebagai pemimpin, guru besar bertanggungjawab terhadap semua aktiviti yang berlaku di sekolah. Beliau juga ialah pakar runding, penasihat dan koordinator bagi program-program pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Beliau juga perlu menghabiskan masa yang lebih dalam aktiviti-aktiviti profesional guru dan pelajar (Hussein, 1993).

KEPEMIMPINAN TRANSFORMASI SEKOLAH

Teori Kepemimpinan Transformasi yang diperkenalkan oleh Bass (1985) merujuk kepada teori Kepemimpinan Karismatik House (1977) dan teori Kepemimpinan Transformasi Burns (1978). Menurut Burns (1978) terdapat dua jenis kepemimpinan asas iaitu kepemimpinan transaksi dan transformasi. Kepemimpinan transaksi merujuk kepada hubungan penukaran ganjaran antara pemimpin dengan pengikut. Manakala kepemimpinan transformasi pula ialah keupayaan seseorang individu melihat, mengiktiraf dan mengeksploitasi keperluan dan kehendak pengikutnya. Selain itu Burns (1978) turut menyatakan bahawa pemimpin transformasi adalah pemimpin yang melibatkan diri dengan orang lain melalui satu cara yang tertentu sehingga pemimpin dan pengikutnya dapat meningkatkan motivasi dan semangat bekerja ke tahap yang lebih tinggi. Menurut Bass (1985) pula, kepemimpinan transformasi sebagai memiliki prestasi serta keupayaan kepimpinan mengubah pengikut melalui tiga cara iaitu dimensi karismatik, meningkatkan keprihatinan individu terhadap kepentingan tugas dan menyemarakkan keinginan pengikut di aras yang tinggi (stimulasi intelek).

Berdasarkan kepimpinan ini terdapat tiga matlamat asas iaitu membantu staf meningkat dan mengekalkan budaya sekolah yang koloberatif dan professional, menggalakkan kemajuan guru dan seterusnya membantu guru menyelesaikan masalah secara lebih berkesan.

Matlamat tersebut memberi tumpuan terhadap membentuk dan menukar diri guru di sekolah supaya mereka menjadi golongan yang mampu membawa perubahan kepada suasana belajar dan kemajuan para pelajar.

EFIKASI KENDIRI

Efikasi sendiri didefinisikan sebagai pertimbangan seseorang mengenai kemampuannya mengelola dan melaksana tindakan-tindakan yang perlu untuk mencapai prestasi yang telah ditetapkan. Efikasi sendiri tiada kena mengena dengan kemahiran seseorang itu, tetapi ia adalah berkenaan dengan pertimbangan seseorang itu mengenai apa-apa perkara yang boleh dilakukannya dengan kemahiran yang dimilikinya (Bandura, 1986). Ia juga bermaksud kepercayaan atau keyakinan seseorang itu dalam melaksanakan tingkahlakunya untuk mencapai sesuatu maksud dengan berjaya. Bandura (1986) menyatakan efikasi sendiri mempengaruhi prestasi dengan meningkatkan usaha dan kecekalan. Individu yang mempunyai efikasi sendiri tinggi bekerja lebih rajin dan mampu bekerja dalam tempoh yang lama dibandingkan dengan individu yang mempunyai efikasi sendiri rendah (Wood dan Bandura, 1989).

Efikasi turut merujuk kepada tanggapan individu terhadap keupayaan diri untuk menghasilkan tindakan atau kemahiran tertentu. Menurut Bandura (1993), efikasi sendiri adalah kepercayaan individu terhadap keupayaannya untuk menyelaras dan melaksanakan sesuatu yang diperlukan selaras dengan aras keupayaan yang dimiliki untuk mencapai hasil yang dikehendaki. Selain itu, definisi efikasi sendiri menjadi lebih jelas jika efikasi sendiri dapat membentuk kesungguhan individu untuk merancang, merangka strategi dan menjalankan tugas secara efektif.

Efikasi sendiri dalam kajian ini berfokus kepada pertimbangan pengetua mengenai kemampuannya dalam mengurus dan memimpin organisasi sekolahnya. Daripada kajian yang lepas, pengetua sering mempersepsikan diri mereka dengan nilai yang lebih tinggi dibandingkan dengan persepsi guru (Shafari, 2001 & Rokhani, 2003). Oleh kerana persepsi guru dikatakan lebih mencapai matlamat kajian, maka dalam kajian ini efikasi sendiri guru besar adalah efikasi yang dipersepsikan oleh guru-gurunya. Efikasi sendiri guru besar dikaji berdasarkan tiga faktor. Faktor-faktor tersebut adalah efikasi pengurusan tugas, efikasi kepemimpinan pengajaran dan efikasi kepemimpinan moral.

KOMITMEN GURU

Eliza Seth (2004) telah mendefinisikan komitmen sebagai sikap, sama ada pendirian atau perbuatan untuk memberikan sepenuh tenaga dan perhatian atau menunjukkan azam dan sokongan yang sepenuhnya terhadap sesuatu. Beliau turut menyatakan bahawa komitmen juga merupakan satu kayu ukur terhadap keberkesanan tingkah laku tenaga kerja dalam organisasi. Dalam erti kata lain, komitmen boleh dilihat sebagai ikatan psikologi di antara individu dan organisasi itu sendiri.

Menurut Singh dan Billingsley (1998) Komitmen di kalangan guru adalah berkait rapat dengan keberkesanan sekolah, kepuasan guru, prestasi kerja guru, ketidakhadiran guru dan pencapaian pelajar. Pelbagai jenis komitmen pengajaran telah dicadangkan oleh para pengkaji seperti komitmen terhadap pengajaran, sekolah, dan pelajar (Billingsley, 1993; Firestone & Rosenblum, 1988). Tingkah laku guru akan berubah bergantung kepada komitmen mereka (Firestone & Rosenblum, 1988). Guru-guru yang menunjukkan komitmen terhadap pengajaran berbeza dengan guru yang tidak menunjukkan komitmen dari segi keprihatinan, dedikasi, dan kesungguhan kerana guru-guru yang tidak komitmen meletakkan kepentingan diri melebihi tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Firestone dan Rosenblum (1988) turut menyatakan bahawa komitmen guru adalah merujuk kepada komitmen pengajaran dan komitmen terhadap sekolah atau pelajar. Namun begitu, komitmen pengajaran ditumpukan pada ikatan guru dengan masa yang diluangkan untuk persiapan mengajar, aktiviti pembelajaran di kelas dan memikirkan penglibatan pelajar secara konsisten. Manakala peningkatan ilmu dan pengetahuan yang merangkumi

komitmen untuk menambah segala ilmu baru yang berkait rapat dengan perkembangan semasa untuk peningkatan inovasi pengajaran dan pembelajaran, teknologi serta amalan-amalan pendidikan terkini adalah merujuk kepada komitmen inovasi pengajaran.

Dalam sorotan literature Firestone dan Penell (1993) merujuk komitmen guru sebagai faktor psikologi atau penglibatan seseorang individu terhadap sesuatu objek yang memberikan makna dan kepentingan. Manakala O'Reilly dan Cadwell (1980) pula menyatakan komitmen berkait rapat dengan kesetiaan terhadap organisasi selain dikaitkan dengan perasaan emosi, idea, falsafah dan nilai yang dipegang atau diinternalisasikan oleh seorang individu ketika menjalankan tugas (Mowday, Porter & Steers, 1982)

Reyes (1990) pula telah mendefinisikan komitmen guru sebagai kesanggupan penglibatan seseorang melalui penyertaan dalam sesebuah organisasi. Ada tiga komponen penting dalam komitmen guru iaitu pertama kepercayaan yang kuat terhadap penerimaan matlamat dan nilai organisasi; ke dua kesanggupan untuk memberikan segala usaha terhadap organisasi; dan yang terakhir berkaitan minat dan keinginan untuk kekal dalam organisasi. Ini selaras dengan kenyataan Hussein Mahmood (2005) bahawa dengan adanya kemahiran dan komitmen yang tinggi dalam kalangan ahli komuniti sekolah, maka sekolah itu berupaya meningkatkan keberkesanan untuk mencapai matlamat persekolahan.

Guru Besar

Menurut Purkey dan Smith (1983), Guru Besar merupakan pemimpin yang paling penting sebagai pembolehubah yang kritikal dalam dunia kepimpinan. Hal ini demikian kerana gaya kepimpinan Guru Besar boleh mempengaruhi dan memajukan pelbagai tahap perubahan dan pembaharuan di sekolahnya.

Pendapat ini disokong oleh Abdul Shukor Abdullah (1998) yang mengatakan Guru Besar sebagai pengurus sekolah adalah penentu dalam melahirkan keberkesanan sekolah. Begitu juga, Levin dan Lockhead (1991) mengatakan Guru Besar merupakan faktor terpenting dalam menentukan sesebuah sekolah itu berkesan, maju dan cemerlang.

Guru

Kamus Dewan (1994) mendefinisikan guru sebagai orang yang mengajar, mendidik atau mengasuh. Menurut Cooper (1989), guru yang berkesan ialah guru yang dapat membawa pelajarinya ke tahap terakhir hasil pembelajaran yang dikehendaki. Beliau turut menyatakan bahawa keberkesanan pengajaran bergantung kepada kebolehan dan sikap mengajar guru itu sendiri (Mok, 1996). Guru juga merupakan agen perubahan yang membawa kemajuan kepada masyarakat (Wan Liz Ozman, 2000; Atan Long 1980).

Wan Liz Ozman (2000), juga menyatakan guru ialah orang yang kerjayanya mempunyai implikasi yang jauh ke hadapan, tanggungjawabnya adalah bersifat futuristik di mana gurulah yang mendidik generasi yang akan hidup pada masa hadapan. Sehubungan itu, guru perlu sentiasa peka dan sensitive akan tuntutan wawasan Negara yang disuarakan bagi mengatur program-program perkembangan Negara menjelang abad ke 21.

PENDIDIKAN ABAD KE 21

Pembelajaran abad ke-21 telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia secara rintis pada tahun 2014 dan diluaskan pelaksanaan ke seluruh negara mulai tahun 2015. Penanda aras keberkesanan pendidikan abad ke-21 adalah berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Profesion perguruan bertanggungjawab dalam memastikan dasar dan sistem pendidikan berupaya untuk merealisasikan aspirasi Falsafah Pendidikan Negara (FPN) iaitu menjana dan melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS). Selain itu FPN juga memberi penekanan kepada kemahiran 3M (membaca, mengira dan menulis), sejajar dengan kemahiran baru seperti sains dan teknologi, kemahiran komunikasi, kemahiran interpersonal dan intrapersonal.

Bagi mencapai dan merealisasikan hasrat ini, KPM telah membangunkan satu gagasan pendidikan atau Blueprint mengenai hala tuju pendidikan negara sehingga tahun 2025, yang dikenali sebagai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM).

PPPM memberi penekanan terhadap mentransformasi pendidikan negara dengan menggariskan lima aspirasi sistem dan enam aspirasi murid, yang ditunjangi oleh sebelas anjakan utama.

Antara anjakan yang terkandung dalam pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 adalah seperti kesamarataan akses dalam pendidikan bertaraf antarabangsa, melahirkan rakyat Malaysia yang menghayati nilai, transformasi keguruan sebagai profesion pilihan, memastikan pemimpin berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah dan memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. Kesemua aspirasi tersebut dan sebelas anjakan yang dihasratkan akan dilaksanakan dalam tiga gelombang iaitu Gelombang 1, Gelombang 2 dan Gelombang 3.

Melalui PPPM kesamarataan pendidikan kepada setiap murid yang berada di Malaysia, tidak kira di mana kedudukan geografinya, budayanya dan bangsanya, serta sosio ekonominya akan diberi keutamaan. Kualiti pendidikan yang diterima dan yang akan dibangunkan adalah berdasarkan kualiti pengajaran yang berkesan untuk mentransformasi pendidikan ke arah abad ke-21. Justeru itu dalam PPM ini fokus juga terarah kepada usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran sekolah dengan memperkukuhkan amalan terbaik sedia ada, dan memberikan ganjaran kepada guru berkualiti dalam bentuk laluan kerjaya yang lebih baik untuk mereka.

Kemahiran Pembelajaran PAK21 secara tidak langsung telah diberi perhatian oleh KPM bagi mencapai tujuan PPPM ke arah melahirkan generasi pemangkin negara yang ideal. Menurut kajian yang dijalankan oleh D'Andrea dan Daniels (2002), mendapati bahawa standard pelajar di abad ke-21 adalah memerlukan kemahiran baru yang lebih berdaya saing dan berjaya dalam dunia pendidikan dan juga kehidupan seharian.

Kemahiran abad ke-21 pada kebiasaannya digunakan dalam menghuraikan pelbagai kebolehan yang diperlukan untuk berjaya di zaman global. Justeru itu juga, proses pembelajaran dalam bilik darjah perlu merangkumi literasi teknologi, pembelajaran kolaboratif, penggunaan pendekatan pembelajaran berasaskan projek serta aplikasi pemikiran aras tinggi, termasuk pemikiran kritis untuk mensintesis dan menilai maklumat dalam menyelesaikan masalah.

Kemahiran-kemahiran PAK21 yang dapat dinyatakan secara umum adalah seperti jadual berikut :-

No	Jenis Kemahiran	Huraian
1.	Komunikasi	Pertukaran pemikiran dan idea menerusi lisan dan tulisan
2.	Kepekaan Silang Budaya	Dapat memahami dan bekerjasama dalam pelbagai budaya
3.	Pelbagai Bahasa	Keupayaan untuk berkomunikasi menggunakan lebih dari satu bahasa
4.	Kemahiran Mengurus	Keupayaan untuk mengurus dan membantu orang lain melaksanakan, menyelesaikan masalah dan konflik
5.	Kerja Berpasukan	Dapat bekerjasama dalam satu pasukan untuk mencapai sesuatu matlamat
6.	Kreativiti	Dapat menyumbangkan pemikiran yang berbentuk kreatif dan artistik dalam menyelesaikan sesuatu masalah
7.	Keupayaan Untuk Menyesuaikan Diri	Mempunyai kemampuan untuk menghadapi dan menyesuaikan diri dengan perubahan

8.	Empati	Kemampuan untuk memahami perasaan dan idea orang lain dari sudut pandangan mereka
9.	Pengurusan Stress (Relaxation)	Berkemampuan untuk mengawal situasi stress dan mengenal pasti punca stress
10.	Etika Kerja	Dapat mempamerkan etika dan disiplin kerja yang baik dan tinggi
11.	Disiplin Diri	Dapat mengawal diri dan tingkah laku dalam kaunseling dan hal peribadi
12.	Tanggungjawab	Mempunyai aspirasi untuk mencapai tahap akauntabiliti yang tinggi
13.	Pemikiran Diskriminatif	Keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan pemikiran yang berbeza
14.	Kemahiran Tatabahasa	Mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan pandangan dan idea yang lebih baik
15.	Kemahiran Analitikal	Kemampuan untuk menggunakan pemikiran logik dan abstrak
16.	Ekonomi & Perniagaan	Kemampuan untuk menggunakan prinsip-prinsip ekonomi dan perniagaan dalam perhubungan
17.	Kemahiran Matematik	Keupayaan untuk menggunakan dan mengaplikasikan teori asas matematik dalam kehidupan
18.	Kemahiran Komputer	Keupayaan untuk menggunakan computer dalam perkhidmatan kaunseling
19.	Telekomunikasi	Keupayaan untuk menggunakan talian komunikasi sebagai satu alat perhubungan dalam perkhidmatan kaunseling

Selain itu juga, elemen-elemen yang terkandung dalam kemahiran abad ke-21 adalah kreativiti dan inovasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, komunikasi dan kolaborasi, literasi maklumat, literasi media, literasi teknologi maklumat dan komunikasi, keupayaan menyesuaikan diri (fleksibiliti), produktiviti dan akauntibiliti serta bertanggungjawab.

Elemen-elemen ini telah lama wujud secara semula jadi bagi setiap individu, namun, kemahiran tersebut memerlukan peneguhan yang konsisten dan lebih jelas tujuannya. Kemahiran-kemahiran ini adalah subjektif, pengukuhan yang diberi adalah untuk membentuk perihal yang lebih sistematik. Sebagai contoh, dalam mendedahkan pelajar dalam dunia siber yang berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), nilai-nilai positif seharusnya ditekankan bagi menerapkan kesedaran di kalangan mereka.

Kebanyakan kemahiran abad ke-21 adalah berdasarkan kepada pendedahan terhadap ICT, berbanding dahulu di mana literasi Cuma merangkumi membaca, menulis dan mengira, manakala di abad 21 ini melibatkan literasi digital. Guru-guru memainkan peranan dalam membimbing pelajar-pelajar untuk melayari internet, mencari laman sesawang, memilih perisian yang sesuai dan mengumpul serta mengulas maklumat. Dengan bimbingan

guru juga dapat memberi kesedaran secara global kepada era digital sepatutnya mudah dicapai dan seharusnya meningkat.

Dalam mencetuskan PAK21, 'softskill' amat diperlukan untuk memudahkan mereka berkomunikasi dalam perbincangan yang menggalakkan mereka berinteraksi sesama mereka. Komunikasi interaktif bukan sahaja berlaku secara bersemuka (face to face) pada hari ini, bahkan komunikasi tersebut berlanjutan sehingga ke alam maya seperti dalam facebook, Twitter dan seumpamanya. Di samping itu, dengan adanya gabungan kemahiran-kemahiran di atas juga dapat menyatukan masyarakat majmuk di negara kita, seterusnya dapat mewujudkan gagasan 1 Malaysia yang berilmu dan bermatlamat yang futuristik.

PENUTUP

Bagi merealisasikan hasrat Negara untuk, melahirkan generasi berkemahiran abad-21 maka komitmen seorang guru itu perlu agar dapat menguasai pelbagai bidang ilmu supaya relevan dan sesuai dengan arus perubahan yang berlaku. Oleh itu, Efikasi sendiri guru besar untuk memimpin para guru sangat diperlukan agar semua perancangan yang berlandaskan kemahiran abad ke-21 dapat difahami dan guru-guru bersedia untuk melengkapi diri dengan kemahiran teknologi terkini.

RUJUKAN

- Eliza Seth. (2004). Impak kesempurnaan sendiri terhadap komitmen kepada organisasi: Satu kajian kes di kalangan tenaga kerja akademik di salah sebuah institusi pengajian tinggi di Johor. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 6, 55-80.
- Meyer, J.P. & Allen, N.J.(1987). *Comitmen in the workplace: Theory research and application*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Mowday, R.T.L.W.Porter.,R.M. Steers.(1982) The measurement organizational komitmen. *Journal of Vocational Behavior*,14,224-247
- Mowday, R. T. L. W. Porter., R.M. Steers.(1982). *Employee-organization linkages: The psychology of commitment, absenteeism, and turnover*. New York: Academic Press.
- Bass,B, M. (1985). *Leadership and performance beyond expectations*. New York: Free Press.
- Burns, J.M. (1978). *Leadership*. New York: Harper & Row Publishers.
- Singh, K., & Billingsley,B.S. (1998). Professional Support and its effects on teachers' commitment. *Journal of educational Research*. 91, 229-239.
- Firestone, W.A., & Penell, J.R. (1993). Teacher commitment, working conditions, and differential incentive policies. *Review of educational Research*, (63), 489-525.
- Hussein Mahmood (2005). Kepemimpinan profesionalisme : Satu Utopia? *Pemimpin*,5, 39-51.

KEBERKESANAN PERMULAAN PELAKSANAAN DAN PENGGUNAAN MODUL LINUS BC DI SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA DAERAH SIBU

Ling Song Kai, PhD

Sekolah Jenis Kebangsaan Nang Sang,
D/A Pejabat Pendidikan Daerah Sibu,
Tingkat 6, Wisma Persekutuan, Blok 3,
Lot 462, Brooke Drive, 96000 Sibu, Sarawak
lingsongkai@hotmail.com

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menguji keberkesanan pembelajaran dan pengajaran menggunakan Modul Bacaan Bahasa Cina terhadap murid Linus tahun 1. Kajian ini melibatkan seramai dua puluh orang murid Linus dari sebuah sekolah rendah di daerah Sibu, Sarawak. Dalam Kajian ini, Modul Bacaan Bergred memberi tumpuan terhadap aspek-aspek kemahiran membaca Bahasa Cina yang melibatkan 22 tajuk masing-masing. Data dikumpul dan diukur melalui ujian pra, ujian pos, dan ujian-ujian sesi pembelajaran (rawatan). Data dianalisis secara diskriptif dengan menggunakan peratusan. Kajian ini melibat perbezaan pencapaian responden dalam ujian pos berbanding ujian pra. Kaedah pemerhatian terhadap responden murid dan temu bual terhadap responden guru merupakan data kualitatif untuk melihat kesesuaian dan minat murid Linus terhadap penggunaan Modul Bacaan Bergred sebagai bahan pembelajaran alternatif untuk menguasai kemahiran membaca. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Modul Bacaan Bab Bahasa Cina berjaya dijadikan sebagai bahan pembelajaran bacaan awal khususnya untuk murid-murid Linus yang belum menguasai kemahiran membaca dengan baik. Penggunaan Modul ini dapat memenuhi keperluan sumber literasi untuk murid-murid di peringkat bacaan awal dengan mengambilkira ciri-ciri perkembangan pemikiran dan pembelajaran murid-murid Linus dan alam persekitaran mereka.

ABSTRACT

This study was carried out to ascertain the effectiveness of using the Mandarin Graded Reading module in the learning-teaching environment. This study involved 20 pupils in the Linus programme. In this study, the Graded Reading module puts emphasis on the skills of reading in Mandarin focusing on the 22 chapters. The data for this study was collected and analysed using the pre-test, post-test and **tests** during the learning-teaching sessions. The data was analysed in a descriptive way using percentages. The difference in the achievement between the pre test and post test was used to determine the effective measurement after the remedial sessions. The observation approaches used were based on the pupils' responses, while the teachers' interviews were based on the qualitative data to determine the suitability and interest **of** the Linus programme in using the Graded Reading modules as another learning alternative in the mastery of the reading skills. The findings of this study showed that the Graded Reading modules that were assessed have great potential as early learning Mandarin materials, especially for the Linus pupils who have not mastered the reading skills that they were graded. The implication of this study showed the importance of using guided reading materials by Linus pupils. The use of this module hopes to fulfil the literacy needs of our pupils at the early stage, taking into consideration the cognitive and learning abilities of Linus pupils.

PENDAHULUAN

Menurut *Malaysia Education Blueprint 2012-2025 (Malaysia Education Blueprint 2012-2025, 2011)*, jumlah pelajar kita yang berada di bawah penilaian minimum TIMMS dalam kemahiran membaca adalah lebih dua kali ganda berbanding negara-negara OECD.

Literasi meletakkan asas untuk pembelajaran dalam pendidikan rendah dan tahap seterusnya Membaca seharusnya menjadi rutin dan amalan dalam kehidupan manusia. Kejayaan dan kecemerlangan sesebuah bangsa dan negara banyak dikaitkan dengan budaya membaca rakyatnya. Majunya negara kerana majunya rakyat dengan budaya membaca. Penguasaan yang baik di bidang bacaan dapat memacu keupayaan untuk meneroka alam ilmu pengetahuan yang tiada penghujungnya.

Selari dengan kemajuan dunia pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyasarkan semua murid berkeupayaan untuk menguasai kemahiran membaca dan mengira semasa di Tahap 1. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan pencapaian celik huruf dan membaca berjaya dicapai. Kementerian Pendidikan Malaysia (1999) telah mengadakan Program Pendidikan Pemulihan untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik. Pendidikan Pemulihan diperkukuh lagi dalam sistem pendidikan negara apabila Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dilaksanakan pada tahun 1982.

Pendidikan Pemulihan sudah menjadi satu teras dalam sistem sekolah rendah. Selain unsur utama 3M iaitu membaca, menulis, dan mengira, unsur KBSR juga sendiri diringkaskan dengan 5P iaitu penggabungjalinan, penyerapan, penilaian berterusan, pemulihan dan pengayaan.

Oleh itu, dalam sekolah jenis kebangsaan cina, murid yang menghadapi masalah Bahasa Cina memerlukan bantuan khusus dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar mereka dapat menguasai kemahiran tersebut. Tanpa bantuan, mereka akan gagal membina keyakinan diri untuk belajar apatah lagi meneroka kemeriahan alam persekolahan selama enam tahun di sekolah rendah. Jika terus terabai, murid-murid ini akan hilang minat dan fokus untuk belajar dan terus tercicir. Jadi, kemahiran membaca merupakan unsur penting yang perlu dan harus dikuasai dan diberi keutamaan.

Baru-baru ini, dunia pendidikan negara telah digemparkan dengan isu Linus (Program Literasi dan Numerasi) yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia menyedari bahawa isu asas Literasi dan Numerasi masih belum dapat diatasi sepenuhnya walaupun pelbagai program pemulihan telah dilaksanakan. Program Literasi dan Numerasi merupakan satu program kesinambungan daripada program sedia ada yang dirancang dengan lebih teliti dan sistematik. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyasarkan bahawa semua murid yang tiada bermasalah dalam pembelajaran harus berkeupayaan untuk menguasai asas literasi dan numerasi sebelum berakhir persekolahan Tahap 1 (kecuali murid berkeperluan khas) (Kementerian Pendidikan Malaysia, NKRA (2011).

Kepentingan mempelajari pelbagai bahasa juga merupakan elemen penting dalam PPPM Negara. Baru-baru ini timbul satu masalah iaitu bilangan murid bumiputra yang meningkat masuk ke sekolah rendah jenis Kebangsaan Cina. Dalam merintis pelbagai usaha, terdapat murid yang tercicir iaitu tidak mempunyai basis bahasa Cina, masih merangkak-rangkak dalam membaca, Hal ini tidak mungkin dan tidak patut dibiarkan berterusan. Usaha dan program sampingan perlu difikirkan bagi membantu menjayakan program Kementerian Pendidikan. Murid-murid ini perlu dibimbing, diasuh, dan dimotivasikan secara berterusan supaya mereka mampu membaca seiring dengan rakan seperjuangan yang lain.

Satu kaedah yang ingin diperkenalkan ialah Perekaan Bacaan Bergred Bahasa Cina oleh Penyelidik. Pelbagai aktiviti dan bahan bacaan yang bersesuaian dengan persekitaran murid telah disusun atur dalam Bacaan Bergred ini bagi menjadikan Bacaan Bergred ini lebih dekat di hati murid dan seterusnya memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran. Sehubungan dengan itu, semua aktiviti dan bahan perlu dipelbagaikan oleh guru dengan kreatif dan berkesan bagi memastikan hasrat dan niat murni ini tercapai.

Bacaan Bergred ini bertujuan untuk memudahkan murid yang lemah untuk menguasai kemahiran membaca, menanam minat mereka untuk membaca dan rajin ke sekolah, mendedahkan proses pembacaan daripada mudah kepada yang lebih mencabar, membantu murid dalam mengenali perkataan, mengembangkan tahap pemikiran mereka

dan membimbing murid mengembangkan bakat dalam diri untuk membaca melalui bahan bacaan yang telah dibaca. Bahan yang direka disediakan seiring dengan tujuan membaca bagi memahami teks yang dibaca dan kandungan teks memberikan makna kepada pembaca.

Di samping itu, peranan ibu bapa juga amat penting dalam Bacaan Bergred ini kerana Bacaan Bergred ini boleh diaplikasikan oleh ibu bapa di rumah. Bentuk bacaan yang mudah dan menarik ini boleh dilakukan di mana-mana sahaja oleh ibu bapa. Ibu bapa sebenarnya memainkan peranan yang penting dalam membantu pihak guru bagi merealisasikan hasrat anak-anak ini agar mereka dapat menguasai kemahiran membaca. Kesungguhan dan sentuhan ibu bapa akan dapat mempercepat proses yang dirancangan ini.

PENYATAAN MASALAH

Kajian terperinci yang dijalankan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (2001) telah mendapati bahawa beberapa faktor telah menjadi penghalang kepada kejayaan pelaksanaan Program Pendidikan Pemulihan Khas. Antaranya ialah faktor kelemahan guru yang tidak berkemahiran dalam menggunakan teknik-teknik pengajaran yang memberangsangkan. Selain itu, pengajaran berpusatkan guru sedikit sebanyak menjejaskan pembelajaran murid-murid. Pengajaran berpusatkan guru ini banyak bergantung kepada buku-buku teks. Kebergantungan terhadap buku-buku teks ini kadangkala menyebabkan sesi pembelajaran dan pengajaran berjalan dalam suasana yang hambar dan tidak menarik.

Berdasarkan Buku Panduan Am Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah, KPM (2003), bahawa setiap murid adalah berbeza antara satu sama lain sama ada dari segi pengalaman, tingkah laku, amalan, bakat dan kebolehan. Murid-murid yang menghadapi kesulitan pembelajaran ialah mereka yang mengalami sekatan persekitaran yang menyebabkan mereka tidak boleh membandingkan atau mengaitkan objek-objek apabila mula masuk ke sekolah.

Di samping itu, terdapat murid-murid yang menghadapi kesukaran membaca, kesukaran mengekalkan ingatan, mengingati maklumat itu semula, dan mudah lupa. Selain faktor murid, guru dan logistik, faktor bahan bacaan boleh juga menjadi masalah dalam bidang bacaan. Contohnya, daripada sudut penyediaan bahan bacaan itu sendiri, misalnya aspek perbendaharaan kata, isi, struktur cerita, penggunaan dan organisasi bahan grafik. Untuk mengatasi masalah dalam bidang bacaan, terdapat pelbagai cara digunakan, antaranya memilih bahan bacaan dengan mengambil kira tahap kebolehbacaan bahan dan tahap bacaan yang direka oleh guru sendiri. Melalui pemerhatian di dalam kelas, punca murid tidak dapat menguasai kemahiran membaca adalah kerana aras pembelajaran dan pengajaran yang terlalu tinggi serta objektif pembelajaran dan pengajaran yang sukar dicapai berbanding dengan kebolehan murid Linus ini. Para pendidik pula lebih berminat untuk mencuba kaedah mudah dan cepat supaya sukatan pelajaran dapat dihabiskan dalam masa yang ditetapkan (Mohd. Arif Ismail, 2001).

Dalam pada itu, faktor bahasa ibunda turut menyumbang terhadap kegagalan penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid Linus ini. Keluarga yang hanya berkomunikasi dalam bahasa ibunda mereka tidak akan mengembangkan penguasaan kemahiran membaca dalam bahasa Cina. Contohnya, murid Ibanyang hanya bertutur bahasa ibunda atau Bahasa Melayu di rumah. Golongan ini susah untuk dipulihkan dalam masa yang singkat kerana mereka tidak tahu apa-apa yang dibaca oleh mereka apatah lagi untuk memahami kosa-kosa kata Bahasa Cina tersebut. Komunikasi dalam bahasa yang ingin dikuasai kemahiran membacanya akan menjadi lebih mudah jika keluarga tersebut juga berkomunikasi dalam bahasa yang berkenaan. Oleh itu, keluarga memainkan peranan yang amat penting dalam mendorong anak-anak untuk berusaha menguasai kemahiran membaca. Mereka harus dikeluarkan daripada kepompong Linus ini. Ibu bapa tidak seharusnya meletakkan tugas ini di bahu para guru semata-mata, sebaliknya membantu meleraikan masalah ini (Othman Md. Johan & Nora Mislan, 2007).

Antara masalah lain yang dikenal pasti ialah sikap pentadbir iaitu ketidaksungguhan guru besar untuk mengatasi masalah murid pemulihan. Guru besar tidak menunjukkan minat terhadap kelas pemulihan yang diwujudkan di sekolah. Sikap guru besar ini lebih ketara apabila tidak menitikberatkan kemudahan asas seperti perabot yang diperlukan oleh kelas pemulihan. Malah, guru pemulihan kadangkala diarahkan menutup kelas pemulihan buat sementara semata-mata diarahkan menggantikan guru yang tidak hadir akibat cuti sakit atau cuti bersalin. Natiujahnya, ia menjejaskan perancangan guru pemulihan yang mahu memastikan murid-muridnya menguasai kemahiran asas membaca.

Berpegang kepada prinsip pemulihan seawal mungkin, pendidik harus berusaha untuk membantu dan memulihkan murid Linus supaya mereka dapat menguasai kemahiran membaca melalui aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan kerana menurut Yahya Othman (2004), membaca merupakan proses interaksi antara teks dengan imaginasi pembaca. Penyataan ini menyedarkan kita bahawa walaupun masalah menguasai kemahiran membaca tidak menonjol, tetapi lama-kelamaan ia akan melumpuhkan keupayaan sesebuah negara di persada dunia. Lantaran itu, masalah menguasai kemahiran membaca ini jika dibiarkan tanpa sebarang tindakan akan merugikan individu, keluarga, masyarakat dan seterusnya negara. Kementerian Pendidikan melaporkan terdapat 120,000 orang murid sekolah rendah atau 2.2% daripada jumlah keseluruhan pelajar sekolah tahun 2005 yang tidak dapat menguasai kemahiran 2M iaitu membaca dan menulis.

Keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2005 mencatatkan 116,483 orang murid mendapat gred D atau E dalam mata pelajaran yang diambil. Calon-calon itu sudah pasti menghadapi masalah menguasai kemahiran 3M. Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah untuk menempatkan murid-murid tersebut dalam kelas pemulihan. Hal ini menunjukkan keprihatinan kerajaan bagi memastikan murid-murid tersebut tidak tercicir atau terkeluar daripada sistem persekolahan selepas enam tahun mengikuti pendidikan peringkat rendah.

Keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2010 pula mencatatkan 64.4% iaitu seramai 310,605 murid mencapai tahap minimum hingga cemerlang dan ini merupakan peningkatan sebanyak 1.37% berbanding pada tahun 2009. Pencapaian calon di bawah tahap penguasaan minimum di luar bandar juga menurun, menandakan pencapaian calon luar bandar juga semakin baik (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Meskipun demikian, perkara yang paling membimbangkan ialah berita tentang 163,835 orang murid tahun satu yang menghadapi masalah membaca dan menulis di negara kita pada pertengahan tahun 2006. Mereka telah melalui ujian saringan dan keputusan ujian itu menunjukkan hanya 57.5% yang berjaya melepasi ujian tersebut (The New Straits Times, 23 September 2006). Masalah yang sama melanda negara-negara maju seperti Amerika Syarikat. Di Amerika Syarikat terdapat dua pertiga daripada murid-murid berusia dalam lingkungan sembilan hingga sepuluh tahun yang tidak dapat membaca dengan cekap. Sebagai langkah untuk membaiki keadaan, satu akta baru iaitu *No Child Left Behind Act of 2001 (NCLB)* diperkenalkan di Amerika Syarikat (Jabatan Pendidikan Amerika Syarikat dalam Cavanaugh et al., 2004).

Mulai tahun 2006, semua pihak dalam Kementerian Pendidikan telah digerakkan bagi membasmi masalah buta huruf dalam kalangan murid. Bagi merealisasikan tujuan ini, KPM telah bertindak dengan menubuhkan program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M). Justeru, melalui program tersebut, semua sekolah telah digesa mengambil langkah serius bagi menangani masalah murid gagal membaca. Pada tahun 2010, program Linus telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mengatasi masalah asas membaca dan mengenal nombor. Berdasarkan isu dan fenomena tersebut, maka pengkaji berasa suatu kajian yang lebih mendalam tentang faktor penyebab kegagalan murid membaca dan menulis Bahasa Cina serta membantu guru melaksanakan kaedah pengajaran yang lebih efektif. Tindakan positif ini akan menjadikan kaedah penyelesaian membaca dapat diatasi.

Para pengkaji dalam bidang bacaan berpendapat bahawa langkah yang paling ideal untuk mengatasi masalah kurang upaya dalam bacaan adalah pada peringkat tahap satu persekolahan. Langkah segera disarankan supaya murid-murid tidak terus bergelumbang

dengan masalah menguasai kemahiran asas 3M. Pengajaran kemahiran bacaan di peringkat tahun satu harus diberi penekanan kerana murid dapat dibentuk dengan lebih kukuh pada ketika usia yang lebih muda.

Di sini, guru tahun satu memainkan peranan utama dalam menyampaikan pengajaran yang berkesan kepada anak didik mereka. Guru-guru tahun satu perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan yang secukupnya supaya dapat membimbing murid ke tahap yang paling optimum. Mengenai kesediaan guru, Ambigapathy et al. (2003) telah menyatakan:

“.....kajian-kajian berkenaan dengan keberkesanan guru menyatakan bahawa guru merupakan faktor utama dalam menentukan sama ada murid-murid dapat belajar membaca dengan berjaya atau tidak”.....

Jadi, kebolehan membaca di peringkat sekolah rendah ialah refleksi daripada kejayaan guru-guru pada peringkat tahun satu dalam menyampaikan kemahiran asas 3M.

Pendidikan guru merupakan punca utama yang membolehkan seseorang pendidik menyampaikan pengajarannya dengan penuh keyakinan. Perkara ini secara tidak langsung akan membawa kejayaan dalam kalangan anak didik mereka. Guru-guru harus meningkatkan kelulusan akademik dan yang lebih utama meningkatkan kesedaran dan rasa tanggungjawab agar mereka sedia berkorban.

Kajian ini ingin mengemukakan cadangan-cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan organisasi yang terlibat supaya pendidikan pada peringkat tahun satu iaitu bahasa Cina dalam sekolah rendah aliran cina diberi perhatian. Perhatian yang lebih komprehensif harus diberikan dalam menyedarkan mereka akan kepentingan Bahasa Cina sekarang dalam cabaran dunia Pendidikan.

Murid Bumiputera yang belajar di SJK(C) biasanya menghadapi sedikit masalah dalam pembelajaran yang berkali ganda berbanding belajar di SK. Untuk membolehkan Bumiputera memahami dan menguasai Bahasa Cina dengan cepat dan efektif, maka para guru terpaksa menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran sekaligus mengakibatkan penurunan prestasi pendidikan dan pembelajaran Bahasa Cina.

TUJUAN KAJIAN

Memandangkan kini belum terdapat sebarang kajian tempatan untuk melihat kesediaan guru Linus Bahasa Cina dalam mengajar murid yang menghadapi masalah bacaan, maka kajian ini dijalankan sebagai perintis untuk 4 orang murid tahun 1 di Sekolah jenis Kebangsaan Cina Daerah Sibul pada pertengahan tahun 2017bertujuan memberikan kesedaran kepada guru-guru tahun satu akan tugas dan tanggungjawab mereka dalam menerapkan kemahiran bacaan bahasa cina dalam kalangan murid tahun satu terutamanya bumiputra. Bermula dari itu, sekolah Cina kian mendapat tempat di hati pelajar dan ibu bapa kerana kelebihan bahasa Mandarin dan Inggeris yang bakal dikuasai oleh pelajar Melayu. Kedua-dua bahasa itu merupakan bahasa utama global yang diguna pakai hari ini dan merupakan antara aset penting yang wajib untuk dikuasai.

Tidak cukup dengan itu, cara kemasukan dan pengambilan murid ke sekolah Cina juga terlalu mudah memandangkan bilangan penubuhannya yang banyak iaitu kira-kira 1,200 buah sekolah di seluruh negara sehingga kini. Secara psikologinya, apabila murid Bumiputra menjadi bilangan yang minoriti di sekolah tersebut secara tidak langsung telah berupaya memotivasikan mereka untuk sentiasa terus bersemangat dan bersaing bersama murid Cina yang lain bagi menjadikan mereka duduk sama rendah, berdiri sama tinggi bersama dengan rakan cina yang lain. Hal ini sangat membantu meningkatkan prestasi yang cemerlang serta mencatatkan keputusan yang sangat membanggakan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- a. Mengkaji sama ada terdapat peningkatan kemahiran membaca perkataan dalam ujian pasca Bahasa Cina setelah menggunakan Modul Bacaan Bergred Bahasa Cina.
- b. 4.2 Mengenal pasti kesesuaian Modul Bacaan Bergred terhadap murid Linus daripada perspektif guru bahasa Cina Tahun 1.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian keberkesanan Modul Bacaan Bergred penting untuk membantu murid-murid lemah dalam bacaan serta murid-murid Linus menguasai kemahiran membaca dan sekali gus membasmi buta huruf di negara ini. Kaedah pembelajaran dan pengajaran yang dipraktikkan dalam Bacaan Bergred ini juga diharapkan dapat memudahkan guru dalam proses pembelajaran dan pengajaran kerana ia sesuai digunakan mengikut tahap keupayaan murid dan disusun dengan cara yang sistematik. Kaedah ini juga tidak membosankan kerana ia berkonsepkan persekitaran hidup mereka dan rentetan ceritanya sentiasa berlegar dalam aktiviti dan pengalaman yang dilalui oleh mereka bersama-sama dengan keluarga dan rakan-rakan. Aktiviti-aktiviti yang dirancang dalam Modul Bacaan Bergred ini merupakan sesuatu yang amat digemari dan mudah dilaksanakan dalam bentuk pengajaran yang santai dan menghiburkan di samping penampilan gambar-gambar yang menarik yang berkaitan dengan cerita dalam buku teks Bahasa Cina.

Akhir sekali, diharap kajian Modul Bacaan Bergred yang direka khas ini dapat mencetus idea-idea baru yang lebih menarik dan lebih inovatif dalam kalangan guru agar mereka dapat menghasilkan karya yang lebih jitu dan bermutu agar kejayaan dapat diperoleh bagi menempatkan murid-murid yang lemah ini sebaris dengan rakan-rakan mereka lain di aliran Cina. Tambahan pula, ibubapa menyedari kepentingan tiga bahasa yang dapat memberi manfaat kepada masa depan anak mereka.

DEFINISI OPERATIONAL

Terdapat beberapa konsep yang perlu diberi penjelasan. Konsep-konsep yang diberikan definisinya adalah seperti yang berikut:

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), membaca ditakrifkan sebagai memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami maknanya. Manakala bergred didefinisikan sebagai peringkat atau darjah nilai sesuatu mutu. Bacaan Bergred ialah satu bentuk bacaan yang dibina melalui proses pemeringkatan untuk membolehkan seseorang murid itu menguasai bacaan dengan lancar dalam tempoh masa yang singkat.

Bacaan Bergred

Menurut Musalmah Satiman (1982), sebelum ini bacaan bergred ini lebih dikenali sebagai bacaan berperingkat. Kemudian, setelah berlaku proses transformasi dalam pendidikan, dan berlaku penambahbaikan dalam sistem pendidikan, maka istilah ini ditukar kepada bacaan bergred. Modul Bacaan Bergred merupakan satu bentuk bacaan yang dibina melalui proses pemeringkatan daripada yang mudah kepada yang lebih kompleks untuk membolehkan seseorang murid itu menguasai bacaan dengan lancar dalam tempoh masa yang singkat

Modul ini dihasilkan khusus untuk murid-murid yang telah berjaya menguasai kemahiran awal membaca. Oleh yang demikian, murid yang menggunakan modul ini akan diajar sebelumnya buku teks bagi memastikan mereka benar-benar telah menguasai kemahiran yang tersebut. Menurut Smith (1980), penggredan bacaan amat perlu kepada murid kerana ia memberikan pembelajaran yang bermakna mengikut keupayaan bahasa dan pengalaman murid. Sistem penggredan ini perlu bagi menentukan tahap keupayaan dan pencapaian murid bagi memudahkan pengkaji untuk meningkatkan tahap bacaan murid.

Koh (1978) telah menggunakan bahan terancang (bahan bacaan bergred) untuk pengajaran pemulihan dalam Bahasa Cina berdasarkan ciri-ciri asas yang berikut:

a. Kandungan dipecahkan kepada bahagian-bahagian yang kecil dan berturutan. b. Murid dikehendaki bergerak balas dengan setiap bahagian kecil yang dikemukakan. c. Jawapan murid akan diberikan pengesahan dengan segera.

Konsep bacaan bergred berasaskan bahan untuk menarik minat dan memudahkan murid Linus untuk menguasai kemahiran membaca. Ia merupakan bahan yang disediakan secara sistematik dan terancang bagi memudahkan murid menguasai kemahiran yang ditentukan. Bahan bacaan ini juga sangat sesuai digunakan oleh guru sebagai alat bantu mengajar kerana bahan ini amat bersesuaian dengan tahap keupayaan murid Linus. Pengajaran Bacaan Bergred bermula dengan memperkenalkan perkataan-perkataan yang mudah. Dengan cara ini, murid akan berasa mudah untuk membaca. Kosa-kosa kata yang digunakan dalam bacaan adalah terbatas dan terhad. Penambahan kosa kata dalam bahan bacaan adalah pada tahap minimum.

Selain itu, pengulangan kosa kata dalam bacaan juga akan menguatkan dan memudahkan hafalan murid. Setiap kosa kata yang diulang dalam bahan bacaan akan menghasilkan ayat yang mudah, dan membentuk sebuah cerita hasil daripada perkaitan antara kosa kata yang digunakan. Di samping itu, gambar juga digunakan mengikut tajuk bacaan bagi memudahkan dan menarik minat murid untuk membaca.

Melalui pembinaan Bacaan Bergred ini, masalah murid yang tidak menguasai kemahiran membaca di peringkat awal akan dapat diatasi, sekali gus memperkembangkan kemahiran membaca dan memahami apa-apa yang dibaca oleh mereka melalui bahan yang dibaca. Melalui bacaan ini juga, murid dapat menambah perbendaharaan kata dan seterusnya mengembangkan kreativiti mereka dalam membina ayat. Hal ini kerana bacaan bergred mula memperkenalkan perkataan, disusuli ayat mudah sererusnya ayat yang lengkap. Amatlah diharapkan agar dengan penggunaan bahan bacaan bergred ini dapat meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid Linus seterusnya melonjakkan mereka ke persada arus perdana

Program Linus

Linus ialah singkatan program Literasi dan Numerasi. Ia merupakan satu program kesinambungan daripada program sedia ada dan dirancang dengan lebih teliti dan sistematik. Program Linus bertujuan untuk membantu murid yang belum menguasai kemahiran membaca dan menulis pada Tahun 1. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyasarkan bahawa semua murid yang tidak mempunyai masalah pembelajaran berkeupayaan untuk menguasai kemahiran asas selepas tiga tahun mengikuti pendidikan rendah menjelang 2012.

Kementerian Pendidikan Malaysia menyedari bahawa isu asas Literasi dan Numerasi masih belum dapat diatasi sepenuhnya walaupun telah dilaksanakan pelbagai program pemulihan. Program ini merupakan satu program kesinambungan daripada program sedia ada dan telah dirancang dengan lebih teliti dan sistematik (KPM, NKRA, 2011). Program ini melibatkan semua bahagian, antaranya Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK), Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Lembaga Peperiksaan (LP), dan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK). Secara jelasnya, objektif Linus ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu :

- i. Menggariskan bidang tugas mengikut keutamaan dan berfokus kepada sasaran yang ditetapkan.
- ii. Memberi kefahaman dan meningkatkan motivasi sendiri dalam pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi (Linus).
- iii. Memastikan semua pihak akur kepada garis panduan yang telah ditetapkan
- iv. (Sumber: KPM, 2011).
- v. Secara umumnya kanak-kanak boleh diramal menguasai kemahiran membaca dan seterusnya menulis sekiranya mereka,
Mempunyai kemahiran bahasa yang biasa atau purata yang lebih tinggi,

- *Telah ada pengalaman awal kanak-kanak yang dapat memupuk motivasi dan pendedahan dalam literasi,*
- *Diberi maklumat tentang ciri-ciri pencetakan melalui peluang-peluang belajar huruf-huruf, mengenal perkataan-perkataan yang berstruktur, serta berkenaan ciri-ciri perbezaan bahasa pertuturan dan penulisan*

Murid-murid Tahun 1 diwajibkan menjalani proses saringan. Saringan ialah satu proses mendapatkan maklumat (respon) daripada satu tugas yang diberikan dengan menentukan keupayaan murid tersebut sama ada telah menguasai sesuatu konstruk yang ditentukan. Konstruk pula ialah perkara atau aspek yang ingin dibangunkan dalam diri murid menerusi pelaksanaan sesuatu kurikulum. Setiap saringan yang dijalankan menggunakan instrumen-instrumen yang dibina oleh LP. Instrumen ini ialah kumpulan item yang mengukur semua konstruk yang terdapat dalam sesuatu saringan.

Murid Linus Tegar

Murid Linus tegar ialah murid yang belum menguasai konstruk 1 dan 2 dalam 12 konstruk yang ditetapkan melalui saringan yang dijalankan. Mereka perlu menjalani proses pemulihan yang dijalankan oleh guru pemulihan khas bagi memastikan mereka dapat menguasai konstruk yang ditetapkan dalam saringan yang seterusnya. Sebelum ini, mereka lebih dikenali sebagai murid pemulihan khas kerana mereka ini menghadapi masalah pembelajaran sama ada dalam membaca, menulis atau mengira. Jabatan Pendidikan Khas, KPM, (2007). Jadi, mereka memang memerlukan perhatian khusus untuk dikeluarkan daripada kepompong tegar ini seiring dengan transformasi pendidikan negara.

Literasi

Dalam program Linus, literasi ditakrifkan sebagai 'keupayaan membaca, menulis, dan memahami perkataan dan ayat yang mudah dan kompleks dan mengaplikasikan pengetahuan itu dalam pembelajaran dan komunikasi harian (KPM, NKRA, 2011).

- i. Definisi literasi fungsional pula, yang diusulkan di United Nations General Assembly pada tahun 1963 dan didokumentasikan dalam UNESCO World Campaign for Universal Literacy, berbunyi: 24

"Seseorang yang boleh membaca sudah memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang membolehkannya melibatkan diri dalam aktiviti di mana literasi berfungsi dalam kumpulan dan masyarakat dengan berkesan. Pencapaian dalam bacaan, penulisan, dan kira-kira membolehkannya meneruskan kemahiran-kemahiran ini untuk menuju kearah pembangunan masyarakat secara aktif di negaranya sendiri

(Sumber: Keeves & Bourke dalam Husen & Postlethwaite, 1994, p.3468)

Membaca

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), membaca ditakrifkan sebagai memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami makna kandungannya. Membaca melibatkan huruf dan makna daripada bahan bercetak atau terjemahan daripada sesuatu simbol. Kemahiran membaca juga dikatakan suatu tindakan yang sangat kompleks yang melibatkan persepsi, makna, perasaan, dan pemikiran. Idea mengatakan membaca ialah suatu projek yang kompleks dan melibatkan minda kerana membaca ialah satu proses integrasi yang mencakupi domain kognitif, persepsi, dan afektif sehingga boleh mencapai peringkat meta kognitif, khususnya dalam aspek kefahaman. Bagi Yahya Othman (2004), membaca ialah satu proses yang dinamik, memerlukan komunikasi yang aktif dan bermakna antara pembaca dengan penulis. Membaca juga dikatakan sebagai proses yang aktif bagi membina makna.


METODOLOGI

Proses dan Teknik

1. Guru memberikan Ujian Pertama Bahasa Cina Tahun 1 (Saringan 1) dan catatkan markah masing-masing (Tahun 2017).
2. Guru menjalankan Pengajaran modul yang direka sendiri (Selepas perbincangan dengan guru-guru pakar dan mengikut buku teks tahun 1) sebanyak 22 bab dan selama 6 bulan (Gambar 1).
3. Guru menjalankan Ujian saringan kedua selepas setengah tahun.
4. Guru mencatatkan markah yang diperoleh.
5. Guru membandingkan markah sebelum dan selepas modul linus BC dengan menggunakan SPSS v22.
6. Guru menemuramah dengan murid tentang kesesuaian penggunaan modul Bahasa Cina dengan tahap mereka masing-masing.



Gambar 1: Murid sedang menjalankan Linus Bahasa Cina




Gambar 2: Contoh modul Linus Bahasa Cina

HASIL KAJIAN

Jadual 1: Ujian Pre dan Post Test untuk Kumpulan Kajian

Sampel	Ujian Pre % (Markah)	Ujian Post % (Markah)
S1	42	53
S2	50	62
S3	49	59
S4	60	70

S5	53	68
S6	50	69
S7	50	62
S8	55	58
S9	45	54
S10	46	51
S11	52	62
S12	52	65
S13	45	52
S14	43	59
S15	41	46
S16	58	69
S17	50	62
S18	40	49
S19	57	68
S20	51	60



Gambar 2: Data sebelum dan selepas intervensi

Jadual 2: Ujian Pre dan Post (Statistik Sampel Pasangan)
Ujian satu Sample

	Nilai Ujian = 0					
					95% Keyakinan Interval	
	t	df	Sig. (2-tailed)	Perbezaan Min	terendah	tertinggi
Ujian Pre (sebelum intervensi)	32.805	16	.520	49.459	40.41	59.71
Ujian Post (Selepas intervensi)	33.541	16	.000	59.947	49.42	69.88

PERBINCANGAN

Analisis hasil kajian menunjukkan mempunyai perbezaan yang signifikan selepas menggunakan modul linus bahasa cina tahun 1. Ujian T yang dijalankan menunjukkan nilai t ialah 33.54 dan $p < .001$. Ini juga menunjukkan terdapat perbezaan min daripada ujian pre dan post dalam kajian.

KESIMPULAN

Bagi mencapai sasaran yang ditetapkan dalam NKRA, pendidikan banyak bergantung kepada kerjasama antara kerajaan, pentadbir sekolah, warga pendidik dan ibu bapa. Guru-guru memainkan peranan penting dalam pendidikan awal kanak-kanak. Pendidikan awal kanak-kanak adalah merupakan tunjang asas kepada anak-anak untuk memperoleh ilmu pendidikan dan mahir dalam literasi membaca dan menulis. Literasi yang muncul di kalangan kanak-kanak akan mencapai kejayaan pada masa hadapan yang mentransformasikan sistem pendidikan bagi memastikan mutu pendidikan negara sentiasa ditingkatkan supaya melahirkan modal insan yang berilmu dan berkemahiran tinggi untuk mencapai kejayaan. Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara (2013-2025) menjadikan Malaysia mencapai taraf pendidikan antarabangsa dan menjadikan murid-murid atau pelajar Malaysia sebagai *global player*. Sebuah sekolah yang cemerlang dan berkesan diterajui oleh pengurus yang cemerlang. Pengurus dan pemimpin sekolah yang produktif akan sentiasa membuat jangkaan tentang perubahan yang sedang dan bakal berlaku agar sentiasa berada dalam keadaan bersedia terutama dalam meningkatkan pencapaian akademik murid yang cemerlang. Antara penekanan yang diberikan adalah aspek pencapaian akademik cemerlang, murid menguasai kemahiran membaca dan menulis. Justeru itu, pelbagai kaedah dan pendekatan yang sistematik digunakan untuk mencapai matlamat tersebut daripada modul pengajaran dan pembelajaran, pengukuhan amalan pedagogi, memantau dan menyelia serta peranan fasiLinus.

Masalah dan Kekangan Linus

1. Guru-guru tidak memaklumkan kepada pihak pentadbir tentang maklumat terbaru.
2. Mesyuarat AJK LINUS peringkat sekolah tidak diwujudkan walaupun terdapat penyelarasan yang bertanggungjawab menguruskan LINUS. Dengan ini, guru besar dan pihak pentadbir tidak dapat mengikuti perkembangan terkini.
3. Pelaksanaan saringan LINUS tidak mengikut jadual yang ditetapkan. Pemantauan dan penilaian daripada pihak pentadbir sekolah mengenai perjalanan LINUS tidak dijalankan. Rekod persediaan dan perjalanan program LINUS tidak dipantau untuk mengetahui sejauh mana perkembangan guru dan murid-murid.
4. Guru-guru tidak mengambil inisiatif untuk mengadakan program-program untuk murid-murid ini. Dengan ini, ibu bapa tidak dipanggil untuk turut serta bersama di dalam program perkembangan sekolah. Murid LINUS ini juga tidak ada motivasi untuk belajar dan mereka sering tidak hadir ke sekolah. Kehadiran mereka tidak memuaskan berbanding murid di kelas perdana.
5. Setelah murid-murid yang dikenalpasti sebagai LINUS dihantar ke guru pemulihan, guru mata pelajaran tidak berbincang mengenai perkembangan terkini murid. Ujian diagnostik juga tidak diadakan daripada semasa ke semasa.
6. Dari segi pembangunan dan penyelidikan, tidak terdapat projek khas yang diadakan oleh guru-guru. Ruang untuk mempamerkan karya guru dan murid juga tidak disediakan.
7. Pengurus sekolah tidak memberi insentif ataupun pujian agar guru-guru LINUS terutamanya Bahasa Cina lebih bersemangat untuk bekerja.
8. Guru LINUS juga didapati tidak ada kesepaduan dalam penggabungan, cara gabung jalinan penyampaian maklumat dalam proses pembelajaran.
9. Didapati murid-murid tidak dapat menguasai proses pengajaran dan pembelajaran keranaterikat dengan ujian yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, ada guru yang terlibat dengan Program LINUS tidak mengetahui maklumat terkini. Peranan

- pengurus sekolah yang lebih fokus bidang pentadbiran sehingga terlepas pandang program yang patut dijalankan dalam Program LINUS.
10. Modul Bahasa Cina boleh diubahsuaikan untuk menjadi Bahan Ujian saringan murid.
 11. Masalah utama modul ialah ia mengikut buku teks tetapi bukan mengikut bahan asas seperti yang terdapat pada linus BM. BM dan BI mempunyai 26 abjad tetapi Bahasa Cina tidak mempunyai abjad untuk diingati oleh murid. Jadi, Pembelajaran Bahasa Cina menjadi halangan utama bagi murid bumiputra.

CADANGAN

Cadangan yang disyorkan ialah menggunakan modul Linus Bahasa Cina yang direka boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh Guru Bahasa Cina Tahun 1 terutamanya murid-murid bumiputra.

RUJUKAN

- Abdul Jalil O., Normarini, N., Ghazali, D., Saedah, S. (2011). Cabaran guru Program LINUS dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. *Masalah Pendidikan*, 34: 37-51.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Laporan kajian pelaksanaan pemulihan khas di sekolah rendah*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD).
- Chin Pooi Kwan. (2011). Tahap penguasaan kemahiran literasi menulis dalam Bahasa Malaysia bagi kanak-kanak umur enam tahun di Lembah Klang. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Hasnalee Tubah. (2012). Tahap keberkesanan kaedah pengajaran guru Bahasa Melayu terhadap kemahiran membaca dan memahami dari perspektif Teori Psikososial Vygotsky (1935). Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pemantapan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan Bahasa Melayu, 16-20 September, Kuching, Sawarak.
- Johnson, Eli. (2013). *The student centered classroom: Social studies and history*. New York: Routledge.
- Kamarudin Haji Husin. (1993). *Bahasa Melayu bacaan asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2005). *Kertas konsep pelaksanaan kelas intervensi awal membaca dan menulis (KIA2M)*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Khairuddin Mohamad. (2011). *Siri pendidikan guru literasi Bahasa Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Lindholm-Leary, K. (2011). Student outcomes in Chinese two-immersion programs: language proficiency, academic achievement and student attitudes. In Diane J. Tedick, Donna Christian & Tara Williams Fortune (eds.). *Immersion education: Practices, policies, possibilities*, 80-103. Bristol: Multilingual Matters.
- Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan literasi Bahasa Melayu: Strategi perancangan dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ministry of Education. (2011). *Malaysia Education Blueprint 2012-2025*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru
- Modul LINUS. (2010). Ministry of Education. Malaysia.
- Piaget, J. (1936). *Origins of intelligence in the child*. London: Routledge.
- Piaget, J. (1959). *The language and thought of the child*. New York: Routledge.

KEMAHIRAN 4C DALAM PDPC MATEMATIK

**Tan Yoong Ming, Amelynda Yong Ren Yie,
Kong Lee Wen, Hu Laey Nee, PhD**
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak
*tanyoongming@yahoo.com, amelyndayong@yahoo.com,
klwen97@hotmail.com, huln1234@gmail.com*

ABSTRAK

Perkembangan dunia pendidikan pada abad ke-21 ini semakin berkembang maju dan mencabar. Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) merupakan pendekatan yang ditekankan dan diberi perhatian serius untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara pada masa kini. Kementerian Pendidikan Malaysia ingin mewujudkan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang berpusatkan murid dan bercirikan PAK21. Ciri-ciri utama PAK21 adalah penekanan kemahiran 4C yang merangkumi kemahiran komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis dan kreativiti dalam PdPc. Kemahiran 4C adalah penting sepanjang proses pembelajaran murid untuk memastikan mereka dapat mencapai pembelajaran secara optimum dan berkesan. Kertas konsep ini membincangkan kemahiran 4C secara terperinci dari segi definisinya dan strategi penerapan kemahiran 4C ke dalam PdPc Matematik melalui beberapa jenis pedagogi dan resos. Antara strategi yang dibincangkan dalam kertas konsep ini ialah pembelajaran koperatif, pembelajaran berasaskan inkuiri, pelbagai masalah Matematik, teknik penyoalan, penggunaan resos, penggunaan alat berfikir dalam Matematik, penggunaan bahan manipulatif dan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP). Melalui strategi tersebut, diharapkan kemahiran 4C akan dapat diterap dan melibatkan pelajar secara aktif dalam PdPc Matematik.

Kata kunci : Komunikasi, Kolaboratif, Pemikiran Kritis, Kreativiti

ABSTRACT

The development of world education in the 21st century, the education world is thriving and become tremendously challenging. 21st Century Learning (PAK21) is much emphasized to improve the quality of education. The Ministry of Education Malaysia will like to create student-centred Learning and Facilitating (PdPc) based on communication, collaboration, critical thinking and creativity (4C) in PAK 21. 4C's skills are essential throughout the learning process that ensures optimal and effective learning. This concept paper discusses the 4C's skills clearly in terms of its definition and strategies to apply 4C's skills towards the PdPc of Mathematics through several types of pedagogies and resources. Among the strategies discussed in this concept paper are cooperative learning, Inquiry-based learning, multiple mathematical problems, questioning techniques, resources, thinking tools in Mathematics, use of manipulative materials and Professional Learning Community (PLC). Through these strategies, it is hoped that 4C's skills will be able to be applied and eventually involve students to active during PdPc of Mathematics.

Keyword : Communication, Collaboration, Critical Thinking, Creativity

PENGENALAN

Dalam era globalisasi ini, sistem pendidikan merupakan satu cabaran utama yang dihadapi oleh semua negara. Cabaran dalam sistem pendidikan kini adalah untuk melahirkan insan yang berdaya saing dalam kreativiti, inovatif, imaginasi dan berpemikiran kritis. Walau bagaimanapun, isu-isu pendidikan ditimbulkan di Malaysia seperti *Trends in*

International Mathematics and Science Study (TIMSS), *Programme for International Student Assessment (PISA)*, Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dan sebagainya. Oleh itu, pendidikan negara perlu melakukan transformasi dan sentiasa berusaha untuk bergerak ke hadapan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dalam mendepani cabaran tersebut.

Menurut Tan (2016), transformasi pendidikan adalah penting untuk menjurus kepada PAK21. PAK21 ialah suatu transformasi menjadikan pengajaran yang lebih dinamik dan kreatif serta memerlukan guru menggunakan teknologi terkini seiring dengan perubahan pesat dunia digital (Mahdzir Khalid, 2018, Januari 13). Pelaksanaan mana-mana kurikulum dalam sistem pendidikan Malaysia adalah menekankan penyumbangan kepada pemerolehan kemahiran abad ke 21 dalam kalangan murid. Dalam konteks ini, kemahiran 4C iaitu Komunikasi (*Comunication*), Kolaboratif (*Collaboration*), Pemikiran Kritis (*Critical Thinking*) serta Kreativiti (*Creativity*) merupakan unsur-unsur penting dalam elemen kemahiran pembelajaran dan inovasi dalam kerangka PAK21 (National Education Association, 2012). Kemahiran 4C ditekankan dalam kurikulum dan diaplikasikan dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang dijalankan oleh semua guru. Maka, kertas konsep ini akan membincangkan penerapan kemahiran 4C dalam PdPc Matematik.

KEMAHIRAN 4C

Menurut Krohn (2015), kemahiran 4C merupakan sebahagian daripada pengalaman pembelajaran Matematik abad ke-21. Dengan ini, kemahiran 4C harus diaplikasikan atau diterapkan semasa PdPc Matematik dijalankan.

Komunikasi Dalam PdPc Matematik PAK21

Kemahiran komunikasi adalah berkaitan dengan pemahaman dan perkongsian idea (Lippl, 2013). Menurut Smit (2016), kemahiran komunikasi berfokus kepada cara murid mengartikulasikan pemikiran dan idea mereka dengan menggunakan pelbagai jenis komunikasi seperti komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan. Kemahiran komunikasi merupakan aspek yang penting dalam PdPc Matematik. Komunikasi yang berkesan sangat membantu guru dan murid dalam proses PdPc Matematik terutama semasa menyelesaikan masalah, penyampaian ilmu, fikiran dan pendapat, berkongsi permasalahan dan sebagainya. Kemahiran komunikasi murid-murid perlu diasahkan supaya matlamat kurikulum Matematik dapat dicapai dengan baik. KPM berharap dapat melahirkan murid yang mampu menganalisis, menilai dan berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Matematik yang tepat untuk menjelaskan pemikiran, idea dan strategi Matematik secara jelas dan bersistematik (Zaharah Hussin, 2014). Dalam PdPc Matematik, kemahiran komunikasi boleh diterapkan dalam kalangan murid melalui aktiviti-aktiviti seperti pembentangan dengan penggunaan kertas mahjong, papan putih, *PowerPoint* dan sebagainya di dalam bilik darjah. Aktiviti yang berkesan mampu memaksimumkan komunikasi dalam antara murid dengan murid serta antara guru dengan murid semasa PdPc Matematik dijalankan.

Kolaborasi Dalam PdPc Matematik PAK21

Kemahiran kolaboratif merupakan kerja berpasukan, bekerja dalam kumpulan dan berkerjasama antara satu sama lain (Handsley, 2011). Kemahiran kolaboratif dimasukkan sebagai kemahiran abad ke-21 kerana keupayaan interpersonal secara koperatif adalah semakin penting (Dede, 2009) dan dapat meningkatkan kecekapan dalam pentadbiran sesuatu PdPc. Dalam PdPc Matematik, aktiviti-aktiviti yang boleh menerapkan kemahiran kolaborasi adalah seperti *Think-Pair-Share*, *Round Table*, main peranan, *Gallery Walk* dan sebagainya. Setiap murid adalah berperanan dan saling bergantung antara satu sama lain dalam aktiviti-aktiviti tersebut. Murid-murid bukan sahaja aktif dalam kumpulan malah mereka bersikap hormat-menghormati dan menghargai perbezaan idea serta menunjukkan akauntabiliti terhadap hasil kumpulan masing-masing.

Pemikiran Kritis Dalam PdPc Matematik PAK21

Perkembangan teknologi yang semakin canggih dan cabaran dunia yang semakin hebat memerlukan modal insan yang mempunyai daya pemikiran yang kritis serta berkemahiran dalam menyelesaikan masalah (Wan Norehan Wan Mamat, 2013). Pemikiran kritis berlaku apabila penerokaan pemikiran bagi menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan serta bukti yang munasabah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Kemahiran pemikiran kritis juga merujuk kepada kebolehan individu untuk menggunakan keupayaan kognitif dan kemahiran pemrosesan maklumat (Kivunja, 2015). Kemahiran pemikiran kritis dapat dikembangkan melalui mata pelajaran Matematik. Murid-murid boleh melihat sesuatu masalah Matematik dengan cara yang baru. Mereka dapat menggunakan pengetahuan Matematik, penaakulan Matematik, kemahiran Matematik serta nilai Matematik dalam pembelajarannya.

Kreativiti Dalam PdPc Matematik PAK21

Berdasarkan P21 (2009), kemahiran kreativiti didefinisikan sebagai kebolehan mencipta sesuatu idea baharu dan menggunakan idea tersebut untuk membuat sumbangan yang bermakna. Dalam penjanaan idea baharu, proses seperti penerangan, perkembangan idea, menghubungkan kait, meramal dan sebagainya akan berlaku pada seseorang individu. Proses-proses tersebut amat penting dalam mempelajari Matematik yang dianggap sebagai mata pelajaran yang sukar atau mencabar. Pendapat ini juga disokong oleh Vale dan Barbosa (2015) kerana Matematik sentiasa mencabar pemikiran kreatif. Oleh itu, guru perlu menyediakan peluang pembelajaran yang relevan untuk mengembangkan keupayaan kreativiti murid-murid dalam Matematik PAK21. Guru dan murid boleh memiliki dan mengamalkan kemahiran kreativiti melalui penggunaan alat berfikir seperti peta minda dan peta pemikiran *i-Think* serta bahan manipulatif yang digunakan dalam PdPc Matematik.

PENERAPAN KEMAHIRAN 4C DALAM PDPC MATEMATIK PAK21

Dalam penerapan kemahiran 4C semasa PdPc Matematik, pelbagai strategi yang merangkumi cara, pendekatan atau teknik boleh digunakan oleh guru. Bahagian kertas konsep ini akan membincangkan beberapa strategi bersertakan contoh yang melibatkan PdPc Matematik.

Pembelajaran Koperatif

Pembelajaran koperatif merupakan satu teknik pembelajaran yang melibatkan murid yang bekerjasama dalam satu kumpulan untuk mencapai matlamat bagi menyempurnakan sesuatu projek (Nor Hasliza Mohamed, 2012). Murid-murid bertanggungjawab untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan sedia ada bagi membantu ahli kumpulan yang lain dalam proses PdPc yang dijalankan (Yandi Syukri, & Bambang Hernawan Nugroho, 2017). Sewaktu pembelajaran Matematik secara koperatif dijalankan, murid-murid digalakkan untuk berkomunikasi secara Matematik dan berpeluang meneroka serta melakukan sesuatu aktiviti/tugasan bersama-sama. Oleh itu, murid-murid dapat berinteraksi secara positif dan aktif dalam kumpulan masing-masing.

Contoh-contoh aktiviti koperatif yang boleh dilaksanakan dalam PdPc Matematik ialah aktiviti JIGSAW, *Students Teams Achievement Divisions* (STAD) dan *Think-Pair-Share* (TPS). Misalnya, guru dapat mengukuhkan kefahaman murid-murid terhadap ciri-ciri bentuk 3D melalui strategi TPS. Guru menunjukkan model-model 3D seperti kubus, kuboid dan silinder sambil bertanyakan pelbagai soalan berkaitan model-model 3D. Murid-murid diberikan peluang untuk berfikir secara mendalam terhadap soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka. Kemudian, guru mengagihkan murid ke dalam kumpulan berdua. Murid-murid perlu berkongsi idea dan pendapat masing-masing. Selepas itu, guru mengadakan perbincangan kelas supaya murid berpeluang untuk berkongsi idea dengan rakan sekelas yang lain. Melalui strategi TPS, murid-murid diberikan peluang untuk berfikir secara kritis dan berkolaborasi yang dapat membina pengalaman pembelajaran yang bermakna.

Teknik Menyoal Yang Pelbagai


Teknik menyoal sangat penting dalam menerapkan pemikiran kritis dalam PdPc Matematik PAK21. Penyoalan berfikir dan teknik penyoalan yang efektif dapat mencetuskan dan merangsang daya pemikiran murid ke arah pemikiran aras tinggi (Gopinat Muthy, 2013). Murid akan aktif mental dalam proses menganalisis, mensintesis dan melakukan penilaian. Contohnya, guru Matematik boleh bertanyakan soalan seperti “Berdasarkan ciri-ciri yang diberikan, apakah nama prisma tersebut?”. Soalan yang berbentuk ramalan dapat meningkatkan kemahiran berfikir murid-murid ke tahap yang lebih tinggi berbanding hanya menghendaki murid-murid menyatakan semula fakta (Siti Marlina Sabran, 2013).

Guru Matematik juga boleh menggunakan pendekatan menyoal semula murid yang bertanya atau mengajukan soalan kepada murid lain untuk merangsang murid-murid berfikir secara kritis. Contohnya, soalan susulan seperti “Apakah pandangan murid-murid terhadap jawapan tersebut?” mampu membantu murid-murid untuk berfikir secara mendalam terhadap jawapan yang diberikan sebelum ini. Murid-murid juga meneroka pemikirannya untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional dalam membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Ini secara tidak langsung melibatkan murid secara aktif dalam PdPc Matematik dan merangsang murid-murid untuk berfikir secara kritis.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri adalah berpusatkan murid di mana murid-murid perlu menjalankan aktiviti penyiasatan mereka sendiri di bawah bimbingan guru (Nelly Ezatul Fazlina Md Sah, 2012). Strategi ini melibatkan proses penyiasatan, penerokaan, mengumpul data, membuat kesimpulan untuk menyelesaikan masalah dan membuat kesimpulan tentang kaedah yang digunakan serta berkomunikasi untuk berkongsi hasil dapatan masing-masing (Ika Candra Sayekti, 2012). Strategi ini menggalakkan murid-murid terlibat secara aktif dalam membina pengetahuan Matematik yang akan dipelajarinya berbanding dengan kaedah pembelajaran tradisional. Dalam aktiviti Matematik yang berasaskan inkuiri penemuan, murid-murid setiap kumpulan akan merancang penyiasatan, melaksanakan penyiasatan dan melaporkan hasil dapatan mereka. Sebagai contoh, guru membimbing murid-murid untuk berfikir tentang cara untuk mengukur luas permukaan padang dengan menggunakan alat pengukur yang sesuai. Murid-murid akan bekerjasama untuk menyiasat, seterusnya membina pengalaman yang sebenar dan bermakna dalam proses inkuiri. Cara lain seperti guru mengadakan aktiviti kumpulan dan memberikan peluang kepada setiap kumpulan berpeluang mencipta gabungan dua bentuk yang mempunyai perimeter terpanjang. Rajah 1 menunjukkan hasil murid dalam mendapatkan perimeter bagi gabungan bentuk.

Rajah 1. Contoh hasil murid.



Pengemukaan Pelbagai Masalah Matematik

Menurut Aizikovitsh dan Cheng (2015), masalah Matematik yang melibatkan proses pemikiran, menganalisis dan menilai dapat merangsang murid-murid untuk menguasai kemahiran berfikir secara kritis. Dengan ini, guru Matematik seharusnya mereka cipta aktiviti PdPc yang melibatkan pelbagai penyelesaian masalah Matematik yang mudah atau kompleks untuk mencabar pemikiran murid-murid. Guru Matematik berperanan sebagai fasilitator manakala murid-murid dijangka lebih berdikari, mengawal diri dan menilai pemikiran mereka semasa menyelesaikan masalah Matematik (Facione, 2011). Murid-murid dibimbing supaya mempunyai kebolehan menganalisis dan menentukan maklumat dalam situasi masalah Matematik yang semakin kompleks.


Soalan bukan rutin boleh digunakan untuk menilai kemahiran pemikiran kritis murid-murid (Firdaus, Ismail Kailani, Md. Nor Bakar, & Bakry, 2015). Soalan bukan rutin dapat merangsang murid-murid berfikir pada aras tinggi. Murid-murid akan menggunakan minda dan daya kognitif mereka untuk menyelesaikan soalan bukan rutin. Kadang kala, murid-murid juga dikehendaki untuk memberikan jawapan yang berlainan atau menunjukkan pelbagai langkah penyelesaian yang berlainan bagi satu masalah yang sama. Hal ini dapat membantu murid-murid mengamalkan kemahiran pemikiran kritis dalam diri mereka. Rajah 2 menunjukkan satu contoh soalan bukan rutin yang diperolehi daripada buku teks Matematik Tahun 3 Jilid 1 SJK(C) muka surat 54.

Rajah 2. Contoh soalan bukan rutin.


我来试一试

哪一棵圣诞树下的礼物数量可以用乘法来表示?
为什么? 写出算式。

P



Q



Mana satu pokok Krismas mempunyai bilangan hadiah yang dapat diwakili melalui pendaraban? Kenapa? Tuliskan algoritmanya.

Sumber: Tan, S. N., Looi, L. M., Tan, P. P., & Loh, H. L. (2012). *Buku Teks Matematik Tahun 3 Jilid 1 SJK(C)*. Johor Bahru: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Guru Matematik juga boleh mengemukakan satu soalan yang ringkas tetapi memerlukan murid berpemikiran kritis dan logik sebelum PdPc Matematik bermula. Ini secara tidak langsung akan mempratiskan murid-murid ke arah pembelajaran Matematik PAK21. Sebagai contoh, soalan-soalan seperti Rajah 3 dan Rajah 4 dapat digunakan untuk merangsang pemikiran murid secara mendalam dan meningkatkan minat murid-murid untuk belajar Matematik.

Rajah 3

Dalam masyarakat tertentu, dua pertiga daripada lelaki dewasa berkahwin dengan tiga suku daripada wanita dewasa. Berapakah orang dewasa yang ada dalam masyarakat yang paling kecil?

Rajah 4


Jika $A = x\%$ daripada y dan $B = y\%$ daripada x . Apa kesimpulannya?

Penggunaan Bahan Manipulatif

Bahan manipulatif merupakan model konkrit yang melibatkan konsep matematik, menarik kepada beberapa deria serta boleh disentuh dan digerakkan oleh murid. Antara contoh bahan manipulatif Matematik yang lazim digunakan ialah *geoboard*, blok Dienes,

blok asas sepuluh dan *Cuisenaire Rods*. Penggunaan bahan manipulatif merupakan satu kaedah dalam membantu murid-murid mempelajari Matematik dengan lebih bermakna. Contohnya, penggunaan Lego akan melahirkan murid yang lebih aktif dan kreatif (*Lego Education*, 2014). Murid-murid tertarik untuk mempelajari Matematik disebabkan bentuk Lego yang berwarna-warni, seterusnya didorong untuk mengaplikasikan kemahiran-kemahiran yang dipelajari dalam konteks baharu melalui pembelajaran sendiri. Lego boleh digunakan dalam pelbagai topik Matematik. Rajah 5 menunjukkan penggunaan Lego dalam PdPc konsep asas pecahan. Murid-murid dapat menyusun Lego mengikut kreativiti dan pemahaman sendiri terhadap konsep asas pecahan.


Rajah 5. Penerangan konsep asas pecahan melalui Lego



Sumber: Zimmerman, A. (2016). *Using LEGO to Build Math Concepts*. Retrieved from <https://www.scholastic.com/teachers/blog-posts/alycia-zimmerman/using-lego-build-math-concepts/>

Contoh bahan manipulatif yang lain seperti tangram juga dapat digunakan untuk meningkatkan kemahiran kreativiti dan kritis dalam kalangan murid. Contohnya, murid-murid dapat berfikir secara kritis dan kreatif untuk menggunakan tangram dalam pembinaan segitiga, segiempat tepat dan segiempat sama mengikut kreativiti masing-masing seperti aktiviti yang dicadangkan dalam Buku Teks Matematik Tahun 1.

Rajah 6. Contoh aktiviti yang menggunakan tangram



Sumber: Lee, K. K., Chew, L. K., Tan, P. P., & Lim, P. S. (2016). *Buku Teks Matematik Tahun 1 Jilid 2 SJK(C)*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.

Penggunaan Bahan Sumber

Penggunaan bahan sumber juga penting dalam PdPc Matematik. Bahan sumber PdPc yang sesuai dapat merangsang minat dan mencabar intelek murid-murid (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Contohnya, bahan digital yang disediakan oleh KPM seperti bahan dalam VLE (*Virtual Learning Environment*) Frog, EduWeb TV (<http://www.eduwebtv.com>) dan bahan digital PdP (<http://spp.moe.edu.my>) dapat merangsang pemikiran kritis dalam kalangan murid-murid. Buku teks Matematik juga mengandungi minimum 20% kandungan dan aktiviti-aktiviti PdPc yang mempunyai unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) adalah ke arah meningkatkan pemikiran kritis dalam kalangan murid. Rajah 7 menunjukkan satu contoh soalan KBAT dalam buku teks Matematik Tahun 3.

Rajah 7. Contoh soalan KBAT dalam buku teks muka surat 82.

Sumber: Tan, S. N., Looi, L. M., Tan, P. P., & Loh, H. L. (2012). *Buku Teks Matematik Tahun 3 Jilid 1 SJK(C)*. Johor Bahru: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Soalan tersebut dapat merangsang murid-murid untuk berfikir secara kritis untuk menyelesaikan soalan tersebut. Oleh itu, guru Matematik digalakkan untuk menggunakan contoh-contoh dan aktiviti dalam buku teks Matematik semasa merancang dan melaksanakan sesuatu PdPc.


Perkembangan teknologi pada masa ini telah memerlukan guru untuk mengintegrasikan unsur teknologi ke dalam amalan bilik darjah abad ke-21 (Nurzarina Amran, & Roslinda Rosli, 2017). Murid-murid boleh diberikan peluang untuk mengakses pelbagai sumber, meneroka, memahami dan menyampaikan pandangan masing-masing melalui kemudahan teknologi yang disediakan di dalam sekolah. Murid-murid akan menggunakan kemahiran berfikir kritis seperti membanding beza, menganalisis dan menilai semasa mencari maklumat di laman web. Penggunaan perisian atas talian seperti *MathChimp* dan *Math Playground* bukan sahaja menerapkan unsur keseronokan dalam pembelajaran Matematik dan juga memupuk murid-murid untuk menyelesaikan masalah dan memilih keputusan/jawapan.

Penggunaan Alat Berfikir Dalam Matematik


Proses berfikir yang teratur dan sistematik perlu diaplikasikan untuk memastikan pembangunan kreativiti dilaksanakan dengan berkesan. Berdasarkan Bahagian Pembangunan Kurikulum (2012), penggunaan alat berfikir yang bersesuaian dapat mencapai hasil yang dihasratkan tersebut. Antara alat berfikir yang boleh digunakan ialah peta pemikiran, *Six Thinking Hats*, peta minda dan sebagainya. Murid berpeluang menggunakan alat berfikir untuk memindahkan maklumat-maklumat yang dipelajari ke bentuk lain.

Peta pemikiran adalah salah satu contoh alat berfikir yang dikembangkan secara visual dan mudah diaplikasi serta difahami merentas kurikulum melalui lapan bentuk peta pemikiran (Nurhafizah Zaidi, Roslinda Rosli, & Mohamed Yusoff Mohd. Nor, 2017). Lapan jenis peta pemikiran yang dimaksudkan ialah Peta Bulatan, Peta Buih, Peta Dakap, Peta Pokok, Peta Alir, Peta Buih Berganda, Peta Pelbagai Alir dan Peta Titi. Guru Matematik juga boleh menyampaikan suatu konsep Matematik melalui peta pemikiran semasa PdPc Matematik di dalam bilik darjah. Rajah 8 menunjukkan contoh peta bulatan tentang pendaraban untuk memperoleh 20 yang terhasil melalui proses PdPc yang dilaksanakan di dalam bilik darjah.

Rajah 8. Peta bulatan.



Rajah 9. Hasil kerja murid yang menunjukkan penggunaan peta buih berganda.



Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2012). *Program i-Think*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Selepas murid mempelajari sesuatu kemahiran dalam topik Matematik, murid boleh melukis peta pemikiran yang berkenaan dan membuat hiasan mengikut kreativiti sendiri sebagai nota mereka. Hasil peta pemikiran juga boleh dipaparkan di dalam bilik darjah. Sebagai contoh, murid boleh menerangkan perbandingan dan perbezaan antara pecahan dan peratus dengan menggunakan peta buih berganda seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 9. Peta pemikiran ini membantu murid membanding beza ciri-ciri pecahan dan peratus sebagai rumusan daripada topik pecahan dan peratus.

Six Thinking Hats merupakan model yang dicipta oleh Edward de Bono. Ia adalah alat berfikir yang menggunakan enam skema topi untuk membantu penggunaannya melaksanakan proses pemikiran kritis, hoslitik dan mendalam (Zulkifley Hamid, & Mohd. Asyraf Zulkifley, 2014). Jadual 1 menunjukkan penerangan peranan bagi enam jenis skema topi.

Jadual 1.

Peranan *Six Thinking Hats*

Jenis Skema Topi	Peranan
<i>White Hat</i>	Memfokus kepada data dan maklumat sedia ada
<i>Red Hat</i>	Melihat masalah dan isu dengan menggunakan gerak hati dan emosi
<i>Yellow Hat</i>	Membantu pemikiran optimis yang membolehkan kita melihat kebaikan dan nilai sesuatu keputusan
<i>Black Hat</i>	Melihat keburukan sesuatu masalah atau isu dan seterusnya menghasilkan pelan tindakan
<i>Green Hat</i>	Sebagai platform untuk mengembangkan kreativiti penyelesaian masalah
<i>Blue Hat</i>	Membawa kita melihat kembali proses pemikiran dengan bertanya kepada diri sendiri tentang langkah seterusnya dan pencapaian setakat ini

Six Thinking Hats boleh digunakan semasa menjalankan aktiviti PdPc dalam mata pelajaran Matematik. Murid perlu didedahkan terlebih dahulu tentang penjelasan peranan bagi enam jenis ‘topi’. Selepas itu, satu isu atau masalah akan dikemukakan, contohnya penyelesaian masalah dalam topik nombor bulat. Contoh soalan yang diberikan ialah “Jumlah ayam dan biri-biri yang dimiliki oleh Pak Mat ialah 37 ekor. Jumlah kaki binatang tersebut ialah 98. Tentukan bilangan ayam dan biri-biri yang dimiliki oleh Pak Mat”. Murid perlu menentukan mana-mana topi yang sesuai digunakan untuk menyelesaikan masalah ini. Jadual 2 merupakan contoh penggunaan *Six Thinking Hats* untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Jadual 2.

Contoh Penggunaan *Six Thinking Hats*

Jenis Skema Topi	Tindakan
<i>Blue Hat</i>	Murid membuat analisis terhadap mengenalpasti kehendak masalah tersebut.
	Murid menyusun idea dan merancang strategi penyelesaian masalah
<i>White Hat</i>	Murid mencatat maklumat penting yang diperoleh daripada

	masalah
<i>Red Hat</i>	Murid cuba memahami masalah tersebut secara teliti dan hati yang terbuka.
	Murid membuat perbandingan antara strategi yang dirancang secara intuisi.
	Murid mengenalpasti ketepatan strategi dan jalan penyelesaian yang dipilih.
<i>Black Hat</i>	Murid mengenalpasti kelemahan yang sedia ada dalam langkah penyelesaiannya.
<i>Yellow Hat</i>	Murid mempunyai pemikiran optimis terhadap keputusan yang dilakukan.
<i>Green Hat</i>	Murid menggunakan kreativiti mereka dalam menyelesaikan masalah tersebut. Contohnya murid melukis gambar rajah tentang ayam dan biri-biri.

Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP)

Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) atau *Professional Learning Community* (PLC) bermaksud para pendidik bekerja secara kolaboratif dan berterusan untuk melaksanakan kajian secara inkuiri demi meningkatkan prestasi murid-murid (Muhammad Faizal A. Ghani, 2012). KPP juga merupakan satu budaya sekolah yang memanfaatkan dan mengiktiraf kekuatan serta bakat warga sekolah secara kolektif. Terdapat lima kategori dalam KPP yang dilaksanakan, iaitu Dialog Reflektif, Perkongsian Amalan, Fokus Secara Kolektif Terhadap Pembelajaran Murid, Kolaboratif Serta Norma dan Nilai Dikongsi Bersama. Beberapa strategi KPP seperti *Lesson Study* dan *Learning Walks* dapat dilaksanakan di sekolah untuk meningkatkan tahap kompetensi guru. Guru-guru dapat mengetahui potensi dan tahap setiap murid dengan lebih mendalam melalui KPP (Tan, Ooi, & Teh, 2016). Mereka dapat merancang PdPc Matematik yang lebih berorientasikan aktiviti murid, supaya memberi lebih peluang kepada murid-murid untuk berkomunikasi dan berkolaborasi semasa melaksanakan aktiviti berkumpulan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kertas konsep ini telah membincangkan penerapan kemahiran 4C dalam PdPc Matematik melalui beberapa strategi. Pemilihan strategi yang bersesuaian oleh guru mampu menghasilkan dan mengaplikasikan 4C dalam PdPc Matematik PAK21 secara berkesan. Guru Matematik boleh merujuk kepada contoh-contoh pedagogi atau bahan yang dicadangkan dalam kertas konsep ini sebagai panduan bagi menerapkan kemahiran 4C dalam PdPc Matematik PAK21. Dengan ini, murid-murid dibimbing dan akhirnya dapat melahirkan modal insan yang diperlukan dalam abad ke-21 sebagaimana yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

RUJUKAN

- Aizikovitsh, E., & Cheng, D. (2015). Developing Critical Thinking Skills from Dispositions to Abilities: Mathematics Education from Early Childhood to High School. *Creative Education*, 6: 455-462.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2012). *Kreativiti dan Inovasi: Elemen Merentasi Kurikulum*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Elemen KBAT Dalam Sumber*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Dede, C. (2009). *Comparing Frameworks for "21st Century Skills"*. Retrieved from http://www.watertown.k12.ma.us/dept/ed_tech/research/pdf/ChrisDede.pdf
- Facione, P. A. (2011). *Critical Thinking: What It Is and Why It Counts*. Millbrae, CA: The California Academic Press.
- Firdaus, Ismail Kailani, Md. Nor Bakar, & Bakry. (2015). Developing Critical Thinking Skills of Students in Mathematics Learning. *Journal of Education and Learning*, 9(3): 226-236.
- Gopinath Muthy. (2013). *Aras Penyoalan Dan Pemikiran Dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah*. Pelaporan Ijazah Sarjana. Universiti Malaya.
- Handsley, E. (2011). *Good Practice Guide: Collaboration Skills-Threshold Learning Outcome 5-Promoting Excellence in Higher Education*. Surry Hills, NSW: Australian Learning & Teaching Council.
- Ika Candra Sayekti. (2012). Pembelajaran IPA Menggunakan Pendekatan Inkuiri Terbimbing Melalui Kaedah Eksperimen dan Demonstrasi Ditinjau Dari Kemampuan Analisis dan Sikap Ilmiah Siswa. *Jurnal Inkuiri*, 1(2): 142-153.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Penerangan Dasar Pendidikan*. Diperoleh dari https://www.moe.gov.my/images/KPM/UKK/2018/02%20Feb/Slaid%20%20Penerangan%20Dasar%202018_v4.pdf
- Kivunja, C. (2015). Exploring the Pedagogical Meaning and Implications of the 4Cs "Super Skills" for the 21st Century through Bruner's 5E Lenses of Knowledge Construction to Improve Pedagogies of the New Learning Paradigm. *Creative Education*, 6: 224-239.
- Krohn, R. E. (2015). *Mathematics In The 21st Century Classroom: The Power Of Pulled Learning*. Retrieved from <http://www.p21.org/news-events/p21blog/1661-mathematics-in-the-21st-century-classroom-the-power-of-pulled-learning>
- Lee, K. K., Chew, L. K., Tan, P. P., & Lim, P. S. (2016). *Buku Teks Matematik Tahun 1 Jilid 2 SJK(C)*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Lego Education. (2014). *A System for Learning*. Retrieved from <https://le-www-live-s.lego.com/sc/media/files/marketing-tools/lego-education-manifesto-d218aa7fac50c89c1b307b8f1ab94b16.pdf>
- Lippl, C. (2013). *The Four Cs of 21st Century Skills*. *Zuluma Education Trends*. Retrieved from <http://zuluma.com/education-trends/four-cs-21st-century-skills/#.VLEHY2SUdew>
- Mahdzir Khalid. (2018, Januari 13). 2,000 bilik darjah mulakan Pembelajaran Abad Ke-21 pada 21 Mac ini. *The Malaysian Insight*. Diperoleh dari <http://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/32304/>
- Muhammad Faizal A. Ghani. (2012). Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional: Perspektif Pemimpin Sekolah Cemerlang Negara Maju. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1): 10-27.
- National Education Association. (2012). *Preparing 21st century students for a global society: An educator's guide to "the four Cs"*. Retrieved from <http://www.nea.org/assets/docs/A-Guide-to-Four-Cs.pdf>
- Nelly Ezatul Fazlina Md Sah. (2012). *Kesan Pembelajaran Berasaskan Kaedah Inkuiri Bagi Subjek Matematik*. Laporan Projek Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Nor Hasliza Mohamed. (2012). *Penglibatan Pelajar Dalam Pembelajaran Koperatif Di Sekolah Menengah Vokasional*. Laporan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nurhafizah Zaidi, Roslinda Rosli, & Mohamed Yusoff Mohd. Nor. (2017). Aplikasi Peta Pemikiran I-Think Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Matematik. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke-2*. 26-27 April. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Nurzarina Amran, & Roslinda Rosli. (2017). Kefahaman Guru Tentang Kemahiran Abad Ke-21 (Teachers' Understanding In 21st Century Skills). *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan 2017*. April 26-27. Kuis, Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa. 1-5.

- P21 (2009). *P21 Framework Definitions*. Retrieved from <http://www.p21.org>
- Siti Marlina Sabran. (2013). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Pelajar Tingkatan 5 Dalam Penyelesaian Masalah Matematik*. Pelaporan Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Smit, L. S. (2016). *A better understanding of 21st century skills in mathematics education and a view on these skills in current practice*. Tesis Doktor Falsafah. Utrecht University.
- Tan, A. L, Ooi, S. Y., & The, H. L. (2016). Lesson Study: Amalan Berkolaborasi Untuk Pembelajaran Berkesan Di Institut Pendidikan Guru. *Proceeding of ICECRS. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA*. 25- 27 October 2016. Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Tan, S. N., Looi, L. M., Tan, P. P., & Loh, H. L. (2012). *Buku Teks Matematik Tahun 3 Jilid 1 SJK(C)*. Johor Bahru: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Tan, W. K. (2016). *Transforming education towards 21st century learning*. Retrieved from <https://www.enterpriseinnovation.net/article/transforming-education-towards-21st-century-learning-1597890508>
- Vale, I., & Barbosa, A. (2015). Mathematics Creativity in Elementary Teacher Training. *Journal of the European Teacher Education Network*, 10: 101-109.
- Wan Norehan Wan Mamat. (2013). *Tahap Penguasaan Kemahiran Pemikiran Kritis Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Pelajar*. Pelaporan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Yandi Syukri, & Bambang Hernawan Nugroho. (2017). Implementation Of Cooperative Learning Through Collaboration With Foreign Lecturer To Improve Students' Understanding And Soft Skills. *Proceedings of AIP Conference. Chemical Process and Engineering (IC3PE) 2017*. 15-16 November 2016. Indonesia: Department of Pharmacy Universitas Islam Indonesia.
- Zaharah Hussin. (2014). *Komunikasi Dalam Penyelesaian Masalah Matematik Dalam Kalangan Murid Tingkatan Empat*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Zimmerman, A. (2016). *Using LEGO to Build Math Concepts*. Retrieved from <https://www.scholastic.com/teachers/blog-posts/alycia-zimmerman/using-lego-build-math-concepts/>
- Zulkifley Hamid, & Mohd. Asyraf Zulkifley. (2014). Membina Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Holistik Dalam Kalangan Pelajar Menggunakan Modul Edward De Bono. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(2): 1-13.

TEKNIK “WHY AND HOW”. SATU KAEDAH UNTUK MENJANA IDEA PELAJAR MENULIS HURAIAN BAHAGIAN B SOALAN ESEI PENDIDIKAN MORAL BAGI TINGKATAN 4 DAHLIA

Moreeca Anggo, Josephine Justin, Dahlan Suliman

SMK Merbau, Lot 6410, Block 10, Kuala Baram Land District,
Bandar Baru Permyjaya, 98000 Miri, Sarawak
customize8944@yahoo.com, sepatumit_tinggi@yahoo.com,
azzalano@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengatasi masalah penulisan esei Pendidikan Moral dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 Dahlia di SMK Merbau. Seramai 29 orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Tinjauan awal dilaksanakan melalui markah Peperiksaan Pertengahan Semester 1 dan ujian pra. Hasil daripada tinjauan menunjukkan pelajar tidak dapat menulis esei yang berkualiti disebabkan masalah tiada idea dalam pembinaan ayat. Hal ini kerana pengetahuan sedia ada pelajar amat terhad dan menyebabkan ayat yang ditulis tidak mempunyai maksud yang menjawab kehendak soalan. Malah, terdapat segelintir pelajar hanya membiarkan soalan itu tanpa dijawab dan menyebabkan pelajar kekurangan markah. Oleh itu, Teknik “Why and How” diperkenalkan bagi mengatasi masalah ini. Teknik ini membantu pelajar menjana idea seterusnya menghasilkan ayat dan menulis esei berdasarkan kehendak soalan. Hasilnya, pencapaian pelajar menjadi semakin baik dalam penulisan esei dalam Ujian Pos 1 dan Ujian Pos 2 pelajar telah menunjukkan kemajuan yang amat ketara. Sikap pelajar juga berubah kerana keyakinan dan daya usaha mereka semakin tinggi.

Kata kunci: Pendidikan Moral, Menjana idea, dan Penulisan esei

ABSTRACT

This study was conducted to resolve the essay writing problems among students of 4 Dahlia in SMK Merbau. 29 Students were involved in this research. Early review was implemented through the score of the “Peperiksaan Pertengahan Semester 1 (Mid-Semester Examination 1)” and Pre-Examination. Result from the review shows that, the lack of ideas in sentence building was the problem faced by the students, hence, resulting in poor essay writing. This was caused by the students’ limited knowledge, resulting in irrelevant answer towards questions given. In addition, there were a number of students that did not answer the question(s), resulting to poor marks given to the students. To resolve this arising problem, the “Why and How” technique was introduced to assist the students to generate ideas, from then on, giving students knowledge in producing sentences and writing essay based on the questions given. The outcome from exposing the students to this technique is an increased achievement in essay writing in the Pos 1 and pos 2 Examination. The students have shown obvious improvements. The students’ attitude also changed because their confidence and effort have increased.

Keywords : Moral Education, Generating ideas, Essay writing

LATAR BELAKANG KAJIAN

Mata pelajaran Pendidikan Moral di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) merupakan satu mata pelajaran teras yang ditawarkan di peringkat Menengah Atas (Tingkatan 4 dan 5). Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah adalah bertujuan untuk membolehkan pelajar menerapkan nilai murni dalam kehidupan seharian dalam kalangan para pelajar. Menurut Nik Aziz Nik Pa (2008), dari sudut teori

Pendidian Moral membabitkan usaha untuk mempengaruhi cara murid berfikir, berperasaan, dan bertindak terhadap isu yang betul atau salah. Para pelajar juga dapat membentuk modal insan yang berkualiti selaras dengan proses kemenjadian pelajar. Selain itu, Mc Phail (1982) menyatakan bahawa Pendidikan Moral merupakan satu bidang pengajian yang membabitkan tingkah laku murid. Oleh itu, Pendidikan Moral di peringkat sekolah menengah memberi tumpuan kepada usaha memupuk kekuatan kerohanian dan kemoralan murid melalui penghayatan dan amalan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.

Fokus konsep pengajaran dan pemudahcaraan yang ditekankan dalam kajian ini ialah mata pelajaran Pendidikan Moral. Seorang guru mata pelajaran Pendidikan Moral mestilah mengetahui konsep-konsep moral, peraturan-peraturan masyarakat yang dianggap bermoral, ciri-ciri keperibadian mulia, prinsip-prinsip moral dan sebagainya. Seorang guru Pendidikan Moral mestilah sedar akan berbagai jenis pendekatan Pendidikan Moral dan bagaimana para pelajar boleh dibantu dalam perkembangan moral mereka. (Falsafah dan Konsep Pendidikan, 1987).

Merujuk kepada format soalan dan format menjawab soalan Pendidikan Moral Tingkatan Empat dan Lima penguasaan bahasa amat penting untuk membina ayat yang lengkap agar memenuhi markah dan kehendak soalan. Prestasi murid-murid ini boleh dikatakan berpunca daripada kelemahan menghurai idea dalam aspek kemahiran menulis. Hal ini masih berlaku sehingga kini. Pelajar masih keliru dan tidak pasti untuk memilih dan menggunakan perkataan serta ayat yang sesuai dalam penulisan soalan esei. Oleh itu, melalui Teknik 'Why and How' mampu meningkatkan menjana idea pelajar menulis huraian dalam menghadapi peperiksaan dan seterusnya teknik ini dipraktikkan secara berterusan untuk membantu murid mendapat keputusan yang cemerlang. Oleh itu, suatu penyelidikan yang menyeluruh dan sistematik harus dijalankan untuk meningkatkan kemahiran menulis huraian bagi soalan esei.

PERNYATAAN MASALAH

Masalah murid itu sendiri

Menurut Pat Wilson (1971), minat ialah "inklinasi" atau condongan untuk membuat sesuatu aktiviti persepsi intelek, atau praktikal, sesuai dengan perkara yang diminati. (Wilson, 1971). Dengan kata lain, meminati sesuatu ialah merasa tertarik kepada sesuatu itu, atau merasa ingin memberi perhatian kepadanya. Dengan hal yang demikian, tidaklah hairan bahawa seseorang itu tidak meminati sesuatu, maka ia merasa tidak ingin memberi perhatian kepada perkara lain. Malah merasa terganggu, tidak suka, dan tidak selesa apabila dihalang memberi perhatian kepada yang diminatinya.

Kebanyakan murid kurang berminat dalam mata pelajaran Pendidikan Moral kerana beranggapan Pendidikan Moral amat sukar untuk dipelajari dan tidak perlu dipelajari seperti subjek teras yang lain. Pelajar didapati kurang mahir untuk menghasilkan ayat yang lengkap bagi mendapatkan markah yang sepatutnya. Kebanyakan pelajar tidak mampu menjana idea yang mengandungi huraian dalam soalan bahagian esei kerana tidak mempunyai kemahiran menulis huraian yang luas dan kurang membaca. Mereka lebih bergantung kepada pengajaran guru dan idea-idea guru yang diberikan di dalam kelas. Malah, pelajar kurang membuat rujukan di dalam buku ilmiah, buku rujukan, dan sebagainya.

Selain itu, murid kurang mahir dalam penguasaan bahasa dan tidak mempunyai pengetahuan am yang meluas untuk menulis huraian. Terdapat segelintir pelajar yang masih dibelenggu masalah tidak faham kehendak soalan. Murid hanya menulis melalui kefahaman sendiri dan tidak mempunyai pengetahuan yang luas terutamanya melibatkan pembinaan huraian ayat yang sesuai dengan kehendak soalan.

Kekurangan bahan yang bermutu sebagai panduan penulisan esei dalam Pendidikan Moral

Kebanyakan pelajar sukar untuk mencari bahan yang relevan untuk membuat huraian dalam soalan esei. Selain itu pelajar juga tidak gemar untuk menjadikan bahan rangsangan dalam buku teks sebagai bahan rangsangan utama dalam penulisan soalan

bahagian esei. Bahan rangsangan memang ada tapi dibatasi dengan kemahiran pelajar memilih sama ada bahan tersebut sesuai atau sebaliknya untuk dijadikan bahan sampingan dalam penulisan soalan bahagian esei.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian tindakan ini lebih tertumpu kepada membantu pelajar menjana idea dalam menulis huraian soalan esei bahagian B. Disamping itu, kajian ini dijalankan untuk memastikan mereka dapat meningkatkan kemahiran menulis soalan esei dengan idea yang lebih tepat dan mantap serta bersesuaian dengan kehendak soalan. Berdasarkan pemerhatian yang telah dilakukan sewaktu menjawab kertas Peperiksaan Penggal 1 Tahun 2018 yang lalu, ramai dalam kalangan murid akan mengambil masa yang terlalu lama untuk berfikir mencari idea untuk menulis jawapan yang tepat malah ada dalam kalangan mereka yang berputus asa lalu membiarkan bahagian soalan tersebut kosong, tidak dijawab sedangkan bahagian soalan tersebut turut menyumbang markah yang besar iaitu 10 markah. Disamping itu, mereka juga dilihat kurang memberikan tumpuan sekiranya guru hanya menyebut aspek yang perlu diambil kira dalam penulisan esei secara lisan sahaja sewaktu di dalam kelas. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak mampu untuk mendapat markah penuh iaitu sebanyak 10 markah bagi satu soalan esei.

Oleh hal yang demikian, masalah ini perlu diatasi dengan segera sebelum mereka mengulang kesilapan lalu sewaktu peperiksaan percubaan penggal 1. Jika dapat mencipta satu teknik yang dapat membantu mereka, sudah pasti kami sebagai guru dapat membantu mereka meningkatkan peratus kelulusan sekaligus meningkatkan peratus kualiti dalam peperiksaan. Susulan itu kami telah menggunakan Teknik "Why and How" yang dikhususkan untuk kumpulan pelajar ini agar dapat menguasai penulisan esei yang menepati kehendak soalan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Umum

Meningkatkan peratusan kelulusan dan peratusan kualiti subjek Pendidikan Moral di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

Objektif Khusus

- a. Meningkatkan kemahiran murid untuk menjana idea menulis huraian dengan menepati kehendak soalan.
- b. Meningkatkan kemahiran penulisan esei menepati kehendak soalan

KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran yang akan terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada sebuah kelas murid Tingkatan 4 Dahlia, seramai 29 orang pelajar. Pelajar yang bertindak selaku responden ini terdiri daripada 17 orang pelajar lelaki dan 12 orang pelajar perempuan. Tahap pelajar dalam kelas ini ialah sederhana.


Kumpulan responden ini telah dipilih setelah kami mendapati masih terlalu ramai murid dalam kelas ini yang lemah dalam penulisan esei bahagian B. Kebanyakan murid dalam kelas ini dilihat masih sukar untuk menghuraikan ayat. Hal ini menjadikan penglibatan murid sewaktu proses pengajaran dan pemudahcaraan dijalankan dilihat terhad dan kurang aktif. Bahkan hasil kerja mereka juga dinilai sebagai sangat lemah untuk bahagian B dengan pemberatan sebanyak 20 markah.

PELAKSANAAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan berasaskan Gelung Kajian Tindakan Kemmis & Mc Taggart (1988). Kajian ini hanya dijalankan dalam konteks bilik darjah sahaja dan memerlukan

penglibatan pengkaji sebagai guru yang mengajar pelajar. Menurut Kemmis dan Mc Taggart (1988), kajian tindakan merupakan satu bentuk inkuiri refleksi sendiri yang dilakukan secara kolektif, ini dilakukan oleh peserta yang berada dalam sesuatu situasi sosial bertujuan meningkatkan kerasionalan dan keadilan amalan-amalan kemasyarakatan dan pendidikan mereka sendiri, disamping meningkatkan kefahaman mereka tentang amalan-amalan itu serta situasi di mana amalan itu dilakukan. (Buku Manual Kajian Tindakan Edisi Ketiga, 2008)

Berikut merupakan Gelung Kajian Tindakan Kemmis dan Mc Taggart (1988) dan Kerangka Konseptual Kajian Tindakan yang akan dijalankan oleh pengkaji.



Gambar 1 : Gelung Kajian Tindakan Kemmis & Mc Taggart 1988



Gambar 2 : Model Kajian Kemmis & Mc Taggart

Pemerhatian

Pemerhatian adalah perkara yang dilakukan setiap hari sama ada secara sedar ataupun tidak sedar. Ia merupakan rutin dalam manusia memahami apa yang berlaku di sekeliling mereka. (Lebar, 2011). Pemerhatian digunakan untuk mengkaji interaksi yang kompleks dalam latar sosial yang sebenar. Pemerhatian melibatkan tindakan mengambil nota dan merakam peristiwa, perkara, perlakuan, artifak secara sistematik di latar sosial yang dipilih untuk kajian. Rekod pemerhatian biasanya dirujuk sebagai nota lapangan iaitu deskripsi yang terperinci, yang "nonjudgemental" serta konkrit tentang apa yang telah diperhatikan. (Lebar, 2011)

Pengkaji telah membuat pemerhatian ke atas tingkah laku murid semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan berlansung sebelum dan selepas kajian. Pemerhatian juga dibuat melalui Peperiksaan Pertengahan Penggal 1 dan buku latihan pelajar. Selain itu, pemerhatian juga dilakukan melalui pendapat pelajar itu sendiri. Sebelum kajian dijalankan pelajar-pelajar kurang memberikan idea yang sesuai dan tepat dengan kehendak soalan apabila guru memberikan soalan esei. Kebanyakan pelajar hanya menulis soalan mengikut logik fikiran mereka sendiri dan idea mereka juga sangat terhad serta isi yang diberikan terlalu umum. Jawapan yang diberikan oleh pelajar langsung tidak menepati kehendak soalan. Walaubagaimanapun, guru telah memperkenalkan satu teknik "Why And How". Dalam teknik ini guru menekankan aspek menghuraikan jawapan dengan huraian lanjutan dan huraian contoh.

Ujian Pra dan Pos

Pengkaji telah memberikan ujian pra kepada pelajar-pelajar untuk mengesan kebolehan mereka menulis karangan berdasarkan keupayaan mereka sendiri. Selepas pengkaji menyemak jawapan pelajar, pengkaji tidak memulangkan kertas jawapan yang ditulis oleh pelajar dan tidak memberikan komen serta membincangkan jawapan kepada soalan karangan yang ditulis oleh pelajar. Selepas seminggu, pengkaji memperkenalkan "Teknik Why and How". Set soalan yang sama diberikan kepada pelajar setelah diajar teknik menggunakan "Teknik Why and How".

ANALISIS TINJAUAN MASALAH

Tinjauan Awal

Peringkat 1 : Memerhati (Mengenalpasti masalah)

Sebelum kajian dilakukan, pengkaji telah melakukan pemerhatian. Pengkaji telah memerhatikan tingkah laku pelajar melalui penglibatan, maklum balas, reaksi muka dan minat murid dalam subjek Pendidikan Moral terutamanya apabila Ujian Pra dijalankan, pelajar telah diedarkan satu set soalan esei untuk dijawab oleh. Pengkaji mendapati murid kurang berminat dengan subjek Pendidikan Moral dan ada segelintir pelajar yang membuat kerja rumah subjek lain dan tidak menjawab soalan esei yang diberikan.

Peringkat 2 : Mereflek

Pengkaji melakukan refleksi terhadap teknik yang difikirkan mampu mengatasi masalah yang timbul dengan merujuk tinjauan awal yang telah dilakukan pada peringkat satu iaitu berdasarkan penglibatan, maklum balas, reaksi muka dan minat pelajar sewaktu menjawab soalan esei. Antara masalah yang perlu diberikan keutamaan ialah:

- a) Pelajar tidak yakin menulis jawapan bagi soalan esei
- b) Pelajar tidak menghuraikan jawapan esei dengan baik
- c) Suasana pengajaran dan pemudahcaraan menjadi amat bosan
- d) Pelajar memberikan jawapan yang terlalu umum sewaktu menulis huraian
- e) Pelajar menjadi tidak berminat belajar subjek Pendidikan Moral

Kitaran Satu

Peringkat 3 : Merancang


Setelah masalah dikenalpasti, pengkaji merancang untuk melakukan tindakan pada kitaran pertama ini berdasarkan masalah yang timbul. Pengkaji ingin mengaplikasikan teknik "Why an How" bagi menjana idea pelajar menulis huraian bagi soalan esei. Antara tindakan yang dirancang oleh pengkaji ialah:

- a. Pengkaji merancang untuk mengajar selama 80 minit berpandukan rancangan pengajaran harian yang telah dirancang iaitu fokus utama pengkaji ialah menggunakan teknik "Why and How".
- b. Pengkaji menerangkan penggunaan teknik secara terperinci kepada pelajar.
- c. Pengkaji menguji tahap pemahaman pelajar menggunakan teknik "Why and How" selepas mendapat pendedahan dan penerangan daripada guru.


Peringkat 4 : Bertindak

Pada peringkat ini, pengkaji bertindak seperti mana yang telah dirancang iaitu dengan memperkenalkan teknik “Why and How” bagi menjana idea pelajar menulis huraian bagi soalan esei. Pengkaji telah mengajar berdasarkan rancangan pengajaran harian yang telah dirancang. (Lampiran 2)

Selepas menjalankan ujian pra pengkaji telah mengedarkan satu set soalan yang sama kepada semua pelajar. Pengkaji telah menerangkan teknik menjawab soalan esei dengan kaedah ‘Why and How’ dalam membantu pelajar mengatasi masalah kurang yakin dalam menulis huraian. Contohnya:



Seterusnya pengkaji menunjukkan cara membina ayat huraian yang mudah menggunakan kata hubung supaya pelajar dapat mengaplikasi kaedah “Why and How”.



Tujuan pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan dijalankan bagi mencapai objektif khusus kajian iaitu :

- a. Meningkatkan kemahiran murid untuk menjana idea menulis huraian dengan menepati kehendak soalan.
- b. Meningkatkan kemahiran penulisan esei menepati kehendak soalan

Peringkat 5 : Memerhati

Pengkaji memerhati reaksi, tingkah laku dan sikap pelajar sewaktu pengajaran dan pemudahcaraan dijalankan iaitu sebelum, semasa dan selepas teknik "Why and How" diperkenalkan. Pengkaji juga merekod data melalui jurnal refleksi pada rancangan pengajaran harian setelah tamat sesi pengajaran dan pemudahcaraan. Secara keseluruhannya, pengkaji membuat pemerhatian terhadap penglibatan pelajar, perbincangan dengan ahli kumpulan dalam menyelesaikan soalan esei yang diberikan dan sikap yang dipamerkan oleh pelajar sepanjang pengajaran dan pemudahcaraan.

Peringkat 6 : Mereflek

Maklumat seperti hasil kerja pelajar iaitu hasil kerja kumpulan dalam menjawab soalan esei, nota pelajar, penulisan refleksi guru terhadap perubahan sikap pelajar dan pemerhatian terhadap tingkah laku pelajar telah dikumpul untuk dianalisis.

Peringkat 7 : Penulisan Laporan

Pengkaji membuat laporan hasil daripada kajian tindakan yang telah dilakukan.

Analisis Pemerhatian

Berdasarkan pemerhatian selepas kajian dijalankan terhadap kesemua pelajar Tingkatan 4 Dahlia didapati :

- a. Pelajar lebih yakin semasa menulis jawapan soalan esei bahagian B.
- b. Pelajar dapat menghuraikan jawapan dengan jelas dan sesuai mengikut kehendak soalan .
- c. Suasana pengajaran dan pemudahcaraan didalam kelas menjadi lebih memberangsangkan.
- d. Pelajar dapat memahami dan yakin menghuraikan idea mereka.
- e. Pelajar dapat mengaplikasikan penggunaan teknik Why and How dalam penulisan esei Bahagian B.
- f. Pelajar didapati lebih berminat belajar Pendidikan Moral setelah mengetahui teknik menghuraikan jawapan yang betul.
- g. Pelajar juga sudah tidak menulis isi secara umum.

Analisis Ujian Pra dan Ujian Pos

Setelah menjalankan ujian pra, pelaksanaan kaedah kajian yang dirancang dan ujian pos berikut merupakan hasil dapatan yang telah diperolehi, dapatan kajian ini telah dianalisis dan diinterpretasikan dalam bentuk perbezaan markah secara purata setiap individu di dalam kelas serta peningkatan dari segi markah setiap pelajar dalam ujian pra dan pos. Satu soalan sahaja diuji dengan pemberatan 10 markah.

Perbandingan pencapaian dan perbezaan markah pelajar dalam Ujian Pra dan Ujian Pos adalah seperti berikut:

Bil	Nama Pelajar	Markah		
		Ujian Pra	Ujian Pos	Beza
1	ALEXSON UNGGAM ANAK JAIS	TIDAK MENJAWAB	10	10
2	ALICETINA GULANG	0	8	8
3	ANDY ANAK UGUN	2	10	8
4	ANGELLIE CAMIE ANAK UNUP	1	10	9
5	BELVIN ANAK CHRISTOPHER	TIDAK MENJAWAB	10	10
6	CAROLINE AK KUTOK	0	9	9
7	CHELLSEA ANAK JONATHAN	2	8	6
8	DARREN CASPER ANAK UNANG	1	10	9
9	DAVIDSON SEBUANG	0	7	7

10	DWAYNIE MENTI MION	0	8	8
11	ELLYIANA SLYVIA BUNAI ANAK	3	8	5
12	EMMANUEL BANDUK AK JOHN	TIDAK MENJAWAB	6	6
13	FELICIA ANAK PHILIP LEBANG	2	10	8
14	FERBIAN ALEXSON ANAK	2	8	6
15	FLORANCE PUYANG PADAN	2	8	6
16	GENNIE CHARLES CHUNDIE	4	10	6
17	GIBBREL CRUISE USEY	3	8	5
18	HOSEA JOK NYURANG	0	5	5
19	LISAMARY UBONG	3	10	7
20	MARVIN ANAK CHUNDI	0	10	10
21	NANCY ANAK GAWAN	0	9	9
22	PATRUS AK DRAMAN	4	10	6
23	SEBASTIAN LIPANG ANAK	3	6	3
24	SHELLYENA ANASTACIA ANAK GILI	0	8	8
25	STANLEY ANAK MIJIN	TIDAK MENJAWAB	6	6
26	TARRANCE JACIUS DING B KIONG	0	10	10
27	THERESA MAWAS AK GUMOR	3	10	7
28	TILSAND CASEY ANAK IAN ROBERT	2	6	4
29	VENTDHAM TEGONG ANAK DULLAH	0	6	6
JUMLAH MARKAH		37	244	207

Jadual 1: Keputusan Markah Ujian Pra dan Pos serta Perbezaan Markah bagi Pelajar yang Terlibat Dalam Uji Kaji

Secara keseluruhan, terdapat peningkatan bagi kumpulan pelajar yang menjadi sampel iaitu daripada 0 markah sewaktu ujian pra kepada 6 hingga 10 markah sewaktu ujian pos. Perbezaan yang ditunjukkan oleh kumpulan pelajar ini menunjukkan bahawa pendekatan teknik "Why and How" membantu pelajar-pelajar dalam mempertingkatkan penguasaan dan pemahaman mereka dalam menghuraikan soalan bahagian B. Hasil daripada kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan sebelum dan selepas tindakan dilaksanakan. Hasil dapatan terbukti menunjukkan pendekatan teknik "Why and How" dalam kelas yang dijalankan selepas ujian pra amat berkesan dan mendapat maklum balas yang positif dan baik daripada pelajar.

PELAKSANAAN TINDAKAN DAN PEMERHATIAN/PENILAIAN

Kajian tindakan ini telah dijalankan selama 5 minggu 2 waktu dalam seminggu iaitu selama 60 minit digunakan untuk membimbing pelajar menggunakan teknik "Why And How" dalam menulis jawapan soalan esei Bahagian B. Pada peringkat permulaan, pengkaji telah memperhatikan tingkah laku, minat serta keupayaan pelajar menulis esei. Kemudian pengkaji menguji kemahiran pelajar menggunakan Ujian Pra diikuti Ujian Pos. Ujian Pra dan Ujian Pos dilaksanakan menggunakan set soalan yang sama. Perbezaan antara dua ujian ini ialah Ujian Pra pelajar belum didedahkan dengan teknik "Why And How". Manakala, Ujian Pos pelajar sudah didedahkan teknik "Why And How".

Selain itu, pengkaji telah meminta pandangan dan pendapat guru-guru Pendidikan Moral di sekolah SMK Merbau mengenai penggunaan Teknik "Why And How" dalam membantu pelajar menjana idea dalam penulisan soalan esei. Kebanyakan guru memberikan respon positif dan mencadangkan agar teknik ini diperluas dan digunakan untuk pelajar Tingkatan 5 sebelum menduduki Peperiksaan SPM. Hal ini demikian kerana masalah yang sama dihadapi oleh pelajar Tingkatan 5 iaitu lemah menulis jawapan yang

tepat dan memberikan jawapan yang terlalu umum . Kesannya, mereka mendapat markah yang sangat rendah dalam esei.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, Teknik “Why and How” dapat membantu pelajar dalam menjana idea yang lebih bernas dan menghuraikan jawapan dengan tepat. Pelajar juga sudah tidak menulis jawapan yang terlalu umum. Bukan itu sahaja, penulisan esei pelajar semakin berkualiti. Impaknya bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga kepada pengkaji sebagai guru. Guru menjadi semakin seronok mengajar pelajar, tiada lagi tekanan kerana pelajar dapat memberikan jawapan yang umum ketika disoal oleh guru. Perkara yang lebih membanggakan ramai dalam kalangan guru Pendidikan Moral di sekolah telah mengaplikasikan teknik “Why and How” untuk membantu menjana idea pelajar dalam menghuraikan jawapan yang tepat dan tidak terlalu umum dalam kalangan pelajar.

REFLEKSI KAJIAN

Kekurangan dan kelemahan dalam kajian

Sewaktu menjalankan kajian ini, guru menghadapi beberapa cabaran. Cabaran yang terpaksa dihadapi terbahagi kepada dua jenis cabaran iaitu daripada segi teknikal pelaksanaan dan sikap pelajar-pelajar sepanjang tempoh pelaksanaan tindakan. Dalam proses kajian dijalankan, guru menghadapi kesukaran dengan pelajar yang mengambil sikap sambalewa dan tidak bersungguh-sungguh dalam melaksanakan ujian pra dan pos yang dikendalikan oleh guru.

Penambahbaikan Dalam Kajian

Dalam kajian ini, daripada aspek teknikal guru boleh meyeragamkan bahan rangsangan bagi memastikan pelajar dapat menunjukkan peningkatan setelah selesai kajian dilaksanakan. Penyeragaman aras ini juga dapat memberikan impak kepada pencapaian pelajar dan juga hasil dapatan dalam kajian menjadikan kajian ini lebih mantap dan digunakan berterusan untuk kajian masa hadapan.

Merujuk kepada sikap dan sahsiah pelajar, guru disarankan untuk menggunakan pendekatan ‘human touch’ dengan lebih efektif, idan komunikasi yang sesuai dengan peringkat penguasaan pemahaman pelajar yang diuji.

CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Pengkaji bercadang untuk memperluas penggunaan Teknik “Why and How” dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Hal ini demikian kerana pengkaji percaya sekiranya teknik ini didedahkan dari peringkat awal, pelajar tidak akan menghadapi masalah untuk menghuraikan idea dengan tepat dan tidak akan memberikan jawapan umum. Malah pelajar juga memahami kehendak soalan dan dapat mengenal pasti watak dalam soalan dengan betul. Pelajar yang lemah dalam menghuraikan jawapan juga dapat dibantu dalam mendapatkan markah yang sepatutnya.

Seterusnya, pengkaji berhajat untuk memberikan Latihan dalam Perkhidmatan (LDP) kepada semua guru Pendidikan Moral di sekolah tentang Teknik “Why and How” untuk membantu pelajar menjana idea dalam menghuraikan jawapan soalan esei yang betul dan tepat. LDP ini diberikan kepada semua guru agar mereka dapat mendedahkan teknik ini kepada semua pelajar agar pelajar dapat mengaplikasikan teknik ini untuk jawapan yang tidak umum dan jawapan yang berkualiti sesuai dengan kehendak skema pemarkahan SPM.

Akhir sekali, pengkaji akan cuba memperbaiki Teknik “Why and How” dalam membantu pelajar menjana idea dalam penulisan soalan esei dari semasa ke semasa sesuai dengan perkembangan semasa sehinggalah terhasilnya satu modul pengajaran dan pemudahcaraan yang lengkap serta boleh digunapakai di peringkat kebangsaan. Pengkaji berharap agar kajian ini dapat dimanfaatkan oleh semua guru bagi menjadikan proses pengajaran dan pemudahcaraan lebih efektif dan inovatif.

PENUTUP

Secara kesimpulannya, hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan ini, pengkaji mendapati kreativiti guru merupakan faktor utama dalam membantu pelajar meningkatkan prestasi mereka. Seorang guru yang efektif, tidak boleh menganggap pelajar itu bodoh dan tidak boleh dibantu kerana setiap masalah mempunyai penyelesaiannya. Guru seharusnya banyak memikirkan teknik-teknik menarik untuk menarik minat pelajar. Sekaligus merancang pengajaran dan pemudahcaraan yang berkesan bagi meningkatkan penguasaan pelajar terhadap sesuatu topik. Pelajar adalah amanah yang dipertanggungjawabkan. Oleh itu, meskipun agak sukar dan kadangkala kita mengeluh dengan pencapaian yang begitu minima dalam setiap mata pelajaran, namun itu bukan alasan untuk kita tidak berbuat apa-apa. Kekangan masa dan bebanan tugas yang semakin bertambah sememangnya tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, kita buat semampunya mungkin supaya semua pelajar menerima pendidikan berkualiti dan selaras berasaskan Kurikulum Pendidikan Kebangsaan.

RUJUKAN

- Aroff, Abdul Rahman & Kasa, Zakaria (1987). *Falsafah dan Konsep Pendidikan*. Kuala Lumpur : Sun U Book Co. Sdn. Bhd.
- Lebar, Othman (2011). *Kajian Tindakan dalam Pendidikan Teori dan Amalan*. Perak : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Malaysia, B. P. (2008). *Buku Manual Kajian Tindakan Edisi Ketiga*. Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya: Kuala Lumpur.
- McPhail, P. (1982). *Social and Moral Education*. London: Allen & Unwin.
- Pa, Nik Aziz. (2008). *Penelitian Terhadap Konsep dan Amalan Pendidikan Nilai dan Moral*. In N. A. Pa, & N. Idris, *Perjuangan Memperkasakan Pendidikan di Malaysia Pengalaman 50 Tahun Merdeka* (pp. 259-3070). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Wilson, P (1971). *Interest and Discipline in Education*. London: Routledge & Keegan Paul.

KAEDAH MULTISENSORI MAMPU MENYELESAIKAN MASALAH DISGRAFIA DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN YANG BERCIRIKAN DISLEKSIA

Syevester Dundang Juan, Sapatomah @ Sabtuyah Morshidi

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak
syevester@hotmail.com¹, sabmorcd@yahoo.com²

ABSTRAK

Murid Pemulihan merupakan murid yang menghadapi masalah pembelajaran dari segi kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira (3M). Disgrafia merujuk kepada kesukaran seseorang individu dalam penulisan terutamanya dari segi ejaan, jarak antara perkataan yang tidak konsisten dan apa yang ditulis adalah tidak selari dengan apa yang difikirkan. Disgrafia yang sinonim dengan kesukaran menulis merupakan salah satu masalah sampingan yang menyumbang kepada kesukaran dalam pembelajaran. Masalah ini perlu ditangani dengan pelbagai cara yang sesuai dengan masalah yang dialami murid tersebut. Didapati kaedah multisensori boleh membantu murid pemulihan yang menghadapi masalah disgrafia. Kaedah multisensori merupakan kaedah pengajaran berdasarkan kekuatan murid untuk mengatasi kelemahan serta membantu melancarkan saluran saraf dan koordinasi. Ini bermaksud aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan melibatkan dua atau lebih deria secara serentak (Kathleen Kelly, & Sylvia Phillips, 2016). Diharap tinjauan literatur ini boleh dijadikan garis panduan untuk mengatasi masalah disgrafia dalam kalangan murid pemulihan.

Kata kunci: murid pemulihan, disgrafia, kaedah multisensori

ABSTRACT

The remedial's students are the student with learning difficulties in basic skills of reading, writing, and counting. Dysgraphia refers to the difficulty of an individual in writing primarily on spelling, inconsistent distance between the word and cannot write in line with what he thinks. Dysgraphia that is synonymous with writing difficulty is one of the side problems that contributes to the difficulty in learning. The problems need to be addressed to various ways as with the problems experienced by the student. It is found that multisensory methods can help remedial's students. It is found that multisensory methods can help the remedial's students that have dysgraphia problems. Multisensory methods are a method of teaching based on student strengths to overcome weaknesses as well as facilitating nerves and coordination. This means teaching and learning activities will involve two or more senses (Kathleen Kelly, Sylvia Philips, 2016). Hopefully, this literature review can be guideline to overcome the problem of dysgraphia.

Keywords: Remedial's students, dysgraphia, Multisensory methods

PENGENALAN

Malaysia mengamalkan sistem pendidikan yang tanpa mendiskriminasikan murid-murid dari segi jantina, keturunan, bahasa, agama, latar belakang dan seumpamanya. Ini boleh disokong dengan berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara iaitu semua kanak-kanak berhak untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna mengikut keupayaan masing-masing. Bagi kanak-kanak berkeperluan khas, mereka juga tidak terkecuali untuk mendapat sistem pendidikan seoptimum melalui program pendidikan khas.

Dalam pendidikan khas, terdapat pelbagai kategori masalah pembelajaran, Contohnya, disleksia, autisme, palsi serebrum dan seumpamanya. Namun begitu, masalah

disleksia akan dibincangkan dalam konteks ini. Menurut Choong Lean Keow (2009: 158), dalam bukunya 'Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku' telah mendefinisikan 'disleksia' ialah kesukaran menggunakan perkataan yang dihadapi oleh murid yang mengalami kecelaruan bahasa.

Masalah disleksia ini juga menyebabkan beberapa masalah turut menyumbang kepada kesukaran dalam pembelajaran seseorang murid pada zaman persekolahan selain masalah membaca dan mengeja. Sebagai contohnya, disgrafia yang melibatkan kesukaran menulis, diskakulia yang melibatkan kesukaran dalam pembelajaran matematik serta masalah bahasa yang melibatkan kesukaran mendengar dan bertutur (Anderson, 1991; Daune, 1991 seperti yang yang dinyatakan dalam Zainal Kassan & Suhaila Abdullah, 2010, 2015).

DISLEKSIA

Berpandukan perangkaan 2001, Kementerian Pendidikan Malaysia menganggarkan bahawa seramai 290000 murid sekolah daripada 4/9 juta murid berkemungkinan memiliki ciri-ciri Masalah Pembelajaran Spesifik (SPLD), Disleksia (KPM, 2000, seperti yang dinyatakan dalam Zainal Kassan, & Suhaila Abdullah, 2015).

Istilah 'disleksia' berasal daripada dua perkataan Latin dan Greek, iaitu 'dys' yang membawa maksud 'kesukaran' dan 'lexis' yang bererti 'bahasa' (Ott, 1997, seperti dinyatakan dalam Sheila Devaraj & Samsilah Raslan, 2006; Zainal Kassan & Suhaila Abdullah, 2010, 2015). Tambahan lagi, Menurut Mercer (1991, seperti yang dinyatakan dalam Zainal Kassan & Suhaila Abdullah, 2010, 2015), disleksia ialah ketidakupayaan yang teruk dalam membaca, melibatkan kesukaran dalam fahaman serta perhubungan antara bunyi-bunyi dan huruf-huruf. Merujuk Akhbar Pardi & Shamsina Shamsuddin (2013: 228) dalam bukunya 'Pengurusan Bilik Darjah & Tingkah laku' mendefinisikan disleksia sebagai ketidakupayaan untuk belajar berkaitan masalah saraf yang mempengaruhi kelancaran atau ketepatan untuk membaca, bertutur atau mengeja.

British Dyslexia Association (n.d.), juga memberi definisi kepada murid yang mengalami disleksia iaitu biasanya mereka mencampurkan huruf dalam perkataan dan perkataan dalam ayat ketika membaca. Mereka juga mengalami kesukaran untuk mengeja ketika menulis dan pembalikan huruf akan berlaku. Namun, disleksia bukan hanya mengenai kelemahan dalam celik huruf walaupun kelemahan dalam celik huruf merupakan tanda yang paling jelas. Disleksia juga menyebabkan kesukaran dalam mempengaruhi cara pemprosesan maklumat, penyimpanan dan pengeluaran, masalah penguatan, kelajuan pemprosesan memori, persepsi masa, organisasi dan urutan. Terdapat juga murid disleksia mengalami kesukaran penentuan arah sama ada arah kiri dan kanan serta arah kompas. Secara ringkasnya, disleksia ialah sejenis masalah pembelajaran. Murid yang mengalami masalah disleksia merupakan murid yang mengalami kesukaran dalam penguasaan literasi bahasa, pengamatan, matematik, pemprosesan maklumat dan ingatan serta kesukaran dalam menentukan arah.

Selain masalah membaca dan mengeja (disleksia), terdapat juga beberapa masalah yang menyebabkan kesukaran pembelajaran dalam diri murid seperti masalah disgrafia yang melibatkan kesukaran menulis, diskalkulia yang menimbulkan kesukaran dalam matematik dan dispraksia yang menyebabkan kelemahan dalam bertindak. Terdapat kecenderungan yang mengkategorikan masalah membaca dan mengeja, menulis dan matematik sebagai disleksia. Hal ini demikian kerana kewujudan situasi seseorang individu mengalami masalah disleksia, disgrafia dan diskalkulia pada masa yang sama. Namun terdapat juga yang tidak setuju dengan mengkategorikan masalah tersebut kepada disleksia kerana setiap masalah tersebut mempunyai definisi yang berbeza.

FAKTOR-FAKTOR BERLAKUNYA DISLEKSIA

Disleksia yang diperoleh oleh seseorang individu adalah disebabkan beberapa faktor. Faktor berlakunya disleksia iaitu genetik. Ini telah dibuktikan oleh Hallgren (1970), seperti

yang dinyatakan dalam Zainal Kassan & Suhaila Abdullah, 2010, 2015) yang membuat kajian ke atas 12 pasangan kembar *monozygote* dan mendapati kesemua keluarga tersebut mengalami masalah dalam ejaan dan bacaan pada zaman persekolahan. Dalam kajian tersebut, beliau juga mendapati kadar lelaki mengalami disleksia daripada perempuan pada nisbah 3:1 atau 2:1. Menurut kajian Derek W. Morris *et al.* (2000), telah membuktikan ketidakupayaan membaca atau disleksia adalah disebabkan oleh kromosom 15q diwarisi secara turun-temurun. Pernyataan tersebut boleh disokong lagi berdasarkan Bradford (2001, seperti yang dinyatakan dalam HBSL 1103 Pengenalan pendidikan kanak-kanak masalah pembelajaran, Open University Malaysia, 2007), dalam kebanyakan kes murid disleksia, terdapat beberapa orang ahli keluarga; sama ada ibu bapa, adik beradik atau saudara terdekat; yang mengalami masalah yang sama. Ini telah menunjukkan disleksia berpunca daripada pengaruh genetik dan boleh diwarisi. Dengan ini telah membuktikan genetik merupakan salah satu faktor menyebabkan disleksia.

Selain itu, faktor neurobiologikal juga mempengaruhi berlakunya disleksia pada seseorang individu. Neurobiologikal ini juga boleh dikenali sebagai sistem saraf atau otak. Merujuk pada teori pemikiran iaitu teori *Split Brain* yang mewujudkan istilah hoka (hemisfera otak kanan)-hoki (hemisfera otak kiri) yang mempunyai fungsi kawalan yang tersendiri. Hoka memainkan peranan dalam ritma, irama, muzik, gambar dan imaginasi. Manakala hoki pula mengawal bahasa logik, angka, matematik dan urutan. Oleh itu, sekiranya seseorang individu yang mengalami masalah neurologikal maka ia akan menyebabkan masalah dalam pemerolehan bahasa secara khususnya mengalami masalah disleksia. Menurut Michel Habib (2000), dalam kajiannya telah menyatakan disleksia berlaku disebabkan pelbagai sistem yang tidak berfungsi dengan baik disebabkan ketidakupayaan asas otak dalam melaksanakan tugas yang memerlukan pemrosesan rangsangan ringkas dengan cepat.

JENIS-JENIS DISLEKSIA

Terdapat tiga jenis disleksia iaitu disleksia bawaan/ *congenital*, disleksia perolehan dan disleksia perkembangan. Disleksia bawaan akan berlaku ketika seseorang kanak-kanak tersebut dijangkiti kuman pada sistem saraf otak sejak dilahirkan atau kecederaan akibat kemalangan semasa proses perkembangan. Kanak-kanak yang selalu demam selesema dan kepada terhantuk akan menyebabkan gangguan pada perkembangan sistem saraf otak secara normal. Secara tidak langsungnya, ini juga akan menyebabkan seseorang kanak-kanak tersebut gagal menguasai pemerolehan kemahiran bahasa seperti kanak-kanak yang lain.

Disleksia perolehan pula berlaku apabila seseorang kanak-kanak itu dewasa. Namun, peratus kejadian adalah lebih kecil berbanding disleksia perkembangan. Ia berlaku disebabkan penyakit yang mengganggu pusat bahasa pada bahagian otak. Terdapat beberapa penyelidik telah mendapati gen merupakan faktor penyebab disleksia. Penelitian pada saudara kembar dan saudara jauh juga membuktikan disleksia berlaku melalui gen. Perkembangan otak yang terganggu akan menyebabkan perkembangan otak pada jalur yang seharusnya. Gangguan tersebut hanya berlaku pada daerah otak yang berhubung dengan bahasa khususnya jalur membaca. Walau bagaimanapun, otak akan membuat penggantian dengan perkembangan bahasa pada pusat lain dan ini akan membolehkan individu disleksia mempunyai kemampuan yang pelbagai. Secara ringkasnya, disleksia perkembangan sering ditemui dan terjadi sejak kecil lagi serta disebabkan oleh kelainan genetik pada seseorang individu.

DISGRAFIA

Disgrafia merupakan seseorang individu yang mengalami masalah dalam menulis, jarak yang tidak konsisten, perancangan ruang yang buruk pada kertas, kesalahan ejaan, dan sukar menulis ketika berfikir dan bertulis secara serentak (*Learning Disabilities Association of America*, 2002). Manakala menurut *International Dyslexia Association* (n.d.), disgrafia berasal daripada perkataan Greek. Kata dasar 'graf' merujuk kepada fungsi tangan

dalam menulis dan pembentukannya menggunakan tangan. Awalan 'dis' pula merujuk kepada kecacatan dalam penghasilan huruf. Akhiran 'ia' merujuk kepada keadaan yang dialami. Oleh itu disgrafia adalah suatu keadaan di mana terdapat kecacatan huruf yang ditulis iaitu kesukaran untuk menulis. Kecacatan menulis boleh mengganggu proses pembelajaran mengeja perkataan ketika menulis dan kelancaran menulis. Kanak-kanak yang mengalami disgrafia mungkin hanya mempunyai kecacatan dalam menulis, atau kesukaran mengeja tanpa menghadapi masalah membaca atau mengalami kedua-duanya. Dengan ini disgrafia boleh merujuk kepada kesukaran seseorang individu dalam penulisan terutamanya dari segi ejaan, jarak antara perkataan yang tidak konsisten dan apa yang ditulis adalah tidak selari dengan apa yang difikirkan. Di samping itu, terdapat beberapa ciri-ciri yang juga menunjukkan seseorang individu menghadapi masalah disgrafia. Sebagai contohnya, penggunaan huruf besar dan huruf kecil masih bercampur, memegang alat tulis terlalu dekat dengan kertas dan menekan pada kertas, agak sukar menulis walaupun sedang menyalin, menulis secara terbalik dan kesalahan ejaan.

PERKAITAN MURID PEMULIHAN DENGAN MASALAH DISGRAFIA

Merujuk Pusat Perkembangan Kurikulum 1984, dipetik daripada Garis Panduan Program Pemulihan Khas (2012), murid pemulihan merupakan mereka yang menghadapi masalah pembelajaran dan mempunyai tingkah laku yang menjejaskan pembelajaran serta kurang sikap keyakinan dan sikap positif terhadap pembelajaran. Murid pemulihan juga mengalami kesukaran membaca dan mengalami masalah dalam tulisan. Sebagai contohnya, jarak antara perkataan tidak sekata, meninggalkan huruf atau perkataan ketika menulis, penggunaan huruf besar dan huruf kecil masih bercampur dan terdapat beberapa orang murid pemulihan memegang alat tulis terlalu dekat dengan kertas seperti yang bercirikan masalah disgrafia. Menurut Rajesvari Ramasamy (2008), terdapat 91 orang murid pemulihan yang terlibat dalam kajiannya didapati termasuk dalam kategori individu yang mempunyai tahap disleksia yang tinggi, 26 orang pula dalam kategori tahap sederhana dan 3 orang daripada keseluruhan 120 orang murid termasuk dalam kategori tahap rendah. Dengan merujuk kepada kajian tersebut, adalah menunjukkan hubungan antara murid pemulihan dengan masalah disleksia khususnya disgrafia. Oleh itu, Guru pemulihan perlu melakukan intervensi awal apabila dapat mengesan masalah yang dihadapi oleh murid sama ada dari segi pemerhatian, hasil kerja dan temu bual.

KAEDAH MULTISENSORI

Secara tidak langsungnya, sebagai seorang guru khususnya guru pemulihan perlu mengetahui masalah yang dihadapi dan sedar terhadap kaedah atau teknik yang sesuai untuk membantu murid bermasalah disgrafia. Murid-murid pemulihan yang mempunyai ciri-ciri disgrafia sering kali mengalami masalah dalam menguasai bahasa. Murid tersebut juga mengalami kesukaran dalam menghubungkan bunyi dengan perkataan, membunyikan perkataan dan mengingati kosa kata yang baru. Sebagai contohnya, terdapat juga murid-murid pemulihan yang bercirikan disleksia dan disgrafia mengalami kesukaran dalam menguasai kemahiran membaca (membunyikan) dan menulis huruf vokal dan konsonan seperti pada konstruk literasi yang pertama. Kesukaran tersebut akan menyebabkan murid tersebut tidak dapat menguasai kemahiran yang lebih tinggi. Oleh itu, sebagai seorang guru pemulihan perlu peka terhadap masalah yang dihadapi dan kaedah yang sesuai dengan murid disleksia. Dengan ini juga akan membantu mereka untuk terus menguasai kemahiran dan lebih berminat untuk belajar.

Berdasarkan Teori Kecerdasan Pelbagai yang telah diasaskan oleh Gardner pada tahun 1983. Teori ini telah dibina berasaskan kajian beliau terhadap pelbagai kriteria yang tersendiri termasuk kanak-kanak biasa dan kanak-kanak istimewa. Gardner telah memperkenalkan sembilan jenis kecerdasan sebagai satu cara untuk mengukur potensi kecerdasan manusia. Kecerdasan peserta kajian yang terlibat ketika menjalankan aktiviti iaitu kecerdasan Verbal-Linguistik, kecerdasan Kinestetik-Badan, kecerdasan Ruang Visual,

kecerdasan Interpersonal, dan kecerdasan Intrapersonal (Howard Gardner, 1983 seperti yang dinyatakan dalam Katerina Andriotis, 2012; Salhah Abdullah, 2009; Linda Campbell, Bruce Campbell, & Dee Dickinson, 2004). Menurut Mohdanuar (2012), dalam kajiannya keberkesanan Kaedah Multisensori dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Kanak-kanak Disleksia menunjukkan kaedah multisensori meningkatkan pencapaian subjek berbanding dengan kaedah tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan itu, kaedah multisensori atau dikenali sebagai kaedah pelbagai deria boleh digunakan untuk membantu murid-murid disleksia yang belum menguasai kemahiran membaca (membunyikan) dan menulis huruf vokal dan konsonan seperti pada konstruk literasi yang pertama. Kaedah tersebut juga lebih dikenali sebagai kaedah VAKT iaitu *visual* (V, penglihatan), *auditory* (A, pendengaran), *kinesthetic* (K, pergerakan) dan *tactile senses* (T, sentuhan). Kaedah ini berasaskan prinsip “rangsangan” dalam pembelajaran dan berdiri atas premis bahawa rangsangan ke atas beberapa deria yang sensitif serta boleh mengukuhkan pembelajaran. Dengan ini juga boleh memberikan pendedahan kepada murid-murid pemulihan bercirikan disgrafia belajar sesuatu perkara atau konsep melalui pelbagai deria. Murid-murid tersebut juga tidak akan berasa cepat bosan ketika belajar. Hal ini demikian kerana murid-murid tersebut akan melakukan aktiviti secara *hand-on* dan *mind-on*. Menurut Dora Dindu (2013), kaedah multisensori juga merupakan satu terapi yang banyak dipraktikkan untuk membantu kanak-kanak bermasalah pembelajaran dan kanak-kanak istimewa.

Charlene Alexandra Wrighton (2010) telah menjalankan kajiannya “Determining The Effectiveness of Multisensory Approach to Teach the Alphabet and Phonemic Awareness Mastery in Kindergarten Children” di enam buah kelas tadika di tiga buah sekolah yang berlainan. Hasil dapatannya menunjukkan kanak-kanak lebih aktif dan suka bermain sambil belajar dengan huruf-huruf serta boleh mengekalkan tumpuan mereka ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, teknik multisensori dapat meningkatkan ingatan jangka masa yang panjang kepada kanak-kanak yang bukan sahaja dapat mengecam huruf-huruf, tetapi boleh mempengaruhi pembacaan, ejaan dan penulisan mereka.

Selain itu, Josephine Ensuna (2012), telah menggunakan strategi permainan multisensori ‘lihat’, ‘pilih’, ‘sentuh’, ‘tuliskan’, ‘padan’ dalam membantu murid pemulihan dalam mengingat huruf. Dapatan kajiannya telah menunjukkan permainan multisensori multisensori ‘lihat’, ‘pilih’, ‘sentuh’, ‘tuliskan’, ‘padan’ membantu murid mengingat huruf dan memperbaiki cara menulis huruf dengan betul.

Information transparency: *The ability of information systems to create a virtual copy of the physical world by enriching digital plant models with sensor data. This requires the aggregation of raw sensor data to higher-value context information.*


Technical assistance: *First, the ability of assistance systems to support humans by aggregating and visualizing information comprehensibly for making informed decisions and solving urgent problems on short notice. Second, the ability of cyber physical systems to physically support humans by conducting a range of tasks that are unpleasant, too exhausting, or unsafe for their human co-workers.*

Decentralized decisions: *The ability of cyber physical systems to make decisions on their own and to perform their tasks as autonomously as possible. Only in the case of exceptions, interferences, or conflicting goals, are tasks delegated to a higher level.*

Half of US jobs could be taken by robots in the next 20 years — here's how likely it is that yours will be one of them.

Elena Holodny, Business Insider US
August 11, 2016

People are worried about their jobs being taken over by robots. And so, in a recent note to clients, a Morgan Stanley team led by Elga Bartsch included a chart showing the probability of various jobs becoming automatable. They used data from a recent study by Carl Benedikt Frey and Michael A. Osborne, which found that about 47% of total US employment is at risk of being replaced by machines over the next two decades. "A material shift in the composition of the labour force would result as demand for low skilled labour remains robust as many personal in-person services are not yet replaceable by machines," according to the Morgan Stanley team. "Hence, the bifurcation in productivity of the workforce to low and high-skilled could be weighing on average productivity growth." The Morgan Stanley selected 15 various jobs for their chart, but if you want to see more head over to Frey and Osborne's report.



Morgan Stanley Research, University of Oxford, 2016

MENINGKATKAN PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBACA PERKATAAN KV+KVK MURID PEMULIHAN TAHAP 1 MELALUI PERMAINAN MENCARI PERKATAAN TERSEMBUNYI

Syevester Dundang Juan, Selvaraj Grapragasem

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam 98008, Miri, Sarawak
syevester@hotmail.com, gselva62@gmail.com

ABSTRAK

Ini merupakan kertas cadangan bagi kajian tindakan berdasarkan Model Kurt Lewin (1946) dan merangkumi empat langkah, iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Kajian ini adalah untuk menilai dan meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVK murid pemulihan tahap satu melalui Permainan Mencari Perkataan Tersembunyi (PMPT). Kemahiran membaca merupakan suatu wahana kepada seseorang individu untuk berinteraksi dengan bahan-bahan yang mempunyai perkataan bagi memperoleh sesuatu ilmu pengetahuan yang baru. Murid-murid juga wajib menguasai kemahiran membaca bagi menyediakan diri untuk belajar ke peringkat yang lebih tinggi dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian mereka. Objektif kajian ini termasuklah membolehkan murid pemulihan tahap satu menyebut suku kata KV dan KVK melalui PMPT serta meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVK menggunakan PMPT. Kajian ini akan dilaksanakan pada praktikum fasa kedua di sebuah sekolah di Miri. Dua murid lelaki dan dua murid perempuan yang belum menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVK akan dipilih sebagai peserta kajian. Pengkaji akan menggunakan ujian 1 untuk mengenal pasti peserta kajian sebelum mengaplikasikan PMPT dalam pengajaran dan pembelajaran. Manakala bagi ujian 2 digunakan untuk menguji keberkesanan PMPT dalam meningkatkan kemahiran membaca perkataan KV+KVK peserta kajian sebelum tamat kajian kitaran satu. Ujian tersebut memerlukan peserta kajian mencari perkataan tersembunyi berdasarkan perkataan yang disediakan dan membacanya. Ujian lisan juga dilaksanakan dalam proses pengumpulan data. Seterusnya, pengkaji akan menggunakan analisis hasil kerja murid dalam pengumpulan data. Skala penguasaan bagi ujian 1, ujian 2 dan ujian lisan disediakan sebagai garis panduan. Triangulasi data dilakukan untuk mengekalkan kesahan data serta mengelakkan bias.

Kata kunci: Kemahiran membaca, perkataan KV+KVK, pengajaran dan pembelajaran (PMPT), model Kurt Lewin, Permainan Mencari Perkataan Tersembunyi

ABSTRACT

This is a proposal paper for an action research which is based on the Kurt Lewin model (1946) which includes four steps, namely planning, acting, observing and reflecting. This research is to evaluate and improve the Level one remedial class students' reading skills in CV+CVC words using Hidden Word Search Games (HWSG). Reading is a skill for an individual to interact with materials that have the words to acquire new knowledge. Students are also required to master their reading skills to prepare themselves for higher learning and apply them in their daily life. The objective of this research includes enabling Level one remedial students to pronounce CV and CVC syllable through HWSG as well as improve their ability to read the CV + CVC words using HWSG. This study will be conducted during the second phase of practicum at a school in Miri. Two boys and two girls who have not mastered the CV+CVC reading skills will be the research participants. The researcher will use test 1 to identify the targeted participants before applying HWSG in teaching and learning. Where else, Test 2 will be used to identify the

effectiveness of HWSG in improving the reading skills of CV+CVC words to participants before the end of the first research cycle. The test requires the participants to look for the hidden words based on the words provided and read them. Oral test will be carried out in the process of data collection. Researchers will also use the analysis of student work in data collection. Level of mastery scale for test 1, test 2 and oral test are provided as a guideline. Data triangulation is done to maintain data validity and avoid biasness.

Key word: Reading skills, KV+KVK words, teaching and learning, Kurt Lewin model, Hidden Word Search Games

PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Program Pendidikan Pemulihan Khas semenjak tahun 1960-an. Tujuan program tersebut adalah untuk membantu murid-murid di sekolah rendah yang mengalami masalah dalam penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Menurut Richard Woods (2017), Program Pendidikan Pemulihan adalah satu program pengajaran yang direka untuk murid-murid di gred 6-12 yang telah dikenal pasti kekurangan dalam membaca, menulis dan mengira. Program ini menyediakan kemahiran asas individu seperti yang diamanahkan oleh Georgia Law dalam bidang bacaan, tulisan dan matematik.

Merujuk Pusat Perkembangan Krikulum 1984, dipetik daripada Garis Panduan Program Pemulihan Khas (2012), murid pemulihan merupakan mereka yang menghadapi masalah pembelajaran dan mempunyai tingkah laku yang menjejaskan pembelajaran serta kurang sikap keyakinan dan sikap positif terhadap pembelajaran.

Menurut Jeniri Amir (2013), Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang memainkan pelbagai peranan di negara ini. Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu merujuk kepada penggunaan bahasa itu dalam sistem pendidikan negara. Dengan itu, mereka perlu menguasai kemahiran berlisani dan kemahiran menulis khususnya kemahiran membaca dalam Bahasa Melayu. Kemahiran membaca dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (2016), iaitu keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul dengan menggunakan pelbagai bacaan. Penekanan diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis.

Menurut Joseph Tindan (2015), membaca merupakan asas suatu kemahiran asas bahasa yang penting dalam Bahasa Melayu. Bacaan yang lancar dengan intonasi dan sebutan yang betul harus dikuasai oleh murid bagi memudahkan proses menimba pelbagai ilmu pengetahuan. Kelemahan dalam menguasai kemahiran membaca akan menjejaskan penggunaan sistem bahasa dan juga kegramatisan bahasa yang dituturkan khususnya Bahasa Melayu.

Seterusnya, menurut Rafiah Mohamad (2015), kebolehan membaca merupakan satu tingkah laku manusia yang kompleks. Membaca merupakan satu proses komunikasi manusia dengan bahan bercetak. Dalam proses tersebut, manusia mentafsir dan memberi makna kepada bahan tersebut yang umumnya bahan bertulis.

Oleh itu, kemahiran membaca merupakan suatu wahana kepada seseorang individu untuk berinteraksi dengan bahan-bahan yang mempunyai perkataan bagi memperoleh sesuatu ilmu pengetahuan yang baru. Murid-murid juga wajib menguasai kemahiran membaca bagi menyediakan diri mereka untuk belajar ke peringkat yang lebih tinggi dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Menurut Mary Briggs & Alice Hansen (2012), permainan ialah sebarang aktiviti berfungsi sebagai rekreasi. Keseronokan dan penciptaan diperlukan tetapi tidak

menentukan ciri-ciri permainan. Permainan juga adalah spontan dan suka rela serta memberi motivasi secara intrisik.

Sara Jane Quinn (2016) telah menjalankan kajian tentang Belajar Bermain dan Bermain Untuk Belajar: Peranan Permainan Simbolik Dalam Perolehan Bahasa. Hasil kajiannya telah melaporkan kepentingan konteks bermain sebagai simbolik dalam interaksi ibu bapa dengan bayi yang merangsang pertumbuhan bahasa pada awal kanak-kanak. Jika dalam konteks bermain tertentu boleh menggalakkan pertukaran makna (contohnya memperkenalkan cawan sebagai topi), maka perundingan makna antara rakan bermain akan berlaku yang bukan sahaja membantu menubuhkan rujukan umum, ia juga akan membolehkan perkembangan bahasa dan kebolehan bermain pada kanak-kanak.

Zainab Zainal (2012) telah menjalankan kajian untuk meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVK menggunakan permainan Ting-Ting Minda dalam kalangan murid pemulihan. Objektif kajian adalah membantu murid pemulihan membaca perkataan KV+KVK dengan lancar melalui kaedah permainan Ting-Ting Minda. Dapatan kajian menunjukkan permainan Ting-Ting Minda ternyata telah berjaya memupuk minat dan meningkatkan kebolehan membaca perkataan KV+KVK murid pemulihan.

Siti Fatimah Kassim (2012) menjalankan kajian tindakan untuk penggunaan "Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)" dalam meningkatkan kemahiran merumikan perkataan jawi yang mengandungi suku kata terbuka. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan permainan tersebut meningkatkan kemahiran merumikan perkataan jawi yang mengandungi suku kata terbuka.

FOKUS KAJIAN

Berdasarkan pengalaman praktikum fasa pertama yang lepas di sebuah sekolah bahagian Miri. Renungan mendalam terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu, terdapat 2 orang murid pemulihan masih lemah menguasai kemahiran membaca dan menulis perkataan suku kata tertutup walaupun terdapat gambar dan suku kata. Contohnya, murid tidak boleh mengeja perkataan beras, setem, tilam, nanas dan gajah.

Semasa proses PdP berlangsung, pengkaji telah membuat pemerhatian ke atas murid-murid pemulihan (MMP) dan mendapati MMP suka bermain serta bercakap dengan rakan mereka. Pelbagai wahana modifikasi tingkah laku terhadap MMP juga telah diaplikasikan dalam kelas seperti ekonomi token dan batang ais krim berwarna merah sebagai amaran.

Menurut kajian Dayangku Rohani Pengiran Matyasin (2015), kaedah permainan dianggap sebagai salah satu strategi instruksional yang efektif dalam pembelajaran terutamanya bagi kanak-kanak. Permainan boleh diintegrasikan dalam aktiviti pengajaran untuk meningkatkan minat dan motivasi kanak-kanak serta usaha untuk menyelesaikan sesuatu tugas pembelajaran.

Menurut Anita L. Archer, dan Charles A. Hughes (2011), dalam usaha pertumbuhan akademik murid, salah satu alat yang terbaik untuk pendidik adalah arahan yang jelas, berstruktur, bersistematik dan metodologi yang berkesan ketika mengajar. Dengan ini jelas bahawa arahan yang jelas boleh meningkatkan lagi pencapaian murid ketika melakukan aktiviti.

Elizabeth (2012) telah menjalankan kajian tindakan tentang teknik latih tubi membantu murid pemulihan menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVK. Objektif kajian adalah menggunakan teknik latih tubi untuk membantu peserta membaca perkataan KV+KVK dan meningkatkan minat peserta dalam membaca. Dapatan kajian telah menunjukkan peningkatan positif dan penguasaan baik dalam membaca perkataan KV+KVK dan minat peserta.

Menurut kajian Abdul Rasid Jamian (2011), keupayaan membaca merupakan suatu kemahiran yang amat bernilai dan merupakan proses yang dinamik, iaitu memerlukan komunikasi yang aktif dan bermakna antara pembaca dengan penulis. Membaca juga boleh dikatakan sebagai keupayaan seseorang mengecam bentuk visual dan menghubungkan antara bentuk dengan bunyi dan melalui pengalaman serta berupaya mentafsirkan maksudnya.

Selain itu, kajian ini memberi fokus kepada Permainan Mencari Perkataan Tersembunyi (PMPT) untuk membantu peserta kajian menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVK. PMPT ialah sejenis permainan pen dan kertas yang sangat popular selain daripada teka silang kata. Permainan ini bukanlah jenis pertandingan yang mana dua atau lebih pemain berlumba untuk menang dalam permainan. Walau bagaimanapun, guru boleh menjadikan permainan ini sebagai aktiviti pertandingan. Menurut Dzul Hazim (2013), telah menyatakan PMPT boleh menguji minda dan mencabar tahap kesabaran peserta. Dengan ini juga boleh menguji ketangkasan minda peserta untuk menyelesaikan PMPT dengan menghadkan masa. Dengan ini, peserta juga boleh menajamkan mata dan mencerdaskan minda.

Menurut Ainatus Sholikhah (2011), PMPT dalam mengajar kata nama am telah menunjukkan peningkatan pencapaian penguasaan kata nama am bagi kumpulan yang terlibat berbanding dengan kumpulan terkawal.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian yang telah ditetapkan seperti berikut:

- a. Membolehkan murid pemulihan tahap 1 untuk menyebut suku kata KV dan KVK melalui Permainan Mencari Perkataan Tersembunyi (PMPT).
- b. Meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVK murid pemulihan tahap 1 melalui PMPT.

Soalan kajian yang telah ditetapkan seperti berikut:

- a. Adakah PMPT membolehkan murid pemulihan tahap 1 menyebut suku kata KV dan KVK?
- b. Adakah PMPT dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVK murid pemulihan tahap 1?

PESERTA KAJIAN

Pengkaji akan turut menyertai dalam kajian tindakan. Pengkaji akan memilih 4 orang peserta kajian yang terdiri daripada 2 lelaki (L) dan 2 perempuan (P). Kajian tindakan ini akan dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Z (bukan nama sebenar) di bahagian Miri. Peserta kajian yang terlibat dalam kajian tindakan ini iaitu peserta kajian yang masih gagal menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVK berdasarkan ujian 1 dan ujian lisan sebelum intervensi dilaksanakan. Peserta kajian yang dipilih adalah peserta kajian yang mendapat skor kurang daripada 50% pada ujian 1 dan ujian lisan.

TINDAKAN YANG DIJALAKAN

Pengkaji telah memilih model kajian tindakan Kurt Lewin 1946 sebagai pendoman untuk kajian tindakan yang akan dilaksanakan bagi memastikan kajian dilaksanakan dengan

lebih bersistematik. Rasional pengkaji memilih model kajian tindakan Kurt Lewin 1946 iaitu pengkaji telah mengenalpasti masalah atau kemahiran yang perlu dirawat pada praktikum fasa pertama. Menurut Rodiah Watti Mohamad Nahrawi (2015), telah menggunakan model ini dan membuktikan ia mendatangkan keputusan yang positif untuk membantu subjek kajiannya untuk menguasai sesuatu kemahiran dengan terancang. Modul kajian ini juga digunakan sebagai kerangka asas kajian pengkaji Nur Hanis Binti Mohd Hatta (2012) bagi menjayakan kajiannya.

Pengkaji akan menggunakan PMPT sebagai tindakan kepada masalah yang ingin diselesaikan. Aplikasi PMPT merupakan aktiviti mencari perkataan tersembunyi daripada sekumpulan huruf yang dicampur adukkan berdasarkan perkataan dan gambar yang disediakan. Peserta kajian perlu membaca setiap perkataan yang ingin dicari secara mekanis sebelum dan selepas mencarinya.

Pengkaji juga telah menetapkan arahan sebelum, semasa dan selepas aktiviti permainan kepada peserta kajian. Hal ini amat penting untuk memastikan peserta kajian menjalankan aktiviti permainan dengan lebih bersistematik dan mencapai objektif kajian. Contohnya, membaca setiap perkataan sebelum dan selepas mencari perkataan tersembunyi secara mekanis. Semasa bermain, peserta kajian perlu mengikut giliran yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

Berdasarkan Teori Kecerdasan Pelbagai yang telah diasaskan oleh Gardner pada tahun 1983. Teori ini telah dibina berasaskan kajian beliau terhadap pelbagai kriteria yang tersendiri termasuk kanak-kanak biasa dan kanak-kanak istimewa. Gardner telah memperkenalkan sembilan jenis kecerdasan sebagai satu cara untuk mengukur potensi kecerdasan manusia. Kecerdasan peserta kajian yang terlibat ketika menjalankan aktiviti iaitu kecerdasan Verbal-Linguistik, kecerdasan Kinestetik-Badan, kecerdasan Ruang Visual, kecerdasan Interpersonal, dan kecerdasan Intrapersonal (Howard Gardner, 1983 seperti yang dinyatakan dalam Katerina Andriotis, 2012; Salhah Abdullah, 2009; Linda Campbell, Bruce Campbell, & Dee Dickinson, 2004). Berpandukan teori kecerdasan kepelbagaian, pengkaji menggunakan PMPT yang mempunyai perkataan dan gambar disediakan sebagai panduan kepada peserta kajian.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

Pengkaji berpandukan model Kurt Lewin 1946 untuk merancang langkah-langkah tindakan yang akan dilaksanakan.

MERANCANG

Bagi langkah pertama iaitu merancang, pengkaji akan merancang satu tindakan yang dirasakan relevan supaya tindakan yang dijalankan selari dengan masalah yang ingin diatasi. Terdapat dua objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu membolehkan murid pemulihan tahap 1 menyebut suku kata KV dan KVK dan meningkatkan kemahiran membaca perkataan KV+KVK melalui Permainan Mencari Perkataan Tersembunyi (PMPT). Teknik PMPT akan digunakan untuk membolehkan peserta kajian menguasai kemahiran yang ingin dirawat. Pengkaji akan menggunakan ujian 1 (Lampiran E) dan 2 (Lampiran F), ujian lisan (Lampiran G) dan analisis dokumen iaitu lembaran kerja (Lampiran H, I dan J) sebagai alat pengumpulan data. Pengkaji juga akan merancang dan menetapkan kriteria serta penanda aras yang minimum untuk melihat kesahan tindakan yang akan dilaksanakan.

BERTINDAK

Pada langkah ini, pengkaji akan melaksanakan tiga kali intervensi dalam kitaran 1 kajian dan setiap intervensi selama 1 jam dengan strategi yang telah dirancang. Pada masa

yang sama pengkaji juga akan memulakan pengumpulan data. Pengkaji akan menggunakan ujian 1 dan ujian lisan sebelum intervensi dilakukan untuk mendapatkan tahap pencapaian bagi pemilihan peserta kajian. Selepas setiap intervensi dilaksanakan, analisis dokumen iaitu lembaran kerja akan dibuat untuk menganalisis penguasaan peserta kajian terhadap suku kata KV dan KVK. Ujian 2 akan dilaksanakan untuk membandingkan skor ujian 1 dan ujian 2 pada kitaran 1.

INTERVENSI PERTAMA

Pengkaji akan menjalankan proses PdP berkenaan perkataan KV+KVK dengan menggunakan slaid *power point* (PPT) pada langkah 1 dalam PdP. Pada langkah 2 PdP, pengkaji akan memperkenalkan PMPT dengan menyusun kad huruf menjadi perkataan KV+KVK secara melintang sahaja. Arahan permainan sebelum, semasa dan selepas akan diterangkan kepada peserta kajian. Contohnya, peserta kajian perlu membaca setiap perkataan sebelum dan selepas mencarinya secara mekanis. Peserta kajian perlu mengikut giliran semasa permainan dilaksanakan. Selepas peserta kajian berjaya menjumpai perkataan tersembunyi, kad huruf tersebut perlu digariskan dengan menggunakan pen marker. Pada langkah 3 PdP, peserta kajian akan mula menyiapkan lembaran kerja seperti "Mari Menyebut Saya", "Baca dan padankan suku kata berdasarkan gambar dengan betul" dan "Mari Mencari saya". Perkataan KV+KVK yang terlibat iaitu "belon", "cawan", "gajah", "robot" dan "tikus".

INTERVENSI KEDUA

Pengkaji akan menjalankan proses PdP seperti pada intervensi pertama. Pada intervensi kedua, peserta kajian akan menyatakan semula arahan permainan dan dibimbing oleh pengkaji pada langkah 2 PdP. Pengkaji juga akan menggunakan kad huruf untuk membentuk PMPT dan perkataan tersebut disusun secara menegak dan melintang dengan penambahan beberapa kad huruf yang lain. Peserta kajian akan menjalankan aktiviti secara berpasangan. Ini adalah untuk menerapkan nilai kerjasama antara peserta kajian. Sebagai contohnya, peserta kajian A dan B akan membaca perkataan terlebih dahulu sebelum mencarinya. Pada langkah 3 PdP, peserta kajian akan menyiapkan lembaran kerja seperti pada intervensi pertama. Perkataan yang terlibat iaitu "kapur", "lobak", "pagar", "rumah" dan "setem".

INTERVENSI KETIGA

Pada langkah 1, proses PdP seperti pada intervensi pertama yang melibatkan perkataan KV+KVK seperti "bakul", "lipas", "nanas", "sikat" dan "tilam". Pada langkah 2 PdP, peserta kajian akan menyiapkan lembaran kerja seperti pada intervensi pertama. Pada intervensi ini, pengkaji akan menyediakan lembaran khas (Lampiran K) untuk dijadikan pertandingan pada langkah 3 PdP. Ini adalah untuk meningkatkan daya saing yang sihat antara peserta kajian. Selepas pertandingan, ganjaran akan diberikan kepada peserta kajian yang dapat membaca setiap perkataan yang dijumpai dengan betul.

MEMERHATI

Pada langkah ini, pengkaji akan mula membuat analisis data berdasarkan instrumen-instrumen yang telah ditadbirkan pada pengumpulan data. Langkah ini dilaksanakan adalah untuk menilai keberkesanan tindakan intervensi yang telah dilaksanakan dan adakah persoalan kajian telah dijawab.

MEREFLEK

Sebelum pengkaji memulakan kitaran kedua, pengkaji akan membuat refleksi pada langkah terakhir pada kitaran 1. Pengkaji akan mengkaji semula hasil analisis data yang diperoleh. Selepas itu, pengkaji akan mengambil inisiatif untuk melaksanakan kitaran 2 sebagai kesinambungan dan pengukuhan terhadap kajian kitaran 1.

PERANCANGAN KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Data akan dikumpul melalui ujian 1 dan ujian 2, analisis dokumen, dan senarai semak dengan rakaman audio.

UJIAN 1 DAN UJIAN 2

Ujian 1 ditadbirkan untuk tujuan pemilihan peserta kajian sebelum intervensi manakala ujian 2 akan ditadbirkan selepas ketiga-tiga intervensi kepada peserta kajian. Hasil keputusan ujian akan dibandingkan untuk menilai kebolehan menjawab soalan kajian yang telah ditetapkan. Kedua-dua ujian tersebut adalah sama dan mengandungi 15 perkataan tetapi cara penyusunan perkataan tersembunyi berlainan. Ini adalah untuk memberikan peluang kepada peserta kajian mengenalpasti perkataan KV+KVK.

UJIAN LISAN

Sebelum dan selepas peserta kajian mengikuti intervensi, pengkaji akan menggunakan ujian lisan bagi menilai tahap penguasaan membaca perkataan KV+KVK mereka. Pengkaji akan menandakan tanda (✓) pada perkataan yang boleh dibaca oleh peserta kajian dan tanda (x) bagi yang salah pada senarai semak sementara rakaman audio dilakukan. Hasil rakaman akan disimpan untuk mengelakkan bias.

ANALISIS DOKUMEN

Pengkaji akan membuat analisis dokumen peserta kajian selepas setiap intervensi iaitu menganalisis hasil kerja mereka. Melalui hasil analisis, pengkaji boleh mengetahui tahap peserta kajian dalam menyebut suku kata KV dan KVK bagi membentuk perkataan KV+KVK. Rakaman audio dibuat sebagai eviden kepada pengkaji ketika peserta kajian menyebut bagi mengelakkan bias.

PERANCANGAN CARA MENGANALISIS DATA

Kriterian skor disediakan untuk memudahkan proses menganalisis data sama ada ujian 1 dan ujian 2 ataupun Ujian lisan. Analisis dokumen akan digunakan untuk menganalisis hasil kerja peserta untuk melihat kebolehan peserta menyebut suku kata KV dan KVK. Pengkaji akan membuat triangulasi data untuk mengekalkan kesahan dan kebolehpercayaan data serta mengelakkan bias.

UJIAN 1 DAN UJIAN 2

Data ujian 1 dan ujian 2 akan dianalisis dengan merujuk kepada bilangan perkataan yang betul. Peserta kajian akan mendapat 1 skor ketika boleh membaca perkataan tersembunyi yang dijumpainya. *Rajah 1* merupakan rumus pengiraan markah ujian 1 dan ujian 2. Simbol x ialah bilangan skor yang peserta kajian dapat

$$\text{Skor peserta kajian} = \frac{x}{15} \times 100\%$$

Rajah 1. Rumus pengiraan markah ujian

Data yang telah dianalisis boleh dirumuskan dengan menggunakan skala Jadual 1.

Jadual 1. Analisis data ujian 1 dan ujian 2

Skor	Huraian
0-24	Sangat lemah dalam mencari perkataan tersembunyi dan kemahiran membaca perkataan dengan betul. Sangat lemah dari segi mencari perkataan KV+KVK dan membaca dengan betul pada tahap yang tidak memuaskan.
25-49	Lemah dalam mencari perkataan tersembunyi dan kemahiran membaca perkataan dengan betul. Lemah dari segi mencari perkataan KV+KVK dan membaca dengan betul pada tahap yang kurang memuaskan.
50-74	Sederhana dalam mencari perkataan tersembunyi dan kemahiran membaca perkataan dengan betul. Masih boleh mencari perkataan KV+KVK dan membaca dengan betul pada tahap yang memuaskan.
75-100	Baik dalam mencari perkataan tersembunyi dan kemahiran membaca perkataan dengan betul. Dapat mengenal perkataan KV+KVK dan membaca dengan betul.

Berdasarkan jadual 1, peserta kajian yang mendapat skor kurang daripada 50% pada ujian 1 akan disasarkan kajian. Peserta kajian juga akan menduduki ujian 2 selepas semua intervensi. Jika skor dalam ujian 2 melebihi skor dalam ujian 1, ini menunjukkan intervensi tersebut dianggap berkesan dalam membantu peserta kajian dalam menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVK.

UJIAN LISAN

Ujian lisan akan dianalisis dengan merujuk kepada bilangan perkataan yang betul. Peserta kajian akan mendapat 1 skor ketika membaca setiap satu perkataan dengan betul. *Rajah 2* merupakan rumus pengiraan markah membaca. Simbol y merupakan bilangan perkataan yang dibaca dengan betul.

$$\text{Skor peserta kajian} = \frac{y}{15} \times 100\%$$

Rajah 2. Rumus pengiraan markah membaca

Data yang telah dianalisis boleh dirumuskan dengan menggunakan skala Jadual 2.

Jadual 2. Analisis data membaca

Skor	Huraian
0-24	Sangat lemah dalam kemahiran membaca perkataan KV+KVK . Sangat lemah dari segi mengenali perkataan KV+KVK dan membaca dengan betul pada tahap yang tidak memuaskan.
25-49	Lemah dalam kemahiran membaca perkataan KV+KVK. Lemah dari segi mengenali perkataan KV+KVK dan membaca dengan betul pada tahap yang kurang memuaskan.
50-74	Sederhana dalam kemahiran membaca perkataan KV+KVK. Masih boleh mengenal perkataan KV+KVK dan membaca dengan betul pada tahap yang memuaskan.
75-100	Baik dalam kemahiran membaca perkataan KV+KVK Dapat mengenal perkataan KV+KVK dan membaca dengan betul.

Pengkaji akan membandingkan bilangan perkataan yang dapat dibaca oleh peserta kajian sebelum dan selepas semua intervensi. Peserta kajian merupakan peserta yang mendapat skor kurang daripada 50% berdasarkan jadual 2. Jika skor dalam membaca selepas intervensi melebihi skor membaca sebelum intervensi, ini menunjukkan intervensi dianggap berkesan dalam membantu peserta kajian dalam menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVK.

ANALISIS DOKUMEN

Pengkaji akan mencatatkan bilangan soalan yang dijawab dengan betul untuk mengenalpasti kebolehan peserta kajian menyebut suku kata KV dan KVK. Pada setiap sesi intervensi, peserta kajian yang boleh menyebut lima suku kata dan ke atas akan dikira menguasai kemahiran menyebut suku kata KV dan KVK.

PENUTUP

Permainan mencari perkataan tersembunyi telah menjadi asas untuk membantu murid-murid pemulihan untuk menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVK. Sekiranya intervensi ini berjaya, pengkaji berharap guru-guru pemulihan yang boleh meneruskan penggunaannya untuk membantu murid-murid pemulihan untuk menguasai kemahiran yang sama atau yang lain.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2011). *Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 1, 1-12.
- Ainatus Sholikhah. (2011). *The effectiveness of word find puzzle to teach common noun for 5th grades of elementary school*. Retrieved from <http://library.walisongo.ac.id/digilib/files/disk1/104/jtptiain-gdlainatussho-5188-1-fileskr-h.pdf>.
- Anita L. Archer, & Charles A. Hughes. (2011). *Explicit instruction: Effective and efficient teaching*. Retrieved from <https://books.google.com.my/books?id=HSPxiVR7aIOC&printsec=frontcover&dq=why+teaching+instruction+importance&hl=en&sa=X&ved=0ahUKEwiviqCir8vZAhWCNI8KHU3gACEQ6AEILDAB#v=onepage&q&f=false>
- Dayangku Rohani Bte Pengiran Matyasin. (2015). Meningkatkan kemahiran membaca suku kata tertutup menggunakan kalendar suku kata melalui kaedah bermain. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP BMPPR PJJ*. 17-19 April. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Dzul Hazim. (2013). *Pen & kertas kreatifkan minda*. Kuala Lumpur: Penerbit Sinar Cemerlang.
- Elizabeth Yii Ai Zing. (2012). Kaedah latih tubi membantu murid pemulihan menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVK. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP Pendidikan Pemulihan Pendidikan Rendah*. 19-20 September. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Jeniri Amir. (2013). *Bahasa melayu sebagai bahasa ilmu. bahasa melayu suara dari bawah*. (pp. 77-92). Kota Samarahan Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.
- Joseph Anak Tindan. (2015). *Meningkatkan penguasaan bacaan dan sebutan dalam kalangan murid tahun 2 menggunakan kad perkataan dan bacaan*. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Katerina Andriotis. (2012). *Multiple intelligences and curriculum development: Shifting the teaching and learning paradigm in higher education through humor and technology*. United States of America: Tate Publishing & Enterprises, LLC.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Garis panduan pelaksanaan program pemulihan khas*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Diperoleh dari <https://www.moe.gov.my/index.php/my/dasar/pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2013-2025>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *NKRA-LINUS 2.0: Modul latihan kursus guru pemulihan khas tahun 2013*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran tahun 2*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kurt Lewin. (1946). *Action research and minority problems*. Retrieved from http://www.cscd.osakau.ac.jp/user/rosaldo/K_Lewin_Action_research_minority_1946.pdf
- Linda Campbell, Bruce Campbell, & Dee Dickinson. (2004). *Teaching & learning through multiple intelligences*. 3th ed. United States of America: PEARSON.
- Mary Briggs & Alice Hansen. (2012). *Play-based learning in the primary school*. London: SAGE Publications Ltd
- Nur Hanis Binti Mohd Hatta. (2015). *Keberkesanan penggunaan kaedah bermain dalam pengajaran dan pembelajaran asuhan tilawah al-quran tahun 4*. Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP Pendidikan Islam. 27-28 September. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Rafiah Binti Mohamad. (2015). *Penggunaan kaedah gabungan bunyi-kata untuk meningkatkan kemahiran membaca suku kata kvkv*. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Richard Woods. (2017). *Remedial Education Program (REP)*. Retrieved from <http://www.gadoe.org/Curriculum-Instruction-andAssessment/Curriculum-and-Instruction/Pages/Remedial-Education-Program.aspx#>
- Rodiah Watti Mohammad Nahrawi. (2015). Meningkatkan kemahiran membaca perkataan kv+kv+kv muri tahun 1 menggunakan teknik permainan "Padan Cantik". *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP BMPRPJJ*. 17-19 April. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Salhah Abdullah. (2009). *Kecerdasan pelbagai aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Sara Jane Quinn. (2016). *Learning to play and playing to learn: The role of symbolic play in language acquisition*. Retrieved from <https://openresearchrepository.anu.edu.au/bitstream/1885/105179/1/Quinn%20Thesis%202016.pdf>
- Siti Fatimah Kassim. (2012). Penggunaan "permainan cari saya berserta sifir vokal + diftong (au/ai)" dalam meningkatkan kemahiran merumikan perkataan jawi yang mengandungi suku kata terbuka. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012*. 27-28 September. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Zainab Binti Zainal. (2012). Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Membaca Perkataan KV+KVK Menggunakan Permainan Ting-Ting Minda Dalam Kalangan Murid Pemulihan. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan Pendidikan Pemulihan 2012*. 06-07 Disember. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri.

THE EFFECT OF BIG BOOK TOWARDS IMPROVING READING COMPREHENSION OF LOW PROFICIENCY PUPILS

Amelia Jelani, Sarah Freda Wilfred Peerok

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak
ameliahyacintha94@gmail.com, wsarahfreda@yahoo.com

ABSTRACT

This quasi-experimental research is carried out to determine the effect of using Big Book in improving low proficiency pupils' reading comprehension. The target population for this research is Year 3 pupils from one of the primary schools located in Miri. Big Book is used for six hours of English lessons. Pupils in the experimental group will be taught on reading comprehension through the use of Big Book whereas control group's pupils are taught through conventional method that is in line with the requirements stated in the Standard Document of Curriculum and Assessment or Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Data of pupils' achievements in pre and post-tests are analysed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 15.0. The findings will determine whether there is effect in improving reading comprehension of low proficiency pupils through the use of Big Book. Questionnaires are also given to the experimental group to determine the correlation of pupils' reading comprehension with their reading habits and interests in English language learning.

Key words: Big Book, reading comprehension, low proficiency

ABSTRAK

Penyelidikan kuasi eksperimen ini dijalankan untuk menentukan kesan menggunakan Big Book dalam meningkatkan kefahaman membaca murid-murid yang berprestasi rendah. Populasi sasaran untuk penyelidikan ini adalah murid Tahun 3 dari salah satu sekolah rendah yang terletak di Miri. Rawatan yang digunakan adalah Big Book dan ia dilaksanakan selama enam jam kelas pelajaran Bahasa Inggeris. Murid-murid dalam kumpulan eksperimen akan diajar tentang kefahaman bacaan melalui penggunaan Big Book manakala murid-murid dari kumpulan kawalan akan diajar melalui kaedah konvensional yang selaras dengan keperluan yang dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Data pencapaian murid dalam pra dan pasca ujian akan dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 15.0. Hasil kajian tersebut akan menentukan sama ada terdapat kesan dalam meningkatkan kefahaman membaca murid-murid yang berprestasi rendah melalui penggunaan Big Book. Soal selidik juga diberikan kepada kumpulan eksperimen untuk menentukan korelasi pemahaman membaca murid dengan tabiat membaca dan minat mereka dalam pembelajaran Bahasa Inggeris.

Kata kunci: Big Book, kefahaman membaca, berprestasi rendah

INTRODUCTION

Reading comprehension is defined as an interactive process which involves the reader and the text. It also can be said as a process which requires the cognition and knowledge construction of the reader. According to Sadeghi, Zalina Mohd Kasim, Tan, B. H., and Faiz Sathi Abdullah (2012), "reading comprehension is the process of unlocking meaning from the connected text". From this statement, it indicates that learners will have to use the information from the given text and their prior knowledge in order to process and analyse the ideas from the text. In Malaysian context, despite the fact that numerous

strategies and techniques had been implemented to develop and improve pupils' reading comprehension, pupils are still require to be competent in understanding the text before they are able to answer questions in regards to reading comprehension (Afflerbach, Pearson, and Paris, 2008). This research strives to see whether the use of visuals and interaction skills are able to increase pupils' comprehension in reading. An analysis on teaching primary English using visual aids was carried out at four schools in two different districts of Kedah, Malaysia, where it studied the effect of using Big Book towards pupils' learning of English language (Aizan Yaakob & Pinter, 2008). The results showed positive reactions from the pupils as they were actively participating in the lessons, as well as their motivation and interests towards learning English language had also improved. However, this experimental study will emphasise on the use of Big Book in improving pupils' reading comprehension as there was no extensive research done about the above method used in helping pupils making meaning from the reading texts. Thus, this study presents the effect of using Big Book towards pupils, especially to those who are low English proficiency users in their reading comprehension.

STATEMENT OF PROBLEM

Reading is essential in our life because through reading, we will able to develop and improve reading skills as well as gain knowledge on vocabularies and knowing the structures of a language. Unfortunately, according to Mohd Mokhtar Tahar, Hasnah Toranb, Mohd Hanafi Mohd and Safani Bari (2010), most of the Malaysian pupils are still incompetent in their reading and face difficulties in comprehending and understanding reading texts. Therefore, to solve the problem mentioned, this research is carried out to focus on the use of Big Book and how it brings effect towards pupils' reading comprehension, especially to low proficiency pupils. Big Book is chosen as my method to treat low English proficiency pupils in their reading comprehension because not only it can catch their attention and interests through the visuals displayed in the book, but also through the stories used in the Big Book, it allows pupils to have a better understanding of the story and indirectly helps them in their answering of Wh-questions in reading comprehension. Consequently, with the implications of Big Book during reading lessons, pupils' will be able to develop and show progresses in their reading comprehension.

However, designing or choosing a suitable Big Book for the pupils is never an easy task. This is said so because pupils have different range of abilities and understanding. Even though Big Book is use on the low performance pupils, it does not mean or bring guarantee that they will improve in their reading comprehension. It depends on the type of stories chosen and its difficulty level. Both criteria must be appropriate and authentic to the pupils, so that pupils will be able to use their prior knowledge or experiences and relate it to the stories learnt, which indirectly help pupils in understanding the text better. As educators, we also have to know pupils' needs and interests before carrying out activities or lessons in class. Big Book not only need to be simple and authentic, it also has to be interesting and interactive in order to motivate pupils in learning to read and comprehend the reading text.

Most of the schools in Malaysia use Bahasa Malaysia as a medium of communication in teaching and learning and only implementing English language during English lessons. Due to the lack of exposure of the language itself, majority of the pupils, especially the English as Second Language (ESL) learners find reading and comprehending texts in English difficult (Abdul Halim Ibrahim, Mariam Mohamed Nor, Abdul Ghani Abu, & Azizah Atan @ Abdullah, 2007). Thus, based on the concerns regarding the Big Book stated previously, I should take them into considerations when creating or selecting materials to use for the designing of the Big Book so that it fits to the pupils' needs and is effective in improving their English reading comprehension. Furthermore, through this, it also ignites my curiosity in studying the effect of using Big Book towards low proficiency pupils' reading comprehension.

RESEARCH OBJECTIVES

The objectives of this study are as follow:

- a. To determine whether using Big Book helps in improving low proficiency pupils' reading comprehension.
- b. To determine the correlation between pupils' reading comprehension and their reading habits towards English.
- c. To determine the correlation between pupils' reading comprehension and their interests towards English language learning.

RESEARCH QUESTIONS

Based on the research objectives stated above, the problems of this research are:

- a. How can the use of Big Book affect reading comprehension of low proficiency pupils?
- b. What is the correlation between pupils' reading comprehension and their reading habits?
- c. What is the correlation between pupils' reading comprehension and their interests towards English?

RESEARCH METHODOLOGY

Research Design

In this research, quantitative method is used through the utilization of quasi-experimental design, which consists of pre-test, post-test, sample and control group. The pupils involve in this study are categorised into two groups, namely, experimental or sample group and also control group. The pupils in the experimental group are taught reading comprehension using Big Book whereas conventional method that is in line with the requirements stated in the Standard Document of Curriculum and Assessment or *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)* is used for the reading comprehension teaching of the control group, which means that there is no pedagogical treatment given for the pupils in control group. Other than that, data is taken from pre and post-tests of both groups of pupils and the results are analysed in order to compare the performances of both sample and control group, and from there determine the effect of Big Book towards pupils' reading comprehension.

Sampling

The target population for this study is one of the lower primary pupils, which is Year 3 pupils of one of the primary schools located in Miri. This is because as stated by Quileste (2015), Big Book is a type of book which is large, has colourful pictures and big texts size. The texts used in the Big Book are usually on stories for children. In addition, reading comprehensions used for the lower primaries classes are mostly narrative and descriptive forms which are suitable to be portrayed through the use of Big Book. Thus, primary 3 pupils are chosen to be involved in this research. The pupils are then divided into two groups, which are the sample and control group through purposive sampling. The sample group comprises pupils of low proficiency while the remaining pupils are in the control group. The low proficiency pupils were chosen based on the results of their previous tests that were carried out in schools. Pupils that achieved below 60 marks for their English paper, with the range from 0 to 59 marks, are categorised into sample group for this study.

Research Instruments

There are two instruments that are used in this research to collect data on pupils' achievements in reading comprehension and the correlation in their understanding of the reading texts. These instruments are reading comprehension tests and questionnaire.

Reading Comprehension Tests

Reading comprehension tests are used two times in this study as pre-test and post-test for the pupils. After pupils are categorised and allocated into experimental and control group respectively based on their previous English tests results, pre-test is given to pupils of both groups. The purpose of carrying out pre-test is to compare the results and identify the differences between the sample and control groups. After the pre-test is conducted, the method in teaching pupils of both groups' reading comprehension will be done differently. The sample group will be taught in understanding the reading texts through the use of Big Book, while conventional way of teaching that is in line with the requirements specified in Standard Document of Curriculum and Assessment (DSKP) for English subject for Year 3 will be applied on the control group. The treatment is carried out for six days which are equivalent to six hours or two weeks of English lessons. Meanwhile, the reading comprehension test can also be used as post-test where it is done after the duration of treatment utilised. This is carried out to compare the results of both experimental and control group as well as to know whether through the use of Big Book as treatment, there is an improvement in low proficiency pupils' reading comprehension. Both pre and post-test used in this research comprise of different narrative and descriptive texts from Year 3 Unit 7: From the Sea and Unit 8: It's Story Time! with ten Wh- multiple choice questions format.

Questionnaire

Questionnaires are given to pupils in the sample group on the seventh day of this research, which is the day after the treatment is carried out on them. The questionnaire items used consists of pupils' thoughts on the Big Book used, pupils' reading habits and their interests towards learning English language. Out of three categories asked in the questionnaire, the two categories which are pupils' reading habits and interests in English language learning indicate the correlation with pupils' reading comprehension. All the three categories are prepared in Likert-scale type, a four-point value scaling with smiley icons that requires pupils to respond to each statement accordingly by stating or circle the icons whether they (1) strongly disagree; (2) disagree; (3) agree; and (4) strongly agree. The questionnaire contains ten items and is divided into three sections as followed:

- Section A : Consists of three items about pupils' thoughts on the use and the effect of Big Book in their reading comprehension.
- Section B : Consists of four items on pupils' reading habits.
- Section C : Consists of three items about pupils' interests in English language learning and its influence on their comprehending of reading texts.

TREATMENT PROCEDURE

Big Book is used in teaching and learning of reading comprehension as a treatment for the sample group while the pupils from the control group received no treatment and are taught in conventional pedagogical method that are relevant to the requirements mentioned in the Year 3 English Standard Document of Curriculum and Assessment (DSKP). The Big Book used contains stories in narrative form and are supported with colourful illustrations and texts that are big in font size. Simple sentences and repetition of words or phrases are also shown in the Big Book. This treatment is carried out for six days which is six hours or estimated two weeks of English lessons.

In this treatment, three Big Books with different themes and topics will be used to help low proficiency pupils in their reading comprehension. The three Big Books are entitled *Dolphins and Whales*, *The Gingerbread Man* and *Helly and Earl* which are adapted and relevant to Year 3 English topics "From the Sea" and "It's Story Time!". Three stages of activities are carried out during the implementing of the Big Book as treatment for the experimental group, which are pre-reading, re-reading and close reading activity (Fisher, 1991 in Tatminingsih, 2013).

To start the reading lesson, which is the pre-reading activity, pupils will be gathered in front and sat in a "U" shape. Teacher will start the reading activity by showing the Big

Book to the pupils, from the front to the back cover of the book and also the way to open the book in correct manner. The teacher then invites as well as prompts the pupils to think by asking pupils to look at the cover picture of the Big Book and asks question such as “What can you see?”. Through these actions, it enables the pupils to think and develop interaction skills between themselves and the teacher in order to continue the discussion on the visuals and indirectly about the content of the story. The title, writer and illustrator of the Big Book will also be introduced by the teacher to the pupils. After that, the teacher will ask pupils about the possible content of the story based on the title and the visuals shown in the cover of the Big Book. From there, it can help pupils to create and develop meaning of the story they are going to learn. The teacher will then start reading the story in the Big Book from the beginning to the end of it. Intonations and expressions are used during the reading of the story to the pupils as it will attract pupils’ attentions in the learning of the story.

Menurut McNiff (1998) dalam Syed Ismail Syed Mustapa, Ismail Raduan & Bushro Ali (2018), kajian tindakan merupakan usaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan pendidikan secara kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia berubah ke arah yang lebih baik. Bagi melaksanakan kajian ini, konsep penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji ialah model yang diperkenalkan oleh Kurt Lewin. Penyelidik menjalankan kajian dengan berpandukan Model Pemikiran Kurt Lewin (1946) yang merangkumi empat peringkat iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Berikut merupakan prosedur tindakan yang telah dirangka bagi melaksanakan kajian ini.



Rajah 1 Model Kurt Lewin (1946)

a) Perancangan

Menurut Syed Ismail Syed Mustapa, Ismail Raduan & Bushro Ali (2018), perancangan perlu menyatakan semua perancangan sama ada aktiviti, bahan-bahan dan cara penyelidik membuat pemerhatian untuk menguji keberkesanan tindakan atau aktiviti yang telah dijalankan ke arah meningkatkan kemahiran murid bagi menangani masalah yang sedang dikaji.

Sebelum melaksanakan kajian, pengkaji akan merancang aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan terlebih dahulu dengan menghasilkan satu Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang bersesuaian mengikut tahap murid Tahun 5.

Rancangan Pengajaran Harian (RPH) tersebut perlu dirangka dalam 5 peringkat iaitu set induksi, persepsi estetika, aplikasi seni, ekspresi kreatif dan apresiasi seni.

b) Pelaksanaan

Menurut Syed Ismail Syed Mustapa, Ismail Raduan & Bushro Ali (2018), pelaksanaan tindakan merupakan peringkat yang memerlukan penyelidik melaksanakan strategi kajian tindakan yang telah dirancang dalam langkah-langkah perancangan seperti aktiviti atau program untuk menyelesaikan sesuatu masalah kajian.

Pengkaji akan melaksanakan pengajaran dan pemudahcaraan berdasarkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) mengikut prosedur dan perancangan yang telah ditetapkan sebelum ini.

Dalam peringkat set induksi, pengkaji akan memulakan sesi pengajaran dan pemudahcaraan dengan menayangkan video yang berkaitan dengan tarian budaya masyarakat Lun Bawang. Sesi soal jawab yang berkaitan dengan video berkenaan akan bermula selepas tayangan video. Pengkaji akan memperkenalkan tajuk pembelajaran pada hari

tersebut iaitu menghasilkan aksesori perhiasan kepala (*Pata*) Lun Bawang dengan menggunakan bahan kitar semula.

Pada peringkat persepsi estetika, pengkaji akan menunjukkan gambar dan mengaitkannya dengan asas seni reka yang akan dipelajari pada hari tersebut. Seterusnya, soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) juga akan diajukan pada peringkat ini.

Dalam peringkat aplikasi seni pula, demonstrasi akan dilakukan oleh pengkaji sebelum murid mula menghasilkan karya. Pengkaji juga akan mempamerkan beberapa contoh karya aksesori perhiasan kepala (*Pata*) Lun Bawang melalui penggunaan bahan kitar semula yang telah disediakan di depan kelas.

Dalam peringkat ekspresi kreatif pula, murid akan mula menghasilkan karya dengan menggunakan bahan kitar semula yang telah dibawa secara individu tetapi mereka akan duduk dalam kumpulan. Tujuannya adalah supaya murid yang lebih mahir dapat membantu murid yang lebih lemah.

Peringkat yang terakhir ialah apresiasi seni, pengkaji akan memilih beberapa orang murid untuk membentangkan hasil karya mereka dengan mengaitkan asas seni reka yang telah dipelajari. Pengkaji akan menilai hasil karya murid selepas pembentangan. Penutup juga akan dilakukan pada akhir pengajaran dan pemudahcaraan.

c) **Pemerhatian**

Pada peringkat ini, pemerhatian boleh diperolehi melalui rakaman video sepanjang proses pengajaran dan pemudahcaraan berlangsung. Rakaman video akan dilakukan dengan menggunakan *tripod kamera* atau dibantu oleh rakan sepengajian untuk melihat keberkesanan hasil perkembangan sesi pengajaran dan pemudahcaraan semasa murid membuat aktiviti.

Pengkaji juga akan meminta Guru Pendidikan Seni Visual untuk membuat pemerhatian sepanjang proses pengajaran dan pemudahcaraan berlangsung berpandukan panduan pemerhatian yang disediakan oleh pengkaji. Selepas tamat sesi pengajaran dan pemudahcaraan, pengkaji akan menemu bual dengan responden tentang pandangannya terhadap penggunaan bahan kitar semula dalam penghasilan karya. Pengkaji juga akan menjalankan temu bual dengan guru Pendidikan Seni Visual untuk mendapatkan maklum balas terhadap keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan.

Kesemua rekod pemerhatian akan dianalisis untuk memudahkan pengkaji mengenalpasti sejauhmanakah keberkesanan penggunaan bahan kitar semula dalam menghasilkan aksesori perhiasan kepala (*Pata*) Lun Bawang dapat menjana kreativiti murid supaya peringkat refleksi dapat dilaksanakan dalam peringkat seterusnya.

d) **Refleksi**

Pada peringkat ini, pemerhatian boleh diperolehi melalui rakaman video sepanjang proses pengajaran dan pemudahcaraan berlangsung. Rakaman video akan dilakukan dengan menggunakan *tripod kamera* atau dibantu oleh rakan sepengajian untuk melihat keberkesanan hasil perkembangan sesi pengajaran dan pemudahcaraan semasa murid membuat aktiviti.

Pengkaji juga akan meminta Guru Pendidikan Seni Visual untuk membuat pemerhatian sepanjang proses pengajaran dan pemudahcaraan berlangsung berpandukan panduan pemerhatian yang disediakan oleh pengkaji. Selepas tamat sesi pengajaran dan pemudahcaraan, pengkaji akan menemu bual dengan responden tentang pandangannya terhadap penggunaan bahan kitar semula dalam penghasilan karya. Pengkaji juga akan menjalankan temu bual dengan guru Pendidikan Seni Visual untuk mendapatkan maklum balas terhadap keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan.

Kesemua rekod pemerhatian akan dianalisis untuk memudahkan pengkaji mengenalpasti sejauhmanakah keberkesanan penggunaan bahan kitar semula dalam menghasilkan aksesori perhiasan kepala (*Pata*) Lun Bawang dapat menjana kreativiti murid supaya peringkat refleksi dapat dilaksanakan dalam peringkat seterusnya.

PERANCANGAN KAEDAH MENGUMPUL DATA

Dalam proses pengumpulan data, penyelidik telah menggunakan kaedah kualitatif melalui kaedah temu bual dan pemerhatian manakala kaedah kuantitatif melalui hasil karya murid.

a) Temu Bual

Menurut Patton (1990) dalam Othman (2011), menyatakan bahawa temu bual diadakan apabila penyelidik hendak mengetahui apa yang terdapat dalam minda seseorang. Dalam kajian ini, pengkaji akan menjalankan temu bual secara tidak berstruktur. Menurut Syed Ismail Syed Mustapa, Ismail Raduan & Bushro Ali (2018), temu bual tidak berstruktur membolehkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat berkaitan sesuatu fenomena dan isu dengan lebih luas lagi.

Pengkaji akan menjalankan temu bual dengan murid sebaik sahaja tamat sesi pengajaran dan pemudahcaraan. Soalan kajian akan diajukan kepada murid berpandukan panduan temu bual yang telah dibina oleh pengkaji. Dalam panduan temu bual tersebut mengandungi enam soalan untuk melihat keberkesanan penggunaan bahan kitar semula dalam menghasilkan karya. Pengkaji akan merakam dan mencatat semua respon murid ke dalam panduan temu bual tersebut.

Seterusnya, temu bual juga akan dijalankan bersama dengan guru Pendidikan Seni Visual atau rakan sepengajian yang bersama di dalam kelas pada hari tersebut. Hasil temu bual yang diperolehi seterusnya akan dicatat dan disimpan untuk membuat analisis data bagi mengenalpasti pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan tersebut menjawab soalan kajian ataupun tidak.

b) Pemerhatian

Menurut Kidder (1981) dalam Othman (2011), pemerhatian dianggap sebagai alat kajian apabila ia digunakan untuk mencapai tujuan kajian, dirancang dengan rapi, direkod secara sistematik dan diperiksa serta dikawal kesahan dan kebolehpercayaannya.

Penyelidik menjalankan pemerhatian berdasarkan video yang telah dirakam sepanjang sesi pengajaran dan pemudahcaraan. Penilaian turut akan dibuat berdasarkan rakaman video tersebut berpandukan panduan pemerhatian yang telah dibina oleh pengkaji.

Seterusnya, refleksi dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH) juga akan dijadikan sumber untuk pemerhatian. Pengkaji akan mencatat proses pengajaran dan pemudahcaraan yang telah dilaksanakan dalam refleksi RPH tersebut. Melalui rakaman video dan refleksi, pengkaji dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam setiap peringkat iaitu set induksi, persepsi estetik, aplikasi seni, ekspresi kreatif dan apresiasi seni.

c) Hasil Karya

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengumpul hasil karya murid untuk dijadikan sebagai bahan bukti bahawa pengkaji telah melaksanakan kajian tindakan dan juga untuk menentukan pencapaian objektif kajian tindakan.

Bagi melaksanakan proses penilaian hasil karya murid, pengkaji akan membuat penilaian berpandukan rubrik pemarkahan. Hasil karya murid akan dinilai berdasarkan kriteria-kriteria yang dinyatakan dalam rubrik pemarkahan. Tujuan penggunaan rubrik pemarkahan adalah untuk melihat perkembangan kajian daripada setiap kriteria yang telah ditetapkan.

PERANCANGAN CARA MENGANALISIS DATA

Pengkaji akan menggunakan kaedah triangulasi data untuk menganalisis data kualitatif dan kuantitatif melalui analisis temu bual, analisis rakaman video dan analisis rubrik pemarkahan.

a) Analisis Temu Bual

Hasil dapatan yang diperolehi daripada panduan temu bual yang disediakan oleh pengkaji kemudian akan diterjemahkan dalam kaedah transkrip temu bual bagi memudahkan pengkaji membuat penganalisan terhadap maklumat yang diperolehi. Menurut Othman Lebar (2011), perkara-perkara yang berbentuk petunjuk-petunjuk bukan lisan yang mungkin memberi tanda-tanda seperti tekanan perasaan atau malu; ketawa atau gerak badan mungkin dapat memberikan makna yang lebih kepada apa yang diperkatakan.

Bedasarkan data-data yang diperolehi juga akan dijadikan bukti kepada sesuatu persoalan yang dikaji. Pengkaji kemudian akan menganalisis secara keseluruhan data-data yang dikumpul bagi menjawab persoalan dan objektif kajian pengkaji.

b) Analisis Rakaman Video

Pengkaji akan merakam video sepanjang sesi pengajaran dan pemudahcaraan berlangsung semasa kajian dijalankan. Melalui rakaman video, pengkaji akan membuat analisis berdasarkan panduan pemerhatian yang telah dibina oleh pengkaji.

Pengkaji akan membuat pemerhatian terhadap tingkah laku setiap responden semasa mereka menghasilkan aksesori perhiasan kepala (*Pata*) Lun Bawang melalui penggunaan bahan kitar semula. Dalam panduan pemerhatian ini mengandungi lima soalan untuk melihat keberkesanan penggunaan bahan kitar semula dalam mencapai soalan objektif kajian ini. Pengkaji kemudian akan membuat penambahbaikan terhadap kelemahan yang didapati dalam pengajaran dan pemudahcaraan serta membuat refleksi diri berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

c) Analisis Rubrik Pemarkahan

Markah yang diberi terhadap hasil karya murid akan dinilai berdasarkan rubrik pemarkahan yang telah direka. Rubrik pemarkahan ini terdiri daripada kriteria-kriteria yang bersesuaian dengan aktiviti yang dilaksanakan oleh murid. Antara kriteria-kriteria yang akan dinilai ialah asas seni reka, kreativiti, kekemasan serta sikap dan sahsiah. Jumlah keseluruhan markah adalah 100% manakala pembahagian markah mengikut kriteria adalah berbeza kerana tahap kemahiran yang dinilai juga adalah berbeza. Berikut merupakan pemarkahan bagi setiap kriteria dalam bentuk peratusan.

Setelah markah murid diperolehi berdasarkan rubrik pemarkahan, pengkaji akan mengkategorikan pemarkahan pencapaian murid sama ada di tahap lemah, sederhana, baik dan cemerlang dan setiap daripadanya akan mewakili gred A, B, C dan D seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Skala	Markah
Lemah (D)	0-49
Sederhana (C)	50-69
Baik (B)	70-79
Cemerlang (A)	80-100

RUJUKAN

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2012). *Dokumen Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahun 5: Pendidikan Seni Visual*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Chuah Kim Hwa. (2016). *Penulisan Laporan Penyelidikan Tindakan: Panduan Penyelidik*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kemmis, S & McTaggart, R. (1988). *The Action Research Planner: Doing Critical Participatory Action Research*. Australia: Griffith University.

- Lau Mee Chung. (2016). *Penggunaan Ranting Kayu Bagi Penghasilan Arca Stabail Dalam Bidang Membentuk Dan Membuat Binaan Tahun 5*. Pelaporan Ijazah Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Mohd Zamani Mnpeah. (2012). *Kajian Tindakan*. Dilayari pada 12 Mac 2018 dari <http://zact73.blogspot.my/2012/03/kajian-tindakan.html>
- Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan Dalam Tindakan: Perancangan Dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Othman Lebar. (2011). *Kajian Tindakan Dalam Pendidikan- Teori Dan Amalan*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Suzanne Joseph Jumin. (2016). *Penggunaan Beg Plastik Sebagai Bahan Alternatif Untuk Menghasilkan Karya Kolaj Dalam Bidang Menggambar Tahun 4*. Pelaporan Ijazah Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Syed Ismail Syed Mustapa, Ismail Raduan & Bushro Ali (2018). *Asas Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Welmin Sunyi Ariningsih. (2009). *Karya Kreatif Barang Bekas (KKBB)*. Bandung: Katalog PIMNAS XXII.
- (2016). *Prosiding Penyelidikan Tindakan Mencetus Kecemerlangan Guru*. Jabatan Sains Sosial: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- (2014). *Prosiding Penyelidikan Perubahan Guru Baharu Pemangkin Inovasi Holistik*. Jabatan Kajian Sosial: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.

PENGGUNAAN WARNA ALAM DALAM PENGHASILAN TEKNIK IKATAN DAN CELUPAN BAGI BIDANG MEMBUAT CORAK DAN REKAAN

**Allan Ronga Ellias, Arni Afiza Abdul Aziz,
Elizza Ann Paul Tampung, Bell Su'ut**

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak
allanronga@gmail.com, arniafiza@yahoo.com,
mizelizza@gmail.com, bsuut@yahoo.com.my

ABSTRAK

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Seni Visual untuk sekolah rendah mengandungi empat bidang. Kajian ini ialah bidang ke dua iaitu membuat corak dan rekaan. Berdasarkan pengalaman praktikum semester yang lepas iaitu pada bulan Julai hingga September 2017 di salah sebuah sekolah di Bandaraya Miri. Pengkaji mendapati murid tidak membawa warna untuk aktiviti teknik ikatan dan celupan. Oleh itu, pengkaji ingin memperkenalkan warna buatan sendiri iaitu warna alam untuk digunakan dalam aktiviti teknik ikatan dan celupan di sekolah. Objektif utama kajian tindakan ini ialah bertujuan untuk memperkenalkan penggunaan warna alam dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan dalam bidang membuat corak dan rekaan. Objektif khusus kajian ini ialah untuk meningkatkan kreativiti dan mengurangkan kos. Peserta kajian ialah murid tahap 2 iaitu murid Tahun 5 yang terdiri daripada 5 orang lelaki dan 5 orang perempuan yang berumur 11 tahun di salah sebuah sekolah di kawasan bandaraya Miri. Jenis kajian ialah Kajian Tindakan yang menggunakan Model Kurt Lewin (1946). Kaedah pengumpulan data ialah pemerhatian, temu bual dan penilaian hasil karya murid.

Kata Kunci: Warna Alam, Teknik Ikatan dan Celupan, Kreativiti.

ABSTRACT

Standard Document of Curriculum and Assessment (DSKP) of Visual Arts Education for primary schools contains four fields. This study involves the second field to create patterns and designs. The study is carried out based on the last semester's practicum from July to September 2017 in one of the schools in Miri city. From the previous practicum, the researcher had found that the pupils did not bring any color equipment during their learning techniques of tying and dyeing classes. Therefore, the researcher wants to introduce the homemade color that can be taken from the color of nature or surrounding environment to be used in tying and dyeing techniques in school. The main objective of this action research is to introduce the use of natural colors in the production of tying and dyeing techniques in the field of pattern making and design. The participants are students of Level 2, which is Year 5 pupils that consist of 5 boys and girls of 11 years old in one of the schools in Miri. The type of study carry out is Action Research, using the Kurt Lewin Model (1946). The data collection methods involve are observation, interviews and assessment of students' works. With this study, it can help teachers to solve the problem of pupils not bringing colors to their classes of learning tying and dyeing techniques and also helps in contributing to art in schools by introducing the use of natural colors that have never been introduced in the Visual Arts Education curriculum.

keywords: *Natural Colour, Tying and Dyeing Techniques*

PENDAHULUAN

Kurikulum Pendidikan Seni Visual untuk sekolah rendah mengandungi empat bidang iaitu menggambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan, serta mengenal kraf tradisional. (Dokumen Standard Seni Visual, 2014)

Berdasarkan pemerhatian pengkaji ketika menjalani praktikum fasa pertama, murid kerap tidak membawa warna untuk mata pelajaran Pendidikan Seni Visual iaitu ketika penghasilan teknik ikatan dan celupan dalam bidang membuat corak dan rekaan kerana warna yang digunakan adalah mahal dan murid kurang berkemampuan untuk membeli warna tersebut serta ini menyukarkan sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dilaksanakan di dalam bilik darjah.

Oleh itu, pengkaji berminat untuk memfokuskan masalah di dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan bagi bidang membuat corak dan rekaan Tahun 5 di mana murid tidak membawa warna. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian tindakan dalam menyelesaikan masalah murid yang tidak membawa warna ketika penghasilan teknik ikatan dan celupan dengan memperkenalkan penggunaan warna alam. Selain itu, pengkajian ini dapat membantu murid-murid untuk mengembangkan kreativiti dalam mencari pewarna alternatif untuk menghasilkan teknik ikatan dan celupan tanpa membeli pewarna di pasaran.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pengkaji telah menjalani fasa pertama praktikum selama tiga bulan bermula 3 Julai 2017 hingga 29 September 2017 di salah sebuah sekolah rendah di bahagian Miri. Berdasarkan pengalaman tersebut, pengkaji mengenal pasti terdapat beberapa masalah yang berlaku ketika menjalankan sesi PdPc Pendidikan Seni Visual. Antara masalah yang wujud ialah murid tidak membawa warna fabrik untuk aktiviti penghasilan teknik ikatan dan celupan dalam bidang membuat corak dan rekaan Tahun 5 kerana murid kurang berkemampuan untuk membeli bahan pewarna. Berikutan dengan harga bahan pewarna yang mahal dan sukar untuk diperolehi oleh murid, maka pengkaji tidak dapat melaksanakan aktiviti teknik ikatan dan celupan semasa sesi PdPc.

Masalah ini turut dapat dilihat apabila pengkaji mendapati murid kurang mahir dan tidak diberikan pendedahan dalam menghasilkan proses teknik ikatan dan celupan yang betul. Terdapat segelintir guru membuat inovasi terhadap teknik ikatan dan celupan seperti tisu diikat menggunakan gelang getah sebelum disapukan dengan pewarna seperti cat air atau cat poster dengan menggunakan berus. Teknik ini dikatakan dapat menjimatkan kos perbelanjaan menghasilkan teknik ikatan dan celupan.

FOKUS KAJIAN

Fokus utama kajian tindakan ini ialah untuk menyelesaikan masalah murid tidak membawa alat dan bahan untuk aktiviti penghasilan teknik ikatan dan celupan bagi bidang membuat corak dan rekaan Tahun 5. Sehubungan dengan ini, pengkaji ingin memperkenalkan penggunaan pewarna alam dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan bagi menyelesaikan masalah tersebut. Penggunaan pewarna alam dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan ini juga adalah bertujuan untuk menjimatkan kos serta meningkatkan kreativiti murid selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Tambahan pula, pemikiran murid dirangsang apabila penggunaan bahan pewarna alternatif dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan.

Pewarna alam yang dipilih oleh pengkaji adalah berdasarkan persekitaran murid dan guru seperti kunyit, buah pinang, buah senduduk dan daun pandan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013), warna bermaksud corak seperti merah, kuning dan biru yang menjadi dasar memperoleh warna-warna lain. Manakala alam bermaksud bumi dan segala yang ada di langit dan di bumi. Aktiviti teknik ikatan dan celupan ini akan dijalankan secara individu di dalam kelas Pendidikan Seni Visual yang bakal diajar dan murid akan berkongsi

pewarna yang disediakan oleh guru. Pengkaji ingin menerapkan kreativiti dalam diri murid-murid secara individu serta ingin menerapkan teknik ikatan dan celupan dalam diri murid-murid.

OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Objektif kajian tindakan ini ialah bertujuan memperkenalkan penggunaan warna alam untuk penghasilan teknik ikatan dan celupan dalam bidang membuat corak dan rekaan.

Soalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah adakah penggunaan warna alam dapat membantu menyelesaikan masalah bahan pewarna untuk penghasilan teknik ikatan dan celupan dalam bidang membuat corak dan rekaan.

PESERTA KAJIAN

Peserta kajian ialah murid tahap 2 iaitu murid Tahun 5 yang terdiri daripada 5 orang lelaki dan 5 orang perempuan yang berumur 11 tahun di salah sebuah sekolah di kawasan bandaraya Miri.

PERANCANGAN PELAKSANAAN KAJIAN

Langkah-Langkah Tindakan

Bagi menyempurnakan kajian yang bakal di jalankan, pengkaji telah memilih Model Kajian Tindakan Kurt Lewin (1946) dalam Mok Soon Sang (2011) yang merangkumi empat peringkat iaitu merancang, bertindak, pemerhatian dan membuat refleksi bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Kitaran ini akan berterusan ke kitaran seterusnya yang melibatkan peringkat merancang semula, bertindak, memerhati dan membuat refleksi bagi menghasilkan kitaran baru sehingga masalah yang dihadapi dapat diselesaikan.

Perancangan

Pada peringkat perancangan, pengkaji akan menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tahun 5 yang merangkumi empat peringkat iaitu set induksi, persepsi estetik, aplikasi seni, ekspresi kreatif dan apresiasi seni. Pengkaji akan menjalankan kajian dan akan dibantu oleh rakan guru pelatih berdasarkan RPH yang telah dirancang.

Tindakan

Dalam peringkat tindakan ini, pengkaji akan menjalankan kajian pada praktikum fasa kedua yang akan bermula pada 30 Julai 2018 hingga 26 Oktober 2018. Pengkaji akan menjalankan kajian berdasarkan RPH yang telah dirancang bersesuaian dengan waktu PdPc iaitu selama 1 jam. Pengkaji akan dibantu oleh rakan guru pelatih yang mana akan merakam gambar dan video sepanjang PdPc dijalankan.

Pemerhatian

Pengkaji akan membuat pemerhatian semasa sesi PdPc penghasilan teknik ikatan dan celupan yang dijalankan selama 1 jam. Seterusnya pengkaji juga akan membuat pemerhatian berdasarkan refleksi akhir PdPc dan juga pada hasil kerja murid yang telah dikutip.

Refleksi

Pengkaji akan membuat refleksi berdasarkan temu bual yang dijalankan oleh pengkaji terhadap guru dan murid. Seterusnya pengkaji akan membuat refleksi berdasarkan borang pemerhatian yang diisi oleh pengkaji dan rakan guru pelatih ketika waktu PdPc.

Pengkaji juga akan membuat refleksi berdasarkan hasil kerja murid yang telah dikutip pada akhir waktu PdPc.

PERANCANGAN KAEDAH MENGUMPUL DATA

Pengkaji akan mengumpul data dengan menggunakan instrumen yang disediakan melalui pemerhatian, temu bual dan hasil karya murid. Kaedah kualitatif adalah untuk mengumpul data pemerhatian dan temu bual, manakala menggunakan kaedah kuantitatif untuk mengumpul data hasil karya murid.

Pemerhatian

Pengkaji akan membuat pemerhatian bagi melihat sejauh mana tahap pencapaian murid dalam melaksanakan hasil karya yang diberikan melalui pemerhatian ketika PdPc dijalankan dan refleksi akhir PdPc. Pemerhatian dilakukan menggunakan borang pemerhatian yang disediakan oleh pengkaji.

Temu Bual

Pengkaji akan membuat temu bual di pusat sumber atau kawasan kantin selepas sesi PdPc tamat. Pengkaji akan menanyakan beberapa soalan ringkas kepada murid dan guru yang mengajar Pendidikan Seni Visual Tahun 5 untuk mendapatkan maklum balas berkaitan dengan penggunaan warna alam dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan.

Hasil Karya

Pengkaji akan menggunakan hasil karya murid untuk melihat kesan daripada kajian terhadap murid. Hasil karya juga akan dijadikan bukti terhadap pencapaian objektif yang ingin dicapai. Seterusnya pengkaji akan memberi markah menggunakan borang pemarkahan dengan berpandukan rubrik pemarkahan untuk menilai hasil karya yang telah dihasilkan oleh murid.

PERANCANGAN CARA MENGANALISIS DATA

Kaedah Menganalisis Data Pemerhatian

Data pemerhatian akan dianalisis menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji akan membuat penulisan hasil daripada pemerhatian yang telah dibuat ke atas murid dan memindah hasil dapatan pemerhatian kepada nota lapangan untuk dianalisis.

Kaedah Menganalisis Data Temu Bual

Data temu bual akan dianalisis menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan soalan telah dikemukakan kepada murid dan guru Pendidikan Seni Visual yang mengajar murid sebelum ini. Pengkaji akan membuat analisis data bagi mengenalpasti item yang boleh menjawab objektif kajian.

Kaedah Menganalisis Hasil Kerja

Pengkaji akan menjalankan analisis terhadap hasil karya murid dengan menggunakan kaedah analisis data kuantitatif yang mana berdasarkan borang pemarkahan dan rubrik pemarkahan yang telah disediakan. Seterusnya, pengkaji akan memindahkan data yang diperolehi ke dalam jadual dan rajah untuk melihat hasil dapatan kajian yang jelas.

RUMUSAN

Tujuan kajian tindakan ini adalah untuk menyelesaikan masalah murid tidak membawa bahan pewarna iaitu pewarna fabrik untuk penghasilan teknik ikatan dan celupan bagi bidang Membuat Corak dan Rekaan Tahun 5 dengan memperkenalkan penggunaan warna alam yang mampu menjimatkan kos, membantu guru dan murid di sekolah serta meningkatkan kreativiti murid.

RUJUKAN

- Cresswell, J. W. & Plano Clark, V. L. (2007). *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (n.d). *Pelan Pembangunan Pendidikan malaysia 2013-2025*. (n.d.). Diperoleh Februari 5, 2018, dari https://www.moe.gov.my/images/dasar-kpm/PPP/articlefile_file_003107.pdf
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (n.d.). *Sumber Pendidikan*. Diperoleh Februari 7, 2018, dari Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran: <https://sumberpendidikan.com/sample-page/dskp-tahun-5/>
- Mohd Johari Ab. Hamid (2017). *Falsafah dan Kritikan Seni*. Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan: Percetakan Watan Sdn.Bhd.
- Mok, S. S. (2011). *Literatur dan Kaedah Pengkajian*. Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Othman Lebar. (2011). *Kajian Tindakan Dalam pendidikan, Teori dan Amalan*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim.
- Rosinah Edinin. (2011). *Pengkajian Tindakan: Kaedah dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons.
- Siti Zainon. (1997). *The Tradisional Malay Handicraft Design*. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zarina Abdullah. (2009). *Pengajaran Guru dalam Menggalakkan Kreativiti Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Maluri, Kuala Lumpur*. (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).

MEREKABENTUK MODEL PERHIASAN KEPALA (*SEPIAH, REUNG*) KAUM WANITA BIDAYUH DALAM MENERAPKAN BUDAYA BIDAYUH TAHUN 5

Richeal Endu Raymond, Meges Laoi

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak
richealenducutie95@gmail.com, megeslaoi@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menerapkan budaya kaum bidayuh dengan menghasilkan model perhiasan kepala kaum wanita bidayuh dengan menggunakan bahan alternatif dalam bidang membentuk dan membuat binaan Tahun 5. Kajian ini melibatkan seramai 12 orang murid sebagai responden. Murid yang terlibat sebagai responden merupakan murid tahun 5 dari sebuah sekolah di kawasan bandaraya Miri, Sarawak. Responden terdiri daripada pelbagai bangsa dan jantina. Kajian ini dijalankan berpandukan Model Pemikiran Kurt Lewin (1946) dengan menggunakan kaedah perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Data tersebut akan dikumpulkan dan dianalisis bagi memastikan kajian tindakan tersebut berjalan dengan Berjaya atau sebaliknya.

Kata kunci : reka bentuk model perhiasan kepala (*sepiah, reung*) kaum wanita bidayuh, bahan alternatif

ABSTRACT

This research is done by integrating the Bidayuh culture to produce a model for the headdress of the Bidayuh's women by using alternative materials in the producing and creating domain for year 5. This research consists of 12 pupils as the respondent. The pupils involved are year 5 pupils which is from a school with in Miri, Sarawak. Respondents consists from diverse cultural background and gender. This research is done based on Kurt Lewin (1946) thinking model by using the planning, action, observation and reflection method. The data will be collected and be analysed to ensure that the study is successful or vice versa.

*Keywords : head model designed of (*SEPIAH, REUNG*) of bidayuh woman, alternative materials*

PENGENALAN

Dalam kajian penyelidikan saya ini, bidang yang dikaji oleh pengkaji adalah bidang membentuk dan membuat binaan. Bidang kegiatan ini menegaskan perkembangan persepsi murid terhadap aspek seni dari segi bentuk, ruang, struktur,imbangan dan kestabilan. Bidang kegiatan membentuk dan membuat binaan juga mendedahkan murid dengan penggunaan pelbagai bahan, alat dan teknik penghasilan. Ini memberi peluang kepada murid berinteraksi secara kreatif dengan alat dan bahan, semasa menjalankan proses penghasilan seni. Kegiatan membentuk dan membuat binaan memberi peluang kepada murid membuat rujukan kepada objek sebenar. Bidang membentuk dan membuat binaan merangkumi sembilan jenis aktiviti untuk menghasilkan karya iaitu aktiviti arca timbul/ arca mobail/ arca stabail/ asemblaj/ model/ diorama/ boneka/ topeng dan origami. Aktiviti penghasilan karya dalam bidang membentuk dan membuat binaan yang dikaji oleh saya adalah model perhiasan kepala wanita kaum bidayuh dengan menggunakan bahan alternatif.

Bahan alternatif merupakan bahan alternatif bagi sesuatu bahan yang sukar dicari dan ditemui yang menimbulkan masalah dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran

terutamanya dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual yang melibatkan penggunaan alatan dan bahan. Oleh itu, wujudlah bahan alternatif bagi menyelesaikan masalah keperluan alatan dan bahan dalam penghasilan karya seni. Dengan wujudnya hasil pencarian bahan alternatif sebagai bahan gantikan akan dapat mendorong murid menghasilkan hasil karya dari pelbagai bahan dan sumber yang terdapat pada sekeliling mereka. Secara langsungnya, murid akan bertindak lebih kreatif dan berinovasi dalam menghasilkan karya seni mereka.

FOKUS KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menerapkan budaya kaum bidayuh dengan menghasilkan model perhiasan kepala kaum wanita bidayuh dengan menggunakan bahan alternatif dalam bidang membentuk dan membuat binaan Tahun 5. Pengkaji memperkenalkan bahan alternatif dalam penghasilan model perhiasan kepala wanita dengan menggunakan kad manila atau kotak. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2013), bahan bermaksud sesuatu atau beberapa benda yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu atau sesuatu tujuan manakala alternatif ialah satu pilihan antara dua kemungkinan. Jadi, apabila kedua-dua perkataan ini dicantumkan menjadi bahan alternatif, ia membawa maksud pilihan bahan lain untuk menggantikan bahan sedia ada.

OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengimplementasi reka bentuk model perhiasan kepala (*sepiah, reung*) kaum wanita bidayuh dalam penghasilan model dalam bidang Membentuk dan Membuat Binaan Tahun 5.

- a. Menerapkan budaya kaum bidayuh dengan menghasilkan model perhiasan kepala kaum wanita bidayuh.
- b. Meningkatkan kreativiti murid dengan menggunakan bahan alternatif seperti kad manila dan kotak dalam menghasilkan rekabentuk model perhiasan kepala kaum wanita bidayuh.
- c. Memupuk nilai kesabaran dan kerajinan semasa melakukan aktiviti membentuk dan membuang binaan reka bentuk perhiasan kepala kaum wanita bidayuh.

Persoalan Kajian

Persoalan bagi kajian ini ialah :

- a. Adakah aktiviti model perhiasan kepala kaum wanita dapat menerapkan budaya bidayuh?
- b. Adakah murid dapat menunjukkan kreativiti semasa penghasilan model perhiasan kepala kaum wanita bidayuh dengan menggunakan bahan alternatif?
- c. Adakah murid dapat memupuk nilai kesabaran dan kerajinan semasa proses pelaksanaan aktiviti dijalankan?

PESERTA KAJIAN

Peserta kajian terdiri daripada murid-murid Tahun 5 di salah sebuah Sekolah Kebangsaan yang terletak di Bandar Miri. Responden yang dipilih adalah dalam lingkungan umur 11 tahun. Hal ini kerana aktiviti yang akan dilaksanakan adalah lebih sesuai untuk responden tahap 2. Pemilihan yang dilakukan adalah secara rawak dan tidak memilih berdasarkan latar belakang dan prestasi murid. Kumpulan sasaran ini melibatkan 12 orang murid Tahun 5 Dinamik, 6 orang murid lelaki dan 6 orang murid perempuan.

TINDAKAN YANG DILAKSANAKAN

Prosedur Tindakan

Bagi menyempurnakan kajian yang telah dijalankan, pengkaji telah memilih Model Kurt Lewin (1946) yang dipetik daripada Mok Soon Sang (2010) bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Menurut beliau, proses penyelidikan tindakan ditinjau sebagai suatu kitaran kajian berlingkaran yang merangkumi empat peringkat seperti perancangan, tindakan, pemerhatian, dan refleksi.

Pengkaji akan membuat kajian dan perancangan yang teratur pada mula supaya aktiviti yang dijalankan akan dapat dilaksanakan dengan baik. Perancangan yang teratur ini akan menjadi panduan untuk melaksanakan aktiviti berdasarkan tajuk yang telah dipilih agar objektif kajian dapat dicapai dengan jayanya. Pengkaji akan merancang aktiviti dengan menghasilkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berdasarkan kajian yang ingin dilaksanakan mengikut tahap kemampuan setiap responden.

Dalam proses tindakan pula, pengkaji akan menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan rancangan pengajaran harian yang akan dirancang. Pengkaji akan meminta responden menyediakan kad manila bagi melaksanakan aktiviti tersebut. Pengkaji telah membuat demonstrasi kepada responden tentang langkah-langkah menghasilkan rekabentuk perhiasan kepala. Responden menjalankan aktiviti ini secara individu.

Fasa yang seterusnya ialah pengkaji membuat pemerhatian sepanjang aktiviti dijalankan. Pada fasa pemerhatian ini, pengkaji akan mengumpul data-data yang diperlukan seperti pada item yang terdapat pada borang pemerhatian yang telah dihasilkan. Pengkaji akan menyuruh guru pelatih yang sama berpraktikum untuk mengambil gambar dan video untuk simpanan dan rujukan semasa pemerhatian. Setiap pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji akan direkodkan pada borang pemerhatian yang telah disediakan. Selain itu, pengkaji telah membuat penambahbaikan pada pemerhatian yang perlu dibuat bagi mencapai objektif kajian. Panduan pemerhatian pada borang pemerhatian telah ditambahbaik dan memberikan focus kepada pemerhatian yang perlu ditingkatkan sahaja.

Akhir sekali, proses refleksi, berdasarkan model Kurt Lewin (1946) pengkaji akan mengumpul setiap hasil pemerhatian yang akan dijalankan. Pengkaji juga membuat refleksi berdasarkan instrumen kajian yang telah ditambahbaik. Melalui proses ini juga pengkaji akan dapat melihat tahap kefahaman murid dalam menghasilkan model perhiasan kepala serta melihat kemahiran murid dalam menghasilkan model dengan betul dan kemas. Jika objektif tidak tercapai, maka pengkaji akan menjalankan kitaran yang kedua.

Cara Mengumpul Data

Dalam pelaksanaan kajian ini, pengkaji akan menggunakan tiga jenis instrument pengumpulan data iaitu temu bual, pemerhatian dan penilaian hasil kerja responden. Antara bentuk instrumen kajian yang akan digunakan oleh pengkaji ialah bentuk bertulis seperti temu bual, pemerhatian dan penilaian hasil kerja responden.

Pengkaji akan membuat pemerhatian dengan merujuk kepada rakaman video semasa pelaksanaan proses pdpc di dalam bilik darjah. Oleh itu, item temu bual telah dibina oleh pengkaji dengan menggunakan bahasa yang mudah dan selaras dengan tahap pemahaman responden. Borang temu bual adalah berdasarkan pada Lampiran A yang telah disediakan. Pengkaji akan menjalankan temu bual kepada guru pembimbing dan responden. Bentuk temu bual yang digunakan oleh pengkaji ialah temubual berstruktur. Pengkaji akan menyediakan soalan mengenai isu-isu berkenaan penghasilan rekabentuk model perhiasan kepala wanita. Temu bual ini adalah disasarkan kepada 12 orang responden kajian dan kepada guru pembimbing.

Oleh itu, pengkaji akan membina satu rubrik pemarkahan khas bagi memudahkan proses membuat penilaian terhadap hasil kerja responden. Antara kriteria yang akan dirangkumkan dalam rubrik ini ialah, teknik, kreativiti, kekemasan, dan sahsiah.

Cara Menganalisis Data

Pengkaji akan menjalankan temu bual dengan guru secara semi berstruktur. Pengkaji akan menemu bual guru berdasarkan soalan kajian seperti dalam Lampiran A. Menurut Othman Lebar (2011), soalan-soalan dalam temu bual semi berstruktur ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut terbuka, boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemu bual dengan responden. Oleh itu, pengkaji akan melakukan temu bual dengan guru selepas melihat hasil karya responden. Pengkaji akan merekod data temu bual dengan guru secara catatan. Merekod data juga boleh dilakukan menggunakan nota semasa temu bual. Pengkaji akan merekodkan segala pendapat dan pandangan guru pembimbing berdasarkan soalan-soalan yang ditanyakan kepada guru pembimbing.

Pengkaji juga akan melakukan temu bual berstruktur kepada responden. Temu bual ini juga akan dilakukan selepas responden menghasilkan model perhiasan kepala menggunakan bahan alternatif. Pengkaji akan menemu bual responden berdasarkan soalan yang ditetapkan. Menurut Othman Lebar (2011), penemu bual biasanya akan merekodkan tindak balas mengikut skema pengkodan yang telah dilakukan. Oleh itu, pengkaji akan menggunakan soalan yang telah disediakan seperti dalam Lampiran A. Pengkaji akan menemu bual beberapa orang responden berdasarkan soalan yang sama yang akan dibina dan membuat catatan bagi setiap jawapan yang disuarakan oleh responden. Pengkaji akan dapat mengetahui pendapat responden, kefahaman responden, kemahiran dan perasaan responden semasa menghasilkan model perhiasan kepala wanita kaum bidayuh.

Pemerhatian ini akan dijalankan sendiri oleh pengkaji menggunakan borang khas seperti dalam Lampiran C. Pengkaji akan memerhatikan setiap orang responden semasa mereka menghasilkan model perhiasan kepala menggunakan bahan alternatif. Borang pemerhatian ini merangkumi enam soalan. Menurut Othman Lebar (2011), mengumpul data melalui pemerhatian memerlukan kita merekod apa yang diperhatikan. Justeru itu, pengkaji akan mengambil gambar dan video responden semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang akan dijalankan dalam kelas.

Pengkaji akan menilai hasil kerja responden berdasarkan indikator prestasi dan pemarkahan yang akan menggunakan kategori cemerlang (100%-80%), baik (79%-60%), sederhana (59%-40%) dan lemah (39%-0%) yang masing-masing mempunyai skor markah dan kriteria-kriteria tersendiri.

Oleh itu, pengkaji akan menggunakan rubrik pemarkahan secara analitik yang memberikan penerangan secara terperinci berserta dengan agihan markah bagi setiap point untuk menilai hasil kerja responden. Pengkaji akan menilai hasil karya berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Dalam hal ini pengkaji akan menyediakan rubrik pemarkahan dan borang pemarkahan hasil kerja responden. Pada rubrik pemarkahan dan borang pemarkahan tersebut, penyelidikan akan menekankan kriteria seperti pengaplikasian seni yang menetapkan skor markah sebanyak 30%, aspek tahap penguasaan kefahaman diambil kira skor markah sebanyak 30%, aspek tahap penguasaan kemahiran juga dikira skor markah sebanyak 20%, aspek kekemasan juga dikira skor markah sebanyak 10% dan aspek sahsiah dikira juga skor markah sebanyak 10%.

RUJUKAN

- Anis 'afifah (2012). *Aktiviti Hands On*. Diakses daripada <https://www.scribd.com/doc/93406834/Aktiviti-Hands-On>
- Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai dalam Pengajaran dan Pembelajaran (2011). Kuala Lumpur. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Chua Yan Piaw (2011). *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia : McGraw-Hill Sdn.Bhd.
- Dr.Syed Ismail Syed Mustapa, Dr. Ismail Radzuan, Dr. Bushra Ali (2018). *Asas Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor : Sasbadi Sdn.Bhd.
- Fiona (2016). Suku Kaum Bidayuh. Diakses daripada <http://flonewbloga.blogspot.my/> .
- Mohd. Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Mok Soon Sang (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*.

- Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.
- Mok Sonn Sang (2010). *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.
- Othman Lebar (2011). *Kajian Tindakan Dalam Penyelidikan : Teori dan amalan*. Tajong Malim, Perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Wan Chik Ibrahim (2007). *A Guide To writing Research Proposals, The Experimental Method*. Perak Darul Ridzuan :Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim.

**TEKNIK 'SAPEDI2K' KENA MUTARKA PENANGGUL NULIS AYAT MUDAH
TUSUN SELAMA NEMBIAK PRIMARI 2
(TEKNIK 'SAPEDI2K' MEMBANTU MENGATASI MASALAH MENULIS AYAT
MUDAH SUSUNAN BIASA TAHUN 2)**

Ainnieda Lataq Impak, Ling Snelus Angking

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak
ainniedaimpak@gmail.com, bujang_lalayang@yahoo.com

ABSTRAK

Pansik tu dipejalaika dikena mutarka penanggul nulis ayat mudah tusun selama ngena teknik 'SAPEDI2K'. Objektif pansik tu iya nya teknik 'SAPEDI2K' dikena mantu nembiaik nulis ayat mudah tusun selama sechara engkeman. Nambahka nya, teknik 'SAPEDI2K' ulih mantu pengajar ngemanahka ripih jalai ngajar ayat mudah tusun selama. Nembiaik ke dipansik bisi tujuh iku nembiaik ngambi jaku Iban ungkup primari 2 iya nya empat iku nembiaik lelaki enggau tiga iku nembiaik indu. Kelimpah ari nya, pemansik bekenaka berapa iti jalai ngumpul data iya nya nengah chara analisis dokumen, intebiu enggau perati lalu data dianalisis sechara kualitatif.

Kunchi Jaku : Teknik 'SAPEDI2K', Penanggul nulis ayat mudah tusun selama, ripih jalai ngajar ayat mudah tusun selama

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk membantu mengatasi masalah menulis ayat mudah susunan biasa menggunakan teknik 'SAPEDI2K'. Objektif kajian ini ialah teknik 'SAPEDI2K' membantu murid mengatasi masalah menulis ayat mudah susunan biasa secara betul. Tambahan pula, teknik 'SAPEDI2K' dapat membantu guru menambah baik kaedah mengajar ayat mudah susunan biasa. Murid yang dikaji ialah tujuh orang murid yang mengambil bahasa Iban Tahun 2 iaitu empat lelaki dan tiga orang perempuan. Selain itu, pengkaji menggunakan beberapa kaedah mengumpul data iaitu analisis dokumen, temubual, dan pemerhatian lalu data dianalisis secara kualitatif.

Kata Kunci : Teknik 'SAPEDI2K', Masalah menulis ayat mudah susunan biasa, kaedah mengajar ayat mudah susunan biasa

PUN JAKU

Jaku Iban siti ari bansa jaku etnik di dunia ke bisi dipelajarka dalam sistem sekula primari, sekondari sereta institut pelajar tinggi. Enggau nya mega, dalam betapi enggau ubah pemansang pelajar menua Malaysia, Kurikulum jaku Iban bisi ditempa bepelasarka Filosofi Pelajar Nasional tauka Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Kurikulum tu ngembuan juluk ati ti deka nyikap nembiaik enggau penemu sereta pengelandik abad ke-21(Kementerian Pelajaran Malaysia,2013). Nyadi tu sigi dikena ngangkatka pengelandik nembiaik berunding ba tikas tinggi ngambika sida ulih mujur nabi arus globalisasyen nyengkaum pemansang teknologi pepadah enggau komunikasyen.

Pengerembai jaku siku-siku mensia ari aspek pengaya leka jaku ulih dipeda nengah pengelandik nulis. Nembiaik diajar nulis berengkah ari mudah ngagai tusah. Pengajar ngajar berengkah ari nulis urup, patah sebut, frasa, klausa enggau ayat sebedau nembiaik belajarka nulis karang. Dalam standard pelajar primari dua, nembiaik bisi diasuh nulis ayat mudah ngena tiga nyentukka lima leka jaku. Ayat mudah tu iya nya ayat ti ngembuan siti subjek enggau siti predikat tauka disebut ayat selapis. (Nik Safiah Karim, Farid M.Onn,

Hashim Hj Musa, Abdul Hamid Mahmood, 2008). Pemansik deka mutarka penanggung nusun ayat mudah tu ngena teknik 'SAPEDIK2'.

Dalam proses ngajar enggau belajar tu, grafik tauka gambar nyadika kereban bantu dikena pengajar meransang nemiak bejaku, nyepil, nulis sereta macha. Proses ngajar jaku tu bepuguka pekara ti mudah ngagai pekara ti tusah, ari konkrit ngagai abstrak, ari pekara ke semak ngagai jauh sereta belabuh ari penemu ti ditemu enggau penemu ti enda ditemu. (Azizul Rahman bin Abdul Rahman, 2010). Bepelasarka penemu nya tadi endang patut kitai ke pengajar belabuh ari pekara ke mudah ba runding nemiak sebedau ngajar pekara ti tusah.

TUMPU PANSIK

Lebuh bejalaika proses belajar enggau ngajar ungkup nemiak primari dua, mayuh bengkah kereja latih ti bekaul enggau pengelandik nulis. Bepelasarka refleksyen ti udah digaga aku, dia nemiak enda ulih nulis struktur ayat selama enggau engkeman. Kelimpah ari nya, nemiak enda nemu chara nulis ayat bepelasarka leka jaku tauka gambar ti diberi. Pengelemi dalam struktur ayat ti enda engkeman sereta tusun ti enda betul nyadika penanggung nemiak. Nemiak mega nganti iring pengajar sereta enggai nguji ngaga kediri bepelasarka chunto enggau penerang ke diberi pengajar.

Nya alai, pansik tu endang fokus ngagai penanggung nemiak primari 2 dalam struktur ayat mudah tusun selama dalam jaku Iban. Enti nyema penanggung tu enda diputarka pengajar enggau jampat, nemiak ukai semina bepenanggung dalam ngaga ayat mudah tang mega bepenanggung deka ngaga ayat turu sereta ngerembaika ayat dalam karang. Kebuah pia, ba tikas dua ila, nemiak deka diasuh ngaga karang. Penemu ngaga ayat meseti dikena nemiak ngaga karang ti manah.

Pansik ke deka dipejalaika tu disukung Altricher (1993) madahka tumpu pansik ulih bepelasarka sebarang situasyen ti bekait enggau pengawa besehari-sehari ti deka diperetika enggau dalam awakka bisi ubah ulih dipejalaika. Ulah nemiak ke enda nemu ngaga ayat nya tadi ngujung pengajar milih fokus pansik semina dalam ayat mudah jaku Iban aja.

OBJEKTIF PANSIK

Pansik tu meri tumpu ngagai penanggung nemiak nulis ayat mudah tusun selama. Beduduk ari nya objektif pansik tu ditagaka baka tu :

- I. Teknik 'SAPEDI2K' dikena mantu nemiak nulis ayat mudah tusun selama sechara engkeman.
- II. Teknik 'SAPEDI2K' ulih mantu pengajar ngemanahka riph jalai ngajar ayat mudah tusun selama.

TANYA PANSIK

- I. Baka ni teknik 'SAPEDI2K' mantu nemiak dalam pengelandik nulis ayat mudah tusun selama sechara engkeman?
- II. Baka ni chara teknik 'SAPEDI2K' ulih mantu pengajar ngemanahka riph jalai ngajar ayat mudah tusun selama ?

RABAN PANSIK

Raban ti deka dipansik tu iya nya tujuh iku nemiak primari 2 ke ngambi jaku Iban di Miri. Pansik ti deka dipejalaika tu nyengkaum empat iku nemiak lelaki enggau tiga iku nemiak indu. Tiga iku bansa Iban, dua iku bansa kayan, siku bansa Melanau lalu siku bansa India. Kebuah milih raban tu laban sida bepenanggung ngaga ayat mudah taja pan sida udah nemu macha enggau nulis. Semua raban pansik tu sedang iya pemandai. Maya pemansik besaut tanya dalam kelas sida enda ibuhka tanya sereta meri dalih madahka jaku Iban tu tusah dipelajarka kelebih agi maya diberi latih nulis. Sekeda nemiak madahka diri

tusah belajarka jaku Iban laban jaku Iban ukai jaku tangkai mengada sida. Nembiak tu udah nanam siti pengasai dalam runding senentang jaku Iban tu tusah dipelajarka. Nya alai maya proses belajar enggau ngajar kelebihan agi maya ngajar pengelandik nulis, nembiak enda ransing belajar ngujungka sida enda ulih ngaga ayat kediri. Nembiak ketebal agi nganti pengajar meri saut ti engkeman sereta nunda kereja latih kaban.

BEJALAIKA PENGAWA

Penanggul nulis ayat mudah tusun selama tu beduduk ari model Stephen Kemmis & Mc Taggart (1988) ti bejuraika pansik aksyen ngena dua pusin tauka lebih. Kebuah pemansik milih model tu laban pemansik bepelasarka penanggul nengah refleksyen praktikum fasa I. Model tu bepun enggau proses refleksyen, ngelanggur, aksyen enggau perati. Enti nyema penanggul nya bedau ulih diputarka pemansik deka ngulang proses tauka nambahka sesebengkah pekara ke ulih mutarka penanggul nya.




Diagram 1 : Model Stephen Kemmis & Taggart (1988)

Pemansik nempa teknik 'SAPEDI2K' dikena napi penanggul nembiak nulis ayat mudah tusun selama enggau engkeman. Teknik 'SAPEDI2K' dibantu enggau kereban gambar sereta pitak 'SAPEDI2K'. Nembiak patut nemu sereta meretika reti jaku kunchi 'SAPEDI2K'.

Pitak 1

Penerang Teknik 'SAPEDI2K'

JAKU KUNCHI	PENERANG
SA	sapa
PE	pengawa
DI	dini
K	kebuah
K	kereban

Nembiak mega deka ngena pitak 'SAPEDI2K' ba genap aksyen enggau bantu gambar ti diberi.

Pitak 2

Pitak 'SAPEDI2K'

Subjek	Predikat				
	SA (Sapa)	PE (Pengawa)	DI (Dini)	K (Kereban)	K (Kebuah)

Pemansik bejalaika aktiviti ngajar enggau belajar bepelasarka Model Taksonomi Bloom iya nya dibagi ngagai tiga tikas pengulih baka tikas mudah, sedang, enggau mar. Pitak 3 dibaruh nerangka aksyen ti dipejalaika pemansik.

Pitak 3

Atur pengawa aksyen

Bil	Tis / Aksyen	Aktiviti
1.	Bejalaika Tis Tikas Penguasa 1.	<ul style="list-style-type: none"> Meri Tis Tikas Penguasa 1 ngagai semua raban ke dipansik. Tanya tis ngembuan objektif enggau subjektif.
2.	Aksyen 1	<p>Meretika kunchi jaku enggau teknik 'SAPEDI2K'</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengajar nerangka nemiak konsep enggau chara nulis ayat mudah tusun selama Kereja Latih : ngerintaika sapa sereta pengawa ti dikereja bepelasarka gambar
3.	Aksyen 2	<p>Milih lalu ngisi endur puang dalam pitak 'SAPEDI2K'</p> <ul style="list-style-type: none"> Nemiak ngisi endur puang ayat enggau betul. Kereja Latih: Nemiak nulis baru ayat ke betul.
4.	Aksyen 3	<ul style="list-style-type: none"> Milih lalu nusun ayat bepelasarka leka jaku ti diberi. Nemiak nusun leka jaku nyadi ayat ngena leka jaku ke diberi. Kereja Latih: Nemiak nempa ayat bepelasarka leka jaku ti diberi.
5.	Bejalaika Tis Tikas Penguasa 2	<ul style="list-style-type: none"> Meri Tis Tikas Penguasa 2 ngagai semua raban ke dipansik.

RIPIH JALAI NGUMPUL DATA

Nitihka penemu Khairuddin Mohammad, Ibrahim Yusuf & Zaridah Ramli (2014), ngumpul data iya nya siti chara dikena nuruka semua informasyen iya ke diulih dalam pansik sereta ngembuan fungsyen ti beguna maya nentuka pengawa ti deka dipejalaika pengajar sebedau bejalaika pansik.

I Perati

Pemansik deka bejalaika pengawa merati ti bekait enggau penanggul ngaga ayat mudah sepengudah bejalaika teknik. Dalam pengawa perati pemansik deka ngena pom perati.

II Analisis dokumen

Pemansik mega ngumpul data nengah analisis dokumen ari kereja latih nemiak. Tuju analisis dokumen tu iya nya dikena nyukung sereta meri informasyen ti semitan ngagai pansik ti deka dipejalaika. Dokumen ke deka dikena pemansik iya nya kereja latih nemiak.

III Intebiu

Pemansik milih chara intebiu dikena ngulihka informasyen senentang pansik. Nitihka penemu Kahn & Cannel (1957) seduai iya meri definisyen intebiu iya nya randau ti bisi tuju

tauca randau ke betujuka pekara ti menyana. Pemansik ngena intebiu semi bestruktur. Intebiu semi bestruktur tu iya ngena dua iti chara intebiu iya nya intebiu bestruktur enggau intebiu enda bestruktur (Rubin & Rubin,1995). Pemansik udah nyediaka item ke deka ditanya sereta pemansik ulih nanya tanya tauca ngubah tanya bepelasarka isu ti diperandauka responden. Tuju intebiu tu dipejalaika dikena ngemanahka riph jalai ngajar ayat mudah tusun selama bebantuka teknik 'SAPEDI2K'.

CHARA NGEANALISIS DATA

Pemansik deka ngeanalysis data sechara kualitatif. Nengah instrumen kereja latih, pemansik deka meda bida mark ba kereja latih sebedau ngena teknik enggau kereja latih sepengudah ngena teknik. Pengajar deka ngeanalysis data ngena pola ke diulih. Ari nya tadi dia pemansik deka meda pemujur teknik tu mantu nemiak nulis subjek enggau predikat enggau engkeman dalam ayat mudah tusun selama .

Dalam konteks perati, data deka dianalisis lalu ditentuka tema. Ari tema nya tadi data disimpulka dalam pitak enggau graf sereta analisis deskriptif. Chara analisis deskriptif iya nya organisasyon enggau nyimpulka infomasyon sechara numerik ti bekaul enggau semua data pansik.

Dalam konteks intebiu separa bestruktur, pemansik udah nyediaka tanya ti patut disaut nemiak. Taja pan pia, tanya nya tau berubah nitihka respon ke disaut responden. Pemansik deka ngeanalysis data tu sechara kualitatif. Analisis data kualitatif ngembuan empat iti proses iya nya macha data, milih data, mantaika data sereta interpret enggau nyimpulka data.(Miles & Huberman,1994). Pemansik deka ngerikod intebiu tu lalu asil intebiu nya deka digaga transkripsyen. Ari transkripsyen nya, pemansik deka ngaga koding. Koding nya kena nentuka tema intebiu. Tema intebiu dikena mantaika data sereta nyimpulka data.

KEREBAN SANDING

- Altricher. (1993). dalam Meng,C.F.,& Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian Tindakan : Konsep & Amalan Dalam Pengajaran*. Selangor :Penerbitan Multimedia
- Azizul Rahman bin Abdul Rahman. (2010). *Guru Kreatif Pelajar Aktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Strategi Pengajaran Guru Cemerlang*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kemmis,S.,&McTaggart,R(Eds). (1988). *The Action Research Planner (3rd Ed)*. Geelong : Deakin University Press.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Kurikulum Standard Sekula Primari*.Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Khairuddin Mohammad, Ibrahim Yusuf & Zaridah Ramli. (2014). *Penyelidikan Dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.
- Miles & Huberman . (1994). dalam Meng,C.F.,& Jaizah Mahamud.(2011). *Kajian Tindakan : Konsep & Amalan Dalam Pengajaran*. Selangor :Penerbitan Multimedia
- Mohamad Majid Konteng. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim et al. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rubin & Rubin.(1995). dalam Meng,C.F.,& Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian Tindakan : Konsep & Amalan Dalam Pengajaran*. Selangor :Penerbitan Multimedia.

THE EFFECT OF USING DIALOGUE JOURNAL TO IMPROVE YOUNG ESL LEARNERS' WRITING FLUENCY

Nurul Anissma Nasuha Irham, Hairani Bujang

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

anissmanan@gmail.com, hairani0805@yahoo.com

ABSTRACT

This experimental study is carried out to investigate the effect of using dialogue journal to improve young ESL learners' writing fluency. The participants are Year 5 pupils. They are divided into experimental and control groups by using random sampling. Pre-test and post-test will be administered to all participants. The experimental group receives training in dialogue journal writing for 4 weeks while the control group do not receive any training in dialogue journal writing. The researcher provides feedback to each journal entry mostly on its content and message to which the participants in experimental group replied in a dialogic manner. Paired samples t-test is used to compare the total word count between the pre test and post test for experimental and control groups.

Keywords: dialogue journal, young ESL learners, writing fluency

ABSTRAK

Kajian eksperimental ini dijalankan bagi mengkaji kesan menggunakan jurnal dialog untuk meningkatkan fluensi penulisan pelajar Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua. Peserta-peserta kajian merupakan pelajar Tahun 5. Peserta dibahagikan kepada kumpulan eksperimental dan kawalan menggunakan kaedah persampelan rawak. Ujian pra dan pasca akan dijalankan kepada semua peserta kajian. Kumpulan eksperimental diberi pendedahan mengenai penulisan jurnal dialog selama 4 minggu manakala kumpulan kawalan tidak diberikan pendedahan mengenai penulisan jurnal dialog. Pengkaji memberikan maklum balas kepada setiap penulisan jurnal bagi kumpulan eksperimental dari segi kandungan dan mesej menggunakan gaya dialog. Ujian-t untuk pengukuran berulang digunakan bagi membanding bezakan jumlah patah perkataan yang dihasilkan dalam ujian pra dengan ujian pasca bagi kumpulan eksperimental dan kawalan.

Kata kunci: jurnal dialog, pelajar Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua, fluensi penulisan

INTRODUCTION

Writing is a significant skill in language production. Its significance increases when it comes to writing in English language which is extensively used for global mediation of knowledge. According to Graham and Perin (2007 cited in Gallagher, 2011), writing well is not just an option for young people but also a necessity. Along with reading comprehension, writing skill is a predictor of academic success and a basic requirement for participation in civic life and in the global economy (Graham and Perin, 2007 cited in Gallagher, 2011). However, written English proficiency among school children leaves much to be desired and remains unsatisfactory according to the analysis of the Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) result in 2016 (Looi et al., 2016). In 2017, the overall mastery of English Language increased except in the Writing paper in national schools which showed a drop from 77.1 per cent in 2016 to 73.6 per cent ("UPSR candidates record good achievement", 2017). This situation has created concerns among teachers and parents. Young ESL learners often find

writing as an overwhelming task and difficult because it is interrelated to other language skills and requires comprehensive knowledge of grammar, suitable choice of words or phrases, writing mechanics, organisational skills and writing styles. They are also not at ease and uncomfortable with writing when someone else intends to read their written product. As writers, they may face writing unwillingness and apprehension especially when the reader acts as an error corrector (Ali Dabbagh, 2017). Young learners become demotivated and uninterested in learning when the teacher focus more on accuracy which highlights on the correctness in terms of grammar usage (Ali Dabbagh, 2017). An effective language teacher should be creative and able to come up with effective strategy to address the issue regarding learners' unwillingness and apprehension in writing which lead to low writing fluency. Language learners need to write as frequently and regularly as possible to make it a routine writing workout. This could only be made possible if the writer feels comfortable and willing to write. A good solution to this might be dialogue journal. Hence, this research is conducted to investigate the effect of using dialogue journals on the writing fluency of young ESL learners.

PROBLEM STATEMENT

English is taught as a second language in all Malaysian primary and secondary schools. The mastery of English is essential for pupils to gain access to information and knowledge written in English. The significance in mastering English amplifies as the language is also the dominant language used in Information and Communications Technology (ICT) which enables the young learners to have easy access to information that is available via the electronic media such as the Internet. Besides, huge number of international contacts, regarding non-native to non-native communication and deals are carried out through English in a massive number of settings, including trade, diplomacy, tourism, journalism, science and technology, politics, etc (Al-Khasawneh, 2010 cited in Neda Ghabool, Mariann Edwina Mariadass and Seyyed Hossein Kashef, 2012). Moreover, much of professional communication is done in writing such as proposals, memos, reports, applications, preliminary interviews, e-mails and more are part of a college student or successful graduate (Walsh, 2010). Even if students manage to learn the material in their college classes without knowing how to write well, they won't be able to express their knowledge to the people who are making the big decisions (Walsh, 2010). Furthermore, majority of certifications and licensure require basic writing skills to obtain them (Walsh, 2010). The inability to write makes for a stillborn career (Walsh, 2010). Therefore, the existence of competent writers and speakers of English is of great significance for today's world.

In line with the government's policy on strengthening English, the curriculum has been designed to produce pupils who will be proficient in the language. The content and learning standards that have been developed in the curriculum are designed to help pupils acquire the language so that they can use it in their daily lives, to further their studies and for work purposes (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011). Young learners are exposed to writing as early as Year 1 based on the Standard-based English Language Curriculum for Malaysian National Primary Schools (SK). The writing module is introduced with the aims to develop the pupils' ability to write and present a range of texts using appropriate language, style and form for different purposes and audience through a variety of media (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011). By the end of Year 6, the young learners are expected to be able to write a range of texts using appropriate language, style and form through a variety of media.

However, it is revealed that written English proficiency among school children leaves much to be desired and remains unsatisfactory according to the analysis of the Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) result in 2016 (Looi et al., 2016). The young learners showed an improvement in the overall mastery of English Language but sadly, the Writing paper in national schools showed a drop from 77.1 per cent in 2016 to 73.6 per cent in 2017 ("UPSR candidates record good achievement", 2017). The emphasis of linguistic accuracy

and writing mechanics in the assessment of students' writing causes concern among teachers to instruct students to produce work that shows good use of language with error free structures.

Researchers recommend that students should be supported by teachers to take control of their own writing (Neda Ghabool, Mariann Edwina Mariadass and Seyyed Hossein Kashef, 2012). As a result, a responsible teacher would be a reactive reader, a person who helps students recognize and resolve writing problems (Neda Ghabool, Mariann Edwina Mariadass and Seyyed Hossein Kashef, 2012). Gallagher (2011) stated that in teaching our students to write, we must provide them with authentic modeling which comes from both the teacher and from the real-world texts. The teacher becomes the mentor and makes them understand the real-world purposes for writing. When students begin to understand the real-world purposes for writing instead of simply writing to meet the next school requirement, they begin to internalise the relevance of writing and more important, they develop an understanding that writing is an important skill (Gallagher, 2006 cited in Gallagher 2011). When students begin to understand this relevance, their writing improves (Gallagher, 2006 cited in Gallagher, 2011). Therefore, dialogue journal is suggested to address the issue as dialogue journal serves as a platform for the young ESL learners to willingly express their thoughts and ideas through real written dialogue which encourage them to unconsciously investigate and acquire the accurate use of grammar, vocabulary and spelling of words as well as increases their writing fluency (Holmes & Moulton, 1997; Larrotta, 2008; Orem, 2001; Peng, 2007 as cited in Maryam Foroutan et al., 2013).

This study is carried out to investigate the effect of using dialogue journals to improve young ESL learners' writing fluency. Through this, language teachers may be able to produce desired learning outcomes from the young learners in terms of writing by using dialogue journals.

OBJECTIVE OF RESEARCH

Findings from many studies indicated that dialogue journals improve writing. Thus, the objective of the research is to investigate the effect of writing dialogue journal on the writing fluency of young ESL learners.

RESEARCH QUESTIONS

The research questions are as follows:

- a. Is writing dialogue journal effective to improve young ESL learners' writing fluency?
- b. Is there any significant difference in the learners' total word count between written pre test and written post test?

METHODOLOGY

RESEARCH DESIGN

The quantitative method is used to conduct the research by utilizing the quasi-experimental approach specifically pre-post tests design. This experimental design is used for this study because the study attempts to examine the effect of using dialogue journal to improve young ESL learners' writing fluency. The experimental group and control group are treated as similarly as possible by giving each group the same pre test and post test at the same time. The following research design is used in this study.

$$O_1 \rightarrow X \rightarrow O_2$$

In this study, O_1 represents the pre test while O_2 represents the post test. The independent variable is the use of dialogue journal. The dependent variable is improvement in writing fluency of the young ESL learners measured by the pre and post achievement results on their writing samples.

SAMPLING

The target population for this study is Year 5 students from one of the primary schools in Miri, Sarawak. The participants in this study are from two Year 5 classes in one of the primary schools in Miri. The two classes are selected based on their scores of their first semester English Examination at the school. A random sampling is utilised to form control group and experimental group.

RESEARCH INSTRUMENT

In conducting this research, the instruments to be used are as follows:

Writing tests

Two writing tests, the pre test and post test are developed for the purpose of this study. In pre and post tests, the participants are asked to complete a writing task in 30 minutes. The instruction for the pre test and post test read:

Write a story based on the given pictures. You may use the words given to help you.
Write your story in the space provided.

Total Words Written (TWW)

Students writing samples may be scored by using Total Words Written (TWW). In this research, the raters counts up and records the total number of written words on the pre and post test writing test tasks. Misspelled words are included in the tally, although numbers written in numeral form are not counted (Wright, 2013).

TREATMENT OR INTERVENTION PROCEDURE

Prior to the treatment, the students are given a pre test in the form of a 30 minute writing test task. After pre test is given, the treatment session begins with two sessions of 30 minutes on the introduction and explanation of dialogue journals to the experimental group only. The researcher decides for the distribution of a standard type of notebook to be used as the journal during the lesson. The experimental group is required to write an entry of dialogue journal during English language lesson three times per week over four weeks of treatment. Fifteen minutes are allocated for the learners to write their journal entries. The researcher reads and makes comments or asks questions on the submitted journal. The control group is not encouraged to write dialogue journal entries. After four weeks of treatment, post test writing test task is given to both experimental and control groups at the same times. In terms of scoring procedure, one ESL upper level of primary school teacher is selected as rater besides the researcher herself for inter-rater reliability. The rater should possess experience teaching and assessing student writing. The rater will receive previous training in scoring techniques from the researcher before assessing students' writing. All data then will be collected and analysed using Statistical Package for Social Science (SPSS for Windows) version 15. Paired samples t-test is used to identify any significant difference in the students' total word count in pre test and post test writing test tasks (See Figure 2. Treatment/ Intervention Procedure).

COLLECTION OF DATA

The data collection procedures used to measure the writing fluency of young ESL learners are discussed in this section. Prior to the treatment, the experimental group and the control group are given a pre test in the form of a 30 minute writing composition. The pre test and post test for the experimental group are administered by the researcher while the pretest and post test for the control group are administered by an ESL teacher involved in the study. The teacher administering the pretest and the post test is given instructions to go

over the directions with the young learners. The teacher will instruct the young learners to adhere closely to the time limits while allowing them to finish a sentence. The treatment session begins with two sessions of 30 minutes on the introduction and explanation of dialogue journals. The session begins with the presentation of a lesson by the researcher. Each participant's attendance in the experimental and the control group is taken on the date before the treatment phase and is continued until the end of the treatment phase. After the completion of the treatment session, the participants from both experimental and control groups are required to sit for the post test. The post test session is conducted on the same date for both experimental and control group. The writing samples are again scored by the same raters. The scores for both pre test and post test are documented for statistical analysis.

DATA ANALYSIS

All data are collected and analysed using the "Statistical Package for Social Science (SPSS for Windows)" version 15. The researcher chooses the paired samples t-test to identify any significant difference in the students' total word count in pre test and post test.

CONCLUSION

The purpose of this research is to find out whether writing dialogue journals improve the writing fluency of young ESL learners. The findings of the study will bring benefits to the educational field and the local society considering that English language is extensively used for global mediation of knowledge. The greater demand for graduates with good English proficiency justifies the need for more effective teaching strategy. Schools that apply the recommended teaching strategy derived from this study will be able to train young ESL learners better in writing. This study also helps the teachers to explore the use of dialogue journals as one of the teaching strategies in teaching writing in the classroom.

REFERENCES

- Ali Dabbagh. (2017). The Effect of Dialogue Journal Writing on EFL Learners' Descriptive Writing Performance: A Quantitative Study. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*, 6(2), 71-80.
- Gallagher, K. (2011). *Write Like this: Teaching Real-world Writing Through Modeling & Mentor Texts*. United States of America: Stenhouse Publishers.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Dokumen Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah Modul Teras Asas Bahasa Inggeris SK*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Looi, S., Bunyan, J., Edward, J., Choong, J. & Murali Arumugam. (2016, November 18). Ministry of Education: English Writing Skills Need Improvement. *The Malay Mail Online*. Retrieved from <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/ministry-of-education-english-writing-skills-need-improvement>
- Maryam Foroutan, Nooreen Nordin & Mohd. Sahandri Gani Hamzah. (2013). How can Dialogue Journal Writing improve learners' writing performance in the English as a Second Language context?. *Journal Of Humanities And Social Science*, 7(2), 35-42.
- Neda Ghabool, Mariann Edwina Mariadass & Seyyed Hossein Kashef. (2012). Investigating Malaysian ESL Students' Writing Problems on Conventions, Punctuation, and Language Use at Secondary School Level. *Journal of Studies in Education*, 2, 130-143.
- UPSR candidates record good achievement, but have room for improvement – Education DG (2017, November 23), *Borneo Post Online*. Retrieved from <http://www.theborneopost.com/2017/11/23/upsr-candidates-record-good-achievement-but-have-room-for-improvement-education-dg/>

- Walsh, K. (2010). The Importance of Writing Skills: Online Tools to Encourage Success. Retrieved from <https://www.emergingedtech.com/2010/11/the-importance-of-writing-skills-online-tools-to-encourage-success/>
- Wright, J. (2013). Curriculum-Based Measurement-Written Expression: Guidelines for Use. Retrieved from http://www.interventioncentral.org/sites/default/files/pdfs/pdfs_blog/wright_Learning_Spark_Blog_29_March_2013_Grs_1_5_Identfy_Writing_Difficulties_Instructions.pdf

KIT 012 DALAM PENGAJARAN PENULISAN BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH

Andrew Thomas Ujil

Sekolah Kebangsaan Sungai Pinang,
Sekolah Kluster Kecemerlangan Daerah Dalat,
D/A Pejabat Pendidikan Daerah Dalat,
96300 Dalat, Sarawak
an_thom88@yahoo.com

ABSTRACT

Bahan Bantu Belajar (BBB) sangat dititikberatkan semasa PdPC kerana BBB akan menarik minat murid disamping membantu murid untuk memahami perkara yang diajar dengan lebih berkesan. Masalah murid tidak dapat membina ayat dan karangan yang tidak gramatis dapat diatasi dengan adanya inovasi Pembaris Ayat dan Templat Esei yang dinamakan sebagai Kit 012. Rekaan Kit 012 bertepatan dengan definisi inovasi yang diberikan oleh OECD iaitu inovasi produk yang bermaksud sesuatu yang ditambahbaik ciri-cirinya serta kegunaannya secara signifikan. Pembaris Ayat memudahkan murid-murid membina ayat manakala Templat Esei membantu murid-murid membina pelbagai jenis esei tidak berformat. Projek inovasi ini juga selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). Data kajian tindakan ini diperolehi melalui proses temu bual tidak berstruktur, analisis dokumen, analisis markah peperiksaan dan pemerhatian. Hasil dapatan kajian menunjukkan murid boleh mengenalpasti subjek dan predikat dalam ayat dengan mudah. Malahan murid juga dapat memberi penerangan lanjutan. Dengan menggunakan Templat Esei, murid boleh membina rangka karangan dengan mudah. Murid dapat menyusun isi dengan sistematik dan menghuraikan isi utama dengan senang. Implikasinya, keputusan UPSR penulisan telah mencatat keputusan yang cemerlang sejak tahun 2013 hingga 2017. Penggunaan Kit 012 juga telah menarik minat sekolah di sekitar Daerah Dalat dan telah dikongsikan di beberapa buah sekolah.

Kata Kunci: Bahan Bantu Belajar, Inovasi, Kit 012

ABSTRAK

Learning aid (BBB) is especially important during PdPC because BBB will attract pupils' attention as well as helping pupils to understand what is being taught more effectively. The problem of constructing sentences with no grammatical error in essays can be improved with the innovation of the Sentence Ruler and Essay Template, named as Kit 012. The design of Kit 012 coincides with the definition of innovation provided by OECD which is an innovative product with enhanced features as well as its significance in usefulness. The Sentence Ruler helps pupils to construct sentences while Essay Template helps pupils to write different types of unstructured essay. The innovation project is also in line with the Malaysian Education Development Plan (PPPM) 2013-2025 under the policy of Upholding the Malay Language and Strengthening the Command of English (MBMMBI). The findings of this action research were obtained through an unstructured interview process, document analysis, analysis of exam scores and observations. The findings showed that the pupils can easily identify subjects and predicates in sentences. Pupils can also provide further information. By using Essay Template, pupils can easily construct the framework. Pupils can organize contents systematically. Pupils can easily elaborate the main content. The implication of this action research, the writing in UPSR produced excellent results from 2013 to 2017. The use of Kit 012 had also attracted interest from other schools around Dalat District and has been shared in several schools.

Keywords: Learning Aids, Innovation, Kit 012

PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua (B2) untuk murid-murid di kawasan pedalaman Batang Igan di Daerah Dalat. Mereka terdiri daripada murid Iban yang menggunakan bahasa Iban sebagai bahasa pertama (B1) yang dipelajari secara semula jadi melalui persekitaran dan budaya linguistik. Maka, mempelajari B2 menjadi satu cabaran apabila murid-murid perlu bersedia dari aspek perkembangan kognitif dan linguistik kerana proses pembelajaran memerlukan masa daripada persekitaran budaya linguistik yang terancang dan tersusun (Keeves & Darmawan, 2007; Ilangko, Noorulafiza, & Siti, 2014).

Walaupun demikian, penguasaan Bahasa Melayu amat penting untuk murid-murid di sekolah kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar di sekolah kebangsaan. Lebih-lebih lagi bahasa ini merupakan bahasa kebangsaan negara Malaysia. Namun terdapat kekangan tertentu yang dihadapi murid yang bukan penutur jati bahasa tersebut. Perkara ini adalah disebabkan oleh iklim yang tidak menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu dalam kehidupan mereka dan pelbagai halangan dari aspek pendedahan (Ilangko, Noorulafiza, & Siti, 2014). Didapati murid-murid di sekolah yang dikaji tidak memahami cara membina ayat dengan gramatis dan murid sukar menyusun idea supaya karangan yang dihasilkan lebih menarik.

Perkara ini bertambah teruk apabila murid-murid di kawasan pedalaman mempunyai sumber rujukan yang terhad. Mereka mempunyai buku teks dan buku rujukan sebagai rujukan asas. Namun di dalam buku tersebut tidak dinyatakan dengan jelas cara membina ayat dan membina karangan. Tidak semua murid dapat memahami kandungan yang terdapat dalam buku teks dan buku rujukan. Murid-murid juga sukar membuat rujukan apabila terpaksa membelek helaian muka surat buku-buku tersebut yang banyak. Hasilnya buku-buku ini akan cepat koyak kerana kerap kali dibelek. Perkara ini juga menimbulkan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran. Buku menjadi tidak kemas dan sudah pasti mengurangkan minat murid untuk belajar kerana terdapat helaian muka surat yang hilang. Kekangan peralatan ICT untuk pengajaran dan pemudahcaraan (PdPC) juga menjadi satu cabaran. Oleh yang demikian bahan bantu belajar (BBB) telah disarankan menjadi komponen penting dalam PdPC (KPM 2012). BBB ini juga perlulah sesuai dengan keadaan persekitaran sekolah supaya dapat dimanfaatkan dengan baik. Oleh itu, PdPC akan menjadi lebih menarik dan dapat meningkatkan kefahaman murid dalam pelajaran (Jamalludin & Zaidatun 2003; Mohd Noh et. Al., 2016).

Dalam usaha menghasilkan BBB ini, guru-guru perlulah kreatif untuk mewujudkan inovasi yang dapat membantu para guru, ibu bapa, dan khususnya murid-murid dalam pelajaran. Maka dalam mengharungi cabaran mengajar Bahasa Melayu Penulisan, satu inovasi yang dinamakan Kit 012 yang terdiri daripada pembaris ayat dan templat esei telah dicipta. Kit 012 ini adalah cetusan idea yang kreatif dan inovatif untuk meningkatkan keberkesanan PdPC. Idea untuk inovasi boleh terdiri daripada perubahan dalam bentuk sistem, prosedur, kaedah selain cara bekerja (Abd. Razak, Keong, & Abdullah, 2014). Kit 012, merupakan satu rujukan yang ringkas dan boleh difahami tanpa mengira aras kognitif dan tanpa memerlukan bimbingan guru supaya murid-murid dapat belajar secara berterusan di sekolah mahupun di rumah masing-masing.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Setiap Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) perlu mempunyai mata pelajaran kebitaraan yang tersendiri. SKK yang terletak di pedalaman Batang Igan di Daerah Dalat ini telah menjadikan Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran kebitaraan sekolah. Oleh yang demikian, kualiti pengajaran guru semasa proses PdPC amat diberi penekanan. Seiring dengan perkembangan dunia pendidikan di Malaysia, inovasi Kit 012 yang mengandungi Pembaris Ayat dan Templat Esei diperkenalkan. Inovasi ini bertepatan dengan konsep

pembangunan profesionalisme keguruan dalam konteks penambahbaikan amalan pengajaran yang boleh meningkatkan kepakaran guru dalam kandungan subjek, strategi pengajaran dan pengurusan unsur penting yang lain dalam pengajaran (Radhiah, BRahiM, & Md SaBil, 2016).

Inovasi Kit 012 ini telah mengambil kira pelbagai aspek. Antaranya ialah keadaan dan ekosistem semasa sekolah yang terletak di kawasan pedalaman yang menyukarkan murid-murid mendapat bahan sokongan daripada internet seperti di sekolah bandar. Malahan tempat untuk membeli buku juga agak jauh. Murid-murid di sini terdiri daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Hal ini menyukarkan mereka untuk keluar ke bandar dan membeli bahan rujukan kerana melibatkan kos yang tinggi. Implikasi daripada kekurangan sumber bahan boleh menyebabkan murid-murid mengalami kekurangan pendedahan serta persediaan untuk menghadapi peperiksaan. Justeru, hal ini akan mengganggu prestasi murid. Pemikiran pelajar juga tidak dapat dikembangkan secara kritis dan kreatif (Mwathwana et al., 2014). Malah kekurangan sumber ini juga memberi kesan kepada kualiti PdPC guru (Mohd Faez. et al., 2016).

Seterusnya, kehendak pelanggan dan '*stakeholder*' seperti ibu bapa, pihak Pejabat Pendidikan Daerah terutama SISC+ Bahasa Melayu, murid- murid, guru-guru dan sekolah jaringan turut diambil kira. Melalui projek inovasi ini, pihak sekolah dapat berkongsi dan menjalinkan jaringan dengan sekolah-sekolah lain untuk meningkatkan pencapaian subjek Bahasa Melayu terutamanya untuk Bahasa Melayu Penulisan serta menjalinkan program jalinan bersama organisasi kerajaan dan bukan kerajaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Jalinan dan jaringan amat penting supaya budaya sekolah dapat diserap dengan baik selepas sesi persekolahan dengan adanya pengalaman belajar di kelas. Jalinan dan jaringan juga dapat membangunkan kesedaran guru terhadap kebolehan akademik dan peribadi murid yang pelbagai. Melalui jalinan dan jaringan, PdPC yang menyeronokkan dapat disebarakan ke sekolah lain (Hunt & Yoshida-Ehrmann, 2016).

Selain itu, inovasi Kit 012 ini juga mempunyai kaitan dengan agenda nasional iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). Perihal inovasi ini dijelaskan di dalam strategi 5 iaitu memperluas Penggunaan Bahan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam PdP Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Inovasi yang dijalankan ini juga sesuai dengan strategi 7 dalam dasar MBMMBI iaitu meningkatkan penyertaan murid dalam aktiviti bahasa di luar bilik darjah. Selain daripada itu, kementerian sekarang ini sangat menitikberatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Penggunaan Kit 012 akan menjurus kepada murid untuk berfikir secara kritis ketika membuat ayat. Soalan-soalan yang digunakan membantu murid untuk berfikir di luar kotak ketika menulis karangan. KBAT memerlukan pemikiran yang kreatif dan kritikal yang menggalakkan murid untuk menganalisis, mencipta serta membuat penilaian seperti yang dijelaskan dalam objektif kognitif Taksonomi Bloom (Van & Murray-Harvey, 2005). Oleh yang demikian strategi pengajaran perlulah dipelbagaikan dan melibatkan sesuatu bukan rutin di dalam bilik darjah supaya memberi peluang kepada murid untuk membangunkan kemahiran berfikir yang lebih tinggi dalam proses pemahaman, penerokaan dan aplikasi (Abdullah, Abidin, & Ali, 2015).

Di samping itu, inovasi juga dapat meningkatkan kualiti pengajaran. Kualiti pengajaran amat penting supaya murid memahami ilmu yang diajar. Kualiti pengajaran dapat didefinisikan sebagai kemampuan guru menterjemahkan pengajaran atau sesuatu konsep serta kemahiran supaya difahami murid, diingati serta menyeronokkan (Abdul, 2005). Perkara ini juga merujuk kepada amalan PdPC guru yang mampu menggunakan pelbagai kaedah pengajaran, alat bantu mengajar, serta memahami isi kandungan (Radhiah Said et al., 2016).

Dengan adanya inovasi BBM, didapati BBM dapat menyumbang kesan yang positif kepada kecemerlangan akademik murid. Perkara ini telah dibuktikan melalui kajian-kajian lepas yang telah menyatakan kesan positif BBM terhadap murid. Antara kesan positif yang dinyatakan ialah murid lebih fokus belajar semasa PdPC. Murid juga dapat mengingat dengan baik (Jasmi et al., 2011; Ilias et al., 2013). Manakala, Abdullah et al. (2015)

mencadangkan supaya murid mengingat melalui imej dan visual (Mohd Faez et al., 2016). Untuk memantapkan PdPC Bahasa Melayu, guru juga dicadangkan supaya menyampaikan isi pengajaran dengan sistematik, bahasa yang digunakan perlulah mudah supaya dapat difahami dengan jelas, memberi contoh-contoh, menekankan isi penting, mengaitkan pengetahuan serta pengalaman lalu murid di samping menggunakan BBM supaya dapat menjelaskan sesuatu konsep kepada murid (Radhiah Said et al., 2016). BBM boleh membantu penerangan guru menjadi sesuatu yang konkrit (Mohd Faez Ilias et al., 2016).

Dalam dunia pengajaran Bahasa Melayu Penulisan, terdapat pelbagai panduan yang telah dibuat. Antaranya untuk membina ayat, Roziety (2012) mencadangkan supaya beberapa soalan ditanya pada diri sendiri supaya mendapat idea. Soalan tersebut adalah apakah yang sedang dilakukan? Di manakah peristiwa itu berlaku? Siapakah yang melakukan aktiviti dalam gambar tersebut? Manakala Nik, Farid, Hashim dan Abdul (2004) menyatakan ayat tunggal mengandungi satu klausa sahaja yang terdiri daripada satu konstituen subjek dan satu konstituen predikat. Ayat majmuk pula terdiri daripada beberapa ayat tunggal yang dicantumkan sehingga menjadikannya ayat baharu. Manakala di dalam buku teks tahun 4 terdapat pelbagai contoh binaan ayat serta nota bahasa berkaitan dengan tatabahasa yang boleh membantu murid meluaskan kosa kata (Siti Hajar, Siti Sarah, & Rahmat, 2013). Selain itu, dalam buku teks tahun 5 terdapat nota bahasa yang berkaitan dengan ragam ayat, bentuk ayat, golongan kata dan pelbagai petikan yang mengandungi ayat tunggal dan majmuk (Siti Hajar, Nurfarah & Sarawati, 2014). Dalam buku teks tahun 6 pula, intai bahasa yang menjelaskan tentang aspek tatabahasa seperti golongan kata dan ruangan maklumat untuk menambahkan pengetahuan murid. Terdapat juga pelbagai contoh ayat dengan maklumat yang masih relevan dipaparkan di dalam buku tersebut (Mat Ariffin & Abdul Rahman, 2015).

Roziety (2012) juga turut memberikan panduan asas menulis karangan tidak berformat dan karangan berformat dengan memaparkan nota yang mengandungi contoh cara menulis. Antara cadangan beliau untuk menulis karangan tidak berformat jenis gambaran ialah murid-murid perlu memberi gambaran tentang sesuatu perkara seperti suasana di pasar malam, di hospital, kampung nelayan dan sebagainya. Contoh karangan yang disediakan juga bagus untuk meningkatkan idea murid. Manakala buku teks tahun 4, 5 dan 6 memaparkan pelbagai contoh karangan dengan maklumat yang menarik yang boleh digunakan dalam penulisan murid (Siti Hajar, Siti Sarah, & Rahmat, 2013; Siti Hajar, Nurfarah & Sarawati, 2014; Mat Ariffin & Abdul Rahman, 2015). Namun tidak semua murid dapat memahami petikan yang terdapat di dalam buku teks tersebut. Terdapat juga panduan menulis karangan dibuat dalam bentuk peta i-Think, gambar-gambar tunggal dan bersiri, namun rujukan seumpama ini sukar difahami oleh murid yang lemah.

Maka setelah mengambil kira perkara yang dinyatakan, Kit 012 telah menyediakan satu panduan yang mudah untuk membina ayat dalam bentuk pembaris, panduan yang mudah untuk menulis karangan dalam bentuk penanda buku yang boleh dilihat, dipegang dan disimpan di dalam bekas alat tulis murid yang boleh di bawa ke mana-mana sahaja. Terdapat juga manual Kit 012 yang mengandungi perincian cara menulis ayat dan menulis karangan yang mengandungi cadangan-cadangan yang mudah difahami murid, ibu bapa serta guru yang mengajar.

FOKUS KAJIAN

Kajian ini berfokuskan satu kaedah PdPC yang menerapkan unsur KBAT dalam mengajar Bahasa Melayu Penulisan dengan menggunakan Kit 012 yang mengandungi Pembaris Ayat, Templat Esei dan Manual Kit 012 untuk menyelesaikan isu keprihatinan seperti berikut:

- a. Murid tidak dapat menulis ayat dengan gramatis.
- b. Murid tidak dapat menulis karangan tidak berformat dengan baik.

OBJEKTIF KAJIAN

- a. Memastikan 80% murid tahun 6 lulus dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah untuk Bahasa Melayu Penulisan.
- b. Meningkatkan kualiti penulisan ayat murid tahun 6.
- c. Meningkatkan kualiti penulisan karangan tidak berformat murid tahun 6.

METODOLOGI

Kajian tindakan yang menggunakan model Kurt Lewin (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008) ini dijalankan di sebuah Sekolah Kluster Kecemerlangan di kawasan pedalaman Batang Igan di Daerah Dalat, Sarawak. Kumpulan sasaran kajian tindakan ini terdiri daripada murid-murid Tahun 6 mulai tahun 2013 hingga 2017. Murid tahun 6 pada tahun 2013 seramai 3 orang, tahun 2014 seramai 7 orang, tahun 2015 seramai 3 orang, tahun 2016 seramai 10 orang, dan tahun 2017 seramai 11 orang. Selain itu, kajian ini melibatkan 3 orang guru yang mengajar Bahasa Melayu Penulisan. Data kajian tindakan ini diperolehi melalui proses temu bual tidak berstruktur, analisis dokumen, analisis markah peperiksaan dan pemerhatian (Hancock dan Bob Algozzine, 2006; Merriam, 2009; Othman, 2013; Creswell, 2014).

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian ini menunjukkan peningkatan kualiti dalam peperiksaan di peringkat sekolah dan seterusnya mencapai keputusan yang memberangsangkan dalam UPSR sejak tahun 2013 hingga 2017 untuk tahun 6. Berikut ialah analisis markah peperiksaan menggunakan peratus kelulusan dan gred purata mata pelajaran dari tahun 2013 hingga 2017.

Jadual 1: Peratus Lulus Mata Pelajaran Penulisan 2013 – 2017

Tahun	Ujian 1	Ujian 2	Ujian 3	Ujian 4	UPSR
2013	100	100	100	100	100
2014	100	100	100	100	100
2015	100	100	100	100	100
2016	50	60	60	60	90
2017	63.64	63.64	X	X	100

Berdasarkan Jadual 1, didapati peratus kelulusan murid tahun 6 dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Penulisan amat memberangsangkan untuk setiap kali ujian pada tahun 2013, 2014, dan 2015. Pada tahun 2016, peratus kelulusan adalah 50 % untuk ujian 1, namun peratusan kelulusan telah menunjukkan peningkatan yang besar semasa UPSR iaitu 90% kelulusan. Begitu juga senario pada tahun 2017 yang menunjukkan peratusan kelulusan 63.43 % untuk ujian 1 dan 2 namun telah meningkat dengan drastik semasa UPSR dan mencatat 100% lulus.

Jadual 2: Gred Purata Mata Pelajaran Penulisan 2013 – 2017

Tahun	Ujian 1	Ujian 2	Ujian 3	Ujian 4	UPSR
2013	2	2	1.67	2.67	1
2014	2.14	1.57	1.29	1.43	1.43
2015	2.33	2	1.67	2	2
2016	3.8	3.2	3.7	3.6	2.9
2017	3.91	3.27	X	X	2.45

Berdasarkan Jadual 2, didapati Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Penulisan murid tahun 6 dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Penulisan amat memuaskan untuk setiap kali ujian pada tahun 2013, 2014, dan 2015 yang mencatat GPMP dalam lingkungan 1 hingga 2 dalam UPSR. Pada tahun 2016, GPMP adalah 3.8 untuk ujian 1, namun GPMP ini telah menurun sebanyak 0.9 semasa UPSR yang mencatat 2.9. Begitu juga pada tahun 2017 yang menunjukkan GPMP 3.91 untuk ujian 1 namun telah berkurang sebanyak 1.46 semasa UPSR dengan GPMP 2.45. Penurunan catatan GPMP ini menunjukkan wujud peningkatan kualiti dalam ujian penulisan tersebut.

Manakala, berdasarkan rumusan temu bual yang dijalankan, guru-guru bersetuju Kit 012 dapat menghasilkan ciri-ciri penulisan cemerlang dengan peningkatan kualiti dalam menulis ayat dan menulis karangan. Mereka bersetuju bahawa murid boleh membina ayat yang gramatis dan menghasilkan karangan dengan baik. Selain itu didapati juga Kit 012 ini turut mempengaruhi cara menulis ulasan dengan baik. Mereka juga turut memaklumkan, terdapat impak lain seperti Kit 012 ini menggalakkan pembelajaran konstruktivis berpusatkan murid yang selari dengan Pembelajaran Abad ke- 21. Guru juga boleh membimbing murid secara profesional dan terancang seperti yang terkandung dalam SKPMg2. Di samping itu, Kit 012 diakui mempunyai nilai tambah yang tersendiri apabila memudahkan murid merujuk, mudah dibawa dan mempunyai fungsi 2 dalam 1.

Analisis dokumen pula turut mendapati perkara yang sama. Murid dapat membina ayat dengan lebih baik. Murid dapat menyusun idea dengan lebih sistematik. Murid boleh mengenalpasti subjek dan predikat dalam ayat dengan mudah. Malahan murid juga dapat memberi penerangan lanjutan dalam ayat yang dibina. Ayat yang dibina juga menjadi lebih menarik. Dengan Templat Esei murid boleh membina rangka karangan dengan mudah. Murid juga dapat menyusun isi dengan lebih sistematik. Murid dapat menghuraikan isi utama dengan senang. Huraian juga tidak bercampur dengan isi lain. Contoh yang diberikan juga berkaitan dengan isi. Kualiti penulisan murid bertambah baik.

Melalui pemerhatian pula didapati bahawa murid-murid boleh belajar sendiri menggunakan Kit 012. Selain itu, Kit 012 juga menggalakkan murid membantu murid lain. Mereka akan membantu rakan-rakan dengan memberi soalan seperti yang terdapat pada Kit 012 supaya rakan mereka boleh berfikir dan mencari petikan yang berkaitan di dalam buku teks untuk dijadikan sebagai isi. Selain itu, semasa pemerhatian dijalankan Kit 012 juga memudahkan PdPC guru. Semasa mengajar penulisan, guru boleh memberi fokus yang lebih kepada kumpulan murid yang lemah. Murid yang cemerlang boleh menulis karangan secara sendiri dengan adanya panduan dari Kit 012. Didapati juga Kit 012 memudahkan murid untuk merujuk. Mereka hanya perlu merujuk satu kertas sahaja untuk pelbagai jenis karangan berbanding buku yang tebal. Murid-murid juga turut menyimpan Kit 012 ini di dalam bekas alat tulis masing-masing dan boleh dibawa ke mana-mana sahaja. Malahan murid-murid menggunakan Templat Esei sebagai penanda buku dan Pembaris Ayat untuk membuat garisan lurus di dalam buku mereka.

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Kit 012 ini telah memberi kesan yang sangat baik dalam penulisan. Dalam tempoh satu tahun penggunaannya, skema terbentuk dalam pemikiran murid. Skema yang dimaksudkan adalah set pemikiran murid terhadap cara menulis ayat dan membina karangan. Perkara ini sejajar dengan pendekatan pembelajaran kognitif yang menyatakan murid memproses, menyimpan dan mengingat kembali maklumat untuk digunakan pada masa depan (Derry, 1996; An, 2013). Oleh yang demikian, satu ingatan jangka masa panjang dapat dibentuk dalam pemikiran murid. Perkara ini dapat dilihat melalui keputusan UPSR dalam ujian penulisan pada tahun 2013, 2014, 2015, 2016, dan 2017. Pada masa tersebut, murid tidak memerlukan Kit 012 ini untuk menjawab soalan penulisan semasa peperiksaan UPSR dijalankan. Mereka mampu menulis ayat, membina ulasan dan karangan dengan baik kerana skema dan ingatan jangka panjang sudah terbentuk dalam pemikiran mereka.

Templat Esei sememangnya melatih murid untuk membina rangka karangan dengan cepat. Murid biasanya sukar untuk mencari idea untuk dijadikan isi. Namun dengan Templat Esei murid-murid boleh membina rangka dengan tersusun. Perkara ini sememangnya berkait rapat dengan Law Of Effect And Law Of Exercise yang dinyatakan oleh Edward Thorndike (Olson & Hergenhahn, 2013).

Kit 012 ini menggalakkan murid membantu murid lain. Sosialisasi dalam kalangan murid dapat mengukuhkan pemahaman murid-murid dalam membina karangan. Perkara ini sejajar dengan pendekatan konstruktivis sosial yang menggambarkan murid-murid mencipta pengetahuan atau pemahaman melalui interaksi sosial yang aktif. Murid yang cemerlang boleh membantu rakan-rakan yang lemah dengan mudah dengan menggunakan Kit 012 yang mudah untuk difahami. Perkara ini amat bertepatan dengan Pendidikan Abad ke-21 (Palincsar, 1998; Jackson & Klobas, 2008; Barak, 2016).

Sudah semestinya guru boleh memberi fokus yang lebih baik untuk membantu murid yang lemah. Perkara ini dapat dikaitkan dengan Aspek 4.3 iaitu Guru Sebagai Pembimbing dalam SKPMg2. Guru memainkan peranan untuk membimbing supaya murid dapat menguasai pengetahuan, kemahiran dan mengamalkan nilai berdasarkan objektif pelajaran. Hal ini diperincikan dalam perkara 4.3.1 iaitu Guru membimbing murid secara profesional dan terancang. Guru perlu memberi tunjuk ajar dalam menguasai isi pelajaran dan kemahiran, memandu murid membuat keputusan dan menyelesaikan masalah serta menggunakan sumber pendidikan, dan mengabung isi pelajaran dengan kemahiran / mata pelajaran lain mengikut keperluan dan keupayaan murid dengan betul, tepat secara berhemah dan bersungguh-sungguh (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Rumusannya, Kit 012 telah berjaya meletakkan Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran kebitaraan untuk sekolah tersebut. Selain itu, kit ini juga telah berjaya menyelesaikan isu keprihatinan pengkaji iaitu murid tidak dapat menulis ayat dengan gramatis dan murid tidak dapat menulis karangan tidak berformat dengan baik. Malahan, Kit 012 ini telah menarik minat sekolah lain dan telah dikongsikan di beberapa buah sekolah. Namun, terdapat juga beberapa batasan kajian yang tidak boleh dielakkan seperti perubahan format UPSR Bahasa Melayu Penulisan, murid yang tidak menguasai kemahiran asas membaca dan menulis, dan masalah kesihatan murid. Dicadangkan juga kajian lanjutan tentang keberkesanan penggunaan Kit 012 dalam kalangan murid tahap 1 iaitu untuk mengajar murid-murid tahun 1, 2 dan 3 membina frasa dan membina ayat mudah.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Abdul Rashid. 2005. Profesionalisme Keguruan: Prospek dan Cabaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Razak, A. K., Keong, C. M., & Abdullah, A. (2014). Tahap amalan inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru sekolah agama daerah kuala langat, selangor., 162–170.
- Abdullah, A. H., Abidin, N. L. Z., & Ali, M. (2015). Analysis of students' errors in solving Higher Order Thinking Skills (HOTS) problems for the topic of fraction. *Asian Social Science*, 11(21), 133–142. <https://doi.org/10.5539/ass.v11n21p133>
- An, S. (2013). Schema Theory in Reading. *Theory and Practice in Language Studies*, 3(1), 130–134. <http://doi.org/10.4304/tpls.3.1.130-134>
- Asmah Haji Omar. (2004). Languages of Sarawak. In *The encyclopedia of Malaysia*, 9: 30-31. Kuala Lumpur: Archipelago Press.
- Barak, M. (2016). Science Teacher Education in the Twenty-First Century : a Pedagogical Framework for Technology-Integrated Social Constructivism. *Res Sci Educ*. <http://doi.org/10.1007/s11165-015-9501-y>
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches Fourth Edition*. SAGE Publications, Inc. <http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>

- Derry, S. J. (1996). Cognitive Schema Theory In The Constructivist Debate. *Education Psychologist*, 31(3/4), 163–174.
- Hancock, D. R., & Bob Algozzine. (2006). *Doing Case Study Research A Practical Guide for Beginning Researchers*. Teachers College Press. Retrieved from <http://books.google.com/books?hl=en&lr=&id=cAFUnzGQKEcC&oi=fnd&pg=PA257&dq=Doing+Case+Study+Research&ots=IVH7MTsF5D&sig=jNGcE3ysrBQ8Wpmpq3wHoVEZPuLA%5Cnhttp://books.google.com/books?hl=en&lr=&id=cAFUnzGQKEcC&oi=fnd&pg=PA257&dq=Doing+case+study+research&ots>
- Hunt, L., & Yoshida-Ehrmann, E. (2016). Linking schools of thought to schools of practice. *Gifted Child Today*, 39(3), 164–172. <https://doi.org/10.1177/1076217516644650>.
- Ilangko Subramaniam, Noorulafiza Abdul Mutalib, & Siti Nor Hamahida Zainal. (2014). Penggunaan Bahasa Ibunda dalam Pengajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Peribumi di Sekolah Pedalaman Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 65–74.
- Ilias, M. F., Ismail, M. F. & Jasmi, K. A. (2013). Faktor dorongan dan halangan penggunaan bahan bantu mengajar oleh guru pendidikan Islam di sekolah bestari, 3rd. International Conference on Islamic Education 2013 (ICIED2013). EPF Institute, Malaysia, pp. 943-953.
- Jackson, P., & Klobas, J. (2008). Building knowledge in projects : A practical application of social constructivism to information systems development. *International Journal of Project Management*, 26, 329–337. <http://doi.org/10.1016/j.ijproman.2007.05.011>
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir (2003). Asas Multimedia dan Aplikasinya dalam Pendidikan. <http://utmlead.utm.my/wp-content/uploads/2014/01/MIEducation.pdf>. (7 Ogos 2016).
- Jasmi, K. A., Ilias, M. F., Tamuri, A. H. & Mohd Hamzah, M. I. (2011). Amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 3(1), pp. 59-74.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2008). *Buku Manual Kajian Tindakan Edisi Ketiga*. Putrajaya. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (2012). Perangkaan Pendidikan Malaysia 2010. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. http://emisportal.moe.gov.my/emis/emis2/emisportal2/doc/fckeditor/File/BukuPerangkaan10/BAB_2.pdf. (22 Mei 2012).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah Hingga Lulusan Menengah)*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Standard 4 pembelajaran dan pemudahcaraan*.
- Kenneth, D.m. 2006. *Classroom Teaching Skills*. New York: mc Graw-Hill Higher Education.
- Keeves, J. P. & Darmawan, I. (2007). Issues in language learning. *International Education Journal*, 8 (2): 16-26.
- Mat Ariffin Bin Ismail & Abdul Rahman Kamil Bin Abu Naim (2015). *Bahasa Melayu Tahun 6*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research A Guide to Design and Implementation Revised and Expanded from Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Jossey-Bass.
- Mohammed Azlan Mis, (2010). Lingua franca di Sarawak: Aplikasi teori pilihan bahasa. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 10 (2): 97-116.
- Mohd Faez Ilias, Kalthom Husain, Mohd Amin Mohd Noh, Zetty Nurzuliana Rashed, & Abdullah, M. (2016). Sumber Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan GPI Sekolah Bestari. *E-Academia Journal UiTMT*, 5(2), 106–114.
- Mohd Noh, M. A., Ilias, M. F., Husain, K., Sulaiman, M. S., & Abdullah, M. (2016). Inisiatif dan Usaha Guru dalam Meningkatkan Pengetahuan Semasa Penggunaan Bahan Bantu Mengajar. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 3, 133–144.

- Mwathwana, M. I., Mungai, C., Gathumbi, A.W., & George, G.E. (2014). The impact of history teaching/learning resources on student performance in KCSE History examinations: A case of Tigania and Igembe districts Meru County, Kenya. *Journal of Education and Practice*. 5(3), pp. 64-72.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmod (2004). *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Noriah Mohamed & Rohani Mohd. Yusof, (2004). Persamaan dan kemiripan bahasa: Perbandingan kosa kata dasar 10 bahasa Austronesia di Sarawak. *Jurnal Bahasa*, 4 (2): 278-359.
- Noraini Mohd Noh, Mohd Arif Hj Ismail & Jamil Ahmad (2010b). Tahap penerimaan inovasi EduwebTV dalam kalangan Guru. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan* 3(5):118-128/.
- OECD. (2016). *Innovating Education and Educating for Innovation: THE POWER OF DIGITAL TECHNOLOGIES AND SKILLS*.
- Othman Talib. 2013. *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Olson, M. H., & Hergenhahn, B. R. (2013). *An introduction to theories of learning (9th ed.)* Upper Saddle River, NJ: Pearson Prentice Hall.
- Palincsar, A. S. (1998). SOCIAL CONSTRUCTIVIST PERSPECTIVES ON TEACHING AND LEARNING. *Annu. Rev. Psychol.*, 49, 345–75.
- Radhiah Said, R., BRahim, M., & Md SaBil, azhaR. (2016). Bimbingan dan Pementoran Berfokus oleh SiSc+ Bm: impak terhadap Kualiti Pengajaran Guru Bahasa melayu di Sekolah-sekolah menengah Daerah Samarahan, Sarawak (Focused coaching and mentoring by SiSc + Bm: impact on Teaching Quality of the malay Language Teac. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(2), 131–139. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/10649/1/16017-44843-1-SM.pdf>
- Roziety Shaary (2012). *176 Contoh Karangan Bahasa Malaysia UPSR*. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Siti Hajar Binti Abdul Aziz, Siti Sarah Binti Abdul Malek, & Rahmat Bin Ibrahim (2013). *Bahasa Malaysia Tahun 4 Sekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Siti Sarah Binti Abdul Malek, Nurfarah Lo Binti Abdullah & Sarawati Binti Tumirah (2014). *Bahasa Malaysia Tahun 5 Sekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Van Deur, P., & Murray-Harvey, R. (2005). The inquiry nature of primary schools and students' self-directed learning knowledge. *International Education Journal*, 5(5), 166–177. Retrieved from <http://www.scopus.com/inward/record.url?eid=2-s2.0-27944449716&partnerID=40&md5=5e9c4187e77012bc56063c33c938bdc6>

PENGINTEGRASIAN APLIKASI TSST DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN PRABACAAN DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN TAHAP 1

Syelvester Joe Boniface Abun, Huang Chwei Ing, PhD

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak
joeabun96@gmail.com, chweiing@gmail.com

ABSTRACT

Kajian ini merupakan suatu kertas cadangan bertujuan untuk membantu meningkatkan penguasaan murid pemulihan dalam kemahiran prabacaan, iaitu mengecam dan mengenal huruf kecil. Selain itu, kajian ini turut bertujuan untuk menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran saya agar lebih menarik dan berkesan terutamanya dalam bidang Bahasa Melayu. Peserta kajian terdiri daripada murid pemulihan tahap 1. Saya mengintegrasikan aplikasi TSST dalam intervensi kajian ini. Saya akan mengumpul data melalui Ujian Diagnostik Binaan Guru, Saringan Literasi Membaca Ke-2, senarai semak, catatan anekdot dan rakaman audio-visual. Data yang dikumpul akan dinalisis menggunakan kaedah analisis dokumen tematik dan frekuensi. Kajian ini berhasrat untuk memberikan satu penyelesaian berbentuk inovasi kepada guru Bahasa Melayu bagi memperbaiki amalan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat meningkatkan pencapaian murid pemulihan khususnya dalam bidang Bahasa Melayu.

Kata kunci: Aplikasi TSST, teknologi, mengecam dan mengenal huruf kecil, murid pemulihan tahap 1

ABSTRAK

This paper is a proposal aimed at improving the mastery of pre-reading skills among remedial students namely in knowing and recognizing lower-case letters. In addition, this study also aims to enhance my teaching and learning practices to be more interesting and effective especially in the Malay language. Participants of the study consisted of Level 1 remedial students. I am integrating the TSST application as the intervention of this study. Data will be collected through teacher build diagnostic test, reading literacy assessment, checklist, anecdotal record and audio-visual recording. Collected data will be analyzed using thematic document analysis and percentage. This study aims to provide an innovative solution to the Malay language teachers in order to improve teaching and learning practices in the classroom. Furthermore, this study is expected to improve the achievement of student achievement especially in the field of Malay Language.

Key words: TSST application, technology, knowing and recognizing lowercase letters, level 1 remedial students

PENGENALAN

Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah bermatlamat untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu, perhubungan sosial dan urusan harian (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Oleh itu, murid-murid perlu menguasai kemahiran bahasa iaitu kemahiran lisan, kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

Namun matlamat ini sukar untuk dicapai sekiranya murid-murid belum menguasai kemahiran asas terlebih dahulu. Misalnya, murid-murid yang belum mengenal dan mengecam abjad tidak dapat menguasai kemahiran membaca. Ini adalah kerana, perlakuan

membaca merupakan suatu perlakuan mendapatkan maklumat melalui lambang-lambang bertulis dan bercetak. Di samping itu, aktiviti membaca juga turut melibatkan proses mekanis dan mental. Proses mekanis adalah bila mana seseorang itu meneliti dan menterjemahkan lambang-lambang bertulis kepada pertuturan. Manakala, proses mental pula melibatkan aktiviti mendapatkan maklumat serta makna melalui apa yang dibaca dalam bahan bacaan tersebut. Dalam kata mudahnya, aktiviti membaca adalah satu proses untuk mendapatkan erti atau makna daripada bahan bertulis dan melahirkannya sama ada secara pertuturan atau senyap.

Menurut Abd. Rasid Jamian dan Zulkafli (2008), masalah menguasai kemahiran membaca menyebabkan murid lemah dan tidak berminat dalam pelajaran Bahasa Melayu. Masalah ini disebabkan kekeliruan murid tersebut mengecam bentuk huruf semasa membaca, tidak membunyikan perkataan dengan betul dan tepat, tidak dapat menyebut perkataan yang dieja serta meninggalkan perkataan yang tidak diketahui sebutannya atau maknanya. Kesannya, mereka tidak dapat membaca dengan lancar apatah lagi secara fasih. Ini bermaksud, adalah amat penting untuk murid menguasai kemahiran asas membaca iaitu mengenal dan mengecam huruf terlebih dahulu (Noor Aini Ahmad dan Nur Liyana Abd. Latiff, 2015)

Memang tidak dinafikan bahawa bukan sahaja murid yang berada di sekolah rendah yang belum mampu membaca namun yang lebih menyukarkan lagi ialah apabila terdapat pelajar sekolah menengah juga menghadapi kesukaran untuk membaca namun hanya segelintir dari mereka ini yang terlibat. Di dalam satu kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun yang lalu telah mendapati bahawa seramai 165,000 murid di negara ini masih belum mengenal huruf mahupun mengecam huruf. Daripada jumlah besar ini, 125,000 orang adalah murid sekolah rendah dan sekolah menengah (Laporan Pelan Induk Pendidikan 2006-2010). Keadaan ini dilihat sebagai satu senario yang amat membimbangkan kerana kemahiran membaca ialah satu kemahiran yang sangat penting untuk dikuasai oleh seseorang individu. Hal ini kerana kebanyakan ilmu dan pengetahuan di salurkan melalui media bercetak serta contoh yang paling lazim adalah buku, surat khabar dan makalah. Semakin banyak pembacaan yang dilakukan maka semakin banyakkah ilmu dan fakta baru yang ditemui, diterokai dan diperolehinya.

MASALAH MENGENAL DAN MENGECAM HURUF

Kemahiran membaca ini amat penting kerana membaca merupakan salah satu sumber pengetahuan dan asas pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu pengetahuan (Abd. Rasid Jamian, 2011). Tujuan membaca ialah bagi memahami teks yang dibaca dan kandungan teks ialah memberi makna kepada pembaca (Yahya, 2005). Keupayaan membaca merupakan suatu kemahiran yang amat bernilai dan merupakan proses yang dinamik, iaitu memerlukan komunikasi yang aktif dan bermakna antara pembaca dan penulis.

Selain itu, ketidakupayaan murid untuk menguasai kemahiran membaca menyebabkan murid tidak menguasai kemahiran asas yang lain seperti kemahiran lisan. Ini kerana, murid akan mempunyai kesukaran dalam membunyikan huruf yang mempunyai bentuk yang seakan-akan sama dan keliru dalam menyebut nama huruf yang seakan-akan sama.

Perkara ini sudah pasti menyebabkan kesukaran dalam menyebut susunan rangkai kata dan ayat menggunakan intonasi dengan gaya yang betul. Oleh itu, sekiranya belum menguasai kedua-dua kemahiran ini sudah tentu menimbulkan masalah kepada mereka untuk melahirkan ekspresi melalui tulisan. Ini kerana bunyi bahasa yang dapat dibaca dan difahami maksudnya terhasil daripada bentuk-bentuk grafik yang disusun (huruf). Kamaruddin (1999), mentakrifkan penulisan sebagai pelahiran perasaan, fikiran dan idea dalam bentuk grafik. Maka dengan ini, murid hendaklah menguasai terlebih dahulu kemahiran asas membaca agar mereka mampu menguasai kemahiran menulis.

Sebelum menguasai kemahiran membaca, murid terlebih dahulu didedahkan dengan kemahiran prabacaan. Kemahiran prabacaan iaitu mengenal abjad amnya, huruf

kecil khususnya secara langsung merujuk kepada tahap keupayaan seseorang murid tersebut untuk mengecam bentuk bagi sesuatu huruf tersebut. Justeru itu, mengecam huruf membawa makna murid dapat mengingat kembali bentuk-bentuk huruf yang telah dipelajarinya. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2013).

Menurut Syed Abu Bakar (1994), peringkat prabacaan meliputi kemahiran pengamatan pendengaran, kemahiran pengamatan penglihatan, aktiviti koordinasi psikomotor, latihan menajamkan daya ingatan dan latihan bahasa pertuturan. Prabacaan merupakan tahap penyediaan murid-murid untuk membaca di mana guru perlu menyediakan pengalaman bahasa, iaitu mengenal serta mengecam huruf. Kenyataan ini disokong oleh Seefeldt dan Wasik (2006), yang menyatakan sebelum kanak-kanak belajar membaca dan menulis yang sebenarnya, mereka perlu mengembangkan penguasaan literasi iaitu kemahiran asas prabacaan yang merujuk kepada penguasaan kemahiran mengenal dan mengecam huruf.

Wan (2012), menyatakan bahawa kemahiran prabacaan merupakan kemahiran asas yang perlu dimiliki oleh setiap individu. Hasil pengecaman yang baik memerlukan aspek bunyi sebutan dan bentuk huruf serta bebas daripada kekeliruan bunyi. Oleh itu, sekiranya terdapat murid yang tidak mengambil berat tentang aspek-aspek tersebut, maka secara langsung dapat menjejaskan kemahiran mengecam murid tersebut. Masalah ini bukanlah suatu masalah yang besar dan sulit untuk ditangani. Kajian ini selaras dengan matlamat Program Literasi dan Numerasi (LINUS) yang berhasrat mensasarkan 100% murid tahun 3 menguasai Literasi sebelum naik ke tahun 4 mulai tahun 2013 kecuali Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang terkandung di dalam NKRA-LINUS 2.0, (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

TSST DEFINISI

TSST merupakan suatu akronim bagi kaedah 'Tayang, Sebut, Susun dan Tulis. Kaedah ini telah dipelopori oleh seorang penyelidik yang bernama Gimang Anak Sabai (2015). Beliau telah mengaplikasikan kaedah ini dalam kajian penyelidikan beliau ketika beliau menjalankan kajian tindakan beliau di sebuah sekolah di Daerah Sebauh, Bintulu. Kaedah ini merupakan suatu kaedah yang telah diilhamkan oleh beliau sendiri.

KAJIAN LEPAS TENTANG TSST@ INTEGRASI MULTIMEDIA DALAM PDP

Kaedah TSST ini telah diaplikasikan di dalam sebuah kajian penyelidikan tindakan milik Gimang Anak Sabai (2015) yang bertajuk 'Penggunaan Kaedah TSST Berbantuan Powerpoint Di Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengenal dan Mengecam Huruf (ABJAD). Berdasarkan dapatan kajiannya, didapati bahawa kaedah ini mampu meningkatkan kemahiran mengenal dan mengecam huruf dalam kalangan murid Tahun 1 yang mana pada awalnya kesemua peserta kajiannya tidak mencapai tahap penguasaan minimum bagi konstruk 1 iaitu mengenal dan mengecam huruf. Peningkatan yang ketara di tunjukkan oleh peserta kajiannya setelah kaedah ini dilaksanakan.

PERKEMBANGAN TERKINI INTEGRASI MULTIMEDIA DALAM PDP

Teknologi berkembang pesat dan semakin mendapat tempat dalam sistem pendidikan. Kemajuan dalam bidang teknologi pendidikan dilihat banyak membantu dalam meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (Kamarul Azmi Jasmi *et al.*, 2012). Pengintegrasian multimedia dalam PdPc juga turut berlaku dalam usaha mempertingkatkan pembelajaran kemahiran membaca murid-murid PROBIM (Abdul Rasid Jamian *et al.*, 2012). Malah, terdapat sebuah kajian yang telah dijalankan untuk membangunkan sebuah modul perisian pengajaran berbantuan komputer (PBK) menggunakan Microsoft Power Point interaktif untuk kanak-kanak prasekolah (Muhamad Fazli, 2013). Lebih-lebih lagi sistem pendidikan negara kita yang sedang giat menuju

kepada Pendidikan Abad ke-21. Guru-guru disekolah telah diseru agar mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses pengajaran, pembelajaran dan pemudahcaraan harian. Antara integrasi multimedia yang telah dilakukan ialah seperti penggunaan video klip pendek dalam menerangkan sesuatu konsep dalam pembelajaran Sains, penggunaan audio atau rakaman muzik dalam pembelajaran muzik dan permainan cari gambar tersembunyi dalam kelas didik hibur.

KERANGKA KONSEPTUAL TSST

KRITERIA MULTIMEDIA YANG BERKESAN

Perisian multimedia yang digunakan ialah *PowerPoint* yang dibangunkan oleh *Microsoft Office*. Perisian ini tergolong dalam kelompok perisian *Microsoft Office* dalam komputer riba atau komputer meja. Penggunaan *PowerPoint* secara meluas dalam sesi pembentangan dalam sektor awam dan swasta, bidang pendidikan ataupun individu dengan pelbagai reka bentuk menarik telah meletakkannya sebagai media komunikasi yang paling popular dan digunakan secara meluas.

Justeru menurut Khairuddin Mohamad (2011), *PowerPoint* akan bertambah menarik jika penggunaannya turut mengambil kira susunan teks, pengolahan warna, susun letak gambar serta penggunaan animasi yang digabung dengan latar belakang yang boleh bergerak atau sebaliknya, mengikuti kreativiti guru. Tambahnya lagi, guru gemar menggunakan tetikus secara manual untuk menggerakkan *PowerPoint* jika penggunaannya adalah untuk pengajaran di dalam bilik darjah.

Kenyataan ini juga turut disokong oleh Noriati *et. al* (2012), yang menyatakan beberapa ciri-ciri perisian persembahan *Microsoft PowerPoint* seperti mempunyai impak visual. *PowerPoint* yang berkesan mampu memberikan pelbagai pilihan warna serta corak latar belakang slaid yang boleh membantu menyerlahkan persembahan visual bagi menyokong persembahan, ia akan menarik perhatian pelajar serta menggalakkan pembelajaran pelbagai deria.

Selain itu, turut dinyatakan ialah mempunyai penyisipan grafik. Grafik yang disisipkan, imej pengimpas serta *clip art* boleh membantu dalam menjelaskan sesuatu perkara dan juga menarik perhatian murid. Seterusnya ialah mempunyai reka bentuk dan reka letak yang pelbagai jenis corak yang boleh dipilih serta menyokong persembahan *PowerPoint*.

TEORI GAGNE

Gagne (1975), menghubungkan proses pembelajaran dengan proses ingatan. Satu teori yang telah dikemukakannya mengenai bagaimana manusia memperoleh maklumat dalam sesuatu proses pembelajaran. mengikut teori beliau, rangsangan-rangsangan dari persekitaran luar akan diterima dalam sistem saraf melalui deria-deria manusia. Kemudian maklumat yang diterima akan dikodkan secara bermakna dalam rangka yang lebih mudah diingati. Maklumat yang telah dikodkan akan disimpan dalam masa 15-30 saat sahaja dan kemudiannya dihantar ke stor jangka panjang untuk disimpan beberapa minit atau selama-lamanya. Oleh itu, dengan mengintegrasikan kaedah TSST dalam PdPc ini, murid telah dirangsang dengan gambar bagi mewakili sesuatu huruf tersebut serta rupa bentuk bagi sesuatu huruf tersebut. Rangsangan ini diterima oleh murid melalui deria penglihatannya dan dikodkan serta disimpan dalam ingatan. Dengan ini, murid dapat mengenal dan mengecam huruf dengan mudah. Ini kerana, murid berjaya menyimpan rupa bentuk bagi sesuatu huruf yang telah diamatinya hasil daripada rangsangan kepada deria penglihatannya.

MULTIPLE INTELLIGENCE

Teori Kecerdasan Pelbagai telah diasaskan oleh Howard Gardner pada tahun 1983 (Suppiah Nachiappan *et al.*, 2012). Gardner cuba memahami kecerdasan dari sudut cara seseorang memproses maklumat, menyelesaikan masalah dan merancang apakah strategi yang digunakan. Menurut Gardner (1983), kecerdasan bukanlah diwarisi semata-mata. Ini bermakna kecerdasan boleh ditingkatkan melalui pendidikan atau latihan. Terdapat 9 jenis kecerdasan yang telah diperkenalkan oleh beliau, iaitu kecerdasan Logik-Matematik, Verbal-Linguistik, Kinestetik-Badan, Muzikal, Ruang Visual, Interpersonal, Intrapersonal, Naturalis dan Eksistensialis. Dengan mengintegrasikan penggunaan *PowerPoint* dalam PdPc, guru dengan secara tidak langsungnya telah mengaktifkan kecerdasan Ruang-Visual (spatial) dalam diri murid. Dengan menayangkan gambar bagi mewakili sesuatu huruf itu, murid mampu untuk memahami secara mendalam hubungan antara gambar dan huruf yang ditayangkan. Sehubungan dengan itu, mereka peka terhadap garisan, bentuk dan corak bagi sesuatu huruf yang dipaparkan. Oleh itu, murid dapat mengenal dan mengecam dengan baik guruf yang diajarkan kepada mereka.

PENGINTEGRASIAN TSST DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN PRABACAAN

KONTEKS

Pengintegrasian aplikasi TSST ini mempunyai tiga peringkat perlaksanaannya. Pada langkah pertama pelaksanaan, guru hanya melaksanakan aktiviti menayangkan huruf serta gambar sebagai perwakilan. Turut dilaksanakan pada langkah pertama ialah aktiviti menyebut huruf yang ditayangkan pada skrin. Perlu diambil berat oleh setiap guru yang mengaplikasikannya, jumlah huruf yang ditayangkan hendaklah tidak terlalu banyak tetapi bersesuaian dengan tahap penguasaan murid. Sebaik-baiknya tiga hingga empat huruf sahaja yang ditayangkan. Setiap huruf yang ditayangkan disusuli dengan sebutan yang betul. Contohnya, huruf 'a' ditayangkan. Jadi guru hendaklah menyebutkan nama bagi huruf tersebut dengan sebutan yang betul serta dengan jelas. Perlu diberikan penekanan ialah bahawa langkah pertama ini hendaklah dilaksanakan pada hari yang berbeza dengan langkah seterusnya. Ini bertujuan bagi menggalakkan murid untuk menumpukan pengamatan mereka melalui deria penglihatan dan juga deria pendengaran. Hal ini memudahkan murid untuk mengamati bentuk, rupa dan corak bagi sesuatu huruf yang ditayangkan serta mengamati cara sebutan yang betul bagi sesuatu huruf tersebut.

Langkah seterusnya ialah latihan menyusun huruf yang telah diperkenalkan pada pembelajaran yang lepas. Sebelum menyusun huruf-huruf tersebut, guru hendaklah sekali lagi menayangkan huruf-huruf yang diperkenalkan pada sesi pembelajaran yang sebelumnya serta menyebutkannya dengan sebutan yang betul dan jelas. Keadaan ini amat sejajar dengan kaedah pengajaran ingat lupa yang mana guru menguji kembali pengetahuan murid sedia ada yang mana terlebih dahulu telah diperkenalkan kepada huruf-huruf sebelumnya. Dalam pada masa yang sama, guru memperukuhkan lagi pengetahuan murid dengan mengulang lagi pembelajaran sebelumnya. Setelah itu, barulah murid-murid dilatih bagaimana hendak menyusun huruf-huruf tersebut mengikut susunan yang dikehendaki. Caranya ialah huruf-huruf tersebut diletakkan secara rawak. Kemudian murid akan menyusun huruf tersebut mengikut arahan yang diberikan.

Langkah seterusnya ialah merupakan langkah terakhir dalam interaksi pengintegrasian TSST dalam PdPc iaitu aktiviti menulis. Langkah ini turut diasingkan pada hari yang berlainan. Hal ini bertujuan bagi memberikan penekanan terhadap cara menulis bagi sesuatu huruf tersebut dengan betul. Sebelum memulakan aktiviti menulis, guru akan menayangkan semula huruf-huruf yang sudah diperkenalkan kepada murid. Kemudian guru akan menunjukkan cara-cara menulis bagi huruf-huruf tersebut dengan betul pada papan putih. Seterusnya murid dibimbing untuk menulis huruf tersebut di atas helaian kertas lembaran aktiviti yang diedarkan. Latihan menulis hanya diberikan fokus kepada huruf yang telah diperkenalkan pada pembelajaran sebelumnya. Dengan berbuat demikian, guru dapat

menumpukan tahap penguasaan murid terhadap satu-satu huruf sahaja pada satu-satu tempoh masa.

TUJUAN

Pengintegrasian aplikasi TSST ini dalam PdPc ialah bertujuan untuk meningkatkan penguasaan kemahiran asas membaca iaitu mengenal dan mengecam huruf kecil (abjad). Dengan mengintegrasikan aplikasi ini, guru boleh menyampaikan isi pelajaran dengan lebih berkesan. Ini kerana pengintegrasian aplikasi ini mampu merangsang deria-deria seperti deria penglihatan, pendengaran dan tekstil atau sentuhan. Rangsangan-rangsangan ini mampu membantu murid untuk belajar dengan baik sejajar dengan teori yang dikemukakan oleh Gagne yang menyatakan bahawa rangsangan-rangsangan dari luar akan diterima melalui sistem deria yang ada. Rangsangan-rangsangan ini akan dihantar ke ingatan jangka pendek melalui sistem saraf dan dikodkan sebelum dihantar ke ingatan jangka panjang. Tambahan pula, aplikasi ini amat mudah untuk diintegrasikan. Guru hanya perlu menyediakan slaid yang menarik agar mampu mendatangkan kesan positif seperti mampu menarik perhatian murid untuk belajar, meningkatkan minat murid untuk belajar serta meningkatkan keterlibatan murid dalam PdPc di dalam bilik darjah. Ini kerana, semasa PdPc dijalankan di dalam bilik darjah murid secara langsung dilibatkan sama. Sehubungan itu, penglibatan murid secara langsung di dalam bilik darjah mampu membina keyakinan murid. Dengan ini, proses PdPc mampu berjalan dengan lancar serta mendatangkan kesan yang positif.

APLIKASI


Cara mengaplikasikan aplikasi ini dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan amat mudah. Cara mengaplikasikannya ialah dengan mengagihkan peruntukan masa 30 minit bagi setiap langkah perlaksanaannya. Langkah pertama iaitu 'Tayang dan Sebut'.



Rajah 1. Paparan tayangan huruf


Pada langkah awal, guru perlu menayangkan huruf beserta gambar seperti pada Rajah 1. Selepas huruf tersebut dipaparkan, guru akan menyebutkan nama bagi huruf tersebut. Kemudian guru akan membunyikan bunyi bagi huruf yang telah ditayangkan. Seterusnya, menyatakan bahawa huruf tersebut merupakan huruf awalan bagi gambar yang ditunjukkan. Contohnya, huruf 'a' merupakan huruf awalan bagi perkataan 'api'.

Pada langkah seterusnya, guru perlu menayangkan semula huruf yang telah ditayangkan pada sesi pembelajaran yang lepas. Akan tetapi, dalam langkah ini, guru menambahkan satu lagi pelajaran iaitu menyusun huruf-huruf yang diletakkan atas meja seperti yang terdapat di dalam Rajah 2, berdasarkan turutan yang dinyatakan oleh guru.



Rajah 2. Kad huruf yang perlu disusun

Setelah itu, murid akan ditunjukkan cara menulis huruf dengan tepat serta kemas menggunakan kaedah tiga garis. Langkah pertama ialah guru menunjukkan pergerakan tangan menulis huruf di udara bagi huruf yang telah diajarkan. Kemudian, murid-murid meniru pergerakan tangan yang telah ditunjukkan. Setelah itu, guru akan mengaplikasikan gerakan tangan tersebut dengan menulis di papan tulis menggunakan kaedah 3 garis. Murid pula mengaplikasikannya pada lembaran aktiviti yang diberikan. Bagi memperkemas tulisan murid, lembaran aktiviti itu dilengkapi dengan huruf yang perlu disambungkan titiknyanya seperti Rajah 3 berikut.



Rajah 3. Lembaran Aktiviti

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, pengintegrasian aplikasi TSST ini mampu meningkatkan penguasaan murid pemulihan tahap 1 dalam menguasai kemahiran prabacaan iaitu mengenal dan mengecam huruf kecil. Kejayaan integrasi ini akan meningkatkan pencapaian akademik murid pemulihan tahap bagi melepasi konstruk 1 dalam saringan literasi.

RUJUKAN

Abdul Rasid Jamian, Norhashimah Hashim, & Shamsudin Othman. (2012). Multimedia Interaktif Mempertingkatkan Pembelajaran Kemahiran Membaca Murid-Murid Probim. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2):46-53. Diperoleh daripada <http://journalarticle.ukm.my/5719/1/46-53%2520Rasid%2520et%2520al.UPM.pdf>.

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah Di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1):1-12. Diperoleh daripada <https://www.scribd.com/document/70349963/Jurnal-Kemahiran-Membaca-Dan-Menulis-Rasid-UPM>.
- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli. (2008). Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Rendah di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, (1):1-12
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2013). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gagné, R. M., & Driscoll, M. P. (1988). *Essentials of Learning for Instruction*: Prentice Hall.
- Gardner, H. (1983). *Multiple Intelligences and Education*. Diperolehi daripada <http://www.infed.org/thinkers/gardner.htm>
- Gimang Anak Sabai. (2015). *Penggunaan Kaedah TSST Berbantuan Powerpoint Di Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengenal dan Mengecam Huruf (ABJAD)*. Tesis Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Kamarudin Husin. (1999). *Pengajaran Kemahiran Membaca dan Menulis*. (Modul EDU 3301). Universiti Putra Malaysia Serdang: IDEAL.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). *Kad Laporan Pelan Induk Pendidikan (2006-2010)*. Diperoleh daripada [http://moe.gov.my /upload/galeri_awam/penyelidikan/2007/2007_BTMK_4_7566_6886.pdf](http://moe.gov.my/upload/galeri_awam/penyelidikan/2007/2007_BTMK_4_7566_6886.pdf).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *NKRA LINUS 2.0: Modul Latihan Kursus Guru Pemulihan Khas Tahun 2013*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khairuddin Mohamad. (2011). *Siri Pendidikan Guru: Literasi Bahasa Melayu*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Noor Aini Ahmad, & Nur Liyana Latiff. (2015). Belajar Kemahiran Mengenal Huruf Menggunakan Aktiviti Membentuk Doh. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(1):71-80. Diperoleh daripada [http://www.academia.edu/27580766/ BELAJAR_KEMAHIRAN_MENGENAL_HURUF_MENGGUNAKAN_AKTIVITI_MEMBENTUK_D OH_Learning_Identifying_Alphabet_Skill_Through_Activity_Using_Dough_Shaping](http://www.academia.edu/27580766/BELAJAR_KEMAHIRAN_MENGENAL_HURUF_MENGGUNAKAN_AKTIVITI_MEMBENTUK_DOH_Learning_Identifying_Alphabet_Skill_Through_Activity_Using_Dough_Shaping).
- Seefeldt, C., & Wasik, B. A. (2006). *Early Education: Three -, Four-, And Five Year Olds Go To School (2nd ed.)*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Syed Abu Bakar Syed Akil. (1994). *Panduan Mengajar Kemahiran Membaca*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Fatmawati Wan Bujang. (2012). *Jom Mengecam ABC*. Seminar Penyelidikan Tindakan Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang Tahun 2012, 27-28 September 2012: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Diperoleh daripada [http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/BukuKoleksi/2012/PRA/7. %20Wan .pdf](http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/BukuKoleksi/2012/PRA/7.%20Wan.pdf).
- Yahya Othman. (2005). *Trend Dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.

PENGUNAAN TEKNIK NYANYIAN DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA SUKU KATA DIFTONG BAGI MURID PEMULIHAN TAHUN TIGA

Muhammad Husaini Zakari, Selina Ahmad
Insitut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak
husainizakari96@yahoo.com, selinahjahmad08@hotmail.com

ABSTRACT

Gabungan huruf vokal 'ai', 'au' dan 'oi' yang dibentuk digelar sebagai huruf diftong. Diftong terdiri daripada dua huruf tetapi berfungsi sebagai satu fonem. Walaupun terlihat mudah, masih terdapat segelintir murid pemulihan yang mengikuti tajuk pembelajaran ini mengalami kesukaran ketika membaca suku kata yang mempunyai huruf diftong. Melalui latihan dan teknik yang berterusan masalah ini dapat diatasi tetapi dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teknik nyanyian sebagai medium pengajaran. Penggunaan muzik dan nyanyian dapat merangsang minat dan meningkatkan motivasi kanak-kanak belajar. Oleh itu, pengkaji menggunakan lirik lagu yang diubahsuai dan melodi lagu kanak-kanak bagi mengajar tiga peserta kajian yang merupakan murid pemulihan di salah sebuah sekolah di Miri. Pengumpulan data kajian diambil menerusi jurnal pengkaji, pemerhatian, temu bual dan ujian yang dijalankan ke atas tiga peserta kajian. Secara keseluruhan, hasil kajian yang diperolehi bakal menentukan sama ada teknik nyanyian berupaya meningkatkan kemahiran membaca suku kata diftong bagi murid pemulihan.

Kata kunci: diftong, nyanyian, pendidikan pemulihan

ABSTRAK

The combination of vowel 'ai', 'au' and 'oi' formed is held as a diphthong letter. Diphthong consists of two letters but serves as a phoneme. Although it is easy to pronounce, some remedial education's student face difficulties in reading this syllables. Through continuous training and technique this problem can be overcome but in this study, the researcher uses the technique of singing as a teaching medium. The use of music and singing can stimulate interest and increase the motivation of children to learn. Therefore, researchers use modified song lyrics and children's song melodies to teach three study participants who are students of remedial education at one of the schools in Miri. The collection of research data will be taken through research journal, observation, interview and test conducted on three research participants. Overall, the results of the study will decide whether the singing technique is able to improve the reading skill of the diphthong syllable for remedial students.

Keywords: diphthong, singing, remedial education

PENDAHULUAN

Menurut Khairuddin Mohamad, Maridah Alias, dan Faiziah Shamsudin (2015), pemulihan adalah usaha untuk memperbaiki sesuatu kekurangan atau memperbetul sesuatu. Kekurangan murid terutama dalam lambat menguasai kemahiran 3M berbanding rakan sekelas yang lain boleh dirujuk kepada guru pemulihan untuk sesi rawatan. Murid pemulihan pula adalah murid yang berada di Tahap 1 di sekolah rendah. Mereka mengalami masalah pembelajaran dalam membaca, menulis, mengira, mendengar, berfikir, bertutur, melukis, menaakul, memahami, dan mengingat kembali (Khairuddin Mohamad et

al., 2015). Murid pemulihan setiap seorang itu mempunyai masalah yang berbeza. Oleh hal yang demikian, penting bagi guru pemulihan untuk mengenalpasti titik atau daerah kelemahan dan kekuatan mereka sebelum dapat dipulihkan. Masalah yang dihadapi oleh mereka juga berpunca daripada pelbagai faktor yang mempengaruhi seperti kecerdasan, emosi, kesihatan dan persekitaran. Faktor-faktor sebegini yang menjadikan mereka tidak menyerlah dalam pelajaran, bukan sepenuhnya disebabkan kerana mereka malas dan tidak minat belajar.

REFLEKSI

Pengkaji merupakan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak yang mengambil pengkhususan Pendidikan Pemulihan. Pada semester lepas, pengkaji telah menjalani praktikum fasa satu selama tiga bulan di salah sebuah sekolah rendah di sekitar Miri. Semasa menjalani praktikum, pengkaji telah mengajar subjek Bahasa Melayu dan Matematik dalam kelas pemulihan sesuai dengan pengkhususan. Pengalaman selama tiga bulan menjalani praktikum memberi peluang kepada pengkaji merasai sendiri pengalaman di sekolah dari sudut pandang seorang guru. Dalam pengajaran subjek Bahasa Melayu, selepas membuat penilaian sendiri pengkaji merasakan kesilapan teknik dan kekurangan idea yang menarik dalam mempelbagaikan teknik memberi kesan negatif pada pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pengkaji hanya memfokuskan untuk menamatkan PdP dengan jangkaan murid masih mencapai hasil objektif PdP. Namun, objektif yang diingini tidak tercapai malahan keadaan kelas juga tidak terkawal.

Yahya Othman (2012), dalam penulisan Abdul Rasid Jamian (2013) menyatakan pengajaran Bahasa Melayu tidak boleh hanya menekankan kepada penguasaan isi kandungan semata-mata. Namun, perlu diajar dalam suasana yang selesa dan menyeronokkan bagi mengelakkan murid tidak selesa semasa guru mengajar. Pendapat ini berkait rapat dengan pengkaji kerana murid merungut bahawa mereka bosan apabila pengkaji sering menggunakan gambar dan perkataan sahaja dalam pengajaran. Semasa menjalani sesi PdP bagi tajuk diftong, ketiga-tiga murid mengalami kesukaran membaca beberapa perkataan yang mempunyai huruf diftong dengan betul dan lambat membunyikan perkataan jika tiada bantuan gambar. Perkataan yang disebut kurang betul adalah perkataan yang jarang digunakan dan murid menyebut huruf diftong secara terpisah bukan sebagai satu fonem. Atas keperluan ini, pengkaji merasakan teknik nyanyian sesuai dalam melatih murid membunyikan dan dapat membaca diftong dengan betul. Rini Lestari (2012) menyatakan semua orang menyanyi tanpa perlu memiliki suara yang merdu dan sering kali secara refleks menyanyi tanpa memerlukan alat bantu. Oleh itu, pengkaji berharap dengan penggunaan teknik nyanyian yang bakal diaplikasi, masalah membaca peserta kajian berkenaan diftong dapat diatasi dengan baik dan memberi pengukuhan ingatan kepada mereka.

PENGUMPULAN DATA





Pengkaji telah mengumpul bukti awal melalui lembaran kerja yang disediakan oleh murid-murid yang bakal menjadi peserta kajian. Proses PdP bagi tajuk diftong bersama mereka pada pengajaran lepas telah menjadi fokus kerana pengkaji mendapati murid-murid mengalami kesukaran dalam membaca suku kata yang mempunyai huruf diftong terutama huruf diftong 'au' dan 'oi' yang disebut secara berasingan 'a-u' dan 'o-i'. Hal ini mungkin juga kerana murid masih tidak dapat memahami konsep huruf diftong yang disebut dalam satu nafas yang berbeza dengan huruf vokal berganding yang disebut secara berasingan.

Nama: [REDACTED]
 Tahun: [REDACTED]

Kumpulan A
 Lembaran i

Arahan: Isi tempat kosong dengan suku kata diftong yang diberi.


pai	mau	boi	mau
-----	-----	-----	-----

 li <u>mau</u>	 tu <u>pai</u>
 ko <u>boi</u>	 hari <u>mau</u>

Rajah 1. Lembaran Kerja A - murid mengalami kesukaran membunyikan suku kata 'mau' dan 'boi'

Pada Rajah 1, setelah murid menyiapkan lembaran kerja A yang diedarkan oleh pengkaji, pengkaji meminta murid menyebut semula perkataan berdasarkan gambar setelah memadamkan suku kata yang disediakan dengan suku kata diftong yang diberi. Murid dapat menyebut perkataan bagi gambar 'tupai' dan 'harimau' dengan betul tetapi kurang pasti dan teragak-agak untuk membunyikan perkataan 'limau' dan 'kobo'. Hal ini, berkemungkinan kerana murid biasa menamakan 'limau' pada gambar sebagai 'buah oren' dan jarang mendengar istilah 'kobo'.

Pada Rajah 2 pula, setelah murid selesai menulis pada lembaran kerja B, pengkaji meminta murid untuk membacakan perkataan yang ditulis sekali lagi. Murid X dapat menjawab semua perkataan yang mengandungi huruf diftong dengan betul kecuali perkataan 'kobo' dan 'hijau'. Murid X membunyikan dua perkataan tersebut sebagai 'ko-bo-i' dan 'hi-ja-u'. Murid Y dan murid Z pula dapat menyebut kesemua perkataan dengan baik pada lembaran kerja ii tetapi menunggu murid X menjawab dahulu bagi perkataan 'kobo' dan 'hijau'. Hal ini, mungkin kerana ketiadaan gambar menjadikan murid sukar untuk membuat perkaitan terutama perkataan 'hijau' dengan warna yang disebut sebagai hijau.



Rajah 2. Lembaran Kerja B - huruf diftong 'oi' dan 'au' disebut secara terpisah

FOKUS KAJIAN

Lanjutan daripada pengalaman praktikum lepas, pengkaji memilih didik hiburan menggunakan teknik nyanyian sebagai kaedah yang digunakan bagi menjadikan sesebuah PdP subjek Bahasa Melayu itu lebih pelbagai dan menarik. Dipetik daripada catatan akhbar Kosmo Online bertarikh 24 Januari 2017, Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian KPM, Aminudin Adam ada menjelaskan mengenai didik hiburan. Beliau menyatakan penerapan elemen 'didik hiburan' merupakan kaedah PdP yang bersifat santai dan menyeronokkan dalam keadaan terkawal dari konteks kurikulum yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Elemen didik hiburan dapat diterapkan dalam PdP melalui unsur jenaka, permainan, lakonan, estetik dan muzik. Kaedah didik hiburan bakal membuatkan murid tidak mudah bosan dan mereka masih dapat memperoleh sesuatu dapatan daripada hasil pembelajaran bersama guru di kelas.

Teknik nyanyian yang bakal pengkaji gunakan dalam kajian tindakan dipilih berdasarkan beberapa peneguh. Hasil laporan daripada The Royal Conservatory of Music pada tahun 2014 menerangkan bahawa kajian yang diperoleh, menunjukkan murid yang banyak dilatih menggunakan muzik memiliki kemahiran fonologi yang lebih baik yang membantu dalam belajar perkataan dengan lebih cepat, mempunyai perbendaharaan kata yang lebih luas dan cepat belajar membaca. Hallam (2010) pula menyatakan bahawa pengalaman muzik yang boleh meningkatkan pemprosesan maklumat dapat memberi impak kepada persepsi bahasa yang turut memberi kesan dalam belajar membaca.

Wilson (2017) dalam penulisannya mengatakan muzik memberi motivasi ketika seseorang itu membuat latihan. Muzik sedap didengar dan menjadikan sesuatu tugas itu kurang membosankan berbanding belajar melalui aktiviti berstruktur yang lain. Wilson turut

menerangkan bahawa pengaplikasian muzik dalam pengajaran dapat meningkatkan kosa kata dan kemahiran membaca kanak-kanak. Lirik lagu yang disediakan memberi mereka peluang untuk mengenal pasti bunyi yang dihasil bagi setiap suku kata yang membentuk sebuah perkataan yang bermakna. Pengulangan dalam lagu adalah kunci bagi kefasihan berbahasa dan muzik menjadikan latihan yang berulang itu sesuatu yang menyeronokkan (Bollinger, 2010). Latihan yang berulang juga dapat menjadikan murid lebih mudah mengingat sebutan-sebutan dalam perkataan contohnya suku kata diftong yang selalu membuatkan murid keliru ketika perlu membacanya.

Sistem ejaan perkataan baharu Bahasa Melayu yang melibatkan huruf diftong meliputi tiga fonem diftong, iaitu 'ai', 'au', dan 'oi'. Ketiga-tiga huruf diftong tersebut dilambangkan oleh gabungan dua huruf (Faridah Nazir, 2016). Huruf diftong dalam Bahasa Melayu hanya ada tiga seperti yang diterangkan di atas dan hanya melibatkan huruf vokal 'a', 'i', 'o', dan 'u'. Huruf 'e' dikecualikan kerana diftong yang melibatkan huruf e tidak wujud dalam Bahasa Melayu. Huruf diftong dibentuk berasaskan dua huruf vokal tetapi berfungsi sebagai satu fonem. Cara menyebut suku kata diftong adalah secara berterusan dalam satu hembusan nafas dan bunyi vokal pertama digelongsorkan ke bunyi vokal kedua. Justeru, bagi mengajar huruf diftong dengan lebih mudah, pengkaji bakal menggunakan teknik nyanyian bagi memberi penegasan bagaimana untuk membunyikan dan membaca perkataan yang mengandungi diftong.

Jadual 1

Sistem Ejaan Perkataan Baharu Melibatkan Huruf Diftong (Faridah Nazir, 2016)

Bunyi	Huruf	Di depan	Di tengah	Di belakang
[ai]	ai	aising	ghairah trailer	pandai
[au]	au	aurat auditorium	saudara	harimau
[oi]	oi	oidium	boikot	amboi

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

- Meningkatkan kemahiran membaca suku kata diftong bagi murid pemulihan menggunakan teknik nyanyian.
- Menjelaskan cara dalam teknik nyanyian yang dapat membantu murid pemulihan membunyikan suku kata diftong dengan betul.

Soalan Kajian

- Adakah teknik nyanyian dapat meningkatkan kemahiran membaca suku kata diftong bagi murid pemulihan?
- Bagaimanakah teknik nyanyian dapat membantu murid pemulihan dalam membunyikan suku kata diftong dengan betul?

PESERTA KAJIAN

Kajian bakal dijalankan di salah sebuah sekolah kebangsaan sekitar Miri di mana pengkaji bakal menjalani praktikum fasa dua. Pengkaji akan mengajar dalam kelas pemulihan bagi subjek Bahasa Melayu dan Matematik sepanjang tempoh tiga bulan menjalani praktikum pada semester hadapan bermula penghujung Julai sehingga penghujung Oktober. Pengkaji bakal membuat sesi pengajaran Bahasa Melayu bersama peserta kajian sekurang-kurangnya dua waktu bagi setiap minggu sebanyak 12 kali.

Jadual 2

Ciri-ciri Peserta Kajian

Nama	Jantina	Kaum/ Etnik	Umur	Kelas
X	Lelaki	Melayu	9	3 Bestari
Y	Lelaki	Iban	9	3 Bestari
Z	Lelaki	Kenyah	9	3 Bestari

Kajian hanya akan melibatkan tiga orang peserta kajian sahaja. Pengkaji menamakan ketiga-tiganya sebagai X, Y dan Z. Mereka bertiga merupakan murid lelaki yang aktif di dalam kelas pemulihan. X berketurunan Melayu dan menggunakan bahasa Melayu Sarawak di rumah, manakala Y dan Z merupakan murid berketurunan Iban dan Kenyah. Mereka berdua menggunakan bahasa Iban sebagai bahasa percakapan di rumah. Ketiga-tiganya berumur 9 tahun dan berada dalam kelas yang sama iaitu 3 Bestari. 3 Bestari merupakan kelas terakhir bagi lima kelas yang wujud dalam setiap tahun. Murid-murid ditempatkan berdasarkan pencapaian prestasi mereka pada ujian akhir Tahun 2. Prestasi mereka berdasarkan ujian sebelum ini dan di dalam kelas adalah di bawah tahap memuaskan.

Berdasarkan rekod prestasi dalam ujian dan perkongsian guru pemulihan, ketiga-tiga peserta kajian masih belum lulus dalam ujian tetapi menunjukkan kemajuan dalam kemahiran membaca. Guru pemulihan di sekolah tersebut juga menyatakan bahawa dua daripada tiga peserta kajian masih keliru dalam membunyikan dan membaca perkataan yang mengandungi diftong dengan betul. Justeru itu, pengkaji mengambil peluang ini untuk mengkaji keberkesanan teknik nyanyian.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN


Langkah-langkah Tindakan

Teori Kecerdasan Pelbagai oleh Howard Gardner (1983) seperti dalam catatan Siti Khariah Mohd Zubir (2016) menyenaraikan salah satu unsur dalam didik hibur iaitu muzik sebagai salah satu daripada sembilan kecerdasan yang dimiliki oleh seseorang individu. Kecerdasan muzik diterangkan sebagai kepekaan individu kepada irama dan bunyi. Setiap sembilan kecerdasan ini wujud pada setiap individu tetapi mengalami perbezaan pada tahap penguasaan setiap kecerdasan. Setiap jenis kecerdasan dapat dikembangkan dan dikuasai dengan baik sekiranya individu itu dibimbing dengan baik dan diberi pengukuhan. Oleh itu, pengkaji bakal menggunakan teknik nyanyian berbantuan muzik bagi mengajar suku kata diftong dalam kajian .

Menurut Mohd Asyraf Akmal Dudong (2012), lagu yang disukai oleh murid akan dinyanyikan berulang-ulang dengan kemahuan mereka sendiri yang menjadikan isi pelajaran meresap ke dalam minda mereka. Oleh itu, pengkaji telah memilih melodi lagu kanak-kanak daripada lagu 'Ikan Kekek' dan lagu yang dirasakan sesuai dengan melodi yang rancak dan dirasakan berupaya menarik minat peserta kajian. Rini Lestari (2012) menyatakan bahawa kanak-kanak boleh menyanyikan lagu kanak-kanak kerana sudah terbiasa dengan lirik yang sederhana, pendek dan mudah dinyanyikan. Oleh itu, dengan menggunakan melodi daripada lagu kanak-kanak, pengkaji bakal membina lirik lagu yang sesuai dan berkait dengan huruf diftong. Seterusnya, pengkaji akan membuat rakaman suara pengkaji sendiri dengan menggunakan lirik yang digubah sendiri beserta melodi lagu bagi kegunaan kajian ini.

Pelan tindakan yang bakal dibuat ini adalah berpandukan model Kurt Lewin (1946) seperti yang dinyatakan oleh Syed Ismail Syed Mustapa, Ismail Raduan, dan Bushro Ali (2018). Lewin merupakan pengasas kepada penyelidikan tindakan. Model ini sesuai digunakan sekiranya isu atau masalah telah dikenalpasti dan satu pengesahan diperlukan supaya dapat merancang satu perancangan yang tepat. Dalam kajian ini, pengkaji memilih model kajian tindakan Kurt Lewin kerana masalah kajian telah dikenalpasti oleh pengkaji, iaitu masalah murid dalam membaca dan membunyikan diftong dengan betul. Berdasarkan

model kajian tindakan Kurt Lewin, terjadi suatu kitaran langkah-langkah yang membentuk gelungan kajian tindakan. Suatu kajian tindakan terdiri daripada beberapa aspek iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Langkah-langkah yang sama digunakan bagi kitaran seterusnya. Gelungan kajian bakal dijalankan beberapa kali oleh pengkaji untuk melihat kesan teknik nyanyian yang digunakan ke atas penguasaan kemahiran membaca suku kata diftong bagi murid pemulihan.



Rajah 3. Model Kajian Tindakan Lewin (1946)

Merancang

Pengkaji mengenalpasti isu atau masalah yang ingin dikaji dan mendapatkan kaedah bagi mengatasi. Bagi kajian ini, masalah peserta kajian adalah kesukaran membaca dan membunyikan diftong dengan betul. Oleh itu, pengkaji bakal mengaplikasikan teknik nyanyian bagi mengatasi masalah ini. Pengumpulan data akan dibuat melalui beberapa cara iaitu melalui jurnal pengkaji, pemerhatian daripada guru pemulihan, temu bual bersama peserta kajian dan ujian lisan.

Bertindak

Selama berada di sekolah selama 12 minggu, pengkaji bakal menjalankan intervensi bagi menguji keberkesanan teknik nyanyian dalam membantu peserta kajian membaca dan membunyikan perkataan yang mempunyai diftong dengan betul. Bagi satu kitaran, tiga intervensi bakal dijalankan ke atas peserta kajian.

a. Intervensi Pertama

Pengkaji menggunakan kad-kad bergambar dan perkataan-perkataan diftong untuk diperkenalkan kepada peserta kajian. Peserta akan dibimbing membunyikan huruf-huruf diftong dengan betul.

b. Intervensi Kedua

Pengkaji bakal menggunakan melodi lagu kanak-kanak 'Ikan Kekek' dengan lirik binaan sendiri. Lirik lagu binaan mengandungi huruf diftong 'ai', 'au' dan 'oi' yang seimbang.

c. Intervensi Ketiga

Pengkaji bakal menggunakan lirik lagu yang dikhususkan bagi setiap huruf diftong daripada tiga lirik lagu alternatif. Pengkaji akan memilih lirik lagu yang sesuai berdasarkan hasil pemerhatian dan refleksi pada intervensi kedua. Contoh: "sekiranya peserta kajian dilihat masih kurang penguasaan dalam huruf diftong 'oi', maka lirik lagu yang dominan penggunaan huruf diftong 'oi' bakal digunakan."

Memerhati

Pada peringkat ini, pengkaji akan merekod dan menganalisis segala data yang diperolehi. Hasil temu bual bersama peserta kajian dianalisis dan dicatat. Jurnal pengkaji akan diisi dengan segala perkara penting yang berlaku ketika intervensi. Hasil catatan pemerhatian dari pihak guru pemulihan turut dianalisis dan akhir sekali, hasil ujian lisan dianalisis bagi menentukan perubahan ke atas peserta kajian berkaitan dengan pembacaan diftong.

Mereflek

Pengkaji bakal mencatat semua kelebihan, kekurangan dan memikirkan cadangan penambahbaikan bagi kajian yang sedang dijalankan. Langkah ini penting bagi menilai keberkesanan intervensi yang telah dijalankan dan mengatasi kelemahan pada kitaran pertama sebelum pengkaji memikirkan cara yang sesuai dalam meneruskan kajian bagi kitaran kedua.

PERANCANGAN KAEDAH MENGUMPUL DATA

Jurnal

Pengkaji menggunakan jurnal untuk mencatat sebarang peristiwa, masalah, pencapaian atau bidang yang perlu diberi perhatian dan berkaitan dengan tujuan kajian. Jurnal dibuat setiap kali pengkaji menjalankan intervensi ke atas murid dalam sesi PdP. Catatan dalam jurnal ditulis sejurus selesai setiap kali proses intervensi.

Pengkaji akan menulis jurnal pada lingkaran 1 dan lingkaran 2. Penyediaan dalam borang jurnal secara kasarnya dibahagikan kepada dua bahagian besar. Bahagian A mengandungi ruang minggu dan tarikh manakala bahagian B mengandungi ruang bagi masalah atau peristiwa, analisis masalah, cadangan tindakan penambahbaikan, tempoh masa tindakan dan tindakan susulan.

Pemerhatian

Pengkaji menggunakan pemerhatian tidak berstruktur semasa sesi PdP berlangsung. Dalam pemerhatian tidak berstruktur, nota lapangan digunakan. Nota lapangan bakal digunakan oleh guru pemulihan asal di sekolah pengkaji membuat kajian. Nota lapangan yang disediakan terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi maklumat am iaitu masa, tarikh, kelas, tajuk. Bahagian B pula adalah catatan peristiwa-peristiwa semasa pemerhatian berlangsung.

Temu Bual

Temu bual bakal dijalankan oleh pengkaji kepada responden sebelum proses PdP bermula. Temu bual akan dijalankan secara berstruktur supaya responden tidak terlalu terikat dengan pilihan jawapan yang diinginkan oleh pengkaji. Hasil temu bual direkod oleh pengkaji bagi tujuan mengumpul data terkini sebelum intervensi dijalankan. Contohnya, "Hari ini kita akan belajar mengenai sebutan diftong, kamu tahu contohnya?" dan "Apakah perkataan yang sama bunyi diujungnya dengan 'pantai'?"

Ujian

Ujian lisan turut diwujudkan dalam kajian ini bertujuan supaya pengkaji dapat menguji penguasaan responden dalam kemahiran membaca suku kata diftong dengan betul selepas penggunaan teknik nyanyian digunakan. Ujian dijalankan secara lisan sebanyak dua kali pada setiap lingkaran apabila selesai intervensi. Keputusan ujian bakal menentukan sama ada intervensi yang dijalankan memberi kesan kepada responden atau tidak berkesan.

PERANCANGAN CARA MENGANALISIS DATA

Bagi menganalisis data yang bakal diperolehi, pengkaji akan menggunakan dua kaedah iaitu secara kualitatif dan kuantitatif. Pengumpulan data secara kualitatif tidak

melibatkan data dalam bentuk nombor manakala kuantitatif melibatkan data dalam bentuk numerikal. Kaedah jurnal, pemerhatian, dan temu bual adalah berbentuk kualitatif manakala kaedah ujian pula adalah kuantitatif.

Jurnal yang bakal dicatat oleh pengkaji sepanjang tempoh kajian dijalankan akan dianalisis secara terperinci. Pencarian kata kunci dalam peristiwa yang berlaku akan membantu pengkaji menentukan tema analisis. Data yang dikumpul melalui pemerhatian daripada guru pemulihan dalam nota lapangan bakal dianalisis secara teliti untuk membuat refleksi. Temu bual pula dianalisis apabila pengkaji menyiapkan transkrip temu bual bersama peserta kajian. Maklum balas daripada peserta kajian akan dikaji secara interpretatif oleh pengkaji. Akhir sekali, kaedah ujian yang dipanggil ujian pasca kerana bakal dijalankan selepas proses intervensi akan menilai sama ada murid lulus atau gagal dalam ujian lisan yang diberi. Perbandingan markah bakal dilakukan bagi menentukan sama ada intervensi berkesan atau tidak kepada peserta kajian.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2013). *Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 3(2): 49-63. Diperoleh dari <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/66/66>
- Azhar Ahmad. (2017, 24 Januari). Penerapan Elemen 'Didik Hibur', *Kosmo Online*. Diperoleh dari <http://www.kosmo.com.my/special/moe/penerapan-elemen-didik-hibur-1.557676>
- Bollinger, C. (2010). *Using Music to Teach Early Reading Skills*. Diperoleh dari <http://songsforteaching.net/early-reading-skills/>
- Faridah Nazir. (2016). *Morfologi Bahasa Melayu*. Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Hallam, S. (2010). The Power of Music: Its Impact on The Intellectual, Social and Personal Development of Children and Young People. *International Journal of Music Education*, 28(3): 269-289. Diperoleh dari https://www.researchgate.net/publication/242560857_The_power_of_music_Its_impact_on_the_intellectual_social_and_personal_development_of_children_and_young_people
- Khairuddin Mohamad, Maridah Alias, & Faiziah Shamsudin. (2015). *Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran Bahasa Melayu*. Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Mohd Asyraf Akmal Dudong. (2012). *Penggunaan Nyanyian untuk Mengajar Bunyi Huruf e-Taling dan e-Pepet dalam Kalangan Murid Pemulihan*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Nurul Safiyyah Mohamad Mokhtada. (2012). *Muzik Membantu Dalam Penguasaan Suku Kata KV Bahasa Melayu Murid Pendidikan Pemulihan*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Rini Lestari. (2012). Nyanyian Sebagai Metode Pendidikan Karakter Pada Anak. *Prosiding Seminar Nasional Islami Surakarta*. 131-136. Diperoleh dari <https://publikasiilmiah.ums.ac.id/xmlui/bitstream/handle/11617/1760/B6.%20Rini-UMS%20%28fixed%29.pdf?sequence=1&isAllowed=y>
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2016). *Pengajaran KOMSAS Berpusatkan Murid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Ismail Syed Mustapa, Ismail Raduan, & Bushro Ali. (2018). *Asas Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Sasbadi Sdn. Bhd.
- The Royal Conservatory of Music. (2014). *The Benefits of Music Education: An Overview of Neuroscience Research*. Toronto. Diperoleh dari <https://artshealthnetwork.ca/resources/benefits-music-education-overview-neuroscience-research>
- Wilson, N. (2017). *Improving Grammar and Fluency with Songs*. Diperoleh dari <https://www.augusthouse.com/single-post/Improving-Grammar-and-Fluency-with-Songs>

MENINGKATKAN KEUPAYAAN PELAJAR TINGKATAN 4 BAKAWALI UNTUK MENGUASAI PROSES MITOSIS MELALUI KAEDAH MAIN PERANAN

Norzita Wahab, Nor Hidayah Azman

Sekolah Menengah Kebangsaan Merbau
Lot 6410, Blok 10, Kuala Baram Land District,
98100 Miri, Sarawak
itaaidilputra@yahoo.com, norhidayahazman90@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan bagi mengkaji kesan kaedah main peranan dalam membantu pelajar menguasai proses mitosis. Seramai 34 orang pelajar daripada tingkatan 4 Bakawali di Sekolah Menengah Kebangsaan Merbau pada tahun 2018 telah terlibat sebagai responden dalam menjayakan kajian ini. Tinjauan awal telah dilaksanakan melalui pemerhatian dan lembaran-lembaran latihan yang dijawab oleh pelajar. Hasil daripada tinjauan awal mendapati pelajar tidak memberi perhatian dan tidak terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Mereka juga tidak dapat menjawab soalan daripada lembaran-lembaran latihan yang diberikan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk membantu meningkatkan penguasaan pelajar dalam konsep mitosis melalui Kaedah Main Peranan. Instrumen yang telah digunakan untuk mengumpul data berbentuk kuantitatif dalam kajian ini adalah ujian. Item ujian terdiri daripada 10 soalan subjektif yang memfokuskan mengenai konsep mitosis. Hasil kajian menunjukkan bahawa selepas proses pemulihan (Kaedah Main Peranan), terdapat peningkatan dalam pencapaian para pelajar. Hal ini membuktikan bahawa perubahan amalan pengajaran guru dalam proses PdPc dapat meningkatkan penguasaan proses mitosis dalam kalangan pelajar tingkatan 4 Bakawali. Kaedah Main Peranan diharapkan dapat digunakan bagi subtopik lain yang bersesuaian dalam mata pelajaran Sains Tingkatan 4.

Kata kunci: *Proses mitosis, Kaedah Main Peranan*

ABSTRACT

This study was conducted to investigate the effectiveness of Role Play Method in assisting students to master the process of mitosis. A total of 34 students from Form 4 Bakawali at Sekolah Menengah Kebangsaan Merbau in 2018 were involved as respondents to make this study a success. A preliminary survey was conducted through observation and worksheets. The results from preliminary survey showed that the students are not paying attention and are not actively involved in the learning and facilitating process (PdPc). They also cannot answer the questions given in the worksheets. Therefore, the purpose of this study conducted is to help increasing students' learning capabilities in the mitosis concept through the Role Play Method. Instruments that have been used to collect quantitative data in this study are test. Test items consist of 10 subjective questions that focus on the mitosis concept. The results showed that after the remedial programme (Role Play Method), there was an increase in the achievement of students. This proved that the change of teachers' teaching practice in PdPc process able to increase 4 Bakawali students' capability to master the process of mitosis. It is hoped that the Role Play Method can be applied in other subtopics in the Form 4 Science subject.

Keywords: *Mitosis process, Role Play Method*

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN LALU

Berdasarkan keputusan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) baru-baru ini, dapat dilihat bahawa murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Merbau ini mempunyai masalah yang membimbangkan dalam mata pelajaran Sains. Melalui soalan secara rawak dan pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji terhadap murid-murid, pengkaji mendapati bahawa mereka mempunyai masalah dalam memahami konsep topik yang mereka pelajari.

Pengkaji turut menganalisis lembaran-lembaran latihan berkenaan mitosis yang telah diberikan dan mendapati 90% murid gagal untuk menjawab soalan berkenaan mitosis dengan tepat. Masalah utama yang dihadapi oleh murid dalam subtopik mitosis adalah mengingati konsep dan proses mitosis. Mereka gagal untuk memerihalkan keadaan sel dan turut gagal menyusun fasa-fasa dalam proses mitosis. Hal ini adalah bukti kukuh yang menunjukkan pelajar masih gagal menguasai konsep mitosis.

Penguasaan konsep adalah merupakan objektif utama dalam pendidikan Sains. Konsep didefinisikan sebagai satu idea atau suatu unsur atau unit pemikiran (Quillen & Hanna 1969 dalam Mohd Nor Bakar & Nur Afza Ayob 2010). Namun begitu, masih ramai murid yang lemah dalam penguasaan konsep saintifik atau mempunyai kefahaman intuitif atau separa lengkap sahaja (Noh & Scharmman 1997). Oleh sebab penguasaan konsep dan pengetahuan asas yang lemah mengenai sesuatu topik, maka kebanyakan murid berpendapat bahawa Sains merupakan mata pelajaran yang sukar.

Konsep Sains yang abstrak menyukarkan murid untuk menguasai sesuatu topik kerana murid tidak dapat melihat keadaan sebenar. Proses mitosis sebagai contoh, adalah merupakan satu proses yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Oleh yang demikian, murid perlu dibantu bagi melihat secara teliti perubahan-perubahan yang terjadi terhadap sel semasa proses mitosis berlaku. Penggunaan mikroskop dirasakan kaedah paling sesuai untuk membantu pelajar menguasai konsep. Walaubagaimanapun, kaedah ini terlalu memakan masa dan memerlukan kos yang tinggi.

Pendekatan guru-guru yang mementingkan pembelajaran fakta semata-mata tanpa menitikberatkan penguasaan konsep dikhuatiri tidak dapat menghasilkan pembelajaran yang bermakna dan berkesan. Hal ini berikutan, miskonsepsi lebih mudah berlaku terhadap murid yang hanya menghafal fakta tanpa memahami konsep sesuatu topik yang dipelajari. Pernyataan ini disokong oleh Cedric (1993) yang menyatakan bahawa miskonsepsi adalah berkait rapat dengan strategi pengajaran dan pembelajaran. Miskonsepsi adalah aksi atau perbuatan salah erti dan merupakan satu anggapan disebabkan oleh salah pengertian (Little Oxford English Dictionary 2002).

ISU KEPRIHATINAN / FOKUS KAJIAN

Pendekatan didaktik yang kerap digunakan oleh guru-guru di Malaysia dilihat menjadi penghalang utama murid dalam menguasai konsep sesuatu tajuk secara mendalam dan seterusnya menyebabkan murid-murid tidak berfikir secara kritis.

Menurut Paul (1990), pendekatan didaktik adalah melibatkan:

- i) Syarahan dan latih tubi,
- ii) Hafalan dan luahan balik maklumat oleh murid,
- iii) Tiada usaha ke arah mengintegrasikan pengalaman informal dengan apa yang dipelajar,
- iv) Tiada ransangan melalui proses penyoalan,
- v) Tiada ruang untuk pelajar menolak atau meragui maklumat dan
- vi) Pengajaran yang terlalu cepat disebabkan oleh guru yang perlu menghabiskan silibus sehingga penilaian tidak dapat dilaksanakan.

Sistem pendidikan yang bergantung sepenuhnya kepada guru, papan hitam dan buku teks dirasakan kurang sesuai digunakan dalam sistem pendidikan moden kini. Kaedah penyampaian berbentuk satu hala dan tidak berpusatkan murid ini telah menghalang murid untuk mengembangkan prestasi pembelajaran masing-masing dengan cara, teknik serta gaya pembelajaran mereka tersendiri.

Penyataan ini disokong oleh Ngasiman (2014) yang menyatakan guru yang tidak kreatif dalam pengajarannya akan membuatkan pelajar cepat bosan dan ini akan mengakibatkan pelajar tidak berminat dan tidak bermotivasi. Justeru guru memainkan peranan utama menghidupkan suasana bilik darjah. Satu set rancangan pelajaran perlu dirancang dengan mengambil kira pelbagai faktor. Kebolehan dan kecenderungan setiap individu dalam menerima dan memproses maklumat adalah berbeza (Joseph 2000; Razak & Azman 2012).

Situasi pengajaran dan pembelajaran yang dilihat sekarang terarah kepada kaedah tradisional di mana guru memberi maklumat kepada pelajar dan kurang disokong oleh sebarang aktiviti pengukuhan (Samsuddeen et al. 2005). Kaedah ini juga dilihat sebagai guru seolah-olah mendominasi kelas. Dengan ini, pelajar kurang menggunakan beberapa kemahiran generik dalam menyelesaikan masalah.

Kelemahan ini boleh diatasi dengan melakukan perubahan dalam sistem pendidikan iaitu memperkenalkan teknik pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang berpusatkan murid. Guru yang kreatif dan inovatif memainkan peranan penting dalam menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan (Yahya Buntat & Lailinanita Ahamad 2011) dan menarik.

Oleh sebab kebanyakan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas menggunakan komunikasi sebagai medium interaksi (Mok 2000 dalam Aziz Nordin & Siti Sumaziana Che Ali Mohamed 2001), maka guru haruslah bijak untuk menggunakan kaedah pengajaran yang dapat menarik minat murid supaya berfikiran kreatif dan kritis seterusnya dapat membantu pelajar menguasai konsep topik dengan lebih mudah.

Penggunaan kaedah main peranan sebagai kaedah yang digunapakai oleh guru dalam PdPc dilihat dapat menarik minat dan perhatian murid seterusnya mengelakkan mereka daripada berasa bosan dan tidur disebabkan kaedah ini memerlukan penglibatan dan komitmen penuh daripada pelajar. Kenyataan ini disokong oleh Yee Cheng Hong dan Amir Hamzah Sharaai (2012) yang menyatakan bahawa murid-murid biasanya lebih aktif dan mengambil inisiatif terhadap aktiviti yang dirancangkan berasaskan *hands-on* di mana murid dikehendaki melakukan sesuatu oleh mereka sendiri untuk tujuan pembelajaran.

Malah, kaedah main peranan ini juga sesuai bagi membolehkan murid menguasai konsep dan proses mitosis yang sangat abstrak. Penggunaan kaedah ini juga adalah pilihan yang terbaik kerana menggunakan kos yang rendah namun mempunyai impak yang tinggi. Hal ini berikutan murid terlibat secara langsung memainkan peranan dan mereka boleh melihat proses mitosis secara terperinci malah turut boleh mengulang semula kaedah main peranan tersebut sekiranya murid masih belum menguasai topik. Keadaan ini dapat membantu pelajar lebih fokus dan dapat menguasai konsep topik yang dipelajari dengan lebih mudah.

Oleh yang demikian, fokus kajian ini adalah untuk mengkaji sama ada penggunaan kaedah main peranan dapat membantu murid dalam menguasai proses mitosis yang merupakan proses yang abstrak dalam mata pelajaran Sains.

OBJEKTIF KAJIAN TINDAKAN

Objektif Am

Objektif kajian ini secara umumnya adalah bertujuan untuk mengkaji sama ada penggunaan kaedah main peranan dapat membantu murid menguasai proses mitosis yang merupakan topik ketiga dalam mata pelajaran Sains Tingkatan 4.

Objektif Khusus

- a. Murid dapat memerihalkan lima fasa yang berlaku dalam proses mitosis secara terperinci
- b. Guru dapat meningkatkan peratus lulus pelajar dalam penilaian pasca ujian sebanyak 45% berbanding praujian
- c. Meningkatkan penguasaan konsep pembahagian sel melalui mitosis dengan penggunaan kaedah main peranan

KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran bagi kajian ini adalah seramai 34 orang murid Tingkatan 4 Bakawali. Mereka terdiri daripada 9 murid lelaki dan 25 murid perempuan. Kebanyakan murid Tingkatan 4 Bakawali adalah merupakan murid yang berprestasi rendah dalam mata pelajaran Sains.

PELAKSANAAN KAJIAN

Tinjauan Masalah

Dalam pelaksanaan kajian, tinjauan masalah dibuat berdasarkan pemerhatian dan pra ujian.

Pemerhatian

Pengkaji telah membuat pemerhatian ke atas tingkah laku murid semasa proses PdPc berlangsung sebelum dan selepas kajian. Sebelum kajian dijalankan, murid dilihat kurang memberi tumpuan dan kelihatan bosan. Sebagaimana kebiasaannya, murid perempuan kelihatan lebih bersedia dan fokus berbanding murid lelaki yang kurang bersungguh-sungguh dan mengambil sikap sambil lewa serta kurang mengambil bahagian dalam aktiviti yang dijalankan. Pembelajaran secara konservatif terutamanya menggunakan kaedah *chalk and talk* dilihat tidak membantu murid memahami konsep dan proses mitosis yang sangat abstrak.

Pra Ujian

Pra Ujian diberikan kepada kumpulan sasaran untuk mengesan sejauh mana kefahaman konsep mengenai proses mitosis. Item ujian pra merupakan item yang disediakan oleh pengkaji dan memfokuskan mengenai konsep mitosis. Item praujian terdiri daripada 10 soalan subjektif yang memfokuskan mengenai konsep mitosis dan item-item berkenaan disediakan sendiri oleh pengkaji. Selepas pra ujian dijalankan, pengkaji menyemak namun tidak memulangkan semula kertas jawapan dan tidak membincangkan jawapannya. Sebaliknya, pengkaji memperkenalkan kaedah main peranan dalam PdPc. Jadual 1 menunjukkan deskripsi tahap pencapaian murid berdasarkan skor.

SKOR	TAHAP PENCAPAIAN
80 – 100	Sangat baik
60 – 79	Baik
40 – 59	Sederhana
20 – 39	Lemah
0 - 19	Sangat Lemah

Jadual 1: Diskripsi tahap pencapaian murid berdasarkan skor

Analisis Tinjauan Masalah

Analisis Pemerhatian

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan sebelum kajian terhadap kumpulan sasaran mendapati:


- a. Murid tidak memberi perhatian semasa sesi PdPc berlangsung
- b. Murid kurang berkeyakinan untuk menjawab soalan yang diajukan oleh guru secara lisan
- c. Buku latihan murid yang tidak lengkap memberikan gambaran bahawa murid kurang memberi tumpuan dan tidak berminat dengan sesi PdPc

Analisis Pra Ujian dan Pasca Ujian

Didapati pengetahuan murid dalam penguasaan konsep mitosis adalah sangat lemah dan keputusan Pra Ujian membuktikan segala yang disangka. Jadual 2 menunjukkan pencapaian yang diperoleh oleh murid 4 Bakawali mengikut bilangan dan peratus.

SKOR	PENCAPAIAN MURID	
	BIL	PERATUS (%)
80 – 100	0	0.00%
60 – 79	3	8.82%
40 – 59	16	47.06%
20 – 39	11	32.35%
0 - 19	4	11.77%
LULUS	19	55.88%
GAGAL	15	44.12%

Jadual 2: Pencapaian murid dalam Pra Ujian



Carta 1: Peratus pencapaian pelajar dalam Pra Ujian

SKOR	PENCAPAIAN MURID	
	BIL	PERATUS (%)
80 – 100	16	47.06%
60 – 79	15	44.11%
40 – 59	3	8.82%
20 – 39	0	0.00%
0 - 19	0	0.00%
LULUS	34	100%
GAGAL	0	0%

Jadual 3: Pencapaian murid dalam Pasca Ujian



Carta 2: Peratus pencapaian pelajar dalam Pasca Ujian

BIL	NAMA PENUH PELAJAR	JANTINA	Pra Ujian	Pasca Ujian	% Pra Ujian	% Pasca Ujian	Beza % (Pasca - Pra)
1.	ALEXSION TANDANG ANAK JOHNNY	L	1	7	10	70	60
2.	ANNATHASYA VADUTT ANAK CHOM	P	5	7	50	70	20
3.	AWANGKU IRFAN IZZUDIN BIN AWANGKU FAIRUZ	L	5	8	50	80	30
4.	BONG HUI LNG	P	3	8	30	80	50
5.	CASSANDRA LIEW SZE HUI	P	3	9	30	90	60
6.	DARREN ANAK DAVID JALIN	L	4	7	40	70	30
7.	DENIL ANAK SBUAN	L	3	7	30	70	40
8.	EMELDA RACHEAL SIMON	P	4	8	40	80	40
9.	EVELYN EMOK ANAK MASIL	P	6	7	60	70	10
10.	FAUZIATUL HIKMAH BINTI MOHD FATTHURAHMAN	P	1	7	10	70	60
11.	FLORA ANAK NGINDANG	P	3	7	30	70	40
12.	GLORIA DEAVIS ANAK PETRUS	P	5	7	50	70	20
13.	GRACE GABLYNE ANAK VINCENT	P	3	7	30	70	40

14.	GUI KOK RONG	L	2	10	20	100	80
15.	HAIRRIE EZARILL BIN ZULKIFLY	L	3	8	30	80	50
16.	JACQUELLIN JOK AJAK	P	3	9	30	90	60
17.	JENNIFER THALIA ANAK UGOS	P	4	8	40	80	40
18.	LOVELY MUJAN NGAU JOK	P	4	8	40	80	40
19.	MASNISHA SHATIE BAUN THOMAS LAING	P	4	7	40	70	30
20.	MEHELLRINENA MARCUS	P	6	7	60	70	10
21.	NICOLYN BINTI JAMES LAI	P	4	10	40	100	60
22.	NUR AINUN FITRI BINTI HAMID	P	1	8	10	80	70
23.	PETTRESA SHELLY ANAK JERRY	P	3	9	30	90	60
24.	PRESCILLIA BEATRICE	P	5	6	50	60	10
25.	PRETTY RACHELYN AK MAXRIE	P	5	8	50	80	30
26.	SHIRLEY LING SIAW LEE	P	1	4	10	40	30
27.	THIAN BOON FONG	L	5	5	50	50	0
28.	TIFFANY JELAWAT ANAK JERRY	P	3	5	30	50	20
29.	TIM EDWARDS ANAK JOANNES	L	4	6	40	60	20
30.	UN JIA JUN	L	4	7	40	70	30
31.	VANIESSA LUDOT ANAK SAMPAI	P	5	8	50	80	30
32.	VIVIANNA ERICA SIRAH	P	7	7	70	70	0
33.	WEE LIANG HUA	P	4	8	40	80	40
34.	WENDY CHUA PEI YING	P	3	8	30	80	50

Jadual 4: Perbandingan Skor antara Pelajar dalam Pra Ujian dan Pasca Ujian

Skor	PENCAPAIAN MURID BIL MURID		
	PRA UJIAN	PASCA UJIAN	BEZA
80 - 100	0	16	16
60 - 79	3	15	8
40 - 59	16	3	-13
20 - 39	11	0	-11
0 -19	4	0	-4
LULUS	19	34	15
GAGAL	15	0	-15

Jadual 5: Analisis Perbandingan Keputusan Pra Ujian dan Pasca Ujian

Analisis perbandingan keputusan pra ujian dan pasca ujian menunjukkan terdapat peningkatan yang sangat ketara bagi skor yang sangat baik iaitu seramai 16 orang murid mendapat skor 80 – 100%. Seramai 15 orang murid mendapat skor yang baik iaitu 60 -79 % dan seramai 3 orang murid mendapat skor sederhana iaitu 40 -59%. Seramai 34 orang pelajar iaitu 100% lulus dalam pasca ujian yang telah dijalankan.

Tindakan yang Dijalankan

Selepas murid menjalani pra ujian, pengkaji telah memulakan program pemulihan iaitu pendedahan kepada teknik main peranan.

Aktiviti 1 :

Pelajar telah dibahagikan kepada 7 kumpulan dan ketua telah dipilih bagi setiap kumpulan. Setiap kumpulan dikehendaki membina model-model kromosom bagi setiap fasa dalam proses mitosis serta membuat peta alir bagi setiap fasa dalam proses mitosis. Guru bertindak sebagai fasilitator dan memantau sepanjang aktiviti ini dijalankan

Aktiviti 2 :

Pelajar membincangkan peranan masing-masing dalam proses mitosis dan membuat latihan main peranan tersebut dengan menggunakan model-model kromosom yang telah dibina sebelum pembentangan dijalankan. Guru bertindak sebagai fasilitator dan memantau sepanjang aktiviti ini dijalankan.

Aktiviti 3 :

Sesi pembentangan dijalankan. Semasa pembentangan dijalankan, para murid dikehendaki untuk memainkan peranan sebagai kromosom. Setiap murid memainkan peranan masing-masing dan akan bergerak bagi setiap fasa untuk menunjukkan bagaimana proses mitosis berlaku. Semasa murid bergerak, pembentang dikehendaki memberikan penerangan mengenai fasa-fasa yang sedang dimainkan peranan. Selepas pembentangan dijalankan oleh setiap kumpulan, guru akan mengemukakan beberapa soalan secara lisan kepada murid lain yang mendengar untuk menguji tahap penguasaan murid terhadap proses mitosis

Aktiviti 4 :

Murid-murid menjawab sebanyak 10 soalan struktur berkaitan proses mitosis dalam pasca ujian. Guru menyemak soalan ujian murid dan membuat analisis keputusan pasca ujian untuk mengetahui keberkesanan teknik main peranan yang telah dijalankan.

PELAKSANAAN TINDAKAN DAN PENILAIAN

Kajian tindakan ini telah dilaksanakan dalam tempoh 2 bulan yang merangkumi masa untuk menjalankan Pra Ujian , proses pemulihan dan Pasca Ujian. Secara keseluruhannya, Kaedah Main Peranan berjaya membantu murid dalam meningkatkan penguasaan konsep dan pencapaian dalam subtopik mitosis. Selain itu, murid juga lebih aktif dalam sesi PdPc dan kaedah ini juga meningkatkan keyakinan murid untuk menjawab soalan guru. Malah, keputusan murid juga menunjukkan peningkatan. Hal ini menunjukkan keberkesanan Kaedah Main Peranan dalam membantu murid memahami konsep mitosis.

Refleksi Kajian

Pencapaian murid dalam pra ujian dan pasca ujian menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dan sangat ketara. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa Kaedah Main Peranan banyak membantu meningkatkan penguasaan konsep, keyakinan diri, daya ingatan dan kefahaman murid terhadap sesuatu topik disamping menjadikan suasana PdPc lebih kondusif, ceria dan menyeronokkan.

Secara keseluruhannya kajian ini dapat dijalankan dengan lancar dan seperti yang dirancang. Hasil dapatan juga menunjukkan keputusan yang positif.

CADANGAN UNTUK KAJIAN SETERUSNYA

Beberapa cadangan untuk kajian seterusnya adalah seperti berikut:

1. Menggunakan kaedah main peranan bagi subtopik lain yang bersesuaian dalam mata pelajaran Sains Tingkatan 4
2. Mendedahkan penggunaan peta I- think bagi meningkatkan daya ingatan pelajar terhadap proses mitosis, ciri- ciri proses mitosis dan kepentingan proses mitosis

Hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan mendapati bahawa terdapat perubahan yang positif dari segi kaedah dan strategi pengajaran guru dan amalan pembelajaran murid. Semoga hasil kajian ini dapat dimanfaatkan dan menjadikan sesi PdPc lebih menarik, berkesan dan menyeronokkan.

RUJUKAN

- Abd. Razak, A. Z. & Azman, N. 2012. Stail berfikir dan stail pembelajaran pelajar jururawat: satu kajian kes di Kolej Jururawat Murni. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education (AJTLHE)* 4(1): 14-31.
- Aziz Nordin & Siti Sumaziana Ali Mohamed. 2011. Persepsi bakal guru tentang tahap kemahiran komunikasi berkesan dalam kalangan pelajar tahun akhir aliran sains. Latihan Ilmiah, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Cedric, J.L. 1993. A challenge to conceptual change. *Science Education* 77(3): 293-300.
- Joseph, G. 2000. Gaya pembelajaran: Satu tinjauan literatur. *Jurnal Pendidikan Tiga ENF* 2 (3).
- Little Oxford English Dictionary. 2002. Edisi Ke-8. London: Oxford University.
- Mohd Nor Bakar & Nur Afza Ayob. 2010. Masalah pembelajaran mengenai topik Ikatan Kimia dalam konteks penyelesaian masalah di kalangan pelajar Tingkatan Empat. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ngasiman, N. 2014. Kesan kaedah pembelajaran koperatif terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran matematik. Tesis Ijazah Sarjana: Universiti Tun Hussain Onn Malaysia.
- Noh, T. & Scharmann, L. C. 1997. Instructional influence of a molecular-level pictorial presentation of matter on students' conceptions and problem-solving ability. *Journal of Research in Science Teaching* 34 (2): 199-217.
- Sadih Baharom. 2008. Kesan paduan kitar pembelajaran dan pemetaan konsep terhadap konsepsi pelajar tentang pembahagian sel. Tesis PhD: Universiti Sains Malaysia.
- Samsuddeen et al. 2005. Choice of teaching method: Teacher centered-Students Centered. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan* 7: 74-112.
- Yahya Buntat & Lailinanita Ahamad. 2012. Inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru teknikal di sekolah menengah teknik dari perspektif guru. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education* 6: 44-58.
- Yee Cheng Hong & Amir Hamzah Sharaai. 2012. Perbandingan antara kaedah main peranan dan penggunaan kad permainan bagi meningkatkan pencapaian dan minat murid tahun empat dalam tajuk siratan makanan. Tesis Diploma: IPG Bukit Mertajam.


CONTOH SOALAN PRA UJIAN (3 SAMPEL)

Nur Ainun YBakawali PRAKTIS A+ SAINS SPM

**TINGKATAN 4
BAB 3: VARIASI DAN KETURUNAN**

1. Rajah menunjukkan suatu proses pembahagian sel.

4/15



1	SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
(a)(i)	Nama proses pembahagian sel di atas.	DNA	1 markah
(a)(ii)	Nyatakan kepentingan proses yang anda nyatakan di (a)(i)	untuk menghasilkan banyak pembiakan	1 markah
(b)(i)	Namakan struktur berlabel X.	Kromosom	1 markah
(b)(ii)	Apakah yang berlaku pada struktur X pada peringkat R.	Kromosom menjadi tersusun mengikut gelendung	1 markah
(c)(i)	Pada rajah di atas, lukiskan kromosom pada peringkat T.	- Lukisan pada rajah -	1 markah
(c)(ii)	Berdasarkan lukisan anda di (c)(i), nyatakan satu ciri anak yang terhasil di akhir pembahagian sel ini.	sama bentuk	1 markah
Jumlah Markah			6 markah

1) Berikan maksud mitosis.

= Proses pembahagian sel induk.

2) Dimanakah proses mitosis berlaku pada manusia?

= pada pertumbuhan...

3) Berapakah sel anak yang terbentuk pada akhir mitosis?

= 2 sel anak

4) Nyatakan dua ciri sel anak dihasilkan.


= ~~DNA~~ = mempunyai 2 DNA, replika

Cui kok rong
4 Bakatwali

TINGKATAN 4
BAB 3: VARIASI DAN KETURUNAN

1. Rajah menunjukkan suatu proses pembahagian sel.

20%
2/10



1	SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
(a)(i)	Nama proses pembahagian sel di atas.	mitosis	1 markah
(a)(ii)	Nyatakan kepentingan proses yang anda nyatakan di (a)(i)	memulakan sel rosak	1 markah
(b)(i)	Namakan struktur berlabel X.	kromosom	1 markah
(b)(ii)	Apakah yang berlaku pada struktur X pada peringkat R.	tersusun sebaris	1 markah
(c)(i)	Pada rajah di atas, lukiskan kromosom pada peringkat T.	- Lukisan pada rajah -	1 markah
(c)(ii)	Berdasarkan lukisan anda di (c)(i), nyatakan satu ciri anak yang terhasil di akhir pembahagian sel ini.	berkembang menjadi dua sel	1 markah
Jumlah Markah			6 markah

1. Berikan maksud mitosis
- Maklumat yang dihanta
2. Dimanakah proses mitosis berlaku pada manusia
- Nukleus
3. Berapakah sel anak yang terbentuk pada akhir mitosis?
- 23 sel anak
4. Nyatakan dua ciri sel anak yang dihasilkan


WEE LIANG HUA

PRAKTIS A+ SAINS SPM

4 Bakawali
06/02/2018

TINGKATAN 4
BAB 3: VARIASI DAN KETURUNAN

1. Rajah menunjukkan suatu proses pembahagian sel.



1	SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
(a)(i)	Nama proses pembahagian sel di atas.	mitosis	1 markah
(a)(ii)	Nyatakan kepentingan proses yang anda nyatakan di (a)(i)	mengantikan sel yang rosak	1 markah
(b)(i)	Namakan struktur berlabel X.	Kromosom	1 markah
(b)(ii)	Apakah yang berlaku pada struktur X pada peringkat R.	struktur x tersusun	1 markah
(c)(i)	Pada rajah di atas, lukiskan kromosom pada peringkat T.	- Lukisan pada rajah -	1 markah
(c)(ii)	Berdasarkan lukisan anda di (c)(i), nyatakan satu ciri anak yang terhasil di akhir pembahagian sel.	keturunan dupli ibu bapa	1 markah
Jumlah Markah			6 markah

Ujian Pra - Proses Mitosis

1) Berikan maksud mitosis.

mitosis menghasilkan sel-sel satu proses pembahagian

2) Di manakah proses mitosis berlaku pada manusia?

Pembinaan manusia

3) Berapakah sel anak yang terbentuk pada akhir mitosis?

2 sel

4) Nyatakan dua ciri sel anak yang dihasilkan.

Dari pada keturunan | Mitosis
pembahagian kromosom | Mitosis


CONTOH SOALAN PASCA UJIAN (3 SAMPEL)

Luar kok rong

PRAKTIS A+ SAINS SPM

TINGKATAN 4
BAB 3: VARIASI DAN KETURUNAN

1. Rajah menunjukkan suatu proses pembahagian sel.



10/10 Bagus! 100%

1	SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
(a)(i)	Nama proses pembahagian sel di atas.	proses mitosis	1 markah
(a)(ii)	Nyatakan kepentingan proses yang anda nyatakan di (a)(i).	mengantikan sel yang rosak atau mati.	1 markah
(b)(i)	Namakan struktur berlabel X.	kromosom	1 markah
(b)(ii)	Apakah yang berlaku pada struktur X pada peringkat R.	kromosom tersusun ke satah khatulistiwa	1 markah
(c)(i)	Pada rajah di atas, lukiskan kromosom pada peringkat T.	- Lukisan pada rajah -	1 markah
(c)(ii)	Berdasarkan lukisan anda di (c)(i), nyatakan satu ciri anak yang terhasil di akhir pembahagian sel ini.	Bilangan kromosom setiap sel anak sama dengan bilangan kromosom sel induk.	1 markah
Jumlah Markah			6 markah

d) Berikan maksud bagi proses mitosis. (1m)
 - Maksud bagi proses mitosis ialah sesuatu proses yang membuatkan satu sel induk menjadi dua sel anak yang mengandungi genetik yang sama dengan sel induk.

e) Berapakah sel anak yang terbentuk pada akhir proses mitosis? (1m)
 - 2 sel anak

f) Nyatakan satu ciri sel anak yang dihasilkan dalam proses mitosis. (1m)
 - Bilangan kromosom sama dengan sel induk.

Cassandra Liew


4 Batawali

Ujian Pos-Proses mitosis PRAKTIS A+ SAINS SPM

TINGKATAN 4
BAB 3: VARIASI DAN KETURUNAN

1. Rajah menunjukkan suatu proses pembahagian sel.

9/10 Bagus!
90%



1	SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
(a)(i)	Nama proses pembahagian sel di atas.	mitosis	1 markah
(a)(ii)	Nyatakan kepentingan proses yang anda nyatakan di (a)(i)	untuk menggantikan sel rosak atau set mati	1 markah
(b)(i)	Namakan struktur berlabel X.	kromosom	1 markah
(b)(ii)	Apakah yang berlaku pada struktur X pada peringkat R.	Kromosom terletakk pada garis satah khatulistiwa	1 markah
(c)(i)	Pada rajah di atas, lukiskan kromosom pada peringkat T.	- Lukisan pada rajah -	1 markah
(c)(ii)	Berdasarkan lukisan anda di (c)(i), nyatakan satu ciri anak yang terhasil di akhir pembahagian sel ini.	menghasilkan dua sel anak	1 markah
Jumlah Markah			6 markah

Soalan no. 1

d) Berikan maksud bagi proses mitosis (1m)

= Satu proses pembahagian sel yang akan menghasilkan sel seiras secara genetik

e) Di manakah proses mitosis berlaku pada manusia? (1m)

= Berlaku pada sel soma

f) Berapakah sel anak yang terbentuk pada akhir proses mitosis? (1m)

= dua sel anak

g) Nyatakan satu ciri sel anak yang dihasilkan dalam proses mitosis (1m)

= menghasilkan dua sel anak mempunyai genetik yang sama

Gloria Deavis

4 Bakawali


PRAKTIS A+ SAINS SPM

ujian pos - Proses

mitosis

TINGKATAN 4
BAB 3: VARIASI DAN KETURUNAN

1. Rajah menunjukkan suatu proses pembahagian sel.



1	SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
(a)(i)	Nama proses pembahagian sel di atas.	Proses mitosis	1 markah
(a)(ii)	Nyatakan kepentingan proses yang anda nyatakan di (a)(i)	Untuk menghasilkan sel-sel baharu	1 markah
(b)(i)	Namakan struktur berlabel X.	kromosom	1 markah
(b)(ii)	Apakah yang berlaku pada struktur X pada peringkat R.	kromosom tersusun di satu khatulistiwa	1 markah
(c)(i)	Pada rajah di atas, lukiskan kromosom pada peringkat T.	- Lukisan pada rajah -	1 markah
(c)(ii)	Berdasarkan lukisan anda di (c)(i), nyatakan satu ciri anak yang terhasil di akhir pembahagian sel ini.	menghasilkan sel-sel secara genetik	1 markah
Jumlah Markah			6 markah

d) Berikan maksud bagi proses mitosis
= satu proses pembahagian sel?

e) Dimanakah proses mitosis berlaku pada manusia?

= berlaku pada seluruh badan kecuali sel pembiakan

f) Berapakah sel anak yg terbentuk pada akhir Proses mitosis?

= dua sel anak

g) Nyatakan satu ciri sel anak yg dihasilkan dalam proses mitosis.

= menghasilkan sel-sel secara genetik

PENGUNAAN TEKNIK JIGSAW UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN KOLABORASI DAN PENGUSAAN MATEMATIK

**Chai Xin Ni, Evonne Law Xi Chii,
Roger Wong Soon Yang, Ernie Kho Siaw Nee**

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

cynthiainni@gmail.com, evonne647@hotmail.com

rwsy5695@gmail.com, ernieksn@gmail.com

ABSTRAK

Penulisan ini membincangkan penggunaan teknik JIGSAW dalam meningkatkan kemahiran kolaborasi dan penguasaan Matematik. JIGSAW merupakan teknik yang digunakan secara meluas dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) abad ke-21. Elemen kolaborasi dan komunikasi merupakan elemen utama dalam teknik ini. Teknik JIGSAW dapat menggalakkan pembelajaran koperatif yang menjurus kepada kemahiran kolaborasi dalam kalangan pelajar. Teknik JIGSAW juga dapat meningkatkan hasil pembelajaran dalam mata pelajaran Matematik. Melalui teknik JIGSAW, pelajar terlibat secara aktif dan saling bergantung secara positif sepanjang proses PdPc. Selain itu, teknik JIGSAW dapat meningkatkan pencapaian Matematik. Melalui teknik JIGSAW, pelajar dapat meningkatkan kemahiran sosial dan intelektual serta keyakinan diri. Aktiviti yang dilaksanakan berasaskan teknik JIGSAW menggalakkan interaksi pelbagai hala dan perkongsian ilmu yang bermakna. Ini menjurus kepada pemahaman dan penguasaan konsep Matematik secara mudah dan berkesan dalam kalangan pelajar.

Kata Kunci: Teknik JIGSAW, kemahiran kolaborasi, penguasaan Matematik

ABSTRACT

This paper discusses the use of JIGSAW techniques in enhancing the skills of collaboration and mastery of Mathematics. JIGSAW is a widely used technique in 21st century learning and facilitating (PdPc). The elements of collaboration and communication are key elements in this strategy. JIGSAW's technique can encourage cooperative learning leading to collaborative skills among students. JIGSAW techniques can also improve learning outcomes in Mathematics subjects. Through the JIGSAW technique, students are actively involved and interact positively throughout the PdPc process. In addition, the JIGSAW technique can improve the achievement of Mathematics. Through JIGSAW techniques, students can improve their social and intellectual skills as well as self-confidence. Activities carried out based on JIGSAW techniques promote meaningful interaction and sharing of knowledge. This leads to the understanding and mastery of Mathematics concepts easily and effectively among students.

Keywords: JIGSAW techniques, collaboration skills, mastery of Mathematics

Pembelajaran koperatif dan kolaboratif merupakan konsep pembelajaran abad ke-21 (PAK21) yang menekankan kerja sepasukan untuk memaksimumkan hasil pembelajaran (Sugiyanto, 2010; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Pembelajaran secara kolaborasi merupakan proses pembelajaran yang melibatkan pelajar yang kurang pandai bekerjasama dengan pelajar yang pandai (Killic, 2008). Pembelajaran secara koperatif merupakan salah satu pembelajaran kolaboratif yang spesifik (Adams, 2013).

Pembelajaran koperatif telah mendapat banyak perhatian sejak awal 1900-an, berdasarkan analisis sosial dan kognitif oleh Johnson, Johnson dan Smith (1991) dan

Aronson, Blaney, Stephin, Sikes & Snapp (1978). Pembelajaran koperatif bukan sekadar meletakkan pelajar bersama-sama dalam kumpulan, tetapi menggabungkan lima unsur penting ke dalam proses pembelajaran kumpulan, iaitu saling kebergantungan yang positif, interaksi bersemuka, akauntabiliti individu, kemahiran interpersonal dan pemrosesan (Johnson, Johnson & Smith, 1991). Banyak kajian juga telah dijalankan ke atas keberkesanan daya saing, individualistik dan usaha koperatif dalam mempromosikan produktiviti dan pencapaian (Johnson & Johnson, 1989).

Teknik JIGSAW merupakan salah satu kaedah pembelajaran koperatif yang paling fleksibel (Sudrajat, 2008). Dalam kajian Mbacho W. Naomi dan Bernard Nyingi Githua (2013), teknik JIGSAW merujuk kepada teknik pengelompokan di mana ahli kelas ini disusun dalam kumpulan pembelajaran yang disebut "Kumpulan Rumah" dan kemudian disusun semula dalam kumpulan baru untuk berkongsi pembelajaran mereka. Pelajar akan bekerjasama dalam satu kumpulan dan bertanggungjawab bukan sahaja terhadap amanah secara individu, tetapi juga hasil kumpulan. Ilmu yang diperolehi akan ditransformasikan kepada konsep yang dapat difahami oleh pelajar.

Selepas kembali ke kumpulan masing-masing, mereka diberitahu oleh guru untuk mengajarkan ilmu yang diperolehi kepada ahli-ahli kumpulan lain bermula daripada pelajar pertama. Melalui hasil kajian, pelajar berperanan sebagai guru dalam menyampaikan ilmu kepada rakan lain, menanya soalan, memberi dan menerima maklum balas daripada rakan-rakan lain.

Kemahiran komunikasi dan kolaboratif dikatakan sukar dipisahkan kerana saling berkait rapat (Seefeldt, 2011). Berdasarkan kajian Adams (2013), teknik JIGSAW dapat menggalakkan pembelajaran koperatif yang menjurus kepada kemahiran kolaborasi dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa teknik JIGSAW meggalakkan pembelajaran koperatif pada tahap yang tinggi. Proses pembelajaran melibatkan interaksi aktif dengan rakan-rakan sekelas dan membantu membina kemahiran intrapersonal dan kemahiran interaktif (Aronson, 2008 dalam Adams, 2013). Maka, kemahiran kolaboratif pelajar diperkasakan. Hasil kajian (Adams, 2013) juga menunjukkan JIGSAW dapat menggalakkan penglibatan pelajar yang aktif dalam pembelajaran dan pencapaian akademik yang tinggi.

Kajian Ning Endah Sri Rejeki (2009), menunjukkan teknik JIGSAW dapat meningkatkan hasil pembelajaran mata pelajaran Matematik melalui pembelajaran koperatif. Ini bermaksud pelajar belajar dengan menggunakan kemahiran kolaborasi. Ini menunjukkan pelajar belajar secara aktif dan berinteraksi secara positif sepanjang PdPc yang berasaskan JIGSAW. Teknik JIGSAW membentuk bilik darjah yang dinamik dan menarik minat pelajar-pelajar untuk terlibat secara aktif dalam PdPc. Penglibatan pelajar yang aktif mendorong amalan refleksi dalam bilik darjah. Justeru, guru dapat memperbaiki kelemahan yang dikenalpasti secara spesifik. Interaksi pelbagai hala yang wujud sepanjang proses PdPc adalah penting dalam meningkatkan kemahiran kolaborasi kerana pelajar akan bekerjasama dengan orang lain dalam memperoleh ilmu dan pertukaran ilmu.

Banyak kajian telah dilakukan untuk membandingkan pencapaian akademik Matematik bagi teknik JIGSAW dan pembelajaran tradisional (Effandi Zakaria, Lu & Yusoff Daud, 2010; Effandi Zakaria, Titi Solfitri, Yusoff Daud & Zulkarnain Zainal Abidin, 2013). Hasil kajian Nur Hafizah Azmin (2016) menunjukkan bahawa pelajar lebih meminati pembelajaran koperatif berasaskan teknik JIGSAW. Pelajar terlibat secara aktif dalam kelas dan berasa yakin terhadap diri sendiri apabila dapat menjelaskan idea yang dipelajari kepada kawan-kawan lain. Contohnya, melalui aktiviti kumpulan, pelajar dapat bekerjasama dalam menyiapkan kerja kumpulan. Interaksi sosial dalam kumpulan adalah penting (Bennett & Dunne, 1991). Pelajar perlu saling membantu dan berkolaborasi dalam menggalakkan pembelajaran antara satu sama lain. Proses pembelajaran koperatif dihuraikan sebagai satu proses pendidikan yang dapat meningkatkan penglibatan aktif, kemahiran berkomunikasi dan keyakinan diri pelajar dalam mencapai sesuatu objektif pembelajaran (Killic, 2008; Tatang Muttaqin, 2016). Dapat disimpulkan bahawa teknik JIGSAW dapat meningkatkan pencapaian akademik Matematik dengan meningkatkan pemahaman dan keyakinan diri dalam pelajar.

Pembelajaran secara kolaborasi melalui teknik JIGSAW meningkatkan pencapaian akademik, kemahiran sosial dan intelektual pelajar (Killic, 2008; Norah Mashouj Alshammari, 2015). Sepanjang PdPc, pelajar belajar dan berinteraksi dengan rakan-rakan. Mereka saling mengkongsikan pendapat dalam kumpulan kecil dan kemudian menyampaikan pendapat tersebut kepada kumpulan asal. Pelajar berpeluang berkolaborasi dengan rakan-rakan yang pelbagai dan dapat meningkatkan kemahiran interpersonal mereka (Baker & Clark, 2010). Dengan itu, interaksi yang positif berlaku dalam kalangan pelajar. Interaksi dalam kegiatan pembelajaran model koperatif JIGSAW bersifat pelbagai arah iaitu proses pembelajaran dengan memaksimumkan komunikasi kelas (Sugianto, Dian Armanto & Mara Bangun Harahap, 2014). Interaksi pelbagai arah dapat mewujudkan suasana dinamik, demokratik dan memupuk minat belajar matematik. Justeru, pelajar yang berkemampuan rendah dan sederhana dapat dibantu dalam membina konsep matematik.

Kemampuan komunikasi matematik bermaksud kemampuan berkomunikasi yang meliputi kegiatan penggunaan keahlian membaca, menulis, menyemak, menelaah, menginterpretasikan dan menilai idea, simbol, istilah serta informasi matematik yang diperhatikan melalui proses mendengar, pembentangan dan perbincangan (Sugianto, Dian Armanto & Mara Bangun Harahap, 2014). Semasa pembelajaran koperatif jenis JIGSAW, pelajar akan saling mengkongsikan idea untuk mencari penyelesaian baik di dalam kelompok dan membentangkan hasil akhirnya di depan kelas. Manakala, pelajar yang berkemampuan tinggi mempunyai kesempatan untuk berlatih menyampaikan idea dan gagasan kepada orang lain dan menghargai pendapat orang lain. Komunikasi aktif ini membawa kepada pemecahan masalah dalam mata pelajaran yang dipelajari (Ning Endah Sri Rejeki, 2009) dan seterusnya memudahkan pemahaman masalah tersebut. Kebanyakan pelajar mempelajari sesuatu mata pelajaran dengan lebih baik melalui teknik JIGSAW berbanding dengan cara belajar hanya dalam kumpulan utama. (Sare Şengül & Yasemin Katrancı, 2012). Hal ini demikian kerana pemahaman adalah lebih cepat (Umi Kalthom Mahbib & Ahmad Esa, 2014) dan menjurus kepada penguasaan Matematik yang lebih cepat. Pelajar telah mempelajari sesuatu ilmu terlebih dahulu dan mereka mengajarkan ilmu tersebut kepada rakan-rakan lain.

Kesimpulannya, teknik JIGSAW merupakan kaedah pembelajaran koperatif yang dapat meningkatkan kemahiran koperatif dan penguasaan Matematik. Pelajar lebih berminat untuk melibatkan diri secara aktif dalam PdPc. Secara langsung, interaksi yang aktif antara pelajar berlaku dan dapat meningkatkan kemahiran kolaborasi pelajar kerana mereka bekerjasama sepanjang proses PdPc. Ini mewujudkan perkongsian ilmu Matematik yang bermakna yang menjurus kepada peningkatan penguasaan Matematik.

RUJUKAN

- Adams, F.H. (2013). Using JIGSAW Technique As An Effective Way Of Promoting Co-Operative Learning Among Primary Six Pupils In Fijai. *International Journal of Education and Practice*, 1(6): 64-74. Diperoleh dari <https://pdfs.semanticscholar.org/8282/21d77600cbb79363b1d05a25b6946427595b.pdf>
- Aronson, E., Blaney, N., Stephin, C., Sikes, J. & Snapp, M. (1978). *The Jigsaw Classroom*. Beverly Hills, CA: Sage Publishing Company.
- Baker, T. & Clark, J. (2010). Cooperative Learning- a double edged sword: A cooperative learning model for use with diverse student groups. *Intercultural Education*, 21(3): 257-268.
- Bennett, N., & Dunne, E. (1991). The nature and quality of talk in co-operative classroom groups. *Learning and Instruction*, 1(2): 103-118.
- Effandi Zakaria, Lu Chung Chin & Yusoff Daud. (2010). The Effects of Cooperative Learning on Students' Mathematics Achievement towards Mathematics. *Journal of Social Sciences*, 6(2): 272-275.
- Effandi Zakaria, Titi Solfitri, Yusoff Daud, Zulkarnain Zainal Abidin. (2013). Effect of Cooperative Learning on Secondary School Students Mathematics Achievement. *Creactive Education*, 4(2): 98-100.

- Johnson, D. W., & Johnson, R. (1989). *Cooperation And Competition: Theory And Research*. Edina, Minnesota: Interaction Book Company.
- Johnson, D.W., Johnson, R. T., & Smith, K. (1991). *Active Learning: Cooperation in the College Classroom*. Edina, Minnesota: Interaction Book Company.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Pembelajaran Abad Ke-21 PAK21*. Diperoleh daripada <http://upa.ipgkda.edu.my/wp-content/uploads/2017/07/PAK21-KPM.pdf>.
- Kilic, D. (2008). The Effects of the JIGSAW Technique on Learning the Concepts of the Principles and Methods of Teaching. *World Applied Sciences Journal*, 4(1): 109-114.
- Mbacho W. Naomi & Bernard Nyingi Githua. (2013). Effects of JIGSAW Cooperative learning strategy on Students' achievement in secondary school Mathematics in laikipia east district Kenya. *Asian Journal Of Management Sciences & Education*, 2(3): 177-188.
Proses meliputi piawaian pengurusan data, rekabentuk, kolaborasi dan pembelajaran. Pengurusan data digunakan untuk mengenal pasti pencapaian murid-murid, prestasi pengajaran dan penilaian kurikulum. Pihak berkepentingan dan penggubal polisi memerlukan analisis data bagi menyediakan pelbagai intervensi dan program rintis untuk penambahbaikan pencapaian pelajar (NCREL, 2005). Pengurusan data yang cekap oleh guru-guru membantu penambahbaikan pendidikan secara berterusan. Sementara itu, rekabentuk pembangunan profesional yang sistematik berupaya meningkatkan pengetahuan, kemahiran pedagogi guru-guru dan pencapaian murid-murid (Garet, Cronen & Eaton, 2008). Pemimpin sekolah harus memastikan rekabentuk dan aktiviti pembangunan profesional adalah bersesuaian dengan keperluan pembangunan dan pembelajaran guru-guru. Kolaborasi merujuk kepada aktiviti kumpulan, perbincangan, pembimbing rakan sebaya, jawatankuasa pembuat keputusan, pasukan kepimpinan dan rangkaian guru (Bull & Buechler, 1996). Penglibatan dalam semua aktiviti kolaboratif dan pemimpin aktif dalam pasukan kolaboratif berupaya meningkatkan strategi pengajaran, kapasiti, rangkaian dan tahap efikasi profesion (Roberts & Priutts, 2003). Perkongsian pengetahuan, komunikasi bersemuka, alam maya dan gabungan dalam komuniti pembelajaran serta penggunaan model pembangunan profesional berskala dan mampan boleh dicapai menerusi kolaborasi abad ke-21 (P21, 2009). Justeru itu, guru-guru haruslah sentiasa berkolaborasi untuk menguasai pengetahuan dan kemahiran pedagogi terkini dari semasa ke semasa supaya selaras dengan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) abad ke-21.

Kandungan termasuk piawaian ekuiti dan kualiti pengajaran. Ekuiti adalah pemahaman guru terhadap keperluan murid-murid, penghargaan, keselamatan, persekitaran pembelajaran yang memberangsangkan dan jangkaan tinggi terhadap pencapaian murid-murid (Schramm, 2006). Pemupukan keupayaan guru-guru abad ke-21 membolehkan gaya pembelajaran, kecerdasan, kekuatan dan kelemahan murid-murid

dikenal pasti. Kebolehan guru-guru turut dibangunkan untuk menggunakan pelbagai strategi bagi memenuhi pelbagai keperluan murid-murid, seterusnya mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang berbeza (P21, 2009). Kualiti pengajaran adalah penghayatan terhadap isi kandungan pelajaran, masalah mata pelajaran, teknik pengajaran dan kesediaan guru mempelajari kemahiran dan strategi pengajaran yang baharu (Nye, Turner & Schwartz, 2006). Penerangan tentang cara memahami masalah mata pelajaran secara mendalam bertujuan meningkatkan kemampuan guru-guru menyelesaikan masalah, berfikir secara kreatif dan menguasai pelbagai kemahiran abad ke-21 (P21, 2009).

Pembangunan profesional abad ke-21 harus diberi keutamaan untuk membolehkan guru-guru meneroka dan memperkasa ilmu supaya menjadi guru yang efektif dan efisien dalam abad ke-21. Murid-murid tidak akan menguasai kemahiran abad ke-21 tanpa guru yang menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 (Pacific Research Centre, 2010). Pembangunan profesional abad ke-21 telah menyediakan peluang kepada guru-guru untuk mengintegrasikan kemahiran abad ke 21 ke dalam piawaian pembelajaran dan pemudahcaraan (P21, 2009).

TUJUAN DAN METODOLOGI

Penyelidikan tinjauan ini dilaksanakan bertujuan untuk memartabatkan pembangunan profesional guru abad ke-21. Penyelidik membincangkan hasil penyelidikan lepas dan semasa pembangunan profesional abad ke-21 dan menghubungkaitkannya dengan implikasi kaedah pengajaran yang dinamik dan progresif dalam abad ke-21 khususnya pendekatan heutagogi dan webagogi.

Seramai 375 orang guru sekolah menengah kebangsaan negeri Sarawak yang dipilih secara rawak mengaplikasikan instrumen *Standard Assessment Inventory* (SAI) (Giwa, 2012). Instrumen tersebut terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A adalah maklumat demografi responden. Bahagian B berkaitan dengan pembangunan profesional. Bahagian ini mengandungi tiga puluh item, iaitu lima item tentang komuniti pembelajaran, empat item kepimpinan, empat item sumber, tiga item pengurusan data, dua item rekabentuk, lima item kolaborasi, tiga item pembelajaran, dua item ekuiti dan dua item kualiti pengajaran. Instrumen ini diukur dengan menggunakan skala *Likert* lima mata, iaitu: (1) tidak berlaku, (2) jarang berlaku, (3) kerap berlaku, (4) selalu berlaku, (5) sangat kerap berlaku (Brown, 2010).

Data dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 23.0, *Windows* 2015. Min digunakan untuk mengenal pasti tahap pembangunan profesional guru abad ke-21. Nilai min 1.00 hingga 2.33 adalah bertahap rendah, manakala 2.34 hingga 3.67 bertahap sederhana, 3.68 hingga 5.00 pula bertahap tinggi (Richard Levin & David Rubin, 1988).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

a. Maklumat Demografi

Jadual 4.1 menunjukkan 27.7% responden lelaki dan 72.3% responden perempuan terlibat dalam kajian ini. Sebanyak 47.8% responden berumur dua puluh dua tahun hingga tiga puluh lima tahun, manakala 50.9% responden berumur tiga puluh enam tahun hingga lima puluh enam tahun, hanya 1.3% responden berumur lima puluh tujuh tahun dan ke atas. Terdapat 87.5% responden berkelulusan ijazah sarjana muda, manakala 12.5% responden berkelulusan ijazah sarjana. Sebanyak 50.9% responden berpengalaman mengajar yang kurang daripada setahun hingga sepuluh tahun, manakala 37.4% responden mempunyai sebelas hingga dua puluh tahun pengalaman mengajar, 11.7% responden mempunyai pengalaman mengajar sebanyak dua puluh satu tahun dan ke atas. Terdapat 42.1% responden mempunyai kurang daripada setahun hingga lima tahun pengalaman mengajar di sekolah berkenaan, manakala 29.6% responden mempunyai enam hingga sepuluh tahun

pengalaman mengajar di sekolah berkenaan, 28.3% responden mempunyai sebelas tahun dan ke atas pengalaman mengajar di sekolah berkenaan.

Jadual 4.1 Maklumat Demografi Responden (n=375)

Demografi Deskriptif	Kekerapan	Peratus (%)
1. Jantina		
Lelaki	104	27.7
Pepempuan	271	72.3
2. Umur		
22 hingga 35 tahun	179	47.8
36 hingga 56 tahun	191	50.9
57 tahun dan ke atas	5	1.3
3. Kelulusan akademik		
Sarjana muda	328	87.5
Sarjana	47	12.5
4. Pengalaman mengajar		
Kurang daripada 1 hingga 10 tahun	191	50.9
11 hingga 20 tahun	140	37.4
21 tahun dan ke atas	44	11.7
5. Pengalaman mengajar di sekolah ini		
Kurang daripada 1 hingga 5 taun	158	42.1
6 hingga 10 tahun	111	29.6
11 tahun dan ke atas	106	28.3

b. Tahap Pembangunan Profesional Guru Abad 21

Tahap pembangunan profesional guru abad ke 21 dapat dirujuk dalam Jadual 4.2. Dapatan menunjukkan tahap pembangunan profesional responden sekolah menengah kebangsaan negeri Sarawak adalah tinggi (min 4.43; sp .217). Piawaian kepimpinan mencapai skor tertinggi (min 4.50; sp .353). Dapatan menjelaskan pemimpin sekolah berupaya mempengaruhi responden tentang pembelajaran sebagai proses kumulatif dan pembangunan yang berterusan. Penambahbaikan pembelajaran murid-murid memerlukan pemimpin sekolah yang mempunyai kemahiran bimbingan (Schramm, 2006). Hasil ini adalah selari dengan kajian Wahlstrom (2011), kepimpinan meningkatkan pembangunan profesional dan pembelajaran organisasi.

Piawaian sumber dan kolaborasi mencatat min 4.44 masing-masing menunjukkan tahap pembangunan profesional adalah tinggi dalam kalangan responden. Penggunaan sumber yang menggalakkan merupakan satu kelebihan responden khususnya pengaplikasian teknologi pendidikan. Pembangunan profesional mengutamakan teknologi dalam proses merumus, menilai dan bekerjasama dengan pihak berkepentingan (Gersten, Baker, & Griffiths, 2003). Hasil analisis juga menjelaskan responden melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti kolaboratif. Kolaborasi merujuk kepada aktiviti kumpulan, perbincangan, pembimbing rakan sebaya, jawatankuasa pembuat keputusan, pasukan kepimpinan dan rangkaian guru (Bull & Buechler, 1996). Perkongsian pengetahuan, komunikasi bersemuka, alam maya dan gabungan serta penggunaan model pembangunan profesional berskala dan mampan tercapai menerusi kolaborasi abad ke-21 (P21, 2009). Tambahan pula, kekerapan berkolaborasi membolehkan penguasaan pengetahuan dan kemahiran pedagogi terkini responden supaya selaras dengan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21.

Piawaian komuniti pembelajaran dan pengurusan data mencatat min ketiga tinggi iaitu 4.43 masing-masing. Ini menunjukkan responden mempunyai peluang terbuka mempelajari kemahiran pedagogi dan strategi pengajaran baharu ke arah pencapaian matlamat sekolah. Komuniti pembelajaran menggalakkan pembelajaran kolaboratif dan koperatif guru-guru untuk perubahan sosial sekolah (Wested, 2000). Komuniti pembelajaran

turut menyediakan ruang pendedahan model pembelajaran abad ke-21 yang terbaik kepada responden. Usaha pembaharuan untuk meningkatkan kualiti sekolah dan guru-guru dilaksanakan menerusi komuniti pembelajaran (Jacquith et al., 2010). Komuniti pembelajaran sebagai platform yang membolehkan responden mempelajari kemahiran pedagogi dan strategi pengajaran baharu untuk meningkatkan pembelajaran murid-murid ke arah pencapaian matlamat sekolah. Selain itu, pengurusan data memainkan peranan penting dalam membantu responden mengenal pasti tahap pencapaian murid, prestasi pengajaran dan penilaian kurikulum. Pihak berkepentingan dan penggubal polisi memerlukan analisis data bagi menyediakan pelbagai intervensi dan program rintis untuk penambahbaikan pencapaian murid-murid (NCREL, 2005).

Piawaian rekabentuk mempunyai tahap yang tinggi, min 4.42 menunjukkan pembangunan profesional yang dirangka oleh pihak pengurusan sekolah sesuai dengan keperluan responden. Rekabentuk pembangunan profesional yang sistematik berupaya meningkatkan pengetahuan guru-guru dan pencapaian murid-murid (Garet, Cronen & Eaton, 2008). Min 4.41 menunjukkan ekuiti responden juga bertahap tinggi dengan keupayaan memenuhi keperluan murid-murid yang berbeza. Ekuiti adalah pemahaman guru terhadap keperluan murid, penghargaan, keselamatan, persekitaran pembelajaran yang memberangsangkan dan jangkaan tinggi terhadap pencapaian murid (Schramm, 2006). Keupayaan responden membolehkan gaya pembelajaran, kecerdasan, kekuatan dan kelemahan murid dikenal pasti (P21, 2009).

Tahap pembelajaran responden kajian ini tinggi (min 4.40; sp .361) dan membolehkan peningkatan strategi pengajaran. Penglibatan dalam semua aktiviti kolaboratif dan sebagai pemimpin aktif dalam pasukan kolaboratif menghasilkan pembelajaran yang meningkatkan strategi pengajaran, kapasiti, rangkaian dan tahap efikasi profesion (Roberts & Priutts, 2003). Hasil kajian ini adalah selari dengan dapatan Kleickmann et al. (2016), pencapaian murid-murid bagi guru yang menggunakan bahan kurikulum sahaja adalah lebih rendah daripada guru yang mengakses pelbagai sumber, sokongan pakar dan aktif dalam pembelajaran kolaboratif.

Piawaian kualiti pengajaran responden mencatat min 4.38 menunjukkan pemahaman tentang kandungan mata pelajaran memudahkan penentuan strategi pengajaran. Kualiti pengajaran adalah pemahaman terhadap kandungan pelajaran, masalah mata pelajaran, teknik pengajaran dan kesediaan guru untuk mempelajari kemahiran dan strategi pengajaran yang baharu (Nye, Turner & Schwartz, 2006). Penerangan tentang cara memahami masalah mata pelajaran secara mendalam dapat meningkatkan kemampuan responden menyelesaikan masalah, berfikir secara kreatif dan penguasaan pelbagai kemahiran abad ke-21 (P21, 2009).

Jadual 4.2 Tahap Pembangunan Profesional Guru (n=375)

Piawaian Pembangunan Profesional	Min	Sisihan Piawai
1. Komuniti pembelajaran	4.43	.288
2. Kepimpinan	4.50	.353
3. Sumber	4.44	.314
4. Pengurusan data	4.43	.362
5. Rekabentuk	4.42	.386
6. Kolaborasi	4.44	.320
7. Pembelajaran	4.40	.361
8. Ekuiti	4.41	.409
9. Kualiti pengajaran	4.38	.429
Jumlah	4.43	.217

Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan tahap pembangunan profesional responden sekolah menengah kebangsaan negeri Sarawak adalah tinggi dengan min 4.43 dan sisihan piawai 217. Keputusan tersebut menjelaskan bahawa hipotesis null ditolak, manakala hipotesis alternatif diterima. Memartabatkan pembangunan profesional guru abad ke-21 merupakan usaha penting untuk mencapai kompetensi

profesional guru yang selaras dengan keperluan murid-murid abad ke-21. Dapatan ini selari dengan hasil kajian Tanya dan Mishaleen (2015), pembangunan profesional guru-guru di sekolah berprestasi tinggi sejajar dengan piawaian kerangka dimensi pembangunan profesional *National Standards Development Council* (NSDC) sebagai pembangunan profesional yang berkualiti berbanding dengan guru-guru di sekolah berprestasi rendah.

IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan tahap pembangunan profesional responden adalah tinggi. Namun pembelajaran sepanjang hayat menuntut kecekapan, keupayaan menyesuaikan diri, komunikasi lisan dan tulisan yang baik, kolaborasi merentasi rangkaian, inkuiri, imaginatif, optimistik, pemikiran kritis, kemahiran menyelesaikan masalah, inisiatif, keusahawanan, visi, daya tahan, empati dan pemudahcara global (Gerstein, 2014). Oleh itu, kaedah pengajaran yang dinamik dan progresif seperti pendekatan heutagogi dan webagogi boleh diaplikasikan untuk memantapkan pemartabatan pembangunan profesional guru abad ke-21. Menurut Hase (2014), pemimpin pembelajaran memerlukan kebolehan khas untuk menangani persekitaran dan cabaran pembelajaran abad ke-21 khususnya pendekatan heutagogi.

Heutagogi ialah kaedah pedagogi yang memudahkan pembelajaran sendiri berdasarkan minat dan aspirasi (Hase & Kenyon, 2013). Ini bermakna guru-guru bukan sahaja berpeluang memilih pembelajaran mengikut kesukaan, malah bebas dari segi masa dan keperluan pengajaran. Selain itu, pendekatan penyelesaian masalah pengajaran dan pembelajaran serta bantuan mentor adalah strategi kolaborasi utama yang menyokong heutagogi (Snowden & Halsall, 2012). Penambahbaikan dan peningkatan strategi pengajaran guru-guru terlaksana berdasarkan maklum balas dan bimbingan kepakaran daripada mentor. Tambahan pula, pembelajaran heutagogi disokong oleh teknologi baharu dan perkembangan web seperti Web 2.0 dan Web 3.0 iaitu reka bentuk dan aktiviti yang berpusatkan murid, penerokaan, kreativiti, refleksi, kolaborasi dan rangkaian (Gerstein 2013; Sharpe et al. 2010; Conole 2012; McLoughlin & Lee 2007). Kemudahan teknologi telah merapatkan jurang pembelajaran murid-murid, interaksi pelbagai hala serta pembangunan potensi mereka secara bersepadu dan menyeluruh.

Di samping itu, tuntutan pendidikan abad ke-21 terhadap pelbagai kemahiran kognitif dan meta kognitif seperti kreativiti, inovatif, pembelajaran sendiri dan pengetahuan tentang cara belajar (Blaschke 2014). Sehubungan itu, webagogi menjadi pertimbangan pedagogi yang diimplementasikan melalui rangkaian teknologi seperti "*World Wide Web*" (WWW) dan emel untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran. Dimensi baharu dalam proses dan pengalaman pendidikan termasuk menghubungkan pelbagai sumber dan ahli profesional, peluang perolehan pengetahuan dan kemahiran individu secara maksimum dan global serta jalinan antara murid-murid, guru-guru dan sekolah-sekolah (Zawawi Zainal, 2004). Strategi pembelajaran webagogi dalam bilik darjah alam maya berasaskan elektronik, komputer, web, kolaboratif digital, interaktif dan sistematik memantapkan pemartabatan pembangunan profesional guru abad ke-21.

Penyelidik mencadangkan agar program pembangunan profesional berlandaskan pendidikan abad ke-21, pengintegrasian ICT dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru, pengurusan data, sumber, kolaborasi dan komuniti pembelajaran profesional abad ke-21 serta melibatkan guru-guru dalam kemahiran kepimpinan abad ke-21. Selain itu, persekitaran pembangunan profesional haruslah terbuka sebagai komuniti pembelajaran abad ke-21, fleksibel dengan gaya pengajaran dan dinamik bilik darjah baharu untuk membolehkan guru-guru mempelajari dan menguasai pendekatan heutagogi dan webagogi supaya selaras dengan pembangunan kepakaran pembelajaran dan pengajaran abad ke-21. Pembangunan profesional yang berkualiti berupaya meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Bill & Melinda Gates Foundation, 2014).

RUJUKAN

- Ang, J. E. J., & Balasandran Ramaiah (2012). *Kepimpinan Instruksional: Satu panduan praktikal*. KL:PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Bill & Melinda Gates Foundation. (2014). *Teachers Know Best: Teachers' Views on Professional Development*. Retrieved from <http://collegeready.gatesfoundation.org/article/teachers-know-best-teachers-views-professional-development>
- Blank, & Alas, d. I. (2009). *Effects of teacher professional development on gains in student achievement: How meta-analysis provides scientific evidence useful to education leaders*. Washington: DC: Council of Chief State School Officers.
- Blaschke LM. 2014. Using social media to engage and develop the online learner in self-determined learning. *Res Learn Technol*. 22:21635.
- Brown, S. (2010). Likert Scale Examples for Surveys
- Bull, & Buechler. (1996). *Planning together: Professional development for teachers of all students*. Bloomington: IN: Indiana Education Policy Center.
- Bull, A. and Gilbert, J. 2012. *Swimming Out of Our Depth: Leading Learning in 21st Century Schools*. Wellington, New Zealand Council for Educational Research. www.nzcer.org.org.nz/system/files/Swimming%20out%20of%20our%20depth%20final.pdf(Accessed 27 May 2014).
- Chong, E. K. M. (2012). Using blogging to enhance the initiation of students into academic research. *Computer & Education*, 55, 798-807.
- Conole, G (2012). *Designing for learning in an open world: Explorations in the learning sciences, instructional systems and performance technologies*. New York, Heidelberg: Springer
- Fakhra, A. (2012). *Impact of faculty professional development program of HEC on teachers competencies and motivation at higher education level in Pakistan*. University of the Punjab Lahore, Pakistan.
- Garet, Cronen, & Eaton. (2008). *The impact of two professional development interventions on early reading instruction and achievement (NCEE 2008-4030)*. Washington.
- Gerstein, J. (2013). Education 3.0 and the pedagogy (andragogy, heutagogy) of mobile learning.[Blogpost.]Usergenerateeducation.<http://usergeneratededucation.wordpress.com/2013/05/13/education-3-0-and-the-pedagogy-andragogy-heutagogy-of-mobile-learning/>
- Gerstein, J. (2014). The other 21st century skills. [Blog post.] <http://usergeneratededucation.wordpress.com/2013/05/22/the-other-21st-century-skills/>
- Gersten, Baker, & Griffiths. (2003). *The sustained use of research based instructional practice: A case study of the early literacy project*. Unpublished technical report, Instructional Research Group.
- Giwa, S. A. (2012). *Perception Of Middle School Teachers On The Quality Of Professional Development*. Doctor Of Education, Loyola University Chicago.
- Hase, S. (2014). Skills for the learning leader in the 21st century. In L. M. Blaschke, F. Garnett, C. Kenyon. & S. Hase (Eds.), *A practical guide to heutagogy*. Amazon.
- Hase, S., & Kenyon, C. (2013). *Self-determined learning: Heutagogy in action*. London, UK: Bloomsbury Academic.
- Hassel. (2013). *Professional development: Learning from the best*. Oak Brook: IL: North Central Regional Educational Laboratory (NCREL).
- Jacquith, A., Mindich, D., Wei, R., & Darling-Hammond, L. (2010). *Teacher professional learning in the United States: Case studies of state policies and strategies*. National Standards Development Council. Oxford, OH: Learning Forward.
- Khair Mohamad Yusof. (2016). *Continuous Professional Development (CPD) Master Plan*. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/images/pemberitahuan/2016/PIPPK-2016.pdf>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/images/dasar-kpm/PPP/Preliminary-Blueprint-ExecSummary-BM.pdf>.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016a). *Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025*. Retrieved from <http://www.moe.gov.my/index.php/my/dasar/pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2013-2025>.
- Kleickmann, T., Trobst, S., Jonen, A., Vehmeyer, J., & Moller, K. (2016). The effects of expert scaffolding in elementary science professional development on teachers' beliefs and motivations, instructional practices, and student achievement. *Journal of Educational Psychology, 108*(1) 21–42.
- McLoughlin, C. & Lee, M. J. W. (2007). Social software and participatory learning: Pedagogical choices with technology affordances in the Web 2.0 era. In Proceedings from ascilite, December 2–5, 2007, Singapore. Retrieved from <http://www.ascilite.org.au/conferences/singapore07/procs/mcloughlin.pdf>
- Mohd. Afiffin bin Abdul Latif. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 dicapai daripada http://smktt01.weebly.com/uploads/1/7/8/4/17847255/kelas_abad_ke-21.pdf
- National Staff Development Council (NSDC) (2009). *About us*. Retrieved from <http://www.learningforward.org/about/index.cfm>
- NCREL. (2005). *Thinking Curriculum. Essay presented by the North Central Regional Educational Laboratory*. Retrieved from <http://www.ncrel.org/sdrs/areas/issues/content/cntareas/science/sc4ththink.htm>.
- Nye, Turner, & Schwartz. (2006). *Approaches to parental involvement for improving the academic performance of elementary school children in grades k-6*. Retrieved from <http://www.ncddr.org/kt/products/focus/focus16>.
- Partnership For 21st Century Learning (P21). (2009) Framework For Century Learning Retrieved from <http://www.p21.org/our-work/p21-framework>
- Richard Levin, & David Rubin. (1998). *Statistics For Management* (7 th ed. ed.). Upper Saddle River: Prentice Hall.
- Roberts, & Priutts. (2003). *Schools as professional communities: Collaborative activities and strategies for professional development*. Thousand Oaks: CA: Corwin Press.
- Sawchuk, S., & Keller, B. (2010). Professional development at a crossroads: To influence policy, the field must be able to articulate both what it is and how it can help teachers improve student achievement. *Education Week, 30*(11), 2-4. Retrieved from http://www.edweek.org/ew/articles/2010/11/10/11pd_overview.h30.html
- Schramm, R. (2006). An analysis of the national center's teacher professional development programs and national professional development standards. *National Humanities Center: The Teacher Professional Development Program*. Retrieved from <http://nationalhumanitiescenter.org/pds/npdstandards.htm>
- Sharpe, R., Beetham, H., & De Freitas, S. (2010). *Rethinking learning for a digital age: How learners are shaping their own experiences*. New York, NY: Routledge.
- Snowden, M. and Halsall, J. (2014) 'Community Development: A Shift in Thinking Towards Heutagogy', *International Journal of Multi Disciplinary Comparative Studies*, Vol. 1(3), pp. 81-91.
- Sparks, D. (2004). The looming danger of a two-tiered professional development system. *PhiDelta Kappan, 86*(4), 304-306.
- Wested. (2000). *Teachers who learn; kids who achieve: A look at school with professional development*. San Francisco: CA: Wested.
- Wheeler, S. (2011, July 8). Learning with e's: Digital age learning. [Blog post.] Retrieved from <http://stevewheeler.blogspot.com/2011/07/digitalagelearning.html>
- Pacific Policy Research Center. (2010). *21st Century Skills for Students and Teachers*. Honolulu: Kamehameha Schools, Research & Evaluation Division.
- Tanya, and Mishaleen. (2015). Professional Development Urban Schools: What Do Teachers Say? *Journal of Inquiry & Action in Education, Vol. 6*(2), 53-79
- Tengku Zawawi bin Tengku Zainal (2004) Buletin RAKIT Sept. dicapai daripada <http://vdocuments.site/webagipdf.html>

以直映认字理解字义 (PENGUNAAN ILUSTRASI PIKTOGRAF UNTUK MEMAHAMI MAKNA PERKATAAN)

Koay Chian Wen, Khor Yu Rou, Wong Min Yi, Lim Lee Ching

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
chianwen11@gmail.com, yurou3548@gmail.com,
wongminyi1997@gmail.com, xinyu_jing@yahoo.com

摘要

时代的演变，字形显义弱化导致汉字难学习。21世纪直映认字减轻了学生的识字负担及速度。此概念文讨论以直映认字理解字义。直映认字是把汉字变成一幅幅字图。字的音、形、义融在字图中符合学生的认知规律，调用大脑，促进记忆。此外，直映认字贴近学生的生活，字与直观形象的图联系，用图注音、用图释义显得生动形象，图画吸引学生的注意力，提高学习兴趣，并在强烈的好奇心驱使下对新异事物进行探索、追求。前人研究显示直映认字能激发学生的认字潜能、联想力、记忆力，有效且迅速认字，流利地阅读儿童小说，写小论文和调查报告。

关键词：直映认字、认知规律、直观形象、探索、迅速认字

ABSTRAK

Kesukaran pembelajaran karakter Cina disebabkan bentuk tulisan berubah mengikut era evolusi. Ilustrasi piktograf abad ke-21 berupaya meringankan beban dan rentak pembelajaran literasi. Kertas konsep ini bertujuan membincangkan penggunaan ilustrasi piktograf untuk memahami makna perkataan. Ilustrasi piktograf menjadikan setiap karakter sebagai perkataan bergambar. Kombinasi bunyi, bentuk dan makna sebagai perkataan bergambar adalah bersesuaian dengan perkembangan kognitif murid-murid, merangsang otak dan meningkatkan daya ingatan mereka. Selain itu, ilustrasi piktograf berlandaskan pengalaman hidup murid-murid, hubungan tulisan dan imej intuitif, fonetik bergambar, makna perkataan dikesan melalui gambar adalah jelas, gambar juga menarik perhatian murid-murid, meningkatkan minat belajar, rasa ingin tahu yang kuat mendorong mereka untuk meneroka dan mengenal pasti sesuatu perkara baharu. Dapatan kajian-kajian lepas membuktikan bahawa ilustrasi piktograf berupaya merangsang potensi, lenovo, memori, keberkesanan dan kepantasan murid-murid untuk mengenal perkataan, membaca novel kanak-kanak dengan lancar, menyediakan artikel dan laporan tinjauan.

Kata kunci: Ilustrasi piktograf, kognitif, imej intuitif, meneroka, kepantasan mengenal perkataan

前言

汉字是传承中华文化与民族思想的载体。随着时代的发展，字形的显义功能已经大幅度弱化，需经过一定的分析后才能理解字形、字音和字义间的关系。汉字的笔画繁杂、形似字多，若要学生在短期内识字的确是一项学习难点。倘若机械式地认字、认读，不但加重了学生的负担，而且削弱了对汉字的兴趣，丧失学习的自信心。因此，浙江大学心理学研究生——张秀琴老师花了5年潜心研究，运用脑科学，心理学原理于21世纪初——2002年发明了儿童直映高速认字法，简称直映认字以减轻学生的识字负担及速度问题。

直映是指事物直接映射到头脑中的活动。直映认字把最高频率的2000个常用汉字分成两部分，其中1500个字以不重复为原则，编成常用且适合学生认知水平的两个字的词或词组，每个词或词组配上一幅能准确解释字义的图，把汉字放大完全融入图中，成为图的一部分，直接又整体地作用于人脑，从而留下清晰的记忆。另有500个字用学过的基本字带字的方法来学习。以图片引导学生的直映认读，感知性强，能在脑中形成清晰的表象，非常适合培养学生的认读能力（孙童，2011）。这种以图引发读音，图提示释义，图帮助记形的认字法有着图形化、认读化、情境化、儿童化以及简单化的优势为学生启蒙教育打下了良好的识字基础。学生口语的发展，语言能力的提升，达致21世纪的沟通技能就理所当然了。

总所周知，21世纪教学讲究科技发展，动画式直映认字不仅能提高学生的学习兴趣，而且能加强对字词的联想与联系，迅速地掌握字音、字形和字义。学生在学习过程中因强烈好奇心驱使下对新异事物展开探索、追求。学生的注意力往往都会对生动、新异的事物所刺激而激动兴奋，并把被动认字转化为主动学习，促进学生好奇心的良性发展，并引导他们对知识有所追求（陈瑞珍，2016）。

直映认字的确克服了学习汉字的难题。学生在轻松认字过程中记忆力、思维及语言能力有所升，促进探究意识，实践了以学生为中心学习的21世纪课堂教学。

直映认字

直映认字继承了古代的《千字文》的认字原理。2000个常用汉字编成736个贴近学生生活的词语，如：森林、花草、太阳、公园、石桥、千万、毛巾、贝壳、开始、朋友、专心、农村、城市、坚持、输赢、跟踪、使劲等，配上一幅色彩鲜艳的图，提示读音，理解词义。直映认字不仅跳过笔画、偏旁、拼音的学习步骤，而且以直观形象的图形来联想汉字，学起来快速又轻松。学生只要把字看过2至5遍，就能琅琅上口，掌握词语，再看上几遍，就把汉字牢牢地记住（张秀琴，2004）。此外，每个词语都在图中，以图示意，以图示音，学生看到字就能想到图，想到图就能发出字音。汉字的音、形、义都融入了每个字图中，让学生看图时就把字音、字形、字义熟记于心，提高了5至10倍的学习效率。心理学的研究表明低年级孩子对动感、形象及色彩丰富的画面具有强烈的刺激，使他们记忆深刻（邢艳利，2010）。

直映，心理学研究称为“遗觉像”。德国实验心理学家艾内奇·鲁道夫·杨施在1920年发现有些人看了一张画片后会在灰墙上看到同样的画像，而且画像鲜明得同画片相似。这表明了学生在5~8岁时期有不同程度的“遗觉像”现象。他们看了一幅画后和被拿走后的内容、细节都保留在脑海中，所以描述的画面就跟之前看过的一样。直映认字就是让汉字完全成为图的一部分，依赖“遗觉像”现象，在头脑中留下清晰的记忆的一种认字法。我们的左脑处理文字、编辑，逻辑思维能力强；右脑对直观的事物非常敏感，能将看到的图像储存起来。5到8岁学生的右脑很发达，所以把那些较难认的“字”都转变成“图”，即看图认字，就能让学生轻松地认读、识字（周荣，2013）。大连美国国际学校暨华美英语学校从创校以来都采取“寓教于乐”的方式让学生学习动脑筋，发挥想象，从看图中产生“遗觉像”现象，轻轻松松学习，发自内心地喜欢认字、阅读。

直映认字是通过图词对应，构建一个联想学习组元，直接映射到学生的神经系统，进而认识汉字的。这种方法体现的教学思想包括中介思想、对应思想、组元思想及整体思想。

（一）中介思想——“中介”在事物认识中具有积极的促进作用。学生学习时，借助中介会降低学习难度，提高学习效率。直映认字把的字都融入图画之中，看到图就会想到字，看到字马上会想到图，为认字提供了语境，避免“从字到字”、“以字解字”、“为识字而识字”

的学究性学习模式。(二)对应思想——汉字是方块图形，把汉字融入图形之中，成为图的一部分，并在图与词“对应”中寻找规律。如果图与词能对应，学习就变得具体、形象。如果词与图能对应，学习则属概括、抽象。所以，直映认字法采用了图与词的对应。图词并茂，双重密码呈现，容易记忆，符合双重密码加工理论。(三)组元的思想——儿童的学习是平台、单元、块状的。为此，直映认字的设计包括：(a)把字组成词。字是语言的单位；词是学习语言的单位，把最常用的 1500 个汉字组成 700 多个词和词组。(b)把图、词组成学习板块。用图提示词的读音，用图帮助词义的理解。(c)把认字、阅读组成一个学习单元。例如，每学完 64 个字，安排阅读由这 64 个字组成的小故事。(d)从一幅图发展为连续的多幅图。从照相机的一张静态照片(识字)到摄像机的动态画面(阅读)。(四)整体的思想——学生识字心理是整体认知的，而非部分肢解的。整体是直映的而非分解的。传统识字的“加一加”、“减一减”、“改一改”等，是笔画、部件分解法，不利于学习。直映识字法打破了拼音、笔画、偏旁、部首、结构、词义等识字程式。根据图、词对应图式，构成一个认知整体。

直映认字减少了学习汉字的步骤，提升了 5 至 10 倍的学习效率，加深了对字的整体印象都有助于学生理解字义。处于中介思想、对应思想、组元思想及整体思想的教学让学生迅速达致认读及理解字义的效果。


直映认字简介

1.

动图中是一把已打开的伞，雨水被遮挡在外了。“伞”字体现了一把正开着的雨伞。上面“人”字代表着可张开活收起的伞，下面则是撑起“伞”的支架。




2.




动图中的“色”字中间部分是由紫、蓝、黄、青、黑和红组成的一瓶颜料。颜料不停地喷射出不同颜色，背景不停地转换颜色可帮助学生认识“色”字的含义。

3.



动图中的“鼻”字中间的呼吸孔道流出两滴鼻涕。它不停地流出来时就让儿童理解“鼻”的意义。

4.



“森林”中的“森”字由三个“木”组成，“林”字则是两棵树并排着，表示树木多。图画中的树木意释“森林”。

5.



“花”是草本植物，攀爬在树根上，终于开了一朵花，让人欣赏。而“草”的两棵草并排着，意释了“草”。“花草”指花和草。图画来突显出“花草”的特征。

前人研究

张秀琴老师于2003年2月底至5月底在浙江杭州、萧山、淳安、富阳、嵊州、黄岩、衢州等10所小学的一年级1320名学生进行了直映认字法实验。学生每天使用了15直30分钟学习，3个月后的认字教学，取得了可喜的成绩。56%的学生认识了2000个字以上；24%的学生认识1500个字；20%的学生认识了800—1000个字。淳安第五小学一班共60名学生，只学了48天，30名学生认识了2000个字。萧山江寺小学的108名学生55天内，有50位学生认字了2000个字。黄岩实验小学的68名学生在70天内就有67%的学生认识了2000个字。

此后，“直映认字”迅速推广到全中国即浙江、广东、福建、山东、四川等全国41个省市自治区的小学、幼儿园及培训机构，香港、美国和新加坡，教学点有300多个，30多万名学生参与学习。在美国、英国由于不需要经过认字关，所以一年级的学生能流利地阅读纯文字的儿童小说，二年级学生则能写小论文和调查报告。因此，“直映认字”的发明帮助了儿童实现了入学就能读书写作的能力。

直映认字法实验证实了学生不但能在短期内认字，而且识字量是个可观的数目。除了中国，直映认字也推广到香港、新加坡、美国及英国。其中没有中文背景的美、英两国一年级学生能流利地阅读纯文字儿童小说，二年级学生则能写小论文和调查报告证明了直映认字是一套有效又可行度高的教学方法。

总结

字与的图联系，用图注音、用图释义的直映认字让学生通过一幅幅字图认清字形、字义和字音，掌握汉字，提升语言表达能力。与此同时，学生的思辨能力和系统性思维、创造性和求知欲逐渐发展，具备了21世纪学生应有的特点。

参考文献

- 陈瑞珍（2016）。基于低年级儿童心理特点的直观识字教学。《教学研究》。福建基础教育研究，71-72。
- 冯裕藜（2014）。为小学低年级量身定做的“直映认字”教学。《哲学与人文科学》。学园，105-109。
- 晋萍（2015）。全脑识字 妙趣横生。《写作与阅读教学研究》。名师工作室，8-14。
- 刘雅芳（2011）。图解汉字在对外汉字教学中的应用。取自 <http://cdmd.cnki.com.cn/Article/CDMD-10724-1011296331.htm>
- 石希（2007）。阅读理解能力的构成。取自 <http://edu.people.com.cn/GB/8216/63960/63967/5365898.html>
- 孙童（2011）。谈谈小学生英语认读能力的培养。《小学教学参考》教学经纬，97。
- 邢艳利（2010）。在趣味性活动中培养学生词汇认读能力。取自 <http://www.ccppg.com.cn/baokan/yingyubao/jiaoshipindao/youxiulunwen/2010-0623/110944.html>
- 叶天宇（2017）。创意字动画。取自 https://www.zcool.com.cn/work/ZMjE3ODQ1N_zI=.html
- 张秀琴（2004）。“直映认字”的理论与实践。取自 <http://cpfd.cnki.com.cn/Article/CPFDTOTAL-ZGVJ200604005059.htm>
- 周荣（2013）。方法得当巧识字。《经验交流》。新课程（小学版），65。

PENGGABUNGJALINAN DIORAMA DENGAN ARCA MOBAIL

Muhammad Nur Azwan, Stanley Umpang, Valient Nyala, Bell Su'ut

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawaki,
Jalan Bakam 98008, Miri, Sarawak
azwanoqh@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan bagi membuat inovasi pengabungjalinan diorama dengan arca mobail dalam bidang membentuk dan membuat binaan. Kajian ini juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran murid, memupuk nilai kerjasama dan toleransi serta memperkembangkan kreativiti murid. Responden kajian ini terdiri daripada 12 orang murid tahap dua iaitu tahun empat dari salah sebuah sekolah di bahagian Miri, Sarawak. Responden terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Kajian ini menggunakan model penyelidikan tindakan Stephen Kemmis (1983). Kaedah pemerhatian, temu bual dan penilaian pemarkahan menjadi cara mengumpul data dalam kajian ini. Data tersebut akan di kumpulkan dan di analisis bagi memastikan kajian tindakan tersebut berjaya atau sebaliknya.

ABSTRACT

This action research is conducted to do the innovation merger of diorama work with mobile sculpture in the scope of modelling and structuring. This research was also done to improve skill, foster cooperation and rolerance between student and lastly, boost their creativity. The respondent of this research consists of 12 upper primary pupils from year 4 in one of the school in Miri, Sarawak. Respondents consists from various races and religions. This research utilized the action research model of Stephen Kemmis (1983). Data was collected through observation, interview and assessment result. The data will be collected and analyzed to ensure that the study is successful or vice versa.

PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan seni membawa maksud halus iaitu kecil, elok tipis dan halus. Seni juga membawa maksud sebuah karya, sajak, muzik atau sesuatu ciptaan yang terhasil daripada bakat atau kecekapan dan hasil daripada sesuatu ciptaan. Manakala Visual dari segi bahasa bermaksud tampak iaitu yang boleh dilihat melalui deria penglihatan. Kurikulum pendidikan seni visual mengandungi empat bidang utama iaitu menggambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan serta mengenal kraf tradisional. Berasaskan empat bidang tersebut, pelajar dapat mengembangkan dan menyelaraskan persepsi dan konsepsi visual murid sebagai asas bagi menggalakan pemikiran yang kreatif dan kritis. Pada peringkat sekolah rendah merupakan peringkat usia untuk perkembangan secara menyeluruh. Perkembangan mereka secara keseluruhannya adalah kreatif, ekspresif dan aktif. Maka, mata pelajaran Pendidikan Seni Visual adalah salah satu agen penggerak utama untuk perkembangan sifat-sifat seni seperti persepsi imaginasi, visual dan daya pemikiran. Kegiatan pemikiran, penerokaan dan reka bentuk dalam pelbagai jenis seni visual telah membolehkan mereka menyatakan idea dan ekspresi diri.

Terdapat beberapa aktiviti di dalam bidang membentuk dan membuat binaan, antaranya ialah penghasilan arca asemblaj, arca timbulan, arca mobail, arca stabail, arca berfungsi, arca binaan, boneka, topeng, origami, arca relief, dan arca diorama. Bidang ini mengandungi aktiviti untuk menghasilkan karya bentuk tiga dimensi. Murid juga diberi pilihan untuk memilih alat dan bahan yang sesuai mengikut aktiviti yang dipilih. Bidang kegiatan membentuk dan membuat binaan memberi perhatian kepada perkembangan

persepsi murid terhadap aspek seni dari segi bentuk, ruang, struktur, imbangan dan kestabilan.

Dalam kajian tindakan ini, Pengkaji berminat untuk melakukan pengabungjalinan bidang membentuk dan membuat binaan diorama dengan arca mobail. Menurut kamus dewan edisi keempat (2007) diorama ialah sejenis binaan tiga dimensi (3D) yang mengandungi pelbagai objek untuk menggambarkan situasi yang sebenar. Komposisi situasi tersebut hendaklah diletakkan di dalam satu kotak atau bekas yang di tebuk satu hingga tiga permukaan supaya dapat dilihat dari hadapan atau sisi. Definisi arca mobail pula, boleh bergerak sendiri, berputar, berombak dan kebiasaannya terawang-awang. Pengkaji akan membuat pembaharuan di dalam membentuk dan membuat binaan diorama dimana pengkaji akan menggabungkan arca mobail ke dalam penghasilan diorama.

Aktiviti membentuk peringkat sekolah rendah memainkan peranan penting dalam perkembangan kanak-kanak. Salah satu daripadanya ialah meningkatkan daya kreativiti. Kreativiti merupakan elemen yang amat penting untuk perkembangan yang seimbang bagi seorang kanak-kanak. Lowenfeld (1975) percaya bahawa setiap kanak-kanak dilahirkan kreatif. Kenyataan ini disokong dengan sifat semula jadi kanak-kanak yang gemar meneroka.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini adalah untuk menghasilkan inovasi diorama dengan pengabungjalinan arca mobail. Mengabungkan dua aktiviti dalam diorama. Menurut Sufean Husin (2001) dalam kertas kerjanya pada seminar Dasar dan Pengurusan Pendidikan menyatakan Inovasi bermaksud pembaharuan, modifikasi atau memperbaiki idea, benda, ilmu dan ciptaan seni budaya tamadun dengan tujuan memenuhi fungsi-fungsi tertentu atau memenuhi cita rasa tertentu atau memenuhi pasaran tertentu. Pengabungjalinan ini memberikan impak yang sangat menarik dengan mewujudkan pergerakan di dalam karya diorama. Kesan daripada pengabungjalinan arca mobail yang dapat menghasilkan pergerakan dapat memberikan karya diorama lebih hidup dan realistik. Hal ini, secara tidak langsung dapat mewujudkan keadaan sebenar dengan lebih realistik sesuatu kawasan yang dijadikan sebagai sumber ilham pada karya tersebut.

Fokus kajian yang seterusnya ialah memperkembangkan kreativiti murid dalam bidang membentuk dan membuat binaan melalui penghasilan inovasi pengabungjalinan karya diorama dengan arca mobail. Murid didedahkan dengan pembaharuan dimana murid perlu membuat karya diorama dengan pengabungjalinan dengan arca mobail untuk meningkatkan kreativiti murid. Buku Permainan Kreatif untuk Guru dan Jurulatih yang di tulis oleh Mohd. Azhar Abd. Hamid, Mohd. Nasir Markom dan Othman A. Kassim (2008), menyatakan bahawa konsep kreativiti ini dapat di lihat dalam dua perspektif yang luas. Pertama kreativiti dalam persektif empirikal atau ilmiah. Manakala yang kedua adalah kreativiti dalam perspektif praktikal. Biasanya manusia tidak dapat menjadi kreatif dengan sepenuhnya sekiranya mereka tidak menguasai kedua-dua persektif ini adalah sangat penting bagi guru sebagai pembimbing mengoptimumkan perkembangan kreativiti kanak-kanak supaya potensi diri individu dapat dicapai.

Fokus kajian seterusnya ialah memupuk nilai kerjasama dan toleransi dalam kalangan murid melalui penghasilan diorama dengan pengabungjalinan arca mobail. Hubungan atau kolaborasi dengan aktiviti adalah amat sesuai. ini kerana aktiviti diorama dilaksanakan dalam kumpulan dan memerlukan kerjasama di setiap ahlinya. Menurut Erikson (1977) mendefinisikan bahawa bermain adalah suatu situasi dimana keegoan boleh berinteraksi dengan pengalaman yang seseorang ada dengan suatu model situasi dan boleh menguasai pada reality dengan membuat eksperimen dan rancangan.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

- a) Memperkembangkan kreativiti murid dalam bidang membentuk dan membuat binaan melalui penghasilan karya pengabungjalinan diorama dan arca mobail.

- b) Memupuk nilai kerjasama dan toleransi dalam kalangan murid melalui penghasilan pengabungjalinan karya diorama dan arca mobail.

Kajian ini cuba menjawab persoalan berikut :

- a) Adakah pengabungjalinan arca mobail dalam aktiviti diorama sesuai dijadikan aktiviti seni visual dalam bidang membentuk dan membuat binaan?
- b) Adakah aktiviti pengabungjalinan antara diorama dan arca mobail dapat mengembangkan kreativiti murid?
- c) Adakah penghasilan model diorama hasil pengabungjalinan arca mobail dapat memupuk semangat kerjasama dan toleransi dalam kalangan murid?,


PESERTA KAJIAN

Pengkaji telah memilih responden secara rawak . kajian ini melibatkan 12 orang murid tahun 4 di salah sebuah sekolah rendah di bahagian Miri. Responden terdiri daripada enam orang murid lelaki dan enam orang murid perempuan. Responden terbahagi kepada tiga kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada empat ahli. Kesemua responden dibahagi secara rawak.

TINDAKAN YANG DIJALAKAN

Menurut Elliot dan Adelman (1976) yang telah dipetik dariapda chua (2006), kajian tindakan ialah satu pendekatan penyelidikan yang fokusnya untuk meningkatkan mutu dan prestasi profesionalisme para pendidik dengan cara menyelidikan situasi sosial institusi pendidikan dan tujuan kajian tindakan ialah memperbaiki kualiti amalan harian.

Dalam menjalankan tindakan ini, pengaji telah menjalankan kajian dengan berpandukan kepada model penyelidikan tindakan Stephen Kemmis (1983). Model penyelidikan tindakan ini bermula dengan tinjauan awal (*initial reconnaissance*) untuk mengenalpasti isu, masalah, fokus kajian yang hendak ditangani melalui refleksi pengajaran dan pembelajaran lalu.



Langkah seterusnya adalah membuat perancangan untuk menyediakan pelan tindakan intervensi yang sesuai untuk mengatasi masalah pengajaran dan pembelajaran yang dihadapi, melaksanakan pelan tindakan intervensi yang telah di rancang, membuat

pemerhatian kesan dan kemajuan tindakan melalui pengumpulan data dan analisis data. Akhir sekali, refleksi dan perbincangan terhadap keberkesanan tindakan intervensi.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

Perancangan

Dalam langkah pertama iaitu perancangan, pengkaji akan membuat penerokaan dan penyelidikan untuk menyelesaikan masalah inovasi pengabungjalinan arca mobail didalam karya diorama. Pertama sekali pengkaji akan menghasilkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) untuk sesi pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, pengkaji akan menyediakan borang instrument temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen iaitu borang pemarkahan untuk melihat keberkesanan aktiviti.

Tindakan

Langkah seterusnya selepas Perancangan di dalam kitaran pertama ialah Tindakan. Pengkaji akan melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang telah di sediakan. Dalam sesi ini, pengkaji akan mengaplikasikan pengabungjalinan arca mobail di dalam pembinaan diorama.

Pemerhatian

Langkah seterusnya iaitu melihat dan menganalisis kesan tindakan kaedah tersebut terhadap masalah yang ingin diselesaikan. Kaedah yang digunakan adalah melalui pemerhatian. Penyelidik melakukan pemerhatian di sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung berdasarkan borang pemerhatian yang akan disediakan. Pengkaji akan menilai hasil karya murid didalam rubrik pemerhatian yang akan disediakan.

Refleksi

Langkah terakhir di dalam kitaran pertama adalah membuat refleksi. Refleksi meliputi perkara-perkara yang berlaku sebelum, Semasa dan selepas sesi pengajaran dan pembelajaran bersama responden berlangsung. Refleksi ini dijalankan bagi mengenalpasti kekuatan dan kelemahan kajian yang dijalankan untuk membuat penambahbaikan. Dalam kajian ini terdapat perkara yang akan perlu diperbaiki.

PERANCANGAN KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Data boleh direkod melalui pemerhatian dan pengukuran. Cara pengumpulan data yang digunakan ialah kaedah pemerhatian dan pengukuran. Cara mengumpulan data yang digunakan ialah kaedah kualitatif. Instrument yang digunakan ialah pemerhatian, temu bual, soal selidik dan penilaian pemarkahan. Eisner (dipetik dari kajian Azizi Yahaya, Shahrin Hashim & Jamaludin Ramli, 2006), kaedah kualitatif menitikberatkan proses akibat dan keseluruhan yang tersusun bukannya pembolehkan bebas yang mementingkan maksud dan bukannya statistik berkaitan tingkah laku. Oleh itu, cara mengumpul data yang akan digunakan ialah kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan kaedah analisis dokumen melalui hasil karya murid.

Pemerhatian

Pemerhatian adalah cara mengumpul data dengan memerhati fenomena yang sedang berlaku di hadapan mata pengkaji. Sulaiman (1996) menyatakan Pemerhatian mempunyai tujuan, fokus dan dicatatkan dengan rapi. Sebelum kitaran pertama bermula, pengkaji akan membuat pemerhatian secara umum dahulu. Seterusnya, dalam kitaran pertama pengkaji akan menggunakan borang pemerhatian untuk mengenal pasti ciri-ciri perkembangan murid. Borang pemerhatian kitaran pertama boleh di rujuk pada lampiran A. Pemerhatian dalam kajian ini berfokus kepada:

1. kesesuaian aktiviti inovasi pengabungjalinan karya diorama dengan karya arca mobail dalam aktiviti seni visual.
2. Peningkatan kemahiran menggunting semasa menghasilkan karya.

3. Peningkatan kemahiran mencantumkan semasa menghasilkan karya.
4. Peningkatan kreativiti semasa menghasilkan karya.
5. Murid dapat menerapkan nilai kerjasama dan toleransi melalui aktiviti ini.
6. Cadangan penambahbaikan.

Temu Bual

Kaedah ini merupakan komunikasi dua hala yang formal dan tidak formal yang bertujuan untuk mengumpul maklumat. Pengkaji akan bertemu dengan responden secara bersemuka untuk bertanyakan soalan yang berkaitan. Seterusnya pengkaji akan mencatat jawapan yang di berikan oleh responden pada masa tersebut. Jenis temu bual yang akan digunapakai oleh pengkaji ialah secara berstruktur. Pengkaji akan mengfokuskan perkara temu bual berkaitan dengan pengabungjalinan diorama dengan arca mobail sebagai satu karya. Sesi temu bual dijalankan terhadap seorang rakan sepengajian major Pendidikan Seni Visual dan beberapa orang murid di sekolah tersebut. Borang temu bual boleh di rujuk pada lampiran B. penyelidik memfokuskan perkara temu bual terhadap rakan sepengajian dan murid seperti yang berikut :

1. kesesuaian aktiviti inovasi pengabungjalinan karya diorama dengan karya arca mobail dalam aktiviti seni visual.
2. Peningkatan kemahiran menggunting semasa menghasilkan karya.
3. Peningkatan kemahiran mencantumkan semasa menghasilkan karya.
4. Peningkatan kreativiti semasa menghasilkan karya.
5. Memupuk nilai kerjasama dan toleransi melalui aktiviti ini.
6. Cadangan atau pendapat penambahbaikan.

Analisis Dokumen

Pengkaji akan menggunakan kaedah menganalisis hasil kerja murid dengan berpandukan rubrik(perlu sediakan) pemarkahan. Menurut Frances K. Stage dan Kathleen Manning (2003) Dokumen mempunyai banyak maklumat dan relevan dengan apa yang diwakili oleh mereka. Terdapat beberapa kriteria yang dinilai dalam borang pemarkahan. kriteria tersebut ialah aplikasi bahan, teknik, kreativiti, kemasan,sikap dan sahsiah.

Kriteria yang dinilai oleh penyelidik ialah :

1. Aplikasi bahan (30%)
2. Teknik (25%)
3. Kreativiti (25%)
4. Kemasan (10%)
5. Sikap dan sahsiah (10%)

Cara Menganalisis Data

Mok S.S.(2010) mengatakan bahawa menganalisis data penting kerana hasil dapatan kajian menjadi pertimbangan asas untuk membuat cadangan dan tindakan yang selanjutnya untuk memperbaiki situasi dan amalan yang kurang memuaskan atau menjadi asas untuk mengubah pelan tindakan dalam kitaran kedua. Oleh itu, pengkaji akan membuat analisis berdasarkan instrumen yang dipilih iaitu pemerhatian , temu bual, analisis dokumen iaitu melalui penilaian karya yang dihasilkan oleh murid. Berdasarkan maklumat tersebut penyelidik akan menganalisis data menggunakan kaedah kualitatif. Data yang terkumpul akan di analisis untuk mengetahui sama ada objektif tercapai atau tidak. Pengkaji menganalisis data pemerhatian dengan menghasilkan transkrip pemerhatian dengan memasukan hasil pemerhatian ke dalam jadual. Data temu bual juga dianalisis menggunakan jadual transkrip. Bagi analisis dokumen, pengkaji menggunakan borang pemarkahan dan rubric pemarkahan untuk menganalisis hasil kerja murid dan membuat carta bar dan skor min bagi melihat perbandingan antara kitaran pertama dengan kitaran kedua.

PENUTUP

Aktiviti pengabunggjalinan diorama dengan arca mobail adalah untuk meningkatkan kreativiti serta memupuk nilai kerjasama dan toleransi dalam kalangan murid .Sekiranya kajian ini berjaya, pengkaji berharap guru-guru pendidikan seni visual yang boleh meneruskan penggunaannya untuk membantu murid-murid memperkembangkan kreativiti mereka seterusnya dapat melahirkan pelajar yang kreatif .

RUJUKAN

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim & Jamaludin Ramli. (2006). *Menguasai Penyelidikan dalam pendidikan*. Selangor: PTS professional Publishing SDN.BHD.
- Bahagian Pendidikan Guru (2004). *Seni dalam pendidikan. Pengajian asas*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Chua Yan Piaw. (2006) *Kaedah dan Stitistik Penyelidikan. Buku 2. Asas Statik penyelidikan*. Mc Graw Hill. Kuala Lumpur.
- Dewan Bahasa & Pustaka. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Erik H. Erikson; Joan M. Erikson. (1997). *The Life Cycle Completed*. New York: W .W . Norton & Company.
- Ho Ho Tong, Dr Rahmah binti Murshidi, Dr Gan We Ling, Zaliha binti Musa, Ahap bin Awal, Lee Hou Yew, John anak Brodi, Sapiee bin Saidi, Stanley anak Abang. (2011). *Asas Penyelidikan Teori dan Amalan*. Sarawak : Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- John W. Creswell. (2008). *Research Design : Qualitative Quantitative and Mixed Methods Approaches*. London : SAGE Publicstions, Inc.
- Kemmis, S & McTaggart, R. (1982). *The Action Reasearch Planner*. Deakin University Press, Victoria.
- Lowenfeld, Victor and Brittain, W. Lambert. (1975). *Creative and Mental Growth*. Six Edition. New York: Macmillan Publishing Co.,Inc.Muhyadi.
- Mohd. Azhar abd. Hamid, Mohd. Nasir Markom dan Othman A. Kassim (2006). *Permainan kreatif untuk guru dan jurulatih*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan dalam tindakan: Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia . (200). *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Sufean Husin. (2001). *Dasar dan Pengurusan Pendidikan awal kanak-kanak*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Sulaiman Ngah Razali. (1996). *Analisis data dan penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**ELEMEN NERESA KURIKULUM: PENGAWA NGENANKA KAMPUNG
NAMBAHKA PENATAI PEMISI RABAN BANSA
DI MENOA PESISIR
(FOREST CONSERVATION ENHANCE THE ECONOMIC
DEVELOPMENT OF RURAL COMMUNITIES)**

Rusea Go, PhD

Deputy Director

Corporate Strategic and Communication Office,

Professor of Botany, Faculty of Science

Universiti Putra Malaysia

rusea@upm.edu.my

ABSTRAK

Dalam kajian ini, saya bercadang untuk menumpukan perhatian kepada masalah lapan orang murid (2 orang perempuan dan 6 orang lelaki) dari segi membaca perkataan "kv+kv" dengan betul dalam kelas pemulihan. Murid-murid ini mempunyai pencapaian yang sangat rendah (kurang daripada 30 markah) dalam ujian Bahasa Melayu. Murid-murid tersebut tidak berupaya membaca dengan lancar dan membaca perkataan yang lebih kompleks.

Pada peringkat awal dokumen-dokumen seperti data peribadi peserta kajian, rekod prestasi murid dan hasil kerja murid telah dirujuk. Dapatan awal diperolehi daripada analisis dokumen di atas menunjukkan bahawa peserta kajian memang mempunyai masalah menguasai bahasa terutama sekali aspek kemahiran membaca. Kelemahan ini mempengaruhi pembelajaran Bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan subjek yang lain. Kelemahan dalam menguasai bahasa menjejaskan komunikasi harian peserta kajian dengan dengan orang lain.

Dari rekod peribadi murid didapati pemalu dan tidak pandai bergaul dengan orang lain. Semasa aktiviti pembelajaran murid seringkali merasa malu untuk membuka mulut di hadapan khalayak ramai semasa membaca dalam kelas pemulihan.


Rekod prestasi pula menunjukkan murid lemah dalam hampir semua subjek terutama sekali dalam subjek bahasa. Murid tidak pernah lulus dalam subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Jelasnya murid tersebut memang lemah dalam kemahiran

membaca dan seringkali gagal dalam menjawab soalan yang diberikan dan hanya mampu menyalin soalan yang diberikan sahaja.

Mata Pelajaran	Tekah Menguasai	Sedang Menguasai	Belum Menguasai
Bahasa Malaysia Kemahiran Membaca		/	
Bahasa Inggeris Kemahiran Membaca			/

Rajah 1 : Prestasi Kemahiran Membaca Murid

Didapati juga murid ini sekadar berupaya menyalin semula arahan yang diberikan di dalam lembaran kerja yang diberikan itu. Ini menunjukkan bahawa peserta kajian tidak faham kehendak soalan dalam lembaran kerja.



Rajah 2 : Murid Menyalin Semula Arahan Yang Diberikan

Mengikut Abdul Rahman(2009) cara temu bual bersemuka seringkali juga digunakan untuk memahami masalah murid. Temu bual informal dilakukan untuk memahami persepsi, pendapat dan pemahaman murid tentang kemahiran yang diajar.

Dapatan awal temu bual menunjukkan murid ini mengambil masa yang lama apabila membaca sesuatu perkataan yang diberikan. Murid hanya melihat perkataan yang ditunjukkan tanpa mengeluarkan suara yang jelas. Guru pemulihan juga mengesahkan bahawa murid ini memang tidak pandai membaca dan berkelakuan sedemikian.

Akhir sekali kaedah pemerhatian juga digunakan untuk memahami situasi sebenar murid yang dikaji. Dapatan awal menunjukkan murid seringkali mendiamkan diri sambil bermain dengan jari-jemarinya apabila disuruh membaca perkataan yang mengandungi suku kata kv+kv dalam kelas. Murid ini kurang yakin untuk mengeluarkan suaranya mungkin disebabkan murid ini merasa takut dan malu diketawakan oleh rakan apabila membuat kesilapan. Apabila di panggil tampil ke hadapan untuk membaca perkataan kv+kv murid akan melihat kepada rakan yang lain seolah-olah meminta bantuan daripada rakan yang lain.

Kesimpulannya dapatan di atas jelas menunjukkan bahawa murid ini memang mengalami masalah membaca perkataan kv+kv dengan lancar dan betul.

Berdasarkan dapatan kajian awal di atas, saya bercadang untuk merancang semula rancangan pengajaran dan pembelajaran supaya boleh menarik dan selaras dengan tahap kebolehan murid. Tindakan ini perlu diambil supaya murid tidak merasa bosan. Saya cadang menggunakan bahan bantu mengajar berbentuk gambar dan kad suku kata yang boleh dibaca dengan jelas. Ada kemungkinan murid akan saja tertarik dengan pembelajaran dan memahami dengan lebih jelas apa yang disampaikan oleh guru. Ia mungkin dapat memupuk minat membaca dalam diri murid dikaji.

Seperkara lagi saya bercadang untuk menyelitkan permainan dan latih tubi dalam masa pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, murid akan bermain dengan kad suku kata yang disebut oleh guru dan murid akan mencari perkataan dan menunjukkan kad perkataan berkaitan kepada guru.

Akhir sekali satu ujian lisan perlu dilaksanakan untuk menguji penguasaan kemahiran membaca dengan lancar. Selepas aktiviti dilaksanakan peneguhan positif berbentuk pujian diberikan kepada murid.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Untuk menangani masalah penguasaan kemahiran membaca di atas saya menyarankan kajian ini dilaksanakan dengan objektif berikut :

- a. Meningkatkan kemahiran membaca perkataan *kv+kv* secara latih tubi “D.E.S” bagi murid pemulihan.
- b. Memupuk minat membaca perkataan *kv+kv* secara latih tubi “D.E.S” dalam kalangan murid pemulihan.

Selari dengan objektif am di atas, kajian ini dilaksanakan untuk menjawab dua persoalan kajian berikut:

- a. Adakah penggunaan kaedah membaca latih tubi “D.E.S” dapat meningkatkan murid pemulihan menguasai kemahiran membaca perkataan *kv+kv*?
- b. Adakah penggunaan kaedah membaca perkataan *kv+kv* secara latih tubi “D.E.S” dapat memupuk minat membaca murid pemulihan ?

CADANGAN PELAKSANAAN KAJIAN

Untuk kajian ini saya menyarankan kajian dilaksanakan berpandukan kepada Model Kurt Lewin (1946). Menurut Lewin, kajian tindakan memperlihatkan suatu kitaran langkah-langkah (*a spiral of steps*). Suatu kitaran kajian tindakan mempunyai empat langkah iaitu merancang (*planning*), bertindak (*acting*), memerhati (*observing*) dan mereflek (*reflecting*). Kitaran ini akan berterusan ke kitaran seterusnya yang melibatkan aspek merancang semula, bertindak, memerhati dan mereflek bagi menghasilkan kitaran yang baru.

Kajian tindakan hendaklah bermula dengan membuat refleksi pengajaran dan pembelajaran dan mengenalpasti masalah peserta kajian dan menentukan objektif kajian tindakan yang akan dijalankan.

Selepas tindakan di atas pengkaji akan merancang aktiviti yang sesuai untuk peserta kajian dan tempoh masa pelaksanaan bagi menangani masalah yang dikenalpasti. Dalam kajian ini saya menyarankan kaedah latih tubi “**D.E.S**” untuk membantu murid menguasai kemahiran membaca perkataan *kv+kv* dengan betul.

Aktiviti beserta dengan bahan yang akan digunakan secara individu dan atau secara berkumpulan akan ditentukan terlebih dahulu. Tiga aktiviti disediakan dalam rancangan pengajaran harian yang memerlukan murid turut terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung. Saya akan sediakan aancangan mengajar menggunakan kaedah latih tubi untuk mengajar kemahiran membaca *kv+kv*.

Aktiviti kajian tindakan akan dilaksanakan dengan aktiviti “ *Dengar, Eja dan Sebut* “ dan saya merancang melaksanakan aktiviti latih tubi dengan murid dalam seminggu selama 1 jam dalam satu hari untuk setiap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Aktiviti ini akan dilaksanakan secara berulang-ulang atau latih tubi supaya murid dapat menguasai kemahiran membaca dengan baik.

Pengumpulan data tentang penguasaan kemahiran serta minat murid akan dilakukan semasa aktiviti dijalankan untuk menjawab kepada persoalan kajian.

PENGUMPULAN DATA

Kajian tindakan ini akan dilaksanakan dengan menggunakan beberapa instrumen kajian dan berpandukan kepada tatacara tiga kaedah dalam mengumpul data dari aktiviti yang dijalankan. Kajian akan dilaksanakan mengikut jadual iaitu tarikh dan masa yang ditetapkan.

Menurut Khairudin Mohammad, Ibrahim Yusuf dan Zaridah Ramli (2014), pengumpulan data merupakan langkah untuk menghimpun semua maklumat yang diperolehi dalam kajian dan fungsinya paling penting dalam menentukan jenis tindakan yang diambil guru sebelum menjalankan kajian. Maklumat atau data ini boleh diperolehi daripada instrumen yang digunakan dalam kajian. Tiga kaedah kajian tindakan yang akan digunakan dalam kajian tindakan ini adalah seperti berikut:

Temu Bual

Kaedah temu bual yang pengkaji gunakan ialah temu bual berstruktur berdasarkan soalan-soalan terancang rapi dan teratur agar murid dapat menjawab secara spesifik. Dalam melaksanakan aktiviti latihan tubi saya akan melaksanakan temu bual secara 2 kali iaitu sebelum dan selepas kajian tindakan ini. Temu bual akan dilaksanakan berdasarkan soalan di Jadual 1.

Bil.	Item	Ya	Tidak
1.	Adakah anda boleh mengenali suku kata kv+kv?		
2.	Adakah anda boleh membatangkan suku kata kv+kv dengan baik?		
3.	Adakah anda boleh membaca perkataan suku kata kv+kv dengan mudah?		
4	Adakah anda yakin dan berminat dengan membaca perkataan ?		

Jadual 1 : Cadangan Soalan Temu Bual Sebelum dan Selepas Tindakan

Selepas sesi temu bual maklumat yang direkod akan dianalisis dengan meneliti jawapan murid terhadap soalan-soalan dalam Jadual 2 sebelum dan selepas pelaksanaan aktiviti latihan tubi dijalankan. Catatan "Ya" menunjukkan murid menguasai kemahiran membaca dan berminat terhadap aktiviti membaca selepas mengikuti latihan tubi.

Pemerhatian

Menurut Gay dan Airasian (2000), mengatakan bahawa ada dua jenis pemerhatian iaitu pemerhatian turut serta dan pemerhatian tidak turut serta. Dalam pemerhatian tidak turut serta ialah pemerhatian yang tidak terlibat secara langsung dalam situasi yang diperhatikan manakala pemerhatian turut serta pula ialah pemerhatian terlibat secara langsung. Dalam kajian tindakan ini, saya bercadang untuk menggunakan kaedah pemerhatian jenis berstruktur untuk mengumpul data dan maklumat. Satu borang khas digunakan sebagai alat untuk membuat pemerhatian ini. Dalam borang ini akan dicatatkan segala maklumat untuk meneliti dan menilai murid bagi mendapatkan data penilaian secara terus.

Bil.	Perkara	Ya	Tidak
1	Dapat mengenali suku kata KV+KV dengan betul.		
2.	Dapat membatangkan suku kata kv+kv dengan baik		
3.	Dapat membaca perkataan suku kata kv+kv dengan mudah		
4	Menunjukkan minat terhadap aktiviti yang dijalankan secara latihan tubi		

Jadual 2 : Borang Pemerhatian Kebolehan dan Minat Terhadap Membaca KV+KV

Merujuk kepada Jadual 2, saya akan merekod pemerhatian dengan menanda simbol (√) pada ruangan "Ya" atau "Tidak" bagi setiap respon pemerhatian berkaitan masalah menguasai kemahiran membaca perkataan kv+kv. Selepas sesi membuat pemerhatian maklumat yang direkod akan dianalisis dengan meneliti dengan merujuk kepada persoalan kajian 1 dan 2. Catatan "Ya" menunjukkan murid telah menguasai kemahiran membaca dan telah semakin berminat terhadap aktiviti membaca.

Lembaran Kerja Ujian Membaca

Selain daripada penggunaan dua kaedah pengumpulan di atas, saya juga menguji murid dengan menggunakan 8 perkataan, iaitu buku, baju, mata, kuku, jari, bola, meja dan mama.

Berdasarkan perkataan di atas murid diuji mengenali dan menyebut perkataan yang mempunyai suku kata "kv+kv". Sekiranya murid dapat mengenali dan menyebut dengan betul, pengkaji akan menandakan tanda √. Selepas ujian dilaksanakan maklumat yang direkod

akan dianalisis dengan meneliti jawapan murid terhadap soalan-soalan di atas selepas pelaksanaan aktiviti latihan tubi. Catatan "Ya" menunjukkan murid menguasai kemahiran membaca dan berminat terhadap aktiviti membaca selepas mengikuti latihan tubi.

ANALISIS DATA

Menurut Mohd. Majid Konteng (1997), pemprosesan data merupakan teknik untuk mengumpul, mengolah, menganalisis, menyimpan dan mengeluarkan data. Analisis data akan dilakukan ke atas data yang dikutip melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan hasil kerja (lembaran kerja) murid.

REFLEKSI KAJIAN TINDAKAN

Refleksi terhadap dapatan kajian akan dilaksanakan selepas data telah diperolehi. Refleksi adalah penting untuk melihat sama ada aktiviti kajian tindakan telah membantu murid menguasai kemahiran membaca "kv+kv" dan mengukuhkan minat peserta kajian terhadap pembacaan mereka. Ia juga bertujuan untuk melihat sama ada murid telah berminat terhadap aktiviti membaca atau sebaliknya.

Hasil daripada refleksi akan membolehkan saya akan mendapat kefahaman baru, kesedaran, mengubah tanggapan, amalan dan juga membantu mempertingkatkan profesionalisme dalam keguruan. Selepas kajian tindakan dapatan kajian akan digunakan untuk merancang semula kajian tindakan saya.

Sekiranya dapatan kajian menunjukkan bahawa tindakan dalam kajian tindakan pada Lingkaran Pertama telah menjawab persoalan kajian tindakan maka kajian tindakan akan dianggap berjaya. Sebaliknya jika dapatan tidak menjawab kepada persoalan kajian maka penambahbaikan terhadap aktiviti, bahan, cara pengumpulan data dan analisis data akan disemak dan dibuat semula. Selepas semua ini dilaksanakan maka kajian tindakan saya akan masuk ke Kitaran Kedua sehinggalah kajian tindakan berjaya atau sebaliknya.

KESIMPULAN

Kegagalan murid menguasai kemahiran membaca dengan baik di peringkat sekolah rendah perlu dilihat dengan serius, dikaji dan dicari jalan untuk mengatasinya. Masalah tidak boleh dan tidak cekap membaca boleh memberikan kesan buruk kepada murid dari segi akademik dan psikologi. Dari segi akademik, mereka akan ketinggalan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Pembelajaran mereka dalam mata-mata pelajaran yang lain juga akan turut terjejas kerana tidak dapat memahami bahan yang dibaca dan seterusnya akan menyebabkan pencapaian mereka rendah. Dari segi psikologi pula, kegagalan itu akan membuatkan mereka berasa kecewa, bosan dan tidak gemar membaca.

Pengesanan awal tentang penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid sekolah rendah berdasarkan pencapaian mereka dalam bacaan adalah sangat penting bagi membantu, memulih dan mencegah kelemahan mereka dalam bacaan. Justeru itu, kajian ini akan dapat mengenal pasti kelemahan-kelemahan dan kekuatan-kekuatan murid dalam kemahiran membaca di peringkat awal lagi selaras dengan matlamat KSSR, iaitu murid yang lemah dibantu untuk menguasai kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan sementara yang cerdas dan maju diperkaya lagi dengan kemahiran kemahiran dan ilmu pengetahuan yang lain. Kebolehan membaca di peringkat awal ini juga merupakan detik permulaan 'Pendidikan Seumur Hidup'.

RUJUKAN

- Ary, D., Jacobs, L.C., Razavieh, A. (2002). Introduction to reseach in education. 6th Ed. Belmont: Wadsworth.
- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin. (2008). Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar. Kertas kerja

- di Konvensyen Pendidikan Nasional 2008. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2 – 4 Jun 2008.
- Abdul Ghalib Yunus. 2001. Penggunaan Soalan Dalam Pengajaran Kefahaman Membaca. *Dewan Bahasa* 1(12):7-14.
- Abdul Aziz Abdul Talib.1989. Pengajaran dan pengujian bahasa. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.
- Cathy John. (2009). Kaedah Sebut, Eja dan Bunyikan. Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPG KBL Tahun 2009. ms 113-120.
- Dayang Norhafizah Bt Abang Shamat.(2012). Latih Tubi Bacaan Dalam Membantu Murid Pemulihan Menguasai Kemahiran Huruf Vokal Awalan.
- Ismail Zakaria, Safi ah Othman dan Elly Chong. 1992. Asas Kemahiran Berbahasa KBSR: Jilid 3. Institut Bahasa Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jais Sahok & Mat Nor Husin. (1990). Pendidikan Pemulihan. Petaling Jaya, Selangor: Masa Enterprise.
- Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Kementerian Pelajaran Malaysia Bahagian Pembangunan Kurikulum. Daripada :<http://web.jiaozong.org.my/doc/2012/jun/KonsepKSSR.pdf>
- Khairudin Mohammad, Ibrahim Yusuf dan Zaridah Ramli. (2014). Belajar Psikologi teori Belajar Behaviorisme.7/03/2018. Daripada : <http://www.scumdoctor.com/psychology/behaviorism/Theory-And-Definition-Of-Behaviorism.html>
- Lewin, K (1946). Action research and minority problems. *Journal Of Social Issues*, 2, 34-6.
- Meinon Binti Sanai. (2009). Celik Huruf: Lancar Baca. Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPG KBL Tahun 2009. ms 102-112.
- Mangantar Simanjuntak.1982. Pengantar psikolinguistik moden. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPBA 2005.
- Roziyah Binti Abdul Halim. (2005). Meningkatkan kemahiran membaca murid-murid tahun satu dengan latih tubi menggunakan suku kata dan gambar. Dalam
- Rashotte, C.A. & Torgeson, J.K 1985. Repeated reading and reading fluency in learning disabled children. *Reading Research Quarterly* (20):180-188.
- Sapiah Osman. 1990. Pendekatan metakognitif - Satu perspektif baru. *Pelita Bahasa* 9,30-3.
- Tay Guan Chai. (2005). Latih Tubi Membantu Kami. Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2005.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). Strategi pembelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris Pelajar Cemerlang: Iventori strategi belajar-cara-belajar-bahasa. Bandar Baru Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifley Hamid. (2006). *Aplikasi psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

**JURAI AKTIVITI BELAJAR ENGGAU NGAJAR NGENA
STRATEGI KOMUNITI BELAJAR PROFESIONAL
(HURAIAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MENGGUNAKAN
STRATEGI KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL)**

Dzullydia Dorlyn Tida, Nelson Tandang Edwin Unting, PhD

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
dlydia970620@gmail.com, nelsontandang@yahoo.com

ABSTRAK

Komuniti Belajar Profesional tu digaga beduduk ari Gerim Transformasyon Perintah (GTP 1.0). Tuju Komuniti Belajar Profesional tu digaga dikena nyungkakka pelajar sekula bala pengajar enggau nemiak. Kereban ti bisi dikena ngulihka informasyon senentang Komuniti Belajar Profesional tu iya nya internet, bup enggau jurnal. Bisi lima bengkah strategi dalam Komuniti Belajar Profesional tu iya nya randau reflektif, menasan pejalai belajar, patih serambau, belajar ngena langgur pelajar sehari enggau pengajar bekunsi penemu. PLC tu mai guna ti besai dikena nerenakka profesionalisme dalam siku-siku pengajar enggau diaplikasyonka dalam proses ngajar dikena nyungkakka kualiti pelajar nemiak.

Batang jaku: Gerim Transformasyon Perintah (GTP 1.0), Komuniti Belajar Profesional, 5 Strategi, Nyungkakka Profesionalisme Pengajar, Nyungkakka Kualiti Pelajar

ABSTRAK

Komuniti Pembelajaran Profesional ditubuhkan hasil daripada Program Transformasi Kerajaan (GTP 1.0). Tujuan Komuniti Pembelajaran Profesional ini dibuat adalah untuk meningkatkan pelajaran dalam kalangan guru dan murid. Maklumat yang digunakan untuk menghuraikan Komuniti Pembelajaran Profesional didapatkan daripada sumber internet, buku dan jurnal. Terdapat lima strategi dalam Komuniti Pembelajaran Profesional iaitu dialog reflektif, penswastan amalan, jejak pembelajaran, bimbingan rakan sebaya guru, belajar menggunakan rancangan pengajaran harian dan sesi perkongsian guru. PLC mempunyai fungsi yang penting dalam menyemaikan profesionalisme dalam kalangan guru dan turut diterapkan dalam pengajaran untuk meningkatkan kualiti pembelajaran murid.

Kata kunci : Program Transformasi Kerajaan (GTP 1.0), Komuniti Pembelajaran Profesional, 5 Strategi, Meningkatkan Profesionalisme Keguruan, Meningkatkan Kualiti Pembelajaran

PANYUN JAKU

Endang enda ulih disangkal pelajar tu beguna bendar dalam pengerembai ekonomi enggau pengangkat menua sereta bangsa. Pia mega pengangkat modal insan ti manggai ba tikas dunya nya siti ari syarat dikena mai menua Malaysia mansang ke mua agi nitihka singkang pemansang dunya kemaya hari. Nya alai, Gerim Transformasyon Perintah (GTP 1.0) udah ngeletakka pelajar nyadi siti ari 'Bidang Keberhasilan Utama Negara' tauka Pugu Bidang Pengasil Menua (NKRA). Beduduk ari nya, leka jaku Komuniti Belajar Profesional (PLC) tumbuh dikena '*melestarikan*' tauka ngemanahka kualiti pengajar. PLC dipilih dikena ngemansangka kualiti pengajar bepelasarka trend enggau pengerembai sistem pelajar ba menua bukai dikena ngentapka komuniti belajar profesional bala pengajar ngambika ulih ngerembaika tikas profesionalisme bala pengajar.

Mayuh bala anda ti udah mansik Komuniti Belajar (PLC) lalu mantaika lelemu sida iya enggau ludas. Siku ari anda ti kala mansik PLC iya nya Little & McLaughlin (1993) dalam Baba, T. (2007) ti madahka sekula enggau ketua panitia siti-siti mata pelajar ti pemadu semitan iya nya sekula ti bejalaika komuniti belajar ti entap. Rossenholtz (1989) ngaga pansik ba 78 buah sekula lalu teulihka data ti nunjukka pemansang dalam proses belajar enggau ngajar nyadi sechara kolektif lalu ukai sechara individu. Penemu tu disukung ulih DuFour, Eaker & Many (2006) dalam Lewis, C. (2002) ti madahka Komuniti Belajar Profesional (PLC) nya gasa bala pengajar ti komited enggau bekereja sechara kolaborasi sereta sechara terus dikena ngaga pansik aksyen ti lebih manah ungkup nemiak. Bepelasarka pansik nya tadi mih, Bagi Pelajar Pengajar (BPG) maya taun 2011 bejalaika PLC ti bepun enggau strategi '*Lesson Study*' ngagai 289 panitia mata pelajar ba sekula ti ngembuan prestasyen baruh.

AKTIVITI ENGGAU STRATEGI DALAM KOMUNITI BELAJAR PROFESIONAL

Norain Mohd Nor. (2016) madahka bisi lima bengkah chara ti dikena dalam Komuniti Belajar Profesional (PLC) ti dikena iya nya randau reflektif (*reflective dialogue*), menasan pejalai belajar (*learning walk*), patih serambau (*peer coaching*), belajar ngena langgur pelajar sehari (*lesson study*) enggau pengajar bekunsi penemu (*teaching sharing sessions*). Semua strategi tu ngembuan strategi kediri empu. Ambika banding, dialog reflektif tu dibiah ngagai empat bagi iya nya ngena protokol besaraka penemu, kelab bup, raban belajar enggau pejah video ajar pengajar. Randau reflektif iya nya pengawa nengali. Pekara tu ulih dipeda ari sukut raban belajar dia dih alai pengajar ngembing nemiak belajar tauka besaraka lelemu senentang topik ti udah ditetapkan tauka spesifik. Nengah raban belajar tu mih pengelandik bepikir, pengeregas mayuh chabang enggau pansik senentang untak ulih diperati sereta disereni pengajar. Pengajar ulih ngena raban belajar lebu ngajar mata pelajar Sains ba topik Biodegrasyen '*Biodegradable*' enggau enda-biodegrasyen '*Non-biodegradable*'. Beduduk ari raban belajar tu mih bala pengajar ulih ngenataika pelajar enggau semitan agi.

Fernandez, C., & Yoshida, M. (2004) nerangka '*De-privazation of practice*' tu dibiah ngagai empat bagi iya nya menasan pejalai belajar '*learning walk*', patih serambu '*peer coaching*', langgur ngajar pelajar '*lesson study*' enggau pengajar bekunsi penemu '*teaching sharing sessions*'. Belajar ngena LPS '*Lesson study*' tu begunaka pengajar betemu lalu bejalaika tiga bengkah pugu aktiviti iya nya ngelala matlamat belajar ngena LPS ti deka diberi fokus, ngaga beberapa bengkah '*study lessons*' dalam proses mansik matlamat enggau ngaga refleksyen ngagai proses nya. Belajar ngena LPS tu ngembuan lima bengkah riph. Riph ti keterubah iya nya ngaga raban sereta nentuka tuju. Maya tu mih bala pengajar ngaga raban ti nyengkaum empat iku raban iya nya Pengajar A, Pengajar B, Pengajar C enggau Pengajar D sereta nyirika siku ketua. Ba dia mih pengajar mansik turai pelajar, ngelala pengulih siku-siku nemiak, nentuka tuju timpuh panjai ungkup pelajar enggau pemansang nemiak. Riph ti kedua iya nya ngelanggur sereta ngasilka Langgur Pelajar Sehari (LPS). Ba riph nya mih bala pengajar nyirika siku '*pakar rujuk*' kena mantu sereta meri buah runding lebu bejalaika '*Study Lesson*'. Kelmpah ari ngelanggur enggau ngaga riph dalam LPS, pengajar mega milih strategi ti neman, betatika pengulih nemiak sereta ngaga langgur perati. Ambika chunto, ketua panitia pengajar Jaku Iban ulih berunding enggau bala pengajar bukai dalam raban iya dikena nentuka LPS. Riph ti ketiga dalam LPS iya nya bejalaika proses belajar. Pakar rujuk nyadi orang ti meratika Pengajar A lalu meri penemu. Pengawa ti bejalaika pelajar seharinya endang udah dilanggur semua pengajar dalam raban nya tadi lalu semina siku aja pengajar ti ngajar lalu pengajar ke bukai semina meratika seraya ke ngumpul data kena ngaga sara penemu. Riph ti keempat iya nya sesyen refleksyen. Sesyen refleksyen tu diektuai ulih ketua raban lalu betatika tuju pelajar sereta ngaga refleksyen sechara beraban. Riph ti kepenudi ebndar dalam LPS iya nya ngemanahka LNS enggau ngajar baru. Tuju sesyen sara penemu tu dikena ngemanahka LNS asil ari sesyen refleksyen ti digaga ba riph empat nya tadi.

Strategi ti kedua dalam *de-privatization of practice* iya nya menasan jalai pelajar (*learning walk*). Lewis, C. (2005) madahka menasan jalai pelajar tu iya nya bejalai ngelingi sekula sereta meratika pengajar bukai belajar. Pia mega, pengajar beratika aktiviti ti dipejalaika ba bilik darjah enggau ngena protokol tauka fokus ti spesifik. Menasan jalai pelajar dipejalaika nengah tiga iti riph ti nyengkaum netapka fokus ungkup perati, ngumpul kereban garuh nengah perati ba kelas enggau bekunsi data enggau semua pengajar di sekula. Fokus nya ulih ditteapka bepelasarka aspek perati dalam kelas '*observable focus*', dikenataika enggau terang bekait enggau ningkatka pelajar profesionalisme '*linked to professional learning*' enggau ngembuan guna ti bekait bendar enggau guna sekula '*linked to school priorities*'. Menasan jalai pelajar tu ulih dipunka dulu enggau berandauka pramerhatian '*pre-walk discussion*'. Tu beguna bendar dikena nentuka semua raban dalam menasan jalai pelajar meratika fokus, protokol enggau tuju, jadual kelas enggau garuh ti deka diulih maya nya. Perati ulih digaga ba Kelas 1 sepengelama 10 minit bepelasarka fokus ti udah dipesetujuka semua. Semua raban dalam menasan jalai pelajar enda diperansang berandau dalam kelas tang sida iya patut nyalin pengulih perati diri empu dalam pom ti udah disediaka. Randau Pasacaperati mega sebagai ari menasan jalai pelajar alai semua raban bekumpul baru ba siti palan ti udah dipesetujuka kena bekunsi sereta berandauka pengulih perati. Sepengudah nya baru bala pengajar tu bekunsi enggau bala pengajar ke bukai. Ketua menasan jalai pelajar tauka ketua panitia deka bekunsi pengulih enggau ngaga simpul sesyen '*Learning Walks*' maya baum di sekula.

Kelimpah ari nya, strategi patih serambau mega sebagai ari '*de-privatization of practice*'. Patih serambau siti ari strategi dikena ngemanahka kurikulum ari sukut strategi, teknik enggau penau pengajar dalam pelajar 'Hasbrouck, 1997'. Proses dalam patih serambau tu nyelampur dua tauka lebih patih serambau sama bela nunjukka amal semasa, pengerembai, ngaluska enggau ngaga penemu baru, bekunsi idea, ngajar pangan diri, bejalaika pansik dalam kelas. Pia mega Shullman (1991) dalam Shimahara, N.K. (1998) madahka patih serambau tu situasyen ti baru nyadika palan pengajar bekunsi peneleba ngajar sereta penemu pedagogi ba dalam kelas tang enda mejal. Strategi patih serambau tu dipejalaika sechara sistematik beratika pengajar bukai ngajar ngena '*cycle*'. Lima bengkah pekara ti patut dipetatika dalam '*cycle*' tu iya nya prakonferens, perati enggau pasca-konferens, merati enggau post-konferens. Dalam model tu, pengajar siku ngajar lalu coach enggau bala pengajar bukai semina beratika pengajar nya ngajar. Entara pekara ti ulih dirandauka maya prakonferensi iya nya topik, tuju, fokus, ngumpul data sereta ngaga simpul. Lalu ba perati dia dih mayuh bengkah chara ngumpul data maya sesyen coaching iya nya nyalin not, ngerikod, lis '*semak*', charta enggau '*jadual*' sereta gambar enggau visual. Pasacakonferensi tu mih alai coach minta pengajar ngaga tisih kediri empu bepelasarka pekara ti udah nyadi ba dalam kelas.

Nangkanka nya, strategi pengajar bekunsi penemu '*Teaching Sharing Sessions*' mega beguna dikena dalam elemen '*de-privatization of practice*'. Tu nunjukka seraban pengajar betemu lalu bekunsi peneleba ngajar ti pemadu manah (Stephens, Y. Ohara & T. Miyakawa, 2007) Bala pengajar tu tadi endang sigi semampai betemu enggau pangan diri. Ambika banding, sida iya betemu enggau pangan diri abis nadai tiga kali seminggu. Kebuah pia, ari ti betemu nya tadi mih sida bela ngenataika buah runding diri senentang pedagogi ti suah dikena dalam adar belaaajr enggau ngajar (BeN) dalam kelas. Pia mega, bala pengajar ti bukai mega ulih meri penemu diri senentang amal pelajar ti dikenataika siku-siku pengajar nya sekalika nya endang sigi manah sereta semitan dikena ngajar tauka enda. Enti nyema enda, sida ulih beduaka anak penemu dikena ngemanahka agi amal pelajar nya lalu enti manah, amal nya mih patut dipajuka ulih semua pengajar ti bukai. Taja pia, bala pengajar ti bukai nya anang tak semina bekenjing ari kungsi amal pelajar ari pengajar nya tang patut ngembuan gasa kediri empu ngemeranka peneleba nya lebuah sida iya ngajar dalam kelas.

SIMPUL JAKU

Disimpul ngena jaku pandak, Komuniti Belajar Profesional (PLC) tu siti ari gasa perintah ti chukup manah dikena nerenakka profesionalisme dalam siku-siku pengajar. Bala

pengajar meseti enggau naak ulih ngemujurka pekara tu ngambika objektif PLC tu ulih dijapai. PLC tu ukai semina beguna dikena bala pengajar ngemanahka strategi sida ngajar tang mega beguna ngambika chara ngenataika isi pelajar nya semitan ngagai nemiak rebak dudi.

PLC ukai semina ngemanahka chara pengajar ngajar bala nemiak tang mega sida ulih nambahka penemu diri senentang pedagogi ngajar. Tikas profesionalisme pengajar mega majak nyulut agi ari ke udah lalu enda semina bekenjing ari kereban ke bisi ba depan mata aja. Buah penemu ti dikunsi antara bala pengajar nya mih ti ulih ngempung mayuh lelemu nyadika malin dikena ngemanahka agi chara bejalaika adar belajar enggau ngajar ba dalam kelas. Pia mega PLC tu beguna bendar dikena napi chabar dalam pelajar ungup nemiak rebak dudi ketebal agi nemiak generasyen y tauka gen y. Tu mih ti negika anak penemu PLC tu endang mai segang kena ngatur aktiviti belajar enggau ngajar dalam kelas.

KEREBAN SANDING

- Baba, T. (2007). *Japanese Education and Lesson Study: An Overview*. Singapore: Isoda.
- Fernandez, C., & Yoshida, M. (2004). *Lesson Study: A Japanese Approach to Improving Mathematics Teaching and Learning*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Lewis, C. (2002). Does Lesson Study have a future in the United States. *Nagoya Journal of Education and Human Development*, (1), 1-23.
- Lewis, C. (2005). *How Do Teachers Learn During Lesson Study?* In P. Wang-Iverson & M. Yoshida (Eds.), *Building Our Understanding of Lesson Study*. Philadelphia: Research for Better Schools, 77-84.
- Norain Mohd Nor. (2016). *Praktikum: Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran, Amalan Terbaik Guru*. Kedah: Yusran Publishing House.
- Stephens, Y. Ohara & T. Miyakawa. (2007), *Japanese Lesson Study in Mathematics: Its Impact, Diversity and Potential for Educational Improvement*. Singapore: World Scientific Publishing, 2-7.

TRANSFORMASI PENDIDIKAN ABAD KE-21 MENINGKATKAN KREATIVITI PENGEMBANGAN PENGAJARAN MATEMATIK

Irene Sebi Jaraw, Nur Afeeqah Makrof, Narawi Abu Bakar, PhD

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak

Irene_sebi@yahoo.com, ieqamakrof@yahoo.com, narawiabubakar@yahoo.com

ABSTRAK

Kemampuan seseorang guru dalam menyampaikan pengajarannya adalah bergantung kepada kreativiti yang dimiliki. Kertas konsep ini menerangkan bagaimana Transformasi Pendidikan Abad ke-21 meningkatkan kreativiti atau kepelbagaian dalam teknik mengajar. Ia sudah pasti dapat menarik perhatian para pelajar khususnya pendekatan 4C (*communication, collaboration, critical thinking and Creativity*). Guru-guru yang kreatif merupakan pendidik yang boleh menstrukturkan pengalaman-pengalaman pelajaran untuk membolehkan perkembangan kreativiti di kalangan para pelajarnya selaras dengan KPA. Mereka (guru kreatif) boleh menunjukkan kefleksibelan dalam cara pemilihan pendekatan-pendekatan, strategi pengajaran atau pedagogi dalam menjalankan peranan mereka. Untuk menjadi seorang guru yang kreatif, penguasaan dalam membuat persediaan mengajar haruslah ada. Seseorang guru itu perlu mempunyai segala kemahiran khususnya dalam memahami isi pelajaran dan segala konsep yang hendak disampaikan kepada para pelajar. Selain itu, guru juga perlu mengenal latar belakang pelajar-pelajarnya agar dapat menyediakan alat bantu mengajar yang bersesuaian dengan kemampuan dan kebolehan pelajar-pelajar. Guru juga perlu mengetahui tahap pemikiran dan pengalaman pelajar. Di samping itu, penekanan juga haruslah diberi dalam teknik pengajaran kreatif seperti teknik menyoal, mewujudkan motivasi, membuat perkaitan dan penggunaan bahan manipulatif. Pendekatan kreatif dalam melaksanakan kerja kumpulan dan belajar diluar bilik darjah juga meningkatkan kreativiti guru dan pelajar. Penguasaan kemahiran belajar tersebut akan meningkatkan kefahaman, pemikiran, dan minat terhadap matapelajaran matematik. Dengan itu, untuk mengembangkan potensi serta meningkatkan keupayaan dan kebolehan pelajar-pelajar secara menyeluruh dan seimbang, para pelajar perlu dilibatkan secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Penglibatan setiap pelajar secara aktif pastinya dapat meningkatkan kefahaman, kemahiran, dan pemupukan nilai dengan lebih berkesan.

Kata kunci: Transformasi, kreativiti, 4C, KPA

ABSTRACT

The variety of teacher teaching methods are depending on his or her creativity. This paper explains how the 21st Century Education Transformation enhances creativity or diversity in teaching techniques. It is certainly able to attract the attention of students especially the 4C approach (*communication, collaboration, critical thinking and creativity*). Creative teachers are educators who can structure lessons learned to enable creative development among their students in line with the KPA. They (creative teachers) can demonstrate flexibility in the selection of approaches, teaching strategies or pedagogy in carrying out their roles. A teacher must mastering the abilities on producing the teaching aids. A teacher needs to have all the skills especially in understanding the contents of the lesson and all the concepts to be delivered to the students. In addition, teachers need to know the background of their students in order to provide teaching aids that are appropriate to the students' abilities and abilities. Teachers also need to know the level of thinking and experience of the students. In addition, emphasis should also be given in creative teaching techniques such as questioning techniques, creating motivation, linking and using manipulative materials. The creative approach in

carrying out group work and learning beyond the classroom also enhances the creativity of teachers and students. Mastering the learning skills will enhance understanding, thinking, and interest in mathematical subjects. With that, to develop the potential and enhance the ability and competence of students in a comprehensive and balanced manner, students should be actively involved in teaching and learning activities. The involvement of each student actively increases the comprehension, skills, and value-taking of the students effectively.

Keywords: Transformation, Creativity, 4C, KPA

PENGENALAN

Matematik sering menjadi subjek yang sukar dan kompleks untuk difahami oleh pelajar sekolah. Oleh yang demikian, guru juga mempunyai kesukaran untuk mengajar subjek Matematik bagi memudahkan murid memahami sesuatu subjek tersebut. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 berhasrat bahawa murid akan mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti rasional. Untuk memenuhi kehendak PPPM 2013-2025, murid perlu menguasai kemahiran kreativiti, inovasi dan kemahiran pendidikan abad ke 21 yang lain. Oleh yang demikian, guru perlu menerapkan unsur-unsur pendidikan abad ke 21 bagi memenuhi hasrat PPPM 2013-2025.

Masalah dari aspek pencapaian rendah dalam mata pelajaran sains dan matematik di negara kita telah menonjolkan kepentingan dan keperluan guru bagi mengajar secara kreatif untuk pencapaian aspirasi negara yang meningkat dalam mempersiapkan generasi muda kita agar berupaya bersaing pada peringkat global. (KPM, 2012). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2010 memberi penekanan untuk membangunkan modal insan yang kreatif dan inovatif bagi memenuhi keperluan Negara di abad ke-21. Pelaksanaan elemen kreativiti dan inovasi dalam pendidikan akan memangkin agenda transformasi Negara. Dalam konteks pendidikan, kreativiti dan inovasi saling bergandingan bagi memastikan kedua-dua proses tersebut dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P). Justeru, bidang pendidikan ini semakin memerlukan pendekatan terbaik yang mampu menghadapi gelombang alaf baru (Daud, 2012).

Kreativiti boleh ditafsirkan sebagai 'penghasilan idea'. Kebolehan seseorang untuk menghasilkan idea baru atau mengumpul idea adalah kebolehan kreatif. Idea baru ini boleh berupa idea mudah atau kompleks. Apabila seorang kanak-kanak memikirkan sesuatu idea, walaupun ianya idea nakal, kanak-kanak tersebut adalah seorang yang kreatif. Apabila seorang ahli sains pula yang menghasilkan sesuatu idea, beliau ditakrifkan sebagai melatih kreativiti. Oleh itu, kreativiti adalah suatu proses atau proses berfikir. Kreativiti dalam Bahasa Inggeris berasal dari perkataan 'create'. Apa yang 'dicipta' atau 'dihasilkan' adalah idea. (Yayasan Inovasi Malaysia, 2010).

PEMBELAJARAN ABAD KE 21

PAK 21 atau lebih dikenali sebagai pembelajaran abad ke 21 adalah sebarang pembelajaran yang melibatkan 4 kemahiran iaitu Communication, Collaboration, Creativity dan Critical Thinking. Keberkesanan pembelajaran abad ke 21 ini bukan sekadar tertumpu pada prasarana dan susun atur bilik darjah tetapi penentu utama kejayaan adalah aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid bukan berpusatkan guru, Guru perlu menjadi pemudahcara kepada murid dalam sesuatu aktiviti di dalam kelas (Tuan Naufal Tuan Khaled, 2017).

Warga pendidik perlu mempersiapkan diri dengan Kemahiran Terkini dalam Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21 kerana mereka adalah jentera pelaksanan untuk segala dasar-dasar yang dirancang oleh kerajaan. Terdapat 10 ciri pembelajaran abad ke 21 iaitu berpusatkan pelajar, penggunaan komputer, pembelajaran aktif, pembelajaran

kendiri, persekitaran yang kondusif, pelajar faham dan mematuhi arahan, saling hormat menghormati, pelajar bertanggungjawab terhadap pelajaran mereka, penilaian berasaskan pencapaian dan pembelajaran kolaboratif.

Guru perlu memastikan kaedah yang sesuai dengan menggunakan kreativiti sedia ada pada untuk memastikan kaedah yang sesuai perlu diserapkan ke dalam aktiviti murid dalam subjek Matematik bagi memastikan pengajaran abad ke-21 dapat dijalankan. Guru tidak semestinya menggunakan kemudahan ICT untuk menjalankan pembelajaran abad ke-21 ini. Guru boleh menggunakan apa sahaja kaedah tetapi ktiviti itu mestilah berpusatkan guru.

Guru juga perlu sentiasa melatih murid menjawab soalan berbentuk KBAT bagi melatih pemikiran kreatif dan kritis murid. Kaedah penyoalan juga haruslah kreatif supaya murid lebih tertarik untuk menjawab dan tidak merasakan soalan yang diajukan itu susah. Pendidikan Abad ke 21 merupakan satu penanda aras yang sangat hebat dalam dunia pendidikan negara.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk melihat transformasi pembelajaran abad ke 21 meningkatkan kreativiti dalam pengajaran Matematik. Dengan menggunakan kaedah yang pebagai pada ciri-ciri PAK 21, bagaimana guru mampu meningkatkan kreativiti mengajar mereka sekali gus mendidik murid untuk memenuhi hasrat PPPM 2013-2025.

PENGAJARAN KREATIF

Mengajar adalah satu ilmu yang disampaikan kepada yang lain, manakala kreatif pula adalah kemahiran unik, lain daripada yang lain, sesuatu hal yang luar dari kebiasaan. Dalam pengajaran kreatif, murid dan guru perlu sama-sama mempunyai pemikiran yang kreatif.

Kreativiti atau imaginasi adalah salah satu mekanisma yang asas dalam perkembangan ilmu pengetahuan yang baru bagi kanak-kanak (Vygotsky, 2004, 1967). Oleh yang demikian, tidak hairanlah kreativiti amat penting dalam pembelajaran. Menurut Beetlestone (1998), mengajar secara kreatif dapat meningkatkan kualiti pendidikan. Ia dapat menghasilkan pembelajaran yang lebih bermakna dan membuka pintu kepada pelbagai kaedah yang menarik dalam melaksanakan kurikulum di dalam bilik darjah.

Seseorang guru yang menguasai pemahaman sesuatu konsep dan fleksibel terhadap jenis pengajaran yang dilaksanakan dikatakan adalah kreatif. Bagi pengajaran subjek Matematik, dengan mempunyai kelengkapan seperti ABM dan guru tersebut dapat memaksimumkan penggunaan ABM tersebut, ianya telah memadai bagi pengajaran Matematik.

Pengajaran kreatif adalah pengajaran yang menggunakan semaksima masa yang ada bagi memahamkan konsep terhadap murid, melibatkan murid secara aktif dan pengajaran yang dilaksanakan lebih kepada berpusatkan pelajar, Kreativiti guru yang sedia ada daripada pengalaman-pengalaman yang lepas dan dapat diaplikasikan serta diinovasikan berulang kali adalah teknik mengajar yang boleh diterima pelajar.

RUJUKAN

- Beetlestone, F. (1998). *Creative Children, Imaginative Teaching*. Buckingham: Open University Press.
- Daud, I. (2012). Membudayakan Pemikiran Kreatif dan Inovatif melalui Kepelbagaian Kaedah Pengajaran Bahasa. In A. R. A. Rahman & M.S. Rahamad (Eds.) *Inovasi dan Kreativiti Menjana Tranformasi Pendidikan, Idea P&P Guru Cemerlang* (1st ed., pp. 115–128). Penerbitan MGCM.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2008). *Kreativiti dan Inovasi*. Diperolehi daripada <https://afiqekie.files.wordpress.com/2013/12/kreativiti-dan-inovasi.pdf>

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Ket Lee Lian, Jacinta Johnny, Yeoh Chew Lan (2013). *Tahap Kreativiti Siswa Guru Bagi Penghasilan Set Induksi dalam Pengajaran Matematik*. Diperoleh daripada https://www.researchgate.net/publication/261562450_Tahap_Kreativiti_Siswa_Guru_bagi_Pelaksanaan_Set_Induksi_dalam_Pengajaran_Matematik
- Vygotsky, L. S. (2004, 1967). Imagination and Creativity in Childhood. *Journal of Russian and east European Psychology*, vol. 42, no. 1. January –February 2004, pp. 7-97

KETERAMPILAN ABAD KE-21: KETERAMPILAN YANG DIAJARKAN MELALUI PEMBELAJARAN TERHADAP GURU PELATIH

Narawi Abu Bakar, PhD

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak
narawiabubakar@yahoo.com

ABSTRAK

Artikel ini mengetengahkan kajian yang dijalankan bagi menuntut berbagai keterampilan yang harus dikuasai seseorang guru. Pensyarah diharapkan dapat mempersiapkan guru pelatih untuk menguasai berbagai keterampilan tersebut agar menjadi guru yang berjaya. Keterampilan-keterampilan penting di abad ke-21 masih sesuai dengan empat prinsip kehidupan yang meliputi *learning to know*, *learning to do*, *learning to be* dan *learning to live together*. Empat prinsip tersebut masing-masing mengandung keterampilan khusus yang perlu diintegrasikan dalam kegiatan belajar, seperti keterampilan berfikir kritis, menyelesaikan masalah, metakognisi, keterampilan berkomunikasi, berkolaborasi, inovasi dan perbagai keterampilan lain. Pencapaian keterampilan abad ke-21 tersebut dilakukan dengan memperbaiki kualiti pembelajaran, membantu guru pelatih mengembangkan potensi menyesuaikan personaliti guru pelatih, menekankan pada pembelajaran menyelesaikan masalah, mendorong kerjasama dan komunikasi, meningkatkan keterlibatan dan motivasi guru pelatih, membudayakan kreativiti dan inovasi dalam belajar, mereka aktiviti belajar yang relevan dengan dunia nyata, dan mengembangkan pembelajaran *student-centered*. Perbagai keterampilan abad ke-21 harus diajarkan secara eksplisit. Kesimpulan, pembelajaran abad ke-21 memiliki prinsip asas bahawa pembelajaran harus berpusat pada pelajar, bersifat kolaboratif, kontekstual, dan terintegrasi dengan masyarakat. Peran guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21 sangat penting dalam mewujudkan masa depan anak bangsa yang lebih baik.

Kata-kata kunci: Keterampilan Abad ke-21, Pembelajaran, Berfikir kritis

ABSTRACT

Life in the 21st century demands a variety of skills that must be mastered by a teacher. It is expected that lecturer can prepare the teacher trainers to master the various skills in order to become a successful teacher. Essential skills in the 21st century are still consistent with the four life principles that include learning to know, learning to do, learning to be and learning to live together. The four principles each contain specific skills that need to be empowered in learning activities, such as critical thinking skills, problem solving, metacognition, communication skills, collaboration, innovation and other skills. The achievement of 21st century skills is done by updating the quality of learning, helping the teacher trainer develop the potential to customize the teacher trainer's personality, emphasizing problem-solving learning, encouraging cooperation and communication, increasing involvement and motivation of teacher trainers, cultivating creativity and innovation in learning, creating learning activity that is relevant to the real world, and developing student-centered learning. The various skills of the 21st century should be explicitly taught. In conclusion, 21st century learning has a principle that learning should be student-centered, collaborative, contextual, and integrated with the community. The role of teachers in implementing the learning of the 21st century is very important in realizing the future of a better nation.

Key Words: 21st Century Skills, Learning, Critical Thinking

PENGENALAN

Kemahiran abad ke-21 menjadi topik yang hangat dibincangkan sejak kebelakangan ini. Tanggapan berbeza dari setiap individu. Seseorang menganggapkannya dengan serius, ada yang bertindak balas dengan cara biasa, dan ada yang tidak menjawab. Adakah kita mempunyai pemahaman yang cukup tentang kemahiran abad ke-21? Adakah kita sudah memahami bagaimana pembelajaran yang sesuai untuk mempersiapkan generasi menguasai kemahiran abad ke-21? Adakah kita tahu apa yang perlu dilakukan mengikut kemampuan dan kapasiti kita sebagai guru dan guru pelatih? Mudah-mudahan artikel memberi idea mengenai perkara-perkara ini.

Kajian yang dilakukan Trilling dan Fadel (2009) menunjukkan bahwa pelajar sekolah menengah, diploma dan pendidikan tinggi masih kurang mahir dalam hal: (1) komunikasi lisan mahupun bertulis, (2) berfikir kritis dan mengatasi masalah, (3) etika kerja dan profesionalisme, (4) bekerja secara berkumpulan dan berkolaborasi, (5) bekerja di dalam kelompok yang berbeza, (6) menggunakan teknologi, dan (7) kemahiran projek dan kepemimpinan. Kini, kayu ukur keberhasilan lebih didasarkan pada kemampuan untuk berkomunikasi dan menggunakan informasi untuk menyelesaikan masalah yang kompleks, dapat menyesuaikan dan berinovasi dalam tuntutan baru dan mengubah keadaan, dan memperluas penggunaan teknologi untuk menciptakan pengetahuan baru.

